

*Alor Setar  
250 Tahun*



*Gambar kulit luar menggambarkan suasana kemeriahan perkahwinan diraja pada tahun 1904. Majlis ini diadakan secara besar-besaran dan berlangsung selama 3 bulan kerana perkahwinan 5 putera dan puteri Almarhum Sultan Abd. Hamid. Orang ramai kelihatan sedang berbaris untuk berarak dari Pengkalan Kapal ke Balai Besar. Di hadapan sekali ialah persembahan dari penghulu-penghulu dan rakyat dari daerah Kota Setar.*

APW 730693 M  
959-5112  
ALO

Cetakan Pertama 1990  
© Kerajaan Negeri Kedah Darulaman 1990

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darulaman. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

*Alor Setar 250 tahun*  
ISBN 983-99666-1-8  
ISBN 983-99666-1-x (kkt.)

1. *Kedah - History*
2. *Kedah - Politics and government 959.5112*

Data-Mengkatalog-Dalam-Penerbitan

Dicetak oleh  
Percetakan UPCAS Sdn. Bhd.  
No. 43, 45 & 47, Seberang Jalan Putera,  
05150 Alor Setar, Kedah Darulaman.

NASKAH PEMULIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

17 MAY 1996



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibuddin  
Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah**  
D.K., D.K.H., D.K.M., D.M.N., D.U.K., D.K. (Kelantan), D.K. (Pahang), D.K. (Selangor), D.K. (Perlis),  
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Johor), D.K. (Terengganu), D.K. (Perak), D.P. (Sarawak),  
S.P.M.K., S.S.D.K., D.H.M.S.

**Sultan Negeri Kedah Darulaman**



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Tuanku Hajah Bahiyah binti Almarhum Tuanku Abdul Rahman  
D.K., D.K.H., D.M.N., D.K. (Johor), S.P.M.K.  
Sultanah Negeri Kedah Darulaman**

# KANDUNGAN

Perutusan

i

Prakata

ii

Pendahuluan

iii

Pusat-pusat Pentadbiran Kedah Darulaman  
Dari Bukit Meriam Ke Kota Setar  
*Hj. Wan Shamsuddin Mohd. Yusof*

1

Negeri Terbuka Dagangan Murah  
*Ismail bin Haji Saleh*

13

Perang Saudara Di Kedah  
*Raja Ali Al-Haji Riau*

19

The Coinage Of Kedah  
*Mohammed Kassim bin Haji Ali  
William Shaw*

25

Two Malay Letters Written by  
Sultan Muhammad Jiwa Muazzam Shah  
of Kedah to Captain Francis Light  
*Russell Jones*

30

The Lease of Kuala Kedah

*R. Bonney*

**46**

Hukum Kanun Kedah  
Satu Penelitian Mengenai Hukum Kanun

Dato' Kota Setar

*Haji Wan Shamsuddin Mohd. Yusof*

**55**

Kedah Dalam Tahun 1851:  
Zaman Pemerintahan Sultan Zainal Rashid I

*Ahmad Haji Saleh*

**63**

Kedah in the Reign of Sultan Ahmad Tajuddin II  
(1854-1879)

*J.M. Gullick*

**72**

Alor Setar 1883  
(based on the description of a French missionary  
who visited Alor Setar in 1883)

*James Augustine*

**91**

Kedah, Setul and Perlis:  
Seventy Years Ago Skeat's Reminiscences of Visits

*Dato' Wan Ibrahim Wan Soloh*

**95**

Memories of the First British Adviser, Kedah  
*Sir George Maxwell K.B.E., C.M.G.*

**103**

The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government  
for the year 1327 A.H.  
(23rd. January 1909 – 12th. January 1910)  
*Sir George Maxwell*

**111**

Kedah Stamp  
*Abd. Hamid Azmi*

**124**

Alor Setar Dari Kaca Mata Wartawan  
*Zain Ariff, Ibrahim Yaakub, Zaaba*

**127**

Implikasi Pemerintahan Jepun  
*Mohd. Yusof Hassan*

**146**

Tunku Saves Alor Setar  
*Tan Sri Dato' Haji Mubin Sheppard*

**153**

Sejarah Lisan Administrasi Thai di Kedah  
*Mohd. Fadzil Hashim*

**161**

Penubuhan dan Pergerakan Politik Melayu  
Negeri Kedah 1945-1955  
*Azmi Saad*

**169**

Moving Frontiers Of Agricultural Settlement  
In 18th. And 19th. Century Kedah  
*Che Zaharah Hj. Mahmud*

**194**

Penanaman Padi di Kedah:  
Sejarah Peranan Dalam Ekonomi Negeri Kedah  
*Dr. Afifudin Hj. Omar*

**202**

Pasar Perniagaan Orang-orang Melayu di Tanjung Chali  
*Tempawan Ahmad*

**214**

Sejarah Pendidikan Inggeris dan Pelajaran Tinggi Di Kedah  
*Dato' Ahmad Nordin Hj. Mohd. Zain*

**223**

Sejarah Maktab Mahmud  
*Halimah Desa*

**242**

Sejarah Pembinaan Jalan Keretapi Negeri Kedah  
*Salim Nabijan*

**254**



## PERUTUSAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pensejarahan/Buku Kenangan yang telah berjaya melahirkan sebuah buku berkenaan sejarah bandar Alor Setar sempena perayaan 250 tahun bandar Alor Setar.

Adalah menjadi hasrat dan cita-cita pihak Kerajaan Negeri menerbitkan seberapa banyak yang boleh buku-buku yang ada kaitan dengan kepentingan Sejarah Kedah Darulaman. Sungguhpun Kedah adalah sebuah negeri tertua di Malaysia tetapi buku-buku yang diterbitkan berkenaan sejarahnya ternyata amat kurang sekali sehingga generasi sekarang beranggapan bahawa sejarah tanahair kita bermula daripada pembukaan Melaka. Kekurangan bahan-bahan bertulis ini menyebabkan kita tidak mengetahui sejelas-jelasnya keadaan Kedah pada zaman dahulu.

Oleh itu adalah bertepatan sekali sempena perayaan ulangtahun 250 tahun bandar Alor Setar sebuah buku diterbitkan bukan sahaja untuk memperingati peristiwa bersejarah ini tetapi juga buku ini dapat memberi maklumat dan pengetahuan yang tidak ternilai harganya.

Saya difahamkan pihak jawatankuasa ini telah cuba memasukkan gambar-gambar lama yang belum dilihati umum dan juga dokumen-dokumen yang belum pernah diketengahkan.

Ini tentu sahaja akan memberi faedah yang besar kepada pembaca dan juga memberi satu galakan dan minat kepada mereka untuk meninjau ke tempat sejarah yang tersebut di dalam buku ini.

Dato' Seri Hj. Osman bin Hj. Aroff,  
SSDK, DHMS, JMN, JP.  
Menteri Besar Negeri Kedah Darulaman.

## PRAKATA

Usaha menerbitkan sebuah buku sejarah seperti ini bukanlah satu perkara yang mudah kerana ianya banyak memerlukan pertolongan dan kerjasama dari beberapa pihak tertentu.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak yang terlibat yang telah memberi kerjasama dan khidmat bakti dari segi tenaga, buah fikiran dan sebagainya kepada usaha menjayakan penerbitan buku ini.

Buku ini bukanlah sebuah buku yang dianggap sebegitu lengkap menceritakan keseluruhan sejarah Alor Setar. Adalah sesuatu yang mustahil bagi buku ini untuk mencakupi sejarah perkembangan yang menjangkau 250 tahun.

Walau bagaimanapun pihak Jawatankuasa ini telah cuba menyatukan gambar-gambar bersejarah, dokumen-dokumen penting yang dapat dijadikan panduan bagi pengkajian yang lebih mendalam.

Akhir sekali saya berharap penerbitan buku ini adalah suatu usaha positif untuk mengekal kecemerlangan Sejarah Kedah Darulaman. Saya berharap buku ini dapat dimiliki dan dibaca oleh segenap lapisan masyarakat terutama mereka yang menyintai sejarah bangsanya.

Sekian.



Dato' Hj. Zakaria bin Said, DSDK, SMK, AMN, PJK.  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Kedah Darulaman  
merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa  
Perayaan Ulang Tahun Alor Setar 250 Tahun.

## PENDAHULUAN

**B**uku Alor Setar 250 Tahun ini adalah merupakan kumpulan artikel yang dipetik daripada majalah, buku, kertas kerja, buku cenderamata, tesis, akhbar yang secara teliti dipilih untuk dicetak semula. Artikel ini ditulis oleh pengarang-pengarang sejarah yang cukup terkenal seperti Logan, Skeat dan Gullick.

Sejarawan tempatan Tan Sri Mubin Sheppard, R. Bonney, Dato' Augustine, Dato' Wan Ibrahim, Ismail Hj. Saleh, Hj. Wan Shamsuddin Yusof juga turut dipilih. Agak istimewa di sini ialah dua artikel yang ditulis oleh Ibrahim Yaakub dan Pendita Za'aba ketika melawat Kedah pada tahun 1940-an. Sumbangan mereka ini memberi pengetahuan khususnya bagi generasi akan datang.

Untuk mengekalkan keaslian artikel ini supaya ianya tepat artikel-artikel di dalam bahasa Inggeris dikekalkan. Susunan artikel ini disusun mengikut urutan peristiwa. Adalah sesuatu yang mustahil bagi buku ini untuk merangkumi sejarah perkembangan Alor Setar selama 250 tahun. Walau bagaimanapun jawatankuasa ini amat teliti memilih artikel supaya merangkumi pelbagai bidang perkara supaya buku ini sedikit sebanyak menyentuh aspek-aspek penting Alor Setar. Kami amat bernasib baik kerana daripada catatan-catatan pengembara-pengembara barat mengandungi kisah sejelas-jelasnya keadaan-keadaan di Negeri Kedah khususnya Alor Setar. Dari segi sejarah catatan ini menjadi satu dokumen yang penting kerana daripadanya kita beroleh pengetahuan-pengetahuan sezaman yang jelas mengenai Alor Setar dari istana raja sampailah ke pasarnya.

J.R. Logan, seorang pengarang Inggeris telah belayar ke Kedah pada tahun 1851. Kisah pelayarannya telah disiarkan di dalam majalah *Journal Of Indian Archipelego and Eastern Asia* jilid 5, 1851. Dalam tahun 1883 seorang mubaligh Perancis telah melawat Alor Setar dan telah menulis tentang keadaan Alor Setar. W.W. Skeat bersama dengan ekspedisi dari Universiti Cambridge telah melakukan lawatan ke Alor Setar pada tahun 1899. Catatan penuh ekspedisi ini telah disiarkan di dalam *JMBRAS* jilid XXVI, 1953. Sir George Maxwell, penasihat Inggeris yang pertama ke Kedah telah menulis tentang pengalaman beliau ketika berkhidmat di Kedah. Zain Ariff di dalam halaman '*Secebis Kenangan*' yang disiarkan di dalam *Dewan Sastera* telah menulis tentang kenangan beliau berkenaan Alor Setar pada tahun-tahun 1920-an, 1930-an dan 1940-an. Ibrahim Yaakob, wartawan akhbar *Majlis* telah dihantar oleh akhbar beliau untuk meninjau keadaan Tanah Melayu pada tahun 1940-an. Catatan beliau berkenaan lawatan beliau ke Alor Setar telah disiarkan di dalam buku '*Melihat Tanah Air*'. Wartawan-wartawan syonan telah dihantar oleh Pejabat Da'ayah Besar Syonan ke serata negeri di Malaya untuk memerhati keadaan selepas perang. Salah seorang daripada wartawan itu ialah Za'aba yang menulis di atas tajuk '*Pemandangan Saya*' di dalam akhbar *Fajar Asia*.

Selain daripada catatan-catatan perjalanan ini buku ini juga memuatkan artikel-artikel berkenaan pendidikan, ekonomi, zaman pemerintahan Jepun dan Thai, politik, undang-undang, matawang, setem dan laporan tahunan.

Sebahagian daripada artikel ini dipetik daripada *Kedah Dari Segi Sejarah*. Lain-lain sumber ialah daripada *JMBRAS, Malaysian In History, The Gate, Fajar Asia, Matsuoi, Geographica, Jebat dan Dewan Sastera*. Latihan ilmiah yang telah diambil sebahagian daripadanya ialah Pekan Rabu dari segi sejarah. Kertas-kertas kerja daripada *Konvensyen Sejarah Kedah* dan petikan-petikan daripada buku '*Melihat Tanah Air*' dan '*Kedah 1771-1821*'.

Menerbitkan sebuah buku sejarah ini bukanlah satu perkara yang mudah kerana ianya banyak memerlukan pertolongan dan kerjasama dari beberapa pihak tertentu. Di sini saya sebagai penyusun ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pengarang yang memberi keizinan untuk menerbit semula artikel mereka. Juga kepada pihak penerbit yang membenarkan petikan-petikan daripada buku terbitan mereka.

Susunan buku ini bukan sahaja mementingkan petikan artikel, tetapi juga gambar-gambar dan dokumen-dokumen. Sumber utama ialah Muzium Negeri Kedah Darulaman dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah Darulaman/Perlis dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah Darulaman. Selain daripada itu pihak kami juga mendapat gambar daripada orang perseorangan dan pertubuhan-pertubuhan. Untuk memudahkan bagi pembacaan buku ini pihak kami telah memasukkan bibliografi bagi memudahkan pembaca membuat rujukan.



Hajah Mazizah bt. Hj. Md. Darus, BCK.  
Pengerusi,  
Jawatankuasa Pensejarahan/Buku Kenangan  
Alor Setar  
Kedah Darulaman  
Malaysia  
April 1990.

Pusat-pusat Pentadbiran Kedah Darulaman  
Dari Bukit Meriam Ke Kota Setar.

Haji Wan Shamsuddin Mohd. Yusuf

*"Kesan dan peninggalan kota-kota dan pusara lama, surat-surat rasmi dan artifek-artifek melukiskan proses kemajuan dan kemegahan serta kestabilan politik, sosial dan ekonomi sepanjang masa yang dilalui dalam sejarah kesultanan Kedah selama 855 tahun."*

**Z**aman pengaruh kebudayaan Hindu-Buddha di Kedah mula berakhir pada abad ke-12 apabila Islam mula bertapak di negeri ini. Sejak tahun 1136 sehingga kini iaitu selama kira-kira 855 tahun, Kesultanan Kedah mengandungi 27 orang sultan yang berkisar kepada 8 buah pusat pemerintahan. Ini bermakna Kesultanan Kedah merupakan satu-satunya kesultanan paling tertua di Semenanjung ini.

Sejak awal lagi sejarah telah membuktikan bahawa Kedah mempunyai wilayah dan jajahan takluk yang luas. Di samping Kayang (Perlis), kawasannya menjangkau jauh di utara sepanjang pesisir barat wilayah Setul hingga ke Kuala Bara. Di selatannya pula mencakupi Pulau Pinang dan Seberang Perai malah suatu ketika ianya meliputi kawasan Kerian hingga ke Kuala Kurau dalam negeri Perak.

Dari beberapa pusat pemerintahan yang saling bertukar ganti itulah pelbagai peristiwa penting telah berlaku. Ini termasuklah hubungan politik dan perdagangan dengan kuasa-kuasa luar dan tempatan, peristiwa-peristiwa perang, kebangkitan awal wira Melayu Kedah menentang pencerobohan luar pada awal abad ke-19 dan pelbagai peristiwa lagi.

Kebanyakan peristiwa-peristiwa ini meninggalkan kesan yang masih dapat disaksikan hingga ke hari ini. Antaranya seperti peninggalan kota-kota dan pusara lama, teks penulisan lama bercorak sastera-sejarah atau historiografi, surat-surat rasmi dan juga artefak-artefak lain yang ditemui setakat ini. Kesan dan peninggalan ini juga melukiskan proses kemajuan dan kemegahan serta kestabilan politik, sosial dan ekonomi sepanjang masa yang dilalui dalam sejarah Kesultanan Kedah selama 855 tahun yang lalu.

## 1. KOTA BUKIT MERIAM, 1136–1236

Kesultanan Kedah bermula di Bukit Meriam yang terletak dalam Daerah Kuala Muda. Raja pertama memeluk Islam memakai gelaran Sultan Al-Mudza'ffar Shah (1136–1179). Terdapat 4 orang sultan yang bersemayam di sini.

Syaikh Abdullah Yamani dari Arab Selatan adalah orang yang bertanggungjawab mengislamkan Kedah dan beliaulah menamakan negeri ini sebagai Kedah Darulaman.

Zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah iaitu Sultan Kedah yang ke-3 (1201–1236), duit emas pertama telah diterbitkan. Tercatat nama baginda pada duit itu iaitu 'Muhammad Shah' dan juga perkataan 'Al-Sultan Al-Adil'.

## 2. KOTA SUNGAI EMAS, 1236–1323

Pusat pemerintahan ini diasaskan oleh Sultan Muzzil Shah pada tahun 1236. Baginda adalah Sultan Kedah yang keempat (1236–1280).

Zaman ini perniagaan mula berkembang. Sekitar kawasan Gunung Jerai dan pinggir Sungai Merbuk mula didiami orang.

Zaman Sultan Mahmud Shah (1280–1321) baginda telah mengasaskan Kota Siputih (Daerah Kubang Pasu) dan Kota di Hulu Sungai Merpah (dalam Pulau Panjang, wilayah Setul) sebagai pusat pertahanan di utara.

Pada awal abad ke-19, sebuah kota dan istana telah dibina di pekan Kota Kuala Muda tidak jauh dari Kampung Sungai Emas. Raja Muda Kedah waktu itu iaitu Tunku Ibrahim pernah bersemayam di situ. Apabila mangkat beliau dimakamkan di Kampung Langgar, Sungai Emas. Istana ini juga pernah diduduki oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (Marhum Melaka).



Pintu Gerbang Kota Kuala Muda.  
(Gambar: Muzium Negeri Kedah)

### 3. KOTA SIPUTIH, 1323–1626

Kota ini dibina pada tahun 1323 dan terdapat 8 orang sultan pernah bersemayam di sini. Kampung Siputih terletak di barat pekan Padang Sera dalam Daerah Kubang Pasu.

Zaman Sultan Mahmud Shah II (1506–1546) iaitu Sultan yang ke-10, baginda mula menerbitkan matawang baru yang diberi nama tera, pitis, kupang (kepeng), jempal dan rial. Baginda juga pernah melakukan kunjungan hormat ke istana Melaka yang waktu itu diperintah oleh Sultan Mahmud Shah (1488–1511).

Zaman Sultan Sulaiman Shah II (1602–1626) Kedah diancam dan diserang oleh Aceh kerana persaingan dalam perdagangan lada. Baginda dan permaisurinya tertawan dan mangkat di sana.

### 4. KOTA NAGA, 1626–1654

Letaknya kira-kira 20 kilometer dari Alor Setar, dalam Daerah Kubang Pasu. Ianya diasaskan oleh Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1626–1651), Sultan yang ke-13.

Zamannya, hubungan perdagangan dengan Belanda di Melaka dan Betawi (Jawa), juga dengan India (Koromandel dan Bengkulu) sangat erat. Kedah banyak mengeksport timah dan gajah. Malah daerah Naga waktu itu merupakan pusat menangkap dan menjinak gajah.

Sultan Rijaluddin merupakan pemerintah Kedah yang pertama menerbitkan 'Undang-Undang atau Hukum Kanun Kedah' pada tahun 1650. Terdapat dua orang sultan yang pernah bersemayam di sini.

### 5. KOTA SENA, 1654–1664

Letaknya dalam Mukim Sena, tidak jauh dari bandar Kangar, Perlis. Ketika itu Perlis masih sebahagian daripada Kedah.

Kota ini diasaskan oleh Sultan Muhyiddin Mansor Shah (1651–1661), Sultan ke-14. Terdapat 2 orang sultan yang pernah memerintah di sini. Zaman ini hubungan perdagangan dengan Belanda mengenai timah, emas dan gajah diteruskan.

Sengkita telah berlaku di antara kedua pihak kerana kegagalan Belanda mewujudkan dasar monopoli timah di Kedah. Akibatnya mulai tahun 1659 Belanda cuba mengepung kuala-kuala sungai di Kedah yang menggendalakan perdagangan untuk sementara waktu.

### 6. KOTA INDERA KAYANGAN, 1664–1687

Terdapat di tepi Sungai Perlis di antara bandar Kangar dengan Kuala Perlis. Ianya diasaskan oleh Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I (1661–1687). Sebuah lagi kota dan istana dibina di Bukit Pinang tempat semayam Raja Muda.

Zaman ini angkatan Bugis cuba menyerang Kedah disebabkan soal perantikan Raja Muda tetapi gagal. Selepas kemangkatan baginda (1687), pusat pemerintahan ini diabaikan tetapi kembali berfungsi apabila Tunku Dhiauddin menjadi sultan bergelar Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II (1797–1804).

### 7. KOTA BUKIT PINANG, 1687–1735

Mula diasaskan dalam tahun 1664 dan terdapat 4 orang sultan yang pernah memerintah di sini. Zaman Sultan Abdullah Muadzam Shah (1698–1706), Sultan yang ke-17, adindanya Tunku Ibrahim dilantik sebagai Raja Muda.

Tunku Ibrahim bersemayam di Kota Limbong yang terletak kira-kira 9 kilometer dari Alor Setar. Zaman itu Limbong menjadi pelabuhan terpenting. Beliau juga ditugaskan membina Makam Diraja di Langgar.

## 8. KOTA SETAR/ALOR SETAR, 1735 HINGGA KINI

Pusat pemerintahan terakhir ialah Kota Setar yang kemudiannya dikenali sebagai Alor Setar telah diasaskan pada tahun 1735. Sehingga kini terdapat 10 orang sultan yang bersemayam di sini. Berikut ini diperturunkan beberapa orang sultan dan peristiwa-peristiwa penting yang pernah berlaku di zaman mereka.

### A. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah II, 1710-1778

Sultan yang ke-19 yang pernah mengembara kerana menuntut pelajaran Ugama Islam di Sumatera, Jawa dan India. Dalam tahun 1735 baginda memindahkan pusat pemerintahan dari Kota Bukit Pinang ke Kota Setar. Baginda membina kota dan istana, balai besar dan balai nobat.

Baginda menetapkan penggunaan matawang baru seperti saga, jempal, emas, rial atau paha dan tahlil. Juga ukuran tanah seperti hasta, tali, jemba, penampang, petak dan relung.

Zamannya Kedah diancam oleh Bugis dalam tahun 1723 dan 1770 menyebabkan hubungan rapat bermula di antara Kedah dengan Syarikat Ingeris Hindia Timur. Baginda mangkat dalam tahun 1778, merupakan pemerintah Kedah yang paling lama di atas takhta iaitu selama 68 tahun.

### B. Sultan Abdullah Mukarram Shah, 1778-1797

Sultan yang ke-20. Adindanya pernah menjadi Raja Muda iaitu Tunku Dhiauddin, bersemayam di Kota Indera Kayangan.

Zamannya, Siam mula mengancam Kedah dan baginda membenarkan Kapten Francis Light bagi pihak Syarikat Hindia Timur menduduki Pulau Pinang (1786). Baginda juga membina semula kota Kuala



Pintu gerbang Kaca Puri Kota Kuala Kedah yang dibina pada tahun 1780 di zaman Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1797).

Kedah dengan menggunakan tukang-tukang bata dari India yang diketuai oleh Syaikh Abdul Jalil (Dato' Maharaja Kadhi) yang juga ditugaskan membuat pelan kota itu.

### C. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II, 1797-1804

Baginda pernah menjadi Raja Muda Kayang dan Setul yang kemudiannya memangku takhta kerana putera sulung kekandanya iaitu Tunku Ahmad Tajuddin (Tunku Pangeran) masih kecil. Baginda bersemayam di Kota Indera Kayangan.

Pada tahun 1800, baginda membenarkan Syarikat Hindia Timur menduduki Seberang Perai.



Bangunan asal Balai Besar dibina pada zaman pemerintahan  
Sultan Muhammad Jiwa Adilin Muadzam Shah II (1710–1778)  
(Muzium Negeri Kedah)



Rumah Pelamin  
(Arkib Negara Malaysia)



Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I (1804–1843)  
(Muzium Negeri Kedah)

#### D. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I, 1804—1843

Sultan yang ke-21. Pada zaman awal pemerintahannya timbul sengkita perebutan kuasa tetapi dapat ditamatkan melalui bantuan Siam (1808). Baginda tetap kekal sebagai Sultan, Tunku Ibrahim sebagai Raja Muda dan menguasai lembah Sungai Muda manakala Tunku Bisnu diberi kuasa memerintah Setul 'Mambang Segara'.

Zamannya, Kedah diserang dan ditawan oleh tentera Ligur/Siam. Baginda yang sedang bersemayam di Kota Kuala Muda sempat mendapatkan perlindungan Inggeris di Pulau Pinang (1821). Akibat Perjanjian Burney (1826) baginda terpaksa berhijrah ke Melaka. Serangan-serangan dari darat dan laut berterusan untuk membebaskan kembali Kedah.

Serangan-serangan yang dipimpin oleh Tunku Kudin, Tunku Sulaiman dan oleh baginda sendiri dari Melaka telah digagalkan oleh Siam dan Inggeris.

Tunku Muhammad Saad, sepupu baginda telah berjaya membentuk angkatan perang Kedah yang kuat seramai 10 ribu orang, berhasil menduduki semula Kedah dalam tahun 1838. Bersama Tunku Muhammad Akib dari Setul, Dato' Pekerma Ali dari Langkawi dan juga ulama terkenal, Syaikh Abdul Samad Palembang, angkatan Kedah mara ke Patani, Haadnyai dan Singgora, tetapi dapat diundurkan oleh Siam dan sekutunya Inggeris. Syaikh Abdul Samad terkorban dalam pertempuran itu.

Tunku Anum kemudiannya berjaya mendapatkan kembali Kedah dari Raja

Ligur melalui satu tindakan yang bijak dan berani. Beliau menjemput Sultan Ahmad Tajuddin dari Melaka kembali ke takhta Kedah (1841). Sebagai membalas budi dan jasa, baginda menyerahkan daerah Kubang Pasu sebanyak 24 mukim itu kepada Tunku Anum untuk diperintah olehnya. Tunku Anum menjadikan Pulau Pisang (dekat Tunjang) sebagai pusat kerajaan baru itu — Negeri Kubang Pasu Darulqiyam.

Di samping pahlawan dan pemerintah, baginda Sultan Ahmad Tajuddin bijak mengarang syair. Karya yang dihasilkan oleh baginda sewaktu di Melaka ialah 'Syair Sultan Ahmad Tajuddin' dan Syair Sultan Maulana' terkarang pada zamannya juga yang mengisahkan kegagahan angkatan perang Kedah di Selatan Siam. Baginda mangkat dalam tahun 1843 bergelar "Marhum Melaka."

#### E. Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, 1854—1879

Sultan yang ke-22. Pada zamannya Kubang Pasu kembali ke pangkuan Kedah (1864). Baginda melantik adindanya Tunku Dhiauddin (Tunku Kudin) sebagai Raja Muda (1859) kemudiannya jawatan itu diberikan kepada saudaranya yang lain iaitu Tunku Yaakob kerana penglibatan Tunku Kudin dalam politik dan perang saudara di negeri Selangor (1868—1880).

Tunku Yaakob juga bertanggungjawab melantik putera saudaranya Tunku Abdul Hamid ke takhta, apabila mangkatnya Sultan Zainal Rashid II, Sultan Kedah yang ke-23.



Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah  
(1882-1943)

**F. Sultan Abdul Hamid Halim Shah,  
1882-1943**

Sultan Kedah yang ke-25 yang banyak membuat lawatan ke luar negeri. Zamannya, Kedah mengalami arus pembangunan dan pemodenan sehingga baginda terkenal dalam Sejarah sebagai 'Bapa Kedah Moden'.

Di antara tokoh-tokoh pentadbir yang terkenal di zaman baginda ialah YTM Tunku Abdul Aziz dan YTM Tunku Mahmud (adindanya), YTM Tunku Ibrahim (putera sulungnya), Dato' Wan Mohd. Saman (Perdana Menteri) dan Haji Wan Sulaiman (Syaiikul-Islam).

Usaha untuk memajukan pertanian terbukti dengan terbinanya Terusan Wan Mohd. Saman (1885). Di bidang pentadbiran, bahasa yang digunakan adalah Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi di samping penggunaan Takwim Hijrah.

Pada 17hb. Mei 1897, wilayah Setul dan Perlis dikembalikan kepada baginda. Baginda menghantar Ku Baharuddin (Ku Din) bin Ku Meh menjadi Pesuruhjaya atau wakil baginda di Setul. Dengan Perjanjian Bangkok 1909, Kedah bertukar naungan dari Siam kepada Inggeris. Setul dan Perlis terpisah dari Kedah.



Almarhum Sultan Badlishah (1943-1958)  
(Muzium Negeri Kedah)

#### G. Sultan Badlishah, 1943-1958

Sultan Kedah yang ke-26, Mula dilantik sebagai Pemangku Sultan dalam tahun 1937. Baginda menerima pendidikan di luar negeri - Bangkok dan England. Baginda merupakan pentadbir yang tegas. Sebelum merdeka, semua Pegawai Daerah bangsa Eropah digantikan oleh baginda dengan orang Melayu.

Baginda menyokong perjuangan Dato' Onn Jaafar menentang gagasan Malayan Union. Pada 13-2-1957 baginda telah meminda Perlembagaan Negeri Kedah Tahun 1948 yang antara lain menghapuskan jawatan Penasihat British

(B.A.) yang wujud di Negeri Kedah sejak tahun 1909.

Bersama-sama dengan sultan lain di Tanah Melayu, baginda juga turut berangkat menghadiri Upacara Pemasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Stadium Merdeka yang dilakukan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putera Al-haj pada 31hb. Ogos, 1957.

Baginda mangkat pada hari Ahad 13hb. Julai 1958 setelah memerintah selama 15 tahun, digantikan oleh putera sulung baginda Kebawah D.Y.M.M. Tuanku **SULTAN HAJI ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH.**

SALASILAH DULI-DULI YANG MAHA  
MULIA SULTAN NEGERI KEDAH  
DARULAMAN, 1136 HINGGA  
SEKARANG

1. Sultan Al-Mudzaffar Shah I  
1136-1179
2. Sultan Mu'adzam Shah  
1179-1201
3. Sultan Muhammad Shah  
1201-1236
4. Sultan Muzzil Shah  
1236-1280
5. Sultan Mahmud Shah I  
1280-1321
6. Sultan Ibrahim Shah  
1321-1373
7. Sultan Sulaiman Shah I  
1373-1422
8. Sultan Ataullah Muhammad Shah I  
1422-1472
9. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin  
Shah I  
1472-1506
10. Sultan Mahmud Shah II  
1506-1546
11. Sultan Mudzaffar Shah II  
1546-1602
12. Sultan Sulaiman Shah II  
1602-1626
13. Sultan Rijaluddin Muhammad Shah  
1626-1651
14. Sultan Muhyiddin Mansor Shah  
1651-1661
15. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I  
1661-1687
16. Sultan Ataullah Muhammad Shah II  
1687-1698
17. Sultan Abdullah Al-Mu'adzam Shah I  
1698-1706
18. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I  
1706-1709
19. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin  
Mu'adzam Shah II  
1710-1778
20. Sultan Abdul Mukarram Shah II  
1778-1797
- Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II  
1797-1804 (Pemangku Sultan)
21. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II  
1804-1843
22. Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah  
1843-1854
23. Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram  
Shah III  
1854-1879
24. Sultan Zainal Rashid Mu'adzam  
Shah II  
1879-1881
25. Sultan Abdul Hamid Halim Shah  
1882-1943
26. Sultan Badlishah  
1943-1958
27. Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam  
Shah  
1958



Pintu gerbang Kota Tengah Istana Sultan Abd. Hamid Halim Shah (1882–1943) yang penuh dengan ukiran senibina Melayu lama. Di tapaknya ialah bangunan Wisma Negeri sekarang.

#### BIBLIOGRAFI

1. Bonney, R. *'Kedah 1771–1821' The Search for Security and Independence*, Oxford University Press, Cetakan Ke-2, 1974.
2. Mohammad Hassan bin Tok Kerani Mohammad Arshad, *'Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah'*, Cetakan Jawi 1928, Jelutong Press, Pulau Pinang (Dicetak kembali dalam edisi Rumi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968).
3. Raja Ali Al-Haji, *'Tuhfat Al-Nafis'*, Edisi Rumi Penerbitan Malaysia Publications Ltd., Singapura, 1965.
4. Mohamed Khan, G. *'History of Kedah'*, Penang Premier Press, Pulau Pinang, Cetakan Ke-3, 1958.
5. Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib, *'Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah'*, Cetakan Ke-2, British Malaya Limited Press, Pulau Pinang, 1927.
6. Winstedt, R.O. *'History of Kedah'*, dalam JMBRAS, No. 81, 1920.

## Negeri Terbuka Dagangan Murah

Ismail bin Haji Saleh

*"Alor Setar bukan sahaja menjadi pusat pentadbiran tetapi juga pusat pergerakan ekonomi yang cergas. Selain daripada hasil-hasil Kedah seperti kayu-kayan, rotan, gading, damar, hasil-hasil timah daripada Patani, Klian Intan dan Pengkalan Ulu juga disalurkan melalui Alor Setar."*



Matawang emas yang dikeluarkan pada zaman Sultan Muhammad Jiwa Adilin Muadzam Shah II (1710–1778).

Sultan Muhammad Jiwa memperkenalkan sistem memungut hasil dan cukai yang lebih kemas dan teratur. Sebagai langkah awal Baginda menubuhkan sebuah Jawatankuasa Peringkat Negeri untuk memperkenalkan matawang baru yang lebih lengkap iaitu:-

|           |                          |
|-----------|--------------------------|
| 12 tera   | - 1 pitis                |
| 12½ pitis | - 1 dirham atau 1 kupang |
| 4 dirham  | - 1 emas atau 1 jempal   |
| 2 emas    | - 1 rial                 |
| 2 rial    | - 1 paha                 |
| 4 paha    | - 1 tahil                |
| 3 tahil   | - 1 bahara               |

Sultan Muhammad Jiwa juga menyelaraskan sistem ukuran tanah supaya tidak lagi menjadi punca pertelingkahan di kalangan rakyat. Baginda memperkenalkan ukuran baru iaitu:-

|                     |                        |
|---------------------|------------------------|
| 5½ hasta            | - 1 jemba              |
| 11 jemba            | - 1 tali               |
| 2 tali              | - 1 penampung          |
| 1 penampung persegi | - 1 relung             |
| 1 jemba persegi     | - 1 tapak @<br>1 dapur |
| 484 jemba persegi   | - 1 relung             |
| 22 jemba x 22 jemba | - 1 relung             |

Bagindalah yang mula mengeluarkan geran-geran tanah yang rasmi menggunakan ukuran-ukuran di atas. Bentuk geran-geran ini merupai sijil-sijil yang ditulis tangan dengan cop dan mohor Sultan di atas sebelah kanan seperti geran-geran yang dikeluarkan oleh Sultan Akbar di India kepada rakyatnya.

Sultan Muhammad Jiwa mempunyai dua orang isteri. Isterinya yang tua digelar Paduka Bonda bernama Cik Puan adalah dari kalangan rakyat biasa. Isteri mudanya dari kalangan kerabat diraja bernama Tunku Puteri digelar Raja Permaisuri. Dengan Paduka Bonda baginda memperolehi dua orang putera iaitu Tunku Long Putera dan Tunku Anjang. Tunku Long Putera dilantik menjadi "Raja Tanah" bertanggungjawab membuka tanah-tanah baru dan mengeluarkan geran kepada

rakyat. Tunku Anjang dilantik menjadi "Raja Laut" memerintah pulau-pulau dan pantai.

Tunku Anjang memperkuat angkatan laut Kedah sehingga berjaya menawan dan menduduki Pulau Tongka, Terang, Takuapa, Rondong (Ranong) dan kawasan-kawasan di sempadan Murgi. Laut Kedah berganjur dari Pulau Sembilan di Laut Pangkur hingga ke Pulau Sembilan di Laut Murgi. Di laut Kedah tidak ada perompak lanun pada masa ini. Tunku Anjang dianugerahkan gelaran Tunku Seri Paduka Maharaja Diraja Segara.

Dengan Tunku Puteri Sultan Muhammad Jiwa memperolehi seorang puteri dan dua orang putera. Puterinya ialah Tunku Rahimah dan puteranya ialah Tunku Abdullah dan Tunku Dziauddin.

Sultan Muhammad Jiwa ialah Sultan yang mula-mula sekali menetapkan tugas menteri-menteri dan pembesar-pembesar supaya tidak bertindih-tindih di antara mereka. Baginda telah menimbulkan persengketaan yang tidak kecil di antara pembesar-pembesar Baginda yang biasa dengan kebebasan yang tidak disekat-sekat.

Sultan telah mengeluarkan perintah yang tegas melarang pembesar-pembesar berkecimpung dalam perniagaan. Pembesar-pembesar menumpukan perhatian, tenaga dan masa hanya untuk kemajuan dan pembangunan Negeri, bukan mengumpul kekayaan secara berniaga atau membuka perusahaan melombong dan sebagainya. Mufti Kerajaan mengeluarkan fatwa:

*"Adalah adat menteri-menteri peng-gawa itu tiada boleh sekali-kali berjalan-jalan mencari makan kerana perbuatan yang demikian itu akan menimbulkan nama jahat kepada Raja....."*

Seterusnya fatwa itu berkata:

*"Hendaklah menteri-menteri itu jangan meninggalkan pekerjaan yang di-fardhukan Allah dan Rajanya ..... supaya orang-orang di bawahnya*

*menurutnya melakukan pekerjaan itu. Hendaklah menteri-menteri itu bersyukur kepada Allah dan bersyukur atas nikmat Rajanya .....*"

Panjang lagi fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh Abdul Jalil Mufti mencela pembesar-pembesar yang tidak setia dan tidak tulus ikhlas dengan tugas masing-masing. Ini telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan pembesar-pembesar. Terdengar berita bahawa Tunku Muhammad Jiwa mempunyai adik lelaki yang lebih layak menjadi Sultan. Ramai pembesar-pembesar yang sanggup membantunya menggulingkan Sultan Muhammad Jiwa Muadzam Syah.

*Pasir putih di Pulau Redang,  
Diadang oleh Pulau Langkawi;  
Lapik putih bantal bermiang,  
Racun bermain di dalam hati.*

Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah ditabalkan menjadi Sultan Kedah ke-19 dalam bulan Oktober 1710 menjelang bulan puasa 1122. Takhtanya bukanlah petrakna yang empuk gebu tetapi amat panas dan tegang seperti yang dijalinkan oleh sejarah sepanjang riwayat pemerintahan Baginda.

Mengikut Hikayat Bugis, "Tuhfat Al-Nafis" Adinda Baginda Sultan Muhammad Jiwa yang tidak dikenali namanya telah mengumpul orang-orang Kedah dan menyerang Bukit Pinang. Beberapa pembesar pasti terlibat kerana serangan ini hampir berjaya menggulingkan Sultan Muhammad Jiwa. Sultan Muhammad Jiwa menghantar utusan meminta bantuan Daing Perani panglima Bugis yang berkuasa di Selangor. Daing Perani lima bersaudara telah dijanjikan sebanyak 15 bahara ringgit sebagai hadiah mengusir penderhaka-penderhaka. Daing Perani lima bersaudara telah datang ke Kedah dan berjaya mengukuhkan Sultan Muhammad Jiwa di atas takhtanya.

Perkataan "ringgit" bererti wang emas. Satu bahara wang emas pada masa ini

bernilai 24 rial. Lima belas bahara ialah 360 rial. Hasil mahsul negeri Kedah pada zaman ini berkisar kepada 80,000 rial setahun.

Persoalannya adakah dengan 360 rial itu — harga dua ekor gajah dara pada masa itu — orang-orang Bugis sanggup mengadaiakan nyawa berperang di Kedah selama lebih dari dua tahun semata-mata kerana memperkuatkan kedudukan Sultan Muhammad Jiwa. Seperti kata bidalan Melayu "Kalau tidak ada berada manakan tempua bersarang rendah".

Bugis tidak senang dengan kebangkitan Minangkabau di Selat Melaka sama dengan radangnya melihat kebangkitan kuasa Belanda di nusantara. Bugis yang bertapak di Selangor dan berpengaruh di Perak ingin mempengaruhi Kedah pula.

Adinda lelaki Sultan yang menderhaka meminta pula bantuan orang-orang Minangkabau di bawah pimpinan Raja Kecil Siak. Sekali lagi mereka dapat menggoncangkan takhta Sultan Muhammad Jiwa di Bukit Pinang. Enam puluh buah perahu perang Bugis dari Riau datang membantu Daing Perani dan angkatan Bugis Selangor mengusirkan Raja Kecil dengan angkatan Minangnya dari Kedah. Tetapi bukanlah dengan begitu mudah kerana peperangan antara Bugis dan Minangkabau di bumi Kedah berlarutan selama tidak kurang dari dua tahun. Daing Perani terbunuh di atas bumbung perahu perangnya masa mengarahkan peperangan di Kuala Tebengau. Bagaimana pun orang Minang kalah juga. Perdagangan di Kedah punah. Sultan Muhammad Jiwa menduduki semula takhtanya. Ekonomi negeri Kedah telah rosak dan Sultan Muhammad Jiwa terpaksa bermula dari Alif. Raja Kecil Siak menyambung perjuangannya menentang Bugis di Selangor dan di Perak tetapi tidak mengganggu Kedah lagi. Selama tiga tahun lapan bulan Kedah berada dalam keadaan huru-hara berkecamuk dengan perang saudara iaitu dari 1723 hingga 1726.

Utusan Sultan Muhammad Jiwa dihantar ke Bangkok tetapi tidak dapat menemui Menteri Perang Siam kerana Siam sibuk menghadapi Kemojo yang menyerang masuk ke dalam sempadan di sebelah Timur dan diganggu pula oleh Burma yang sedang muncul di utara mencabuli sempadan di Utara. Telah beberapa kali angkatan Siam tewas di tangan Kampuchea dan Burma. Siam tidak dapat membantu Sultan Muhammad Jiwa.

Mengikut Encik Hassan dalam "Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah" pergolakan dalam negeri berlaku apabila Sultan melantik Tunku Abdullah menjadi bakal Raja dan Tunku Dziauddin menjadi Raja Muda, mengenyepikan saudara-saudara tua, Tunku Long dan Tunku Anjang. Tunku Long dan Tunku Anjang membawa diri ke Sumatera dan kemungkinannya mereka meminta bantuan Raja Kecil Siak merebut takhta negeri Kedah. Sejarah masih kabur di sini. Bagaimana pun Sultan Muhammad Jiwa terpaksa memperolehi bantuan Bugis.

Selepas peperangan Bugis ini, Sultan terpaksa bertindak sesuatu untuk meningkatkan hasil negeri dan apabila Sheikh Abdul Jalil Mufti pulang dari Palembang perbincangan meluaskan kawasan persawahan padi mula diperkatakan dengan serius.

Perdagangan di Kedah tidak terjejas kerana saudagar-saudagar dari India dengan kain dan candunya datang ke Kuala Kedah. Dengan ini bijih timah, lada hitam dan gajah-gajah Kedah banyak yang dieksportkan. Saudagar-saudagar masih memudiki Sungai Kedah hingga ke Limbung, Anak Bukit juga menjadi sebuah pekan yang sibuk.

Sultan mengorek sungai Raja iaitu dari Limbung Kapal di Alor Setar menemui Alor Semadom dan terus ke Pumpong menemui Sungai Anak Bukit. Satu Cawangan dibuat di Padang Mahkota menghala ke Barat iaitu ke Tambang Badak di Sungai Anak Bukit juga. Satu lagi

cawangan dikorek dari Padang Mahkota ke Geduk di Pengkalan Kundur melalui Kampong Gerbang. Semua sungai-sungai ini lebih dari 12 batu panjang. Tanah-tanah dari Sungai Raja ditambun di kawasan antara Limbung Kapal dan Simpang Kanchut, untuk didirikan sebuah kota batu dan istana serta dengan balai penghadapan dan masjid di Alor Setar — kawasan Istana Lama dan Balai Besar sekarang. Sebuah kota tanah ditambak memanjang tebing Sungai Kedah sebelah selatan dari Tanjung Pembunuh di sebelah matahari jatuh hingga ke Kampong Teluk di sebelah matahari naik sebagai mengawal kawasan utara lembah Sungai Kedah di Seberang Perak sekarang.

Sebatang Pokok Setar yang tumbuh di tebing sebatang alor kecil yang berlari dari rusuk masjid ke rusuk kota sedang segar bugar. Tunggul pokok itu di belakang bangunan Balai Seni hilang dari pandangan hanya 80 tahun dahulu. Alurnya hilang dalam tahun 1983.

Alor Setar merupakan sebuah pekan yang agak sibuk juga dengan peniaga-peniaga dan pengembara. Dari Alor Setar mereka boleh pergi ke Bukit Pinang dan terus ke Pedu dan Padang Terap. Di sebalik Bukit Tok Pakir Terbang ialah Patani dan Laut Cina Selatan. Mengikut satu lagi cawang sungainya, perahu-perahu boleh mudik hingga ke Limbung, kemudian naik gajah ke Durian Burung. Dari sini ada jalannya ke Senggora, ke Patani, ke Kelantan, Trengganu dan Pahang, tempat-tempat emas dan gading gajah, kapur barus dan kayu gaharu.

Apabila Sultan mengorek anak sungai iaitu Sungai Raja menyambung Sungai Tajar dengan Sungai Anak Bukit dan lain-lain anak sungai maka persekitaran Alor Setar tidaklah digenangi air dan tanahnya menjadi sesuai untuk tanaman padi. Sultan Muhammad Jiwa telah melihat sawah di Jawa dan sawah di India dan Baginda sedar lembah di Kedah amat berpotensi untuk



Pengkalan Kapal Alor Setar — Menunjukkan Titi Wan Muhammad Saman Dan Pengkalan Sampan. Pekan Melayu Dan Tempat Ini Telah Dibina Titi Sultan Badlishah. Gambar Ini Diambil Sebelum Peperangan Dunia Ke-II.

memakmurkan negeri, Alor Setar menjadi pusat pengeluaran beras yang paling besar di Semenanjung lama sebelum 1500 lagi. Kawasan sawah yang "rap" atau sesuai untuk ditanam padi ialah di antara Sungai Kedah dan Sungai Perlis.

Semua sungai-sungai korok siap dikorek dan kota batu di Alor Setar siap dibina dengan Balai Besar dan masjid menjelang bulan Syakban 1148. Pada hari Nisfu 15 Syakban 1148 bersamaan 15 Disember 1735, Sultan Muhammad Jiwa berangkat pindah dari Kota Bukit Pinang ke Kota Setar di Alor Setar. Menjelang 1736 Alor Setar menjadi ibu negeri Kedah Darulaman.

Hasil-hasil lain dari Alor Setar yang dikeluarkan setiap hari oleh rakyat Sultan Muhammad Jiwa ialah Bijih timah, kayu kayan, rotan, gajah, gading, lilin sambang, damar, ikan kering, teripang dan sarang burung. Barang-barang yang diimport pula ialah barang-barang dari India seperti kain

belacu, kain pelikat, gula, nila dan lain-lain. Satu barangan yang amat diperlukan dan menjadi barang tukaran yang penting dari luar ialah candu. Candu amat banyak dibawa masuk oleh saudagar-saudagar luar. Mengikut Francis Light hasil negeri dianggarkan lebih dari 50 ribu rial setahun.

Pada masa ini pelabuhan Kuala Kedah mula naik daun. Kapal-kapal dagang berkumpul di Kuala Kedah kerana barangan-barangan dari Patani dan Sumatera Utara boleh didapati di sini. Dalam masa yang amat singkat Alor Setar telah sibuk menjadi sebuah ibu negeri yang kayaraya dengan pelabuhan utamanya Kuala Kedah. Kuala Kedah sendiri berjaya mengumpul pada masa-masa paling sibuknya hasil cukai sebanyak 10 ribu rial setahun. Inilah jumlah yang dipersetujui 60 tahun kemudian sebagai ganti rugi yang dibayar setiap tahun kepada Sultan Kedah apabila kesibukan Kuala Kedah berpindah ke Pulau Pinang.

## BIBLIOGRAFI:

1. Raja Ali al-Haji Riau, "Tuhfat al-Nafis", Singapura, 1965. (Dirumikan oleh Munir Ali).
2. Hall, D.G.E., "A History of Southeast Asia", London, 1958.
3. Asmah Haji Omar (ed), "Darulaman" — essays on linguistic cultural and socio-economic aspects of the Malaysian State of Kedah, Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 1979.
4. Bonney, R., "Kedah 1771 — 1821. The Search for Security and Independence." Kuala Lumpur — Singapura, OUP, 1971.
5. Khoo Kay Kim (ed.), "Beberapa Aspek Sejarah Kedah", Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.
6. Khan, G.M., "History of Kedah", Pulau Pinang, 1958.
7. Miller, Harry, "Prince and Premier", a biography of Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, First Prime Minister of the Federation of Malaya, "London — Singapura, Harrap; 1959.
8. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, "Altarikh Salasilah Negeri Kedah," Pulau Pinang, Jelutong Press, 1927 (Jawi).
9. Wan Yahaya bin Wan Muhammad Taib, "Salasilah atau Tawarikh Kerajaan Kedah", Pulau Pinang, Jelutong Press, 1911.
10. Winstedt, R.O., "Kedah Laws", JMBRAS 6, 2:1 — 44, Singapura, 1928.

# Perang Saudara Di Kedah

Raja Ali Al-Haji Riau

Dipetik dari *Tuhfat al-Nafis, Singapura, 1965*

Maka tatkala itu banyaklah mati orang-orang Kedah dan Temenggung dan Laksamananya pun larilah membawa lukanya ke Alor Setar namanya..... maka Suliwatang pun berkata,

'Pikul lela-lela itu! Bedil dengan lela-lela itu biar jauh sedikit makannya.....'

..... Sekali bedil dua tiga yang rebah. Maka kata Suliwatang,

'Ini lela bagus benar patutlah dinamakan Siharang Darah.'

## Perang 1

Syahadan kata sahibul hikayat kemudian tiada berapa antaranya maka Upu Daing Perani pun bermohonlah kepada Sultan Sulaiman dan Yang DiPertuan Muda hendak pergi ke Selangor. Maka dibenarkan oleh paduka adinda kedua itu. Maka Upu Daing Perani pun belayarlal ke Selangor bertiga saudara, iaitu Upu Daing Menambun dan Upu Daing Kemasi, sebuah seorang perahunya. Maka apabila sampai ke Selangor maka Upu Daing Perani pun beristerikan putera Yang DiPertuan Selangor. Maka dapat ia anak seorang perempuan.

Di dalam hal itu maka datanglah surat daripada Raja Kedah kepada Upu Daing hendak minta bantu, kerana ia diambil oleh saudaranya yang muda kerajaannya, patutnya ialah yang jadi raja kerana ia yang tua. Syahadan dibalas Upu Daing Perani surat Raja Kedah itu mengatakan ia bertangguh hendak balik ke Riau, bermusyawarah dahulu dengan saudaranya serta Sultan Sulaiman. Kemudian maka Upu Daing Perani pun berangkatlah ke Riau tiga saudara itu. Maka apabila tiba ke Riau maka dipermaulkannya kepada Sultan Sulaiman serta paduka adindanya kedua, iaitu Yang Dipertuan Muda dan Upu Daing Chelak. Maka sama-sama sukalah serta berbetulan muafakat sekaliannya.

Maka Yang Dipertuan Muda serta upu-upu itupun bermohonlah kepada Sultan Sulaiman lalulah ia belayarlal ke Kedah. Maka apabila sampai ke Kedah berjumpalah ia dengan Raja Kedah yang tuanya itu. Maka lalu berjanji Raja Kedah dengan upu-upu itu apabila hasil maksudnya maka ia memberi hadiah kepada upu-upu itu lima belas bahara ringgit. Maka jawab upu-upu itu, "Mana-mana suka Raja Kedah, kerana saya semua ini ke mari tiada lain hanyalah menolong Raja Kedah jua adanya."

Syahadan maka upu-upu itupun menggumpulkan segala Bugis-Bugis yang sedia ada memang di dalam Kedah lalu diperiksanya, "sebelah mana dirimu semua ini jika aku berperang dengan Raja Kedah yang muda itu kelak?" Maka jawab mereka itu, "Adapun yang patik semua ini tiada tuan patik semua yang lain, melainkan tuankulah adik beradik." Maka jawab upu-upu itu, "Baiklah nanti aku hendak melantik Raja Kedah yang tua dahulu menjadi Yang Dipertuan Kedah. Syahadan apabila keesokan harinya maka upu-upu itupun melantiklah Raja Kedah yang tuanya jadi Yang Dipertuan Kedah.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Raja Kedah yang muda itu mendengar saudaranya itu dilantik oleh Yang Dipertuan Muda Riau serta upu Raja-raja Bugis, maka ia pun sangatlah marahnya. Maka lalu ia menggumpulkan hulubalang menteri serta beberapa rakyat tenteranya. Maka sudah kumpul, baharulah ia pergi melanggar kota Raja Kedah yang tua itu. Maka berperang besarlah dengan Yang Dipertuan Muda Riau serta segala saudaranya. Maka sangatlah ramainya sebelah menyebelah, dengan gegak gempitanya daripada bunyi meriam dan senapang dan bunyi bahana sorak tempiknya, maka bermati-matianlah antara kedua pihak itu. Syahadan ada kira-kira sebulan lamanya ia berperang itu, maka pecahlah perang pihak Raja Kedah yang muda itu kerana banyak panglimanya mati. Maka lalu undur ia membawa dirinya kepada tempat yang jauh. Syahadan orang-orang Bugis serta orang-orang Riau masuklah ke perdalaman Raja Kedah yang muda itu, merampaslah ia.

Syahadan apabila sudah selesai daripada perangnya itu, maka Yang Dipertuan Muda serta upu-upu itupun berjumpalah dengan Yang Dipertuan Kedah, hendak minta balik kerana pekerjaan sudah selamat. Maka dibayarlal oleh Yang

Dipertuan Kedah itu tiga bahara ringgit, yang selaginya itu ia bertangguh. Maka apabila selesai maka Yang Dipertuan Muda serta saudara-saudaranya pun belayarlah ke Riau. Maka apabila tiba di Riau mengadaplah sekalian upu-upu itu akan baginda Sultan Sulaiman menceterakan pekerjaan menang perang Kedah itu. Kata setengah kaul beristeri pula Upu Daing Perani akan saudara Yang DiPertuan Kedah, mendapat anak seorang perempuan.

## Perang 2

Alkisah tersebutlah perkataan Raja Kedah yang mudanya yang perang dengan saudaranya itu yang dibantu oleh Yang Dipertuan Muda Riau itu. Maka tiadalah senang hatinya, maka didapatnya pula kuasa berkehendaklah ia pada memerangi akan saudaranya itu. Maka ia pun menyuruh ke Siak minta perbantuan kepada Raja Kecil. Maka Raja Kecil pun datanglah ke Kedah hendak membantu Raja Kedah yang muda itu. Maka di dalam hal itu Raja Kecil pun diberi oleh Raja Kedah yang muda itu isteri, iaitu saudaranya. Maka nikahlah Raja Kecil itu. Syahadan adapun Yang Dipertuan Kedah yang tua itu, apabila ia melihat hal itu, maka menyuruhlah ia ke Riau minta bantu pula kepada Yang Dipertuan Muda Riau serta segala upu-upu itu. Maka Yang DiPertuan Muda pun gililah serta saudaranya ke Kedah.

Syahadan kata sahibul hikayat sepeninggalan Yang Dipertuan Muda berangkat ke Kedah itu maka Sultan Sulaiman pun bersalah-salahan faham dengan anak-anak Bugis di dalam Riau itu, maka baginda itupun belayarlah ke Kampar. Maka berhentilah ia di Kampar.

Sebermula adapun Yang Dipertuan Muda serta saudaranya bicaralah ia hendak membaiki Raja Kedah yang dua beradik itu. Maka mengajaklah ia akan Raja Kecil, masih hendak juga mencari jalan

pergaduhan. Maka di dalam hal itu marahlah Yang DiPertuan Muda, maka lalulah berperang besar Raja Kecil dengan Yang Dipertuan serta saudaranya bersama-sama membuat kubu sebelah menyebelah.

Maka berperanglah antara kedua pihak itu berambil-ambilan kubu, sebentar kubu orang Siak diambil oleh Bugis sebab dimasuki oleh Upu Daing Perani serta dengan juaknya, lalulah diamuknya. Maka Raja Kecil pun terjunlah dari dalam kubunya kepada parit air yang pada tepi kubunya itu bersama-sama dengan panglimanya dan Panglima Dalam di bawah, baginda itu di atas, lalulah berenang ke seberang mendapatkan kubunya yang di seberang itu. Maka apabila sampai ia ke seberang maka muafakat dengan seorang hulubalangnya yang bernama Panglima Yahya anak Mengkasar. Maka ketika malam Panglima Yahya pun menyebukkan masuk ke dalam kubu Bugis itu lalu diamuknya. Maka terkejutlah segala Bugis-Bugis yang di dalam kubu itu terpikau-pikau. Maka lalulah beramuk, bermati-matian, maka dapatlah kubu Raja Kecil itu semula.

Syahadan tiada berapa antaranya maka kelengkapan Yang Dipertuan Muda serta upu-upu itupun mudiklah hendak melangar kubu Raja Kecil sebelah hulunya. Maka apabila sampai ke kota hulunya itu maka lalulah berperang sangat ramainya, serta gegak-gempitnya berbedil-bedil dengan meriam dan rentaka serta sorak tempiknya. Maka dengan takdir Allah Taala serta dengan sudah sampai janjinya, maka upu Daing Perani pun kenalah peluru meriam tentang dadanya. Maka ia pun mangkatlah di atas beranda gurabnya dengan nama laki-laki, kerana waktu ia berperang besar itu ia bersiar-siar di atas beranda gurabnya kerana memrintahkan segala orang-orang berperang itu.

Syahadan apabila Yang Dipertuan Muda serta Upu Daing Chelak melihat paduka kekandanya sudah hilang itu, maka Yang Dipertuan Muda serta upu-upu pun

naiklah semuanya ke darat mengamuk kubu-kubu Raja Kecil dan kubu Raja Kedah yang muda itu, dan rumah Raja Kecil itu. Maka lalulah beramuk-amukan, sebelah-menyebelah. Maka seketika lagi tewaslah Raja Kecil itu, kerana banyak panglimanya itu mati. Maka lalulah ia undur dan kampung itu pun banyaklah rosak binasa. Maka Raja Kecil pun larilah lalua ia balik ke Siak.

Adapun Yang Dipertuan Muda serta Raja Tua maka apabila sudah Raja Kecil itu alah, dimakamkannya mayat Upu Daing Perani itu betapa adat istiadat raja-raja mangkat. Maka apabila selesai daripada pekerjaan perang itu, maka Yang Dipertuan Muda pun minta dirilah kepada Yang Dipertuan Kedah balik ke Riau. Maka belayarliah ia balik ke Riau. Syahadan maka di dalam pelayaran itu maka dapatlah khabar Yang Dipertuan Muda akan Sultan Sulaiman ada di Kampar, maka Yang Dipertuan Muda pun singgahlah di Kampar lalu membawa Sultan Sulaiman bersamasama balik ke Riau.

rebel promises to the mercenaries, Light wrote, 'the Buggesses [Bugis] burned everything as they went and plundered without distinction, carrying away all the women and children they could find. They destroyed everything they could not carry with them leaving not a shrub or fruit tree standing. *The relations of the King were obliged to retire with the Buggesses*'. Amongst the plunder carried away by the Bugis were the property and ships of the Chulia merchants and 300 fine brass cannon taken from the fort at Kuala Kedah.

From Light's description of the events of 1771 and from Monckton's evidence which corresponds with that of Light, it is very clear that there was no Bugis 'invasion' of Kedah in the accepted sense of the term. As on an earlier occasion, one of the parties to a dispute had obtained the help of Bugis mercenaries and on this occasion they had been promised the plunder of the Chulias and the Chinese as payment for their services. This they obtained, but in no way did their presence or actions in Kedah constitute an 'invasion' as part of their policy to gain ascendancy over the Peninsula. For that matter, even the rebellion that they fought for collapsed and there is not a shred of evidence to support the claim that as a result of this 'invasion' they established their influence over Kedah.

On 24th April 1771 the emissary sent to Atjeh returned to Kedah with Light, who brought along two armed vessels, powder, arms and thirty sepoy. In an audience, Sultan Muhammed was presented with the details of the negotiations with Harrop and Light. Conditional to the Raja granting Francis Jourdain a 'Licence to trade' and the right to open an agency-house at Kuala Kedah, Light had promised 'to furnish him with 100 sepoy to keep out any Enemy whatever'. The

Raja and Light's employers were to share equally between them two-thirds of the profits derived from the firm's trade in Kedah, while the remaining third would be given to Light to pay for the maintenance of the sepoy and the agency-house. Sultan Muhammed accepted these terms and 'ordered Dato Padukar Serrewancer [the Dato' Paduka Seri Wangsa] and Dato Sere Maharajah Cancanan [the Dato' Seri Maharaja Kankanna] to write two of these agreements, one whereof the King [Raja] was to sign and give to Capt. Light, agent for Mr. Francis Jourdain, and the other Capt. Light [was] to sign and give to the King'.

The signing of this contract is of unique interest in that it was the first defensive agreement ever signed by any Malaysian state with the English. Furthermore, the general impression given by historians is that no such contract was signed. It must be remembered that at the time Sultan Muhammed despatched his appeal to the East India Company and his emissary to Atjeh, he had sought assistance to put down the insurrection. The emissary's return with help was, in this context, belated, for the rebellion had collapsed and the Bugis mercenaries had withdrawn. Fear of a similar recurrence of events, however, must have occasioned the signing of this agreement with Light, which obliged the Madras firm to provide a hundred sepoy for the defence of Kuala Kedah and 'to keep out any enemy whatever'.

By the middle of August 1771, by which time conditions in Kedah must have returned to normal, a further motive could be observed in Sultan Muhammed's aims in entering into treaty relationships with the Madras firm. He now sought offensive military assistance from the Madras firm for an expedition to Selangor, to recover the ships, guns and booty carried away by the Bugis. He therefore forwarded fresh

proposals through Light, offering the cession of Kuala Kedah and its fort to the Madras firm, in return for an undertaking on its part to defend the fort and to assist in the expedition. He proposed that the costs of maintaining the defence of the fort and the assistance to be given to Kedah to go against Selangor, should be equally shared by the firm and himself, while all the rights of trade of Kuala Kedah would be in the firm's hands. With no response to these proposals forthcoming from the Madras firm, Sultan Muhammed, towards the end of November 1771, sent a personal letter enquiring if the terms he had made in August were acceptable to them. Of even greater interest was the added inducement he dangled before them — the cession of the whole stretch of coast from Kuala Kedah to Pulau Pinang.

This proposed cession of territory as well as the commercial proposals made in August were remarkably generous offers, explicable for a number of reasons. Essentially, Sultan Muhammed wanted to secure the permanence of the Madras firm's military assistance for the defence of Kedah. In addition, and in fact what seems to have been the immediate motivation behind these proposals, was his desire for military assistance for the expedition to Selangor. Quite clearly, the pillaging of Kuala Kedah and the villages along the Sungai Kedah, the looting and burning of Alor Setar, and the plundering of the ships and 300 fine brass cannon amidst the overall plunder and destruction must have been the bitter incentives for the expedition. Furthermore, Sultan Muhammed was bent on recovering the booty carried away by the Bugis, and of greater importance to him, on capturing his rebellious relatives who had fled to Selangor and obtained asylum.

Light's statement that 'he [Sultan Muhammed] is too clever to be led with idle notions, he knows the English are

capable of assisting him not only against Selangor but Siam.....' is of interest for it strongly suggests that Sultan Muhammed, in seeking an alliance with the English, also had Siam in mind. In 1769, he had conceded to the Siamese demand for the Bunga Emas dan Perak in order to avert the invasion of Kedah by P'ya Taksin, then riding at the crest of his military victories. It would therefore seem likely that Sultan Muhammed did think of the value that such a defensive arrangement with the English would have in securing Kedah's independence from Siamese claims to overlordship or in the face of Siamese threats of invasion.

About this time also, Light says the Raja received an offer of assistance from the Danes. Two Danish vessels with 40 sepoy, guns, ammunition and other military equipment had arrived from Tranquebar (the headquarters of the Danish East India Company on the Coromandel coast of India), with a letter and present for the Raja. The Danish Governor of Tranquebar was said to have offered to send an additional force of 300 sepoy to help Sultan Muhammed in his expedition to Selangor on condition that they be allowed to set up a factory at Kuala Kedah. Sultan Muhammed supposedly turned down the offer as he had already approached the British and had promised them the fort, Kuala Kedah, and the coast stretching from there to Pulau Pinang. The Danes are then said to have approached and given presents to some of the Kedah officials to use their influence on him, but he remained adamant.

By the middle of January 1772, Sultan Muhammed learnt from Light that the Madras firm could not approve of the terms of the August and November proposals of 1771. It seems quite clear that the offensive assistance required by Sultan Muhammed for the expedition to Selangor was the factor that led to the refusal by the

Madras firm. The failure of this approach made Sultan Muhammed, probably at Light's suggestion, decide on approaching the East India Company. He consequently despatched a personal letter to the Governor of Bengal, Warren Hastings, asking for the Company's assistance and sending, more out of custom than an inducement, two Siamese slaves as a present. There is no evidence of any positive response. It is probably because of this silence on the part of the Bengal Government that Sultan Muhammed wrote through an intermediary, Nockelly Farqueer, to the Chief of Cuddalore for permission to purchase guns and military stores, presumably planning to go it alone against Selangor.

Affairs took a sudden turn when on 9 April 1772, Sultan Muhammed received a letter from one Edward Monckton, a representative of the Governor of Madras, who appeared at Kuala Kedah and sought an audience. The letter must have come as a surprise because Monckton professed to have come with a force in response to an alleged appeal by Sultan Muhammed to the Governor of Madras for assistance. Letters were also received from the Laksamana and Light who wrote of Monckton's arrival. As his arrival was unexpected and since he spoke in terms of assistance, Sultan Muhammed decided to consult the Laksamana and Light on the matter before replying to Monckton, and he therefore wrote to them. Before an answer could be sent, however, Monckton appeared at Kangar on 13 April, with Light, an interpreter and a small force. The Laksamana also, had arrived in Perlis slightly earlier, presumably on receipt of the Raja's letter.

The following morning Sultan Muhammed granted Monckton's request for a public audience. Apart from the presentation of the Governor's letter and present, little beyond an exchange of compliments seems to have taken place,

save for Sultan Muhammed's question as to when Monckton would be ready to move against Selangor and whether the force he had with him was sufficient. Monckton, however, did not commit himself. Full discussions with Monckton began in a private audience the same evening where Sultan Muhammed had the Laksamana and four or five Chulias (probably his advisers) with him.

Sultan Muhammed and his council heard with great surprise Monckton's claim that he had been sent by the Governor of Madras in consequence of a request from the Raja for military assistance 'to defend his Kingdom against all Invaders and to quell any intestine troubles'. In return for such defensive assistance which Monckton said the East India Company was willing to provide, the Company sought a number of concessions, namely, a grant of the fort at Kuala Kedah (the expenses for the maintenance of the sepoy to be borne by the Raja) with an adjacent piece of land, and a contract by which the Company would provide the Raja with opium and blue cloth, in return for tin, elephant's teeth and pepper. Also submitted for Sultan Muhammed's consideration was Monckton's proposal that the collection of duties at Kuala Kedah and Kuala Perlis be handled by the Company to pay for the cost of the troops. Any surplus of duties over expenses would be paid to the Raja, while on the other hand, he would have to make good any deficits.

Sultan Muhammed was surprised by Monckton's assertion that he had been sent by the Governor of Madras in response to an appeal by Sultan Muhammed himself, because no such appeal had been made. He therefore disclaimed having written to the Governor of Madras or even having asked for assistance. However Monckton's unexpected presence with a force seemed promising, and Sultan Muhammed consequently suggested that Monckton assist

him in the expedition to Selangor. But as to the proposed trade agreement and the terms Monckton had suggested, Sultan Muhammed refused to sign any contract.

On Monckton's explanation that he could not deviate from his superiors' orders by assisting Kedah in the expedition to Selangor, Sultan Muhammed advised him to write to Madras for permission to do so. Sultan Muhammed then made his stand clear — he would not make any grant or contract unless *offensive* assistance was provided. Unperturbed by Monckton's subsequent attempt at coercion by impressing upon him the strength and popular image of the British East India Company, and his final threat to leave, Sultan Muhammed, in reply, stated that he could not do anything about it, for inasmuch as Monckton rightfully could not to disobey his orders, neither could he disobey his as Raja, for the Emperor of Siam had forbidden him to allow Europeans to settle in Kedah. However he plainly told Monckton that, as Siam was at war and could not assist him, he was willing to let any European nation that was prepared to help him settle in Kedah. But with the Company's representative insisting that he could offer only a defensive treaty, there ceased to be any further point in discussion.

The urgency and necessity of the expedition to Selangor, however, seems to have loomed so largely in Sultan Muhammed's mind that he accepted a compromise proposal put forward by Light which incorporated limited offensive assistance. On the 19 April 1772, the Hakim Seri Maharaja Kankanna drafted a contract on the basis of Light's proposal which had also proved acceptable to Monckton. The contract, signed on 20 April was of great significance not only in terms of the obligations it comprehended, but also when seen in view of the number of misconceptions that have since arisen.

By the terms of the contract, Sultan Muhammed gave the English East India Company the port of Kuala Kedah and a small piece of adjacent territory with rights of full jurisdiction over it and granted the Company the monopoly of Kedah's exports of black pepper, elephant's teeth and tin. Sultan Muhammed reserved the right to purchase an unlimited amount of opium from the Company at a fixed price of \$350 per Chest and at the same time protected the interests of Kedah's private merchants by stipulating that any other opium supplied by the Company to these private merchants should not be sold at more than \$400 per Chest. Another clause stipulated that no other nation would be allowed to settle in Kedah. In return for these concessions, the East India Company was obliged to keep warships to guard the coast of Kedah, the expenses of which were to be paid from duties collected on vessels entering Kuala Kedah and Kuala Perlis. This clause thereby encompassed both Sultan Muhammed's underlying objective of obtaining, and the Company's willingness to provide, defensive assistance.

The compromise solution reached on the provision of *offensive* assistance did not form part of the contract proper, but formed a follow-up engagement signed by Monckton. It ran, '*Mr. Monckton engages [that] when the King [Raja] sends his Prows [perahu-perahu] to Selangore [Selangor] to send a Vessel with them and to suffer no other Prows in the River of Selangore while they are there, and if any English ship is there to order them not to assist the People of Selangore*'. This undertaking by the Company's agent to escort the Kedah perahu-perahu to Selangor and to maintain a blockade of the Sungai Selangor, although falling far short of Sultan Muhammed's desire for offensive assistance by the Company on a larger scale was, nevertheless, the determining factor in his signing the contract.

Personal reasons also played a part in Sultan Muhammed's aim in securing an alliance, first with the Madras firm and later with the East India Company. Having recently experienced a rebellion initiated by his own brothers and relations, and being also advanced in age, he realized that the only way to protect himself and his position (as well as that of Abdullah and Diya'u'd-din) was to obtain military assistance from an external power which would not be involved in the internal politics of Kedah. And by giving the English (or failing them, the Danes or Dutch) certain concessions, he would have a guarantor of his position and authority.

When seen in terms of Kedah's tributary relationship with Siam, the initialling of the contract was an extremely decisive step indeed. Although the evidence is not very explicit on the suggestion that Sultan Muhammed had Siam in mind when he sought an alliance with the English, it is clear that by signing this agreement at least, he was consciously flouting the orders of the King of Siam. The Company's obligation to provide defensive assistance, however, would permit him to blunt any consequent punitive action or pressure. Viewed from this angle, in the light of all its implications, Sultan Muhammed's decision to enter into defensive relationships with the East India Company was therefore of great significance, for it would not only enable him to break Siam's claim of suzerainty over Kedah, but would strengthen Kedah's overall position in the traditional balance of power of mainland South-East Asia as well.

After the formalities of the signing of the contract were over, Sultan Muhammed addressed a highly complimentary letter to the Governor of Madras clearly bent on cementing the new alliance. Of even greater interest is that with English protection for Kedah and limited offensive assistance for the expedition to Selangor

secured, Sultan Muhammed put forward a fresh proposal to the East India Company, namely, to help reinstate Raja Ismail as Raja of Riau. Sultan Muhammed has been described as being 'in strict alliance with the Kings of Trangana (Terengganu), Johor and several other powerful Monarchs' and from the tenor of his letter we can gather that there was strong resentment in the Malay States over the intrigues of the Bugis. Just before his death in 1759, Sultan Muhammed (who belonged to the Johor royal line) of Siak, a dependency of Johor, had initiated the massacre of the Dutch garrison on Gunting island. His son, Raja Ismail, succeeded him but in 1761 was forced to flee by a Dutch punitive expedition to Terengganu where he married the Raja's daughter. In 1761 also, as a result of a *coup* in Riau, Daeng Kemboja had become the Yam Tuan Muda of the Johor empire, placing an infant on the throne and ruling as regent. Sultan Muhammed Jiwa suggested in his letter to Madras that the Company should not only help him recover his property from Selangor but retake Riau from the Bugis as well. He had informed Monckton of his intention to help Raja Ismail regain Riau and seemed assured of additional help from the Raja-Raja of Terengganu, Minangkabau and Indera Giri. He requested the Company's help not only against the Bugis but possibly the Dutch as well, should the latter come out in support of the Bugis, with whom they had made peace in January 1758.

In accordance with the terms of the agreement reached, Sultan Muhammed abrogated the contract with the Madras firm. On 22 April the fort at Kuala Kedah was handed to Monckton and the responsibility of Kedah was now the responsibility of the East India Company. The task of the collection of customs duties at Kuala Kedah and Kuala Perlis to pay for Kedah's defence was passed over to Monckton, and soon afterwards Sultan Muhammed issued orders to the Laksamana for preparations

to be made for the expedition to Selangor. These were subsequently begun. But then came disillusionment.

Towards the end of July 1772 Sultan Muhammed received Monckton in audience after the latter had received fresh instructions from his superiors. It was here that Sultan Muhammed learnt of the Company's refusal to grant him any offensive assistance which Monckton now claimed, if granted, would force the Company '..... to Act against People who had not only been continuously inviting the English to settle among them, but have also shown them particular Marks of Friendship.....' If Sultan Muhammed were to insist on an offensive alliance, Monckton's orders were to withdraw. Seemingly unaffected by the Company's final stand and its complete turnabout from the engagement to which Monckton had affixed his signature, Sultan Muhammed told Monckton that when he had made the contract, 'he had hoped [though they had never promised] that it would have so cemented the Friendship between them that the Company would have avenged Him and insults he had received from His Enemies and with those Expectations he had given them the Grant.....' However, as things had proved otherwise, he saw no reason for the Company remaining in Kedah and considered the matter closed. Monckton then became passive, and asked for further talks. Nine days later, at another audience requested by Monckton, Sultan Muhammed reiterated the hopes he had placed on the Company for its assistance in the expedition, but as it had decided against such assistance, he had no alternative but to withdraw the contract. And despite Monckton's almost frantic protestations about the advantages that Kedah could derive from an alliance with the Company, Sultan Muhammed remained adamant. On 29 July he granted his final audience to Monckton.

It has been suggested that Sultan Muhammed's rejection of the Company's application was partly due to pressure

exerted on him by the Chulias and some members of the ruling *élite*. Both Light and Monckton accused the Chulias of being opposed to the idea of admitting the English into Kedah for fear of losing their trade. That such a fear would have invariably and justifiably existed (even in any merchant or trading community elsewhere) is obvious, but to attribute the rejection solely to this is, for a number of reasons, untenable. Firstly, the leading Chulias were present during the discussions with Monckton, the outcome of which was the contract and the engagement. Secondly, the contract protected the interests of the Chulias and the defensive alliance was also to their advantage. And thirdly, one of the main reasons for the expedition to Selangor was to recover their property plundered by the Bugis mercenaries. The Dato' Laksamana and the Dato' Bendahara who received a share of the duties of Kuala Kedah and certain members of the 'nobility' are recorded as objecting to the grant of concessions to the Company as they lost part of their income and power. Although it is probable that these parties with vested interests would have brought their influence to bear on Sultan Muhammed, it is definite that this was not the deciding factor in the rejection of the Company's proposals, as Monckton claims it was. The overriding factor in the rejection was Sultan Muhammed's wish for an offensive alliance and he was prepared to grant commercial concessions despite internal opposition against the securing of such an alliance. Such an agreement, although limited in scale, had, in fact, been signed by Monckton but was vetoed by the Madras Council. Consequently when Sultan Muhammed was informed of this and of the Company's un-willingness to offer anything further than a defensive alliance, he rescinded the contract and rejected its new proposals, thus losing the opportunity for defensive assistance by the East India Company — an opportunity which was only to be renewed after 1909, under different circumstances.

# Hukum Kanun Kedah

## Satu Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Setar

Haji Wan Shamsuddin Mohd. Yusof

*'Walaupun terdapat beberapa persamaan di antara Hukum Kanun Melaka dan Hukum Kanun Dato' Kota Setar, namun pada bahagian yang menghuraikan fasal 'larangan diraja' dalam Hukum Kanun Dato' Kota Setar ada kelonggarannya. Rakyat biasa dibolehkan membuat sesuatu yang terkandung dalam larangan tersebut pada ketika-ketika yang tertentu.'*

Undang-undang atau Hukum Kanun Kedah (selepas ini disebut sebagai 'HKK' sahaja)<sup>1</sup> seperti juga dengan undang-undang Melayu lama yang terdapat di negeri-negeri Melayu lain di Nusantara ini adalah merupakan suatu gaya penulisan atau gaya bahasa sesuatu zaman. Ianya juga tergolong sebagai sebuah genre kesusasteraan Melayu lama atau tradisional, satu-satunya penghasilan kreatif elita Melayu di kalangan istana dengan ciri-ciri tersendiri sebagaimana yang terdapat pada corak-corak sastra Melayu lama lainnya.

Sebagai juga dengan teks lama yang bersifat historiografi, Hikayat Merong Mahawangsa misalnya yang isinya seratus peratus tidak bersifat sejarah, maka begitulah halnya dengan teks undang-undang lama. Ia lebih banyak memaparkan tentang sosio-ekonomi dan sosio-budaya bagi sesuatu masyarakat pada zaman silam, dan ini adalah sesuai dengan pendapat yang menyatakan "bahawa sastra lama adalah sebahagian daripada kebudayaan lama yang dipancarkan oleh masyarakat lama".<sup>2</sup>

Di Kedah, penulisan HKK bermula pada 1060 Hijrah (1650 Masihi). R.O. Winstedt telah membahagikan HKK kepada empat bahagian yang masing-masing diberikan judul seperti berikut:

1. Undang-undang Tahun 1060 Hijrah (1650 Masihi).
2. Tembera Dato' Paduka Tuan.
3. Hukum Kanun Dato' Kota Setar.
4. Fasal Bunga Mas, Alat Kerajaan Pada Masa Bertabal, Orang Besar-Besar dan Adat Meminang.<sup>3</sup>

Dalam kata pengantar bahagian terawal dari HKK itu, penulisnya mencatatkan begini:

*"Pada tarikh seribu enam puluh tahun, tahun zai, pada tujuh belas hari bulan Jamadilakhir, hari Jumaat, bahawa pada ketika itu maka adalah titah Syah Alam Yang Maha Mulia terjunjung ke atas jemala Paduka Raja suruh salin ambil taruh undang-*

*undang perbuatan Dato' Besar dahulu*

*....."*<sup>4</sup>

dan pada tempat lain pula penulisnya menyatakan:

*"Maka undang-undang ini diperbuat dari zaman Sultan Rijaluddin Muhammad Shah semayam di Naga, muafakat dengan sekalian menteri pegawai dan pendita membicarakan dia supaya tetap adat ini janganlah berubah-ubah ....."*<sup>5</sup>

Berdasarkan dua petikan di atas jelas menunjukkan undang-undang itu mula ditulis pada 17 Jamadilakhir 1060 Hijrah yang menurut kiraan saya bersamaan 26 Jun 1650. Sebagai sebuah hasil karya istana, ternyata penulisan HKK itu dilakukan dengan kehendak atau perintah raja.

Kandungan HKK bahagian pertama itu ditulis sesudah berlakunya serangan Aceh (1619) yang waktu itu pentadbiran Kedah berpusat di Kota Siputih. Sultan Sulaiman Shah II, Sultan Kedah yang ke-12 (1602 – 1620) telah ditawan ke Aceh dan akhirnya mangkat di sana (1626). Puteranya Sultan Rijaluddin Muhammad Shah, Sultan Kedah ke-13 (1626 – 1652) telah memindahkan pusat pentadbirannya ke Kota Naga.<sup>6</sup>

Dari Kota Naga itulah baginda memerintahkan pembesarnya (Paduka Raja) supaya mencampurkan penulisan Undang-undang Kedah seperti yang ternyata dalam dua petikan tersebut. Kandungan bahagian pertama dari HKK itu pada keseluruhannya mencatatkan tentang undang-undang yang berkaitan dengan pelabuhan yang di dalamnya termasuk tatacara mengendalikan pelabuhan, perdagangan dan pesara (pekan/bandar).

Kelahiran undang-undang pelabuhan itu memang sesuai dengan situasi politik di Kedah waktu itu yang sudah stabil, tidak lagi diganggu-gugat oleh musuh-musuh dari luar. Ramai pedagang luar bertempu ke

pelabuhan Kedah termasuklah India (Kalinga dan Gujerat), Belanda yang waktu itu baru menduduki Melaka, Aceh dan kepulauan lain di Nusantara, juga Patani, Lakur (Ligur/Nakon Sithamarat), Singgora (Songkhla) dan Merdulong (Pattalung) iaitu negeri-negeri Melayu di selatan Thailand yang waktu itu sebahagian besarnya kewibawaan dan keutuhan politiknya masih belum tercabar. Hubungan erat dengan negeri-negeri tersebut jelas dapat dilihat bagaimana utusan atau duta mereka yang datang ke Kedah, disambut dan diberi penghormatan sewajarnya mengikut kecil besarnya kerajaan tersebut.<sup>7</sup>

Bahagian kedua dari HKK iaitu "Tembera Dato' Seri Paduka Tuan" terkarang pada 1078 Hijrah (1667 Masihi) seperti yang dinyatakan pada bahagian awalnya. Walaupun tidak terdapat nama sultan yang mengarahkan pembesarnya (Dato' Seri Paduka Tuan) untuk menulis undang-undang tersebut, tetapi ia dapat dikenalpasti. Berdasarkan tarikh tersebut (1078 Hijrah), namanya ialah Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, Sultan Kedah ke-15 (1661 - 1687) yang berpusat di Kota Indera Kayangan dalam negeri Perlis.<sup>8</sup>

Kandungan bahagian kedua HKK ini adalah membicarakan tentang kesalahan dan hukuman terhadap mereka yang melakukan perbuatan yang dianggap jenayah dan yang dilarang oleh syarak. Paling banyak diutarakan ialah mengenai undang-undang pertanian dan penternakan. Antaranya seperti perintah membuat pagar di sawah dan hukuman terhadap kerbau dan tuan kerbau jika kerbaunya menceroboh masuk ke sawah orang lain yang sudah berpagar ataupun jika menanduk orang. Adanya peruntukan khusus dalam HKK yang berkaitan dengan persawahan itu, jelas membuktikan bahawa Kedah sejak abad ke-17 lagi telahpun terkenal sebagai sebuah negeri 'jelapang padi' di Nusantara ini.

Dalam 'Hukum Kanun Dato' Kota Setar', bahagian ketiga dari HKK itu tidak tercatat langsung tarikh tercipta dan siapa Sultan Kedah pada waktu itu. Bagaimanapun berdasarkan sumber penulisan sejarah Kedah lainnya, dapat juga kita mengenalpasti. Nama Dato' Kota Setar iaitu pembesar yang bertanggungjawab menyiapkan hukum kanun itu adalah satu gelaran penting yang ada kaitannya dengan nama 'Kota Setar' iaitu pusat pentadbiran terakhir negeri Kedah yang kemudiannya dikenali sebagai Alor Setar.

Kota Setar telah diasaskan pada 15 Syaaban 1148 (1735 Masihi) oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah II, Sultan Kedah ke-19.<sup>9</sup> Baginda memerintah antara tahun-tahun 1710 - 1778, di samping peneroka bandar Alor Setar, baginda juga mencipta beberapa perubahan dan pembaharuan termasuklah menetapkan matawang baru dan sukatan tanah. Dalam buku Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah ada menyebut tentang arahan baginda supaya menetapkan undang-undang negeri, antaranya ditegaskan:

*"Adapun Sultan Muhammad Jiwa Yang Maha Mulia memerintah negeri Kedah itu adalah mengikut peraturan negeri besar-besar. Baginda itu membuatkan undang-undang, adat dan syarak, serta dipertetapkan masing-masing pegangan di atas segala menteri-menteri tiada boleh menukar pekerjaan masing-masing sebagaimana yang telah ditetapkan itu."*<sup>10</sup>

Berdasarkan kenyataan ini, pastilah orang yang bertanggungjawab melahirkan "Hukum Kanun Dato' Kota Setar" itu ialah Sultan Muhammad Jiwa itu sendiri. Alasan ini dapat diperkuatkan lagi dengan adanya nama baginda yang disebutkan pada bahagian terakhir dalam HKK yang mengisahkan cara-cara membuat 'Bunga Mas' pada zaman baginda.<sup>11</sup>

Hukum Kanun Dato' Kota Setar (selepas ini diringkaskan sebagai 'HKDKS')

pada keseluruhannya mengandungi lapan fasal<sup>12</sup> iaitu yang berkaitan dengan:

- (a) Tugas Temenggung,
- (b) Perintah Raja-raja,
- (c) Syarat Raja-raja,
- (d) Bahasa Raja-raja,
- (e) Pakaian Raja-raja,
- (f) Lima Perkara yang dibenarkan rakyat biasa melakukannya,
- (g) Warna bendera untuk Raja-raja, Menteri dan Hulubalang,
- (h) Sifat kebesaran yang ada pada raja-raja dan para pembesar lain.

Seperti juga dengan tugas 'Syahbandar' yang begitu banyak diperkatakan dalam HKK,<sup>13</sup> maka dalam HKDKS tugas 'Temenggung' paling banyak dinyatakan dari fasal-fasal yang lain. Selaku pembesar yang bertanggungjawab untuk keselamatan negeri dan kesejahteraan rakyat, beliau bersama pembantunya seramai 60 orang sentiasa melakukan rondaan secara bergilir-gilir, di samping ada yang mengawal penjara. Mereka akan menangkap pesalah-pesalah seperti pencuri, penyamun, pemakan madat, penyabung ayam dan pembunuh orang.

Orang ramai tidak dibenarkan berjalan malam kecuali mempunyai sebab-sebab utama dengan syarat menggunakan damar (sebagai lampu atau obor). Mereka yang melanggar hukuman ini akan ditangkap, yang melawan akan dibunuh kerana "ia melawan titah raja".<sup>14</sup> Sekiranya orang yang didakwa atau saksi-saksinya tidak menghadiri perbicaraan yang ditetapkan oleh Hakim, maka Temenggung akan menugaskan orangnya menurut mereka. Pihak anak buah Temenggung yang mencari mereka akan mendapat upah atau bayaran dari mereka mengikut jarak dekat atau jauh mereka itu dapat dikesan. Misalnya jika ke Perlis atau Pedu upahnya dua emas, Tanjung Pauh upahnya dua kupang, sementara Anak Bukit atau Naga upahnya sekupang.<sup>15</sup>

Fasal empat dan lima dalam HKDKS

ditekankan segala 'larangan diraja' baik dari segi perkataan atau bahasa maupun dalam hal pakaian. Ini merupakan antara ciri-ciri keistimewaan yang diperuntukkan kepada raja-raja yang tidak boleh dilakukan oleh orang biasa. Dari segi bahasa, HKDKS menegaskannya begini:

*"Fasal pada menyatakan hukum bahasa raja-raja itu lima perkara: pertama 'titah', dan kedua 'kami', dan ketiga 'kita', dan keempat 'berpatik' dan kelima 'derma kurnia'. Maka kelima perkara ini tiada boleh berkata-kata dengannya mereka yang keluaran, barangsiapa melalui akan dia hukumnya dibunuh jika ia hamba raja, dan dikuju mulutnya jika ia keluaran".<sup>16</sup>*

Apakah yang menarik perhatian kita ialah perkara yang sama terdapat juga pada teks Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Riau.<sup>17</sup> Cuma yang berbeza dalam HKDKS tidak terdapat kata 'murka' dan ia sebaliknya digantikan dengan kata 'kita' manakala yang lainnya adalah serupa.

Dari segi pakaian pula, HKDKS menyatakan begini:

*"Fasal pada menyatakan pakaian raja-raja itu empat perkara: pertama berkain kuning, dan kedua bertilam pandak empat persegi namanya peterana, dan ketiga ubur-ubur, dan keempat tombak bercabang. Maka seperti pakaian yang demikian, tiada boleh yang lain memakainya, barangsiapa memakainya kelak dirampas".<sup>18</sup>*

Kesemua larangan tersebut jelas menunjukkan betapa tingginya taraf seseorang raja dianggap berdaulat itu. Larangan tersebut bertujuan untuk membezakannya dengan rakyat jelata. Dalam HKDKS, di samping warna kuning menjadi warna khusus untuk pakaian diraja, terdapat dua perkara lagi yang menjadi kepunyaan raja seperti yang ditegaskan dalam fasal 6 iaitu:

- (i) membuat perusung atau alat

mengusung orang yang dipanggil 'raja diraja'.

- (ii) membuat binaan sebagai tambahan kepada yang sedia ada pada bahagian kiri dan kanan sesebuah bangunan, atau rumah, kapal atau perahu, yang dipanggil 'sayap lelayang'.

Kedua-dua perkara ini juga adalah dilarang kepada rakyat biasa membuatnya. Bagaimanapun ada pula kekecualiannya iaitu dalam mengerjakan sesuatu adat atau aktiviti harian, rakyat dibenarkan membina dua perkara di atas termasuk dibenarkan memakai pakaian berwarna kuning, tetapi mestilah dengan syarat-syarat tertentu dan yang ada kaitannya dengan kebaikan atau kepentingan kepada raja. Berikut ini diperturunkan beberapa kutipan menarik dari HKDKS yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan ini:

"Fasal yang menyatakan lima perkara yang boleh diperbuat oleh mereka yang keluaran, kerana maaf dan diampuni raja.

Pertama di atas 'mempelai' yang diarak, boleh ia memakai pakaian kekunginan dan pakaian beremas dan berpayung besar yang dipegang oleh orang serta bersorak-sorak, dinamai akan dia 'raja sehari', kerana puteranya pada sehari itulah raja kepada sekalian warisnya.

Dan kedua di atas 'jenazah' boleh diperbuat mereka itu raja diraja dan sayap lelayang dan sulur bayung serta kain sampai, kerana puteranya sehari itulah hilang di mata mereka itu sekalian warisnya, sekalian pekerjaan itu tiada menjadi tulah atau papa.

Dan ketiga di atas 'perahu' yang dibawa ke lautan boleh dibubuh sayap lelayang, maka petuanya tiada dapat pada ketika perahu itu dipinjam raja.

Dan keempat pada 'masjid' boleh dibubuh sayap lelayang, maka petuanya di rumah Allah, apabila raja berangkat, nescaya singgah ia sembahyang.

Dan kelima di atas 'pangkalan' yang

besar-besar serta banyak orang pergi datang bolehlah diperbuat jamban berdinging papan dan bersayap lelayang.

Dan demikian juga pada 'jalan raya' hendaklah diperbuat telaga dan balai bersayap lelayang, maka petuanya tatkala raja berangkat mudik, bila dipandanginya jamban itu baik, dan singgahlah ia naik kepada jamban itu, dan apabila berangkat berburu, bila dipandanginya, balai dan telaga itu baik, nescaya singgahlah ia di situ, berhenti bersemayam."

Pada fasal terakhir HKDKS dinyatakan apakah sifat-sifat kebesaran yang ada pada seseorang para pembesar seperti Syahbandar, Laksamana, Temenggung, Panglima Negeri dan lain-lain termasuklah juga mata-mata dan 'hamba raja'. Pada keseluruhannya yang ingin ditegaskan oleh undang-undang tersebut ialah ketika para pembesar itu menjalankan kewajipan atau tugas yang ditetapkan, kuasa mereka seperti seorang raja, kerana mereka menjalankan tugas raja, seperti dalam beberapa kutipan berikut:

"Dan kebesaran Panglima Negeri, pada masa dititahkan raja berkerah, ialah raja, tiada boleh dilalui (dibantahi) sabdanya".

"Dan kebesaran Temenggung itu pada masa membunuh orang dengan titah oleh raja, tiada boleh dilalui perkataannya kerana ialah raja pada masa itu".<sup>19</sup>

Di bahagian terakhir HKDKS itu terdapat gelaran 'Seri Perdana Menteri' dan pada bahagian terakhir Hukum Kanun Kedah itu gelaran tersebut diulang lagi dengan sebutan 'Paduka Seri Perdana Menteri' atau 'Perdana Menteri' sahaja. Gelaran ini diberikan kepada seseorang pembesar paling kanan iaitu berjawatan 'Bendahara' dan ianya terus digunakan sehingga ke abad 19 iaitu pada zaman pemerintahan Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1881 - 1943), Sultan Kedah ke-25. Tokoh tersebut ialah Wan Muhammad Saman<sup>20</sup> yang dilantik sebagai Perdana Menteri Kedah Darulaman pada

tahun 1870 di zaman Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukaram Shah, Sultan Kedah ke-23.

Sebenarnya masih terdapat beberapa gelaran lagi dalam Hukum Kanun Kedah itu yang digunakan dengan luasnya pada masa silam tetapi tidak dipakai lagi sejak akhir abad ke-19. Misalnya gelaran 'Orang Kaya Khankhan' atau 'Hakim Seri Maharaja Khankhan' dan juga 'Paduka Seri Maharaja Jalil'. Di samping bertugas sebagai Hakim Besar di dalam negeri, Orang Kaya Seri Maharaja Khankhan juga ditugaskan mengubal syarat-syarat perjanjian dengan pihak-pihak kerajaan lain malah ia sendiri bertindak sebagai wakil bagi pihak Sultan untuk menandatangani sesuatu perjanjian.<sup>21</sup> Sementara Paduka Seri Maharaja Jalil bertindak sebagai Mufti di samping sebagai saksi dalam menyelesaikan sesuatu hal yang bersangkutan dengan pemberian tanah kepada rakyat. Namanya sering disebut pada bahagian akhir geran-geran tanah yang dikeluarkan di Negeri Kedah pada abad ke-19.<sup>22</sup>

Pada akhir rencana ini kita perlu juga meninjau beberapa pendapat yang menyatakan adanya pengaruh-pengaruh luar dalam penulisan Hukum Kanun Kedah. Kebanyakan Hukum Kanun atau Undang-Undang Melayu Lama di negeri-negeri di Nusantara ini dikatakan banyak didasarkan kepada Hukum Kanun Melaka yang dianggap sebagai prototaip atau contoh penulisan undang-undang di negeri-negeri lain. Contoh yang jelas ialah 'bahasa diraja' iaitu beberapa perkataan yang dilarang kepada orang biasa menggunakannya seperti yang telah dinyatakan.

Perseamaan lain dapat dilihat pada fasal yang membicarakan tentang 'tanah hidup' dan 'tanah mati'. Tetapi pada bahagian-bahagian lain, banyak perbezaan ditemui pada kedua teks itu. Misalnya dalam menghuraikan larangan yang dikenakan kepada rakyat biasa, dalam Hukum Kanun Dato' Kota Setar ada kelonggarannya, iaitu

rakyat biasa dibolehkan membuat sesuatu yang terkandung dalam 'larangan diraja' itu pada ketika-ketika yang tertentu.

Dalam mengendalikan pelabuhan dan perdagangan eksport-import dari kualahingga ke ibu negeri, Hukum Kanun Kedah mencatatkan dengan teratur menurut protokol-protokol tertentu mengenai tugas pegawai-pegawai yang terlibat seperti Panglima Kuala, Panglima Negeri, Syahbandar dan Panglima Bandar, bila sesebuah kapal dari luar tiba. Kerana begitu rapi dan terperinci itulah maka kemungkinan ada kebenarannya bila Winstedt menyamakan dengan Undang-undang Pelabuhan yang terdapat pada zaman keagungan Dinasti Moghul di India yang menurutnya:

*"After the fall of Malacca, Kedah became particularly rich in legal digests. The oldest recorded is dated A.D. 1650 and deal with port laws, which resemble closely those of the Great Moguls in the Tarikh-i Tahiri".<sup>23</sup>*



NOTA:


1. Didasarkan kepada mikrofilem teks Jawi, dari Versi Perpustakaan Berlin, dan School of Oriental and African Studies (SOAS), London.
2. Sutan Takdir Alisjahbana, *Puisi Melayu*, Pustaka Rakyat, Jakarta, Cetakan Keempat, 1954, hal. 4.
3. R.O. Winstedt, "Kedah Laws", *JMBRAS*, Vol. VI, Pt. II, 1928, hal. 14 – 44.
4. SOAS, hal. 1.
5. *Ibid.*, hal. 16.
6. Kota Naga, dahulunya sebagai pusat pentadbiran Kedah yang keempat (1626 – 1654), kini sebagai sebuah kampung/mukim terletak kira-kira 20km dari Alor Setar.
7. SOAS., hal. 16 – 17.
8. Kota Indera Kyangan terletak di Negeri Perlis, menjadi pusat pentadbiran Kedah yang keenam (1664 – 1688).
9. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, edisi rumi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, hal. 125.
10. *Ibid.*, hal. 114.
11. SOAS, hal. 24.
12. *Ibid.*, hal. 26 – 29.
13. Dalam Hukum Kanun Kedah, tugas Syahbandar di samping mengendalikan soal-soal perdagangan dan pelabuhan, ia juga berperanan selaku Temenggung (Ketua Polis) yang tugasnya meliputi ke atas pasar (pesara), menangkap mereka yang melaku-  
kan perkara-perkara yang dilarang termasuk menyembelih kerbau haram (dicuri atau tanpa izin/cap Syahbandar), dan juga mereka yang makan di khalayak ramai pada bulan Ramadan.
14. SOAS, hal. 26.
15. *Ibid.*, hal. 27.
16. *Ibid.*
17. Undang-undang Riau, Mikrofilem 161, Batavia, hal. 2.
18. SOAS., hal. 28.
19. *Ibid.*, hal. 29.
20. Di samping seorang Perdana Menteri, beliau juga adalah seorang jurutera yang bertanggungjawab menjayakan pembinaan sebuah terusan yang terkenal (Terusan Wan Muhammad Saman) sepanjang 35km, dari Alor Setar ke Gurun bagi tujuan pengaliran air ke sawah-sawah padi.
21. R. Bonney, *Kedah 1771 – 1821: The Search for Security and Independence*, Oxford University Press, Cetakan Kedua, Kuala Lumpur, 1974.
22. Misalnya dua pucuk geran yang masing-masing beralamat Kampung Sungai Baru, Gunung, bertarikh 1216H (1802M), dan Kampung Padang Lalang, Alur Janggus, Kota Setar, bertarikh 1218H (1803M).
23. R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Oxford University Press, Ely House, London, 1969, him. 169.

# Kedah Dalam Tahun 1851: Zaman Pemerintahan Sultan Zainal Rashid I

Ahmad Haji Saleh

*Dipetik dari Kedah Dari Segi Sejarah Jil. 2, Bil. 1, 1967*

*"Apabila diberitahu yang Logan ingin melawat Makam Langgar, Tuanku pun menitah menyuruh sediakan 6 ekor gajah berserta dengan beberapa orang pengikutnya lagi. Gajah-gajah itu mengharung bendang-bendang yang belum lagi ditanam dan di bendang yang sudah bertanam, gajah itu melangkah dengan teratur dan sekali pun tidak berjaya hendak meragut anak-anak padi itu kerana disergah oleh gembalanya."*



Gajah merupakan kenderaan terpenting di zaman silam. Gambar ini adalah Gajah DiRaja yang sering digunakan oleh Sultan Abdul Hamid Halim Shah ketika mengadakan lawatan ke daerah-daerah di Kedah.

"Kisah Pelayaran Abdullah" memberitahu kepada kita dengan sejelasa-jelasnya keadaan-keadaan di negeri Pahang, Trengganu dan Kelantan pada masa pengarangnya Munshi Abdullah melawat ke sana dalam tahun 1887/88. Dari segi sejarah buku ini menjadi satu dokumen yang penting kerana daripadanya kita beroleh pengetahuan-pengetahuan sezaman yang terang mengenai negeri-negeri di pantai Timur dari Istana raja sampailah ke pasarnya.

Tiga belas tahun kemudian dari tarikh pelayaran Munshi Abdullah ke negeri-negeri itu, iaitu dalam tahun 1851, seorang Inggeris bernama J.R. Logan telah belayar ke Kedah. Logan ini ialah pengarang "Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia" yang diterbitkan di Singapura pada masa itu. Ia juga menjadi ahli Fellow of the Geographical Society, ahli Asiatic Society (pada masa itu belum lagi mendapat sandangan "diRaja"), ahli yang berutus (corresponding member) Ethnological Society of London dan Batavia Society of Arts and Sciences.

Kisah pelayarannya ke Kedah itu disiarkannya di dalam Journal tersebut, iaitu dalam Jilid kelima tahun 1851. Dari journal itulah dipetik isi-isi bagi rencana ini. Saya percaya bahawa inilah suatu kisah bertulis sezaman negeri Kedah yang mempunyai nilai sejarah yang tidak kurang pentingnya dari buku "Kisah Pelayaran Abdullah" yang terkenal itu.

Karangannya ditulis dengan cara yang objektif, segala yang dilihat semuanya dicatatkan. Tetapi oleh sebab masa itu merupakan suatu zaman yang agak gelap di dalam sejarah Kedah berhubung dengan tekanan-tekanan Siam serta pendirian Inggeris yang mengecewakan, maka di sana sini terdapat juga sentimen-sentimen yang bersimpati dengan penderitaan yang ditanggung oleh Kedah pada masa itu.

Tujuan Logan ke Kedah ialah hendak mencari Semang. Ia sampai ke Kuala Kedah

pada 10 haribulan September 1851. Demikian katanya, "10 September, pada paginya kami sampai ke Kuala Kedah dan oleh kerana ceteknya kami berlabuh hala ke atas sedikit dari kota yang rosak dan terbiar itu hinggalah air pasang. Kemudian barulah kami mudiki sungai itu."

Setelah melalui sebuah selekoh, Logan pun sampai ke kampung Seberang Nyonya yang letaknya pada sebelah kiri. Kampung ini kata Logan mempunyai lebih kurang lima belas buah rumah dan di antaranya cuma sebuah sahaja yang terbesar. Rumah itu dipunyai oleh Wan Sme (Ismail); kelilingnya berpagar dan ada sebuah perahu di hadapannya. Dari tanda-tanda yang menunjukkan kekayaan itu nampaknya dialah orang yang terkemuka di tempat ini.

Kemudian diceritakannya dengan lanjut akan tiap-tiap selekoh Sungai Kedah itu lengkap dengan ukuran kedudukannya sekali, beberapa darjah ke utara atau ke selatan; disebutnya segala nama kampung, gunung atau bukit yang dilalui atau dilihat olehnya; serta anak-anak sungai yang mengalir ke dalam Sungai Kedah itu dan tanaman-tanaman atau tumbuh-tumbuhan yang didapati. "..... nipah sekarang lebih tebal dan besar-besar daunnya..... kelihatan gunung keriang..... sebelah kanan sawah padi..... pokok kelapa kelihatan di belakang pokok nipah dan hutan..... ada beberapa buah rumah orang di sebelah kanan..... tanah lembah yang luas di tebing kiri di selangi dengan barisan-barisan pokok kayu..... Gunung Jerai kelihatan di selatan" demikian katanya. Keterangan-keterangan yang halus teliti ini seolah-olah untuk menjadi panduan kepada orang-orang yang hendak pergi ke Kedah kemudian daripadanya kelak.

Rumah-rumah tadi itu rupanya ialah Kampung Alor Setar tempat kediaman ketua-ketua pemerintahan negeri Kedah. Logan pun mengutuskan jurutulis Melayunya ke dalam kota. Setelah beberapa lamanya jurutulis itupun balik bersama

dengan seorang Melayu lain dan seorang Keling. Mereka membawa khabar daripada dua orang Menteri Kedah mengatakan yang Raja tiada di Alor Setar, tetapi menteri-menteri itu sendiri suka hendak bertemu dengan Logan. Logan pun pergilah berjalan melalui satu lorong yang panjang dan becak, di kiri kanan jalan ada kedai-kedai atap yang kelihatan kotor; di dalamnya nampak kain berlonggok-longgok dan kedai-kedai yang lain pula menjual barang-barang yang selalu digunakan oleh orang-orang Melayu. Pada hujung kampung itu mereka menyeberangi sebatang parit melalui satu titi papan yang robek, kemudian berpusing ke kanan tak jauh dari situ nampaklah kota yang bernama Kota Setar, diperbuat daripada batu-bata tetapi sudah rosak. Di luarnya terdapat sebuah rumah yang belum lagi siap, cuma tiang dan bumbungnya sahaja yang terdiri. Kayunya besar-besar dan pertukangnya kata Logan, menunjukkan lebih Bugis dari Melayu; dan di tengah-tengah rumah yang berselerak dengan papan dan serbuk gergaji itu ada beberapa buah kerusi.

Menteri Kedah pun keluarlah menyambut Logan. Seorang daripadanya sudah tua umurnya, memperingatkan Logan yang dia telah menjadi saksi dalam perbicaraan Tengku Muhammad Saad, seorang anak saudara Raja Kedah di Pulau Pinang kerana dituduh merompak sepuluh tahun dahulu. Yang seorang lagi pula telah berkenalan dengan Logan semasa ia pergi ke Singapura dengan urusan pemerintahan tidak lama dulu. Kedua-dua menteri itu memberitahu Logan yang Raja ada di hulu kerana mengelakkan diri dari penyakit Cacar.

Logan menyatakan tujuannya hendak mengikut Raja ke sana seberapa boleh dengan tidak melanggar pantang dan Menteri itu pun berjanji hendak memberi seorang penunjuk jalan kepadanya. Sebelum bertolak balik ke kapalnya Logan telah berbual panjang dengan menteri



Kampung Seberang Kota yang pertama sekali wujud di Kuala Kedah. (Muzium Negeri Kedah)

yang berdua itu, akan tetapi sayang Logan tidak menangkan apa yang telah diperbincangkan melainkan katanya:-

*"keadaan negeri Kedah yang menyedihkan pada masa itu tak membenarkan saya mengulang isi percakapan itu."*

Pada malamnya Logan pun mudiklah ke Bukit Pinang. Di situ ada balai tempat orang menjaga pantang, yakni tempat menahan orang keluar masuk mengikut tempat itu disebabkan oleh penyakit cacar yang disebut tadi. Tempat itu sebenarnya merupakan satu karentin, kerana perahu yang sampai siang dibenar meneruskan pelayarannya pada malam hari. Tiap-tiap perahu yang sampai ditambat di tiang-kalan itu, hingga ramailah tempat yang sunyi dan tiada berumah orang itu. Orang-orang perahu yang datang itu ada yang bercakap-cakap sesamanya, ada yang memasak dan ada pula yang tawar-menawar ikan kering dengan mata-mata yang berjaga di balai itu. Tebing sungai itu sejauh 20 dengan 30 langkah adalah dibiarkan tidak bertanam, cuma dipenuhi dengan rumput dan pokok-pokok kecil dan dipagari oleh pokok-pokok buluh.

Dengan melalui celah-celah pokok buluh itu Logan berada di persisir sebidang tanah pamah di Benggala dan tidaklah ada yang seumpamanya di seluruh Semenanjung ini. Segala-galanya ialah sawah padi yang maha besar yang hanya dipisah-pisah oleh barisan pokok-pokok kayu. Tetapi Logan menambah kata, cuma sebahagian kecilnya sahaja yang dikerjakan pada masa itu. Ada setengah-setengahnya sedang dibajak dengan lembu dan kerbau dan pada bahagian-bahagian lain orang-orang perempuan sedang menanam padi. Logan terus berjalan sampai berjumpa dengan beberapa buah rumah. Orang-orang Melayu di situ menyatakan kepadanya tanah itu tidak sebaik tanah di Seberang Prai kerana kata mereka di Seberang itu tanahnya baharu dan di tempat mereka di sini tanahnya sudah lama.


The State is more purely a Malay State than the States of the Federated Malay States. The Muhammadan, and not the Christian, calendar is used. Friday is, as well as Sunday, a day upon which the public offices are closed. The language of the Legislature, the Courts and the public offices is Malay. There are only ten European officers in the State, and of this number three are police officers, two are financial officers, three are professional officers (the State Surgeon, the State Veterinary Surgeon and the State Engineer), and the remaining two are the Adviser and the Assistant Adviser. There are a few Tamil officers in the Medical and Postal Departments, but with the exception of these officers, of the Sikh detachment of the Police Force, and of a few interpreters and detectives (Chinese, Siamese and Tamil) all the Government servants are Malays; and of the Malays perhaps not more than half a dozen understand any language except their own.

The administration of the Govern-

ment is by departments somewhat on the lines of the departments of the Federated Malay States, and there are District Officers in each district. These District Officers, however, have not had the multifarious duties of the District Officers in the Federated Malay States, and have been considered merely as Police Court Magistrates. This was altered by General Orders issued by the State Council at the end of the year, and the District Officers now interest themselves in the work of the Land Office, Mines Office, Hospital, Gaol and Public Works and other departments in the same way that the District Officers do in the Federated Malay States.

## PART II FINANCIAL

The actual revenue for the year was \$1,240,276 as against an estimate of \$1,214,140.

The revenue since the date of the creation of the State Council has been:

- A.H. 1323 (A.D. 1905) - \$ 402,639 (for six months only)
- A.H. 1324 (A.D. 1906) - \$ 947,784
- A.H. 1325 (A.D. 1907) - \$1,056,425
- A.H. 1326 (A.D. 1908) - \$1,102,911
- A.H. 1327 (A.D. 1909) - \$1,240,276

The actual expenditure for the year was \$1,005,328, being \$213,753 less than the estimated expenditure of \$1,219,081, and \$234,948 less than the actual revenue.

The expenditure since the date of the creation of the State Council has been:

- A.H. 1323 (A.D. 1905) - \$ 272,443 (for six months only)
- A.H. 1324 (A.D. 1906) - \$ 885,786
- A.H. 1325 (A.D. 1907) - \$1,244,496
- A.H. 1326 (A.D. 1908) - \$1,165,562
- A.H. 1327 (A.D. 1909) - \$1,005,328

The figures here given differ from those shown in the appendices to Mr. Hart's reports, where advances recoverable are shown.

# Kedah Stamp

Abd. Hamid Azmi

*Dipetik dari The Gate, 1953*

*'Old stamps issued before the war were much more attractive than those of today'*



Setem Sebelum Perang

In 1909 the jurisdiction of the State of Kedah was transferred from Siam to Great Britain. In 1912 Kedah issued her first postal and revenue stamps. They were of three designs:

(a) A sheaf of padi with the Jawi script "Kedah" on the top and a Romanised equivalent at the bottom. The words "Post and Revenue" in Jawi Malay and in English are on the left and the right sides respectively. The denominations are at the four corners. They are:-

- 1 c. - green and black.
- 3 c. - carmine and black.
- 4 c. - slate and carmine.
- 5 c. - orange brown and green.
- 8 c. - ultramarine and black.

(b) The 10 c., 20 c., 30 c., 40 c. and 50 c. stamps had the picture of a Malay farmer (wearing a baju, seluar and sarong with a nipah-leaf hat) ploughing with two oxen. The use of two oxen for ploughing has apparently become uncommon in Kedah "bendangs" now. The colours for the various stamps are as follows:-

- 10 c. - black, brown and blue.
- 20 c. - yellow, green and black.
- 30 c. - carmine and black.
- 40 c. - lilac and black.
- 50 c. - dull blue and brown.

The dollar to five dollar stamps had the picture of the Balai Besar. The Balai Besar is where official functions to which representatives of the public are invited, are held. Since 1948 the Council of State holds its meetings there.

- The colour of the dollar stamps are:-
- \$1 - scarlet and black on yellow.
  - \$2 - dark brown and dark green.
  - \$3 - dark blue and black on blue.
  - \$5 - carmine and black.

In 1919 the 1 c., 3 c. and 4 c. (both purple and scarlet) stamps of Straits Settlements were authorised for use in Kedah during a temporary shortage of Kedah stamps. Stamps so used can be identified by the post mark. It should be

noted, however, that the stamps of one State can be used in another since the Federation of Malaya came into being.

During the period 1919 to 1921 the following new denominations were issued:-

- 2 c. - green-sheaf of padi.
- 21 c. - red, violet and blue - ploughing.
- 25 c. - red, violet and blue - ploughing.

and the following existing denominations were with new colours:-

- 1 c. - brown.
- 3 c. - dark violet.
- 4 c. - scarlet.

In 1937 the portrait of His Highness Sultan Abdul Hamid replaced the picture of the padi sheaf, Balai Besar and the ploughing on all stamps valued from 10 c. to \$5.



At the beginning of the Japanese regime in Malaya, 1941, Kedah stamps (padi sheaf issued just before the war) were used. The words DAI NIPPON, 2602 were over printed in red. Sometime later, presumably in 2603 Japanese year, for so do most of the stamps show, the Japanese Government issued new Malayan stamps. They were of several designs such as, an Indian rubber tapper, Malayan vegetables and fruits, a farmer ploughing at sunrise,

and a Malay fishing village. Each stamp was printed with the word MARAI (for Malaya) both in Kanji and Katakana, the Japanese alphabets. The denomination was written in English and Katakana.

One should be surprised to see the attractiveness of the Japanese Malayan stamps. Nevertheless a middle aged Malayan knows that these stamps never passed any Post Office outside the "Japanese Empire".

All these stamps were replaced by the B.M.A. stamps in 1945. The latter were Straits Settlements stamps overprinted with the words B.M.A. MALAYA in red.

To commemorate the silver wedding of the late King George VI in 1948, Kedah together with other States and Settlements issued stamps of similar designs. The picture of the King and the Queen formed the main design and the name of the State or Settlement was written at the bottom.

In 1949 Kedah celebrated another anniversary by issuing a few attractive stamps. It was the 75th Anniversary of the Universal Postal Union.

A philatelist would certainly agree the old stamps of Kedah issued before the war were much more attractive than those of today. It is not only the design, but also the paper of today's stamps that brings down their value. However, we hope that Kedah as well as Malaya will produce outstanding issues of stamps.





## Catatan 1

*(Dipetik dari Zain Ariff 'Secebis Kenangan'  
Dewan Sastera 15 Mei 1979)*

Di antara tahun 1929 – 1930, loji air di Bukit Pinang, kira-kira 11 batu dari Alor Setar sudah separuh siap pembinaannya. Kerja-kerja memasang jentera dan lain-lain alat yang memerlukan tenaga dari “tukang pasang” atau *fitter* sedang dijalankan, dan kebetulan ayah mempunyai kebolehan dalam bidang ini.

Dari seorang tukang besi, ayah berpindah kerja di Bukit Pinang sebagai pemasang alat-alat di loji air itu. Itulah loji yang kedua di Kedah. Loji pertama ialah loji Bukit Wang. Dengan perubahan kerja ini, gaji ayah meningkat menjadi 80 sen sehari.

Kami tidak turut berpindah ke Bukit Pinang kerana ayah sendiri mengatakan dia tidak akan lama bekerja di situ. Lebih-lebih lagi adik saya Yusuf baru sahaja dilahirkan. Jadi ayah terpaksa berbasikal 11 batu lebih, berulang alik ke Bukit Pinang setiap hari.

Ibu terpaksa bangun pukul tiga setiap pagi, menyediakan sarapan dan bekalan untuk ayah. Kata ibu, ayah gemar berbekalkan roti canai atau roti perata. Ayah berbasikal menempuh rimba dan belukar, kerana ketiadaan jalan raya. Kampung-kampung belum banyak dibuka. Dalam perjalanan ke Bukit Pinang di malam gelap begitu pernah ayah bersua dengan pak belang.

Mengenangkan kisah ayah ini membuat saya termenung panjang. Betapa bertuahnya generasi muda sekarang, jarang lagi terpaksa berkayuh berpuluh-puluh batu menempuh rimba dan belukar di tengah malam buta mencari nafkah. Saya terkenang betapa gigih dan tekunnya ayah mencari rezeki yang halal.

Walau bagaimanapun ayah terpaksa menempuh berbagai rintangan semata-mata untuk mencari nafkah kami berempat.



Encik Muhamad Zain b. Ariff  
seorang penulis 1940 an yang aktif

Ayah hanya diberi bayaran tambahan sebanyak \$5 oleh majikan sebagai elaun pengangkutan. Majikan tak dapat menyediakan pengangkutan untuk ayah ke Bukit Pinang kerana hanya ayah seorang sahaja yang berulang alik.

Anak-anak saya sendiri misalnya terpaksa dibangunkan oleh ibu mereka dengan pujuk rayu setiap pagi untuk ke sekolah atau ke tempat kerja. Kalau hari hujan, mereka akan minta hantarkan dengan motokar. Kalau keadaan payah sedikit, mereka lebih rela ponteng sekolah atau ponteng kerja.

Keadaan kewangan ayah bertambah baik sejak bertugas di Bukit Pinang. Dengan gaji, elaun basikal dan *overtime* jumlah pendapatannya lebih dari \$40 sebulan dan ini sudah melebihi gaji seorang kerani di waktu itu.

Setiap pagi ketika keluar dari rumah, ibu selalu terdengar sumpah seranah ayah. Ayah naik radang, kerana kakinya terkena najis yang dilonggokkan oleh keluarga jiran kami di barek itu. Menjadi pelik pada ayah, mengapa mereka suka "melonggok" di atas jalan raya atau dalam rumput di tepi jalan, padahal jamban yang sempurna sudah pun disediakan di tiap-tiap rumah.

Setiap malam ayah berungut kerana tak dapat tidur. Ayah mesti tidur awal kerana dia terpaksa bertolak dari rumah pada jam 4.00 pagi selewat-lewatnya. Sedangkan jiran-jirannya terus riuh membising dengan tempayan tadi, gendang dan sebagainya hingga larut malam. Kalau mereka tidak riuh bersuka ria begitu, mereka akan berkelahi di antara suami isteri atau di antara jiran. Begitulah keadaannya ketika kami berjiran dengan buruh-buruh kasar dari India.

Keadaan ini menyebabkan ayah terpaksa berpindah ke rumah kampung supaya dapat hidup di tengah-tengah masyarakat sendiri. Pada awal 1930 berpindahlah kami ke sebuah rumah Melayu, bumbung lima, di Kampung Haji

Mohd. Ariff, yang disebut orang sebagai Kampung Haji Matdari sahaja. Rumah itu terletak di tepi terusan Sungai Korok Wan Saman, di seberang jalan raya Sungai Korok, tidak jauh dari Pasar Besar Ikan Seberang Perak.

Walaupun dekat dengan pasar, ibu tidak pernah sekalipun keluar untuk membeli belah. Segala makan pakai kami, ayah yang membelinya. Barang-barang basah seperti ikan, daging atau sayur, di-hantar orang ke rumah. Lebih-lebih lagi bila kami berpindah ke rumah kampung dengan pendapatan ayah yang semakin terjamin, ada pula saudara mara ibu yang membawa anak gadis mereka untuk tinggal bersama kami dengan alasan untuk membantu ibu. Saya yang berumur tiga tahun lebih, tidur bersama dengan anak-anak gadis yang kononnya menjadi "pengasuh" saya di sebuah bilik yang agak besar juga. Ibu, ayah dan adikku yang masih menyusu tidur di kamar lain.

Hingga hari ini, bila saya sendiri sudah pun menjadi datuk kepada sembilan orang cucu, saya masih belum dapat menggambarkan, betapakah susunan perabot dan keadaan di kamar tidur ibu bapa saya. Sejak kami mencapai umur satu setengah tahun, kami tidak lagi tidur bersama ayah dan ibu. Kami tidak diizinkan malah dilarang keras masuk ke kamar tidur ibu bapa kami, hinggakan kami rasakan bilik tidur ayah dan ibu merupakan sebuah kamar rahsia. Demikianlah ayah mendidik kami, supaya menghormati kamar tidur ibu bapa.

Kalaulah ada sesuatu yang hendak dibincangkan oleh ayah dan ibu, atau ada sesuatu yang hendak diperdebatkan mereka, mereka masuk ke bilik tidur dan menyelesaikan masalah itu tanpa diketahui oleh kami. Bila di hadapan kami, ibu dan ayah tetap baik, sepakat, dan aman damai.

Tidak jauh dari rumah kami terletak sebuah rumah besar yang dikenali sebagai "Kelab Candu", di samping sebuah rumah

berhala, yang dikenali dengan "Tokong Candu". Di "Kelab Candu" ramai penagih candu, kebanyakannya dari golongan atasan dan terhormat bertumpu untuk "membuang candu", atau di zaman sekarang dikatakan menerima rawatan pemulihan. Rawatan yang dijalankan di situ merupakan rawatan *spiritual* atau rawatan jiwa, sama seperti yang diusahakan oleh dukun-dukun sekarang ini. Boleh dikatakan ramai juga yang dapat dipulihkan. Ketetulan, ada juga salah seorang keluarga ibu yang pernah jadi "tahi candu" berjaya dipulihkan "di Kelab Candu" itu.

Salah satu upacara dalam rawatan di "Tokong Candu" itu, ialah dengan mengadakan "wayang tongkol" (puppet show — wayang patung) dan wayang Cina di tanah lapang dekat rumah tokong itu. Wayang tongkol dan wayang Cina ini bermain siang malam, mengemukakan lakonan yang memuja dewa-dewa dan memohon restu dewa-dewa itu "memulihkan" penagih-penagih candu.

Saya tidak berpeluang merayau di waktu malam. Tetapi di tengah hari, di kala ibu dan adik dan pengasuh sedang tidur saya mencuri bertandang ke rumah jiran, saya cepat-cepat menyelip ke tempat wayang Cina. Alangkah gerunnya, melihat watak-watak dalam wayang Cina itu, dengan janggut yang panjang hingga ke pusat. Yang berperanan jahat pula biasanya berbadan besar. Manakala watak puteri pula semuanya cantik-cantik. Saya tidak dapat memahami jalan cerita yang dilakonan, tetapi saya sungguh tertarik dengan perhiasan pentas, pakaian dan "silat perang" nya. Mata saya terpaku dan mulut terganga bila menyaksikan lakonan dan tarian wayang Cina itu. Tetapi bila sahaja dipancarkan cahaya kilat, dan dibunyikan "suara guruh" saya menjadi kecut dan cuak. Kami yang sebaya akan lari berselerak, memeluk pokok-pokok kelapa di sekitar kawasan itu. Bila takut dan cuak sudah reda, kami akan menonton semula.

Bila tabuh di masjid berhampiran berbunyi menandakan waktu asar, kami akan bertempiraran pulang kerana di waktu itu ayah kami akan pulang dari kerja, dan ibu saya akan bangun dari tidur. Begitulah keadaan saya setiap hari ketika tinggal di kampung itu.

Entah apa kena mengenanya dengan upacara "membuang candu", dari pondok "Wayang Tongkol" itu ditabur keluar keping-keping wang setengah sen. Kami akan rempuh merempuh, rebut merebut, mendapatkan wang siling setengah sen tadi. Kalau nasib baik, saya dapat hingga lima enam keping, tapi bila nasib tak baik, satu keping pun tak dapat. Tetapi ada kawan yang mendapat banyak akan memberi pada kami sekeping dua. Begitulah budi bahasa di zaman itu, walaupun di kalangan anak-anak. Dengan wang setengah sen, kami dapat membeli sekeping kuih, segelas air batu, sebungkus kacang, atau tiga biji buah kana manis. Saya sentiasa memilih buah kana. Kalau sudah ada empat keping setengah sen, bererti kanak-kanak itu sudah kaya, boleh belanja kawan.

## Catatan 2

(Dipetik dari Zain Ariff 'Secebis Kenangan'  
Dewan Sastera 15 Okt. 1979)

Tahun 1938, tahun akhir saya di sekolah Melayu merupakan tahun yang penuh peristiwa dan cabaran. Sebagai kumpulan pertama yang mempelopori darjah empat di sekolah itu, kami, iaitu guru dan murid, berusaha keras mencapai kejayaan cemerlang bagi membuktikan bahawa walaupun kami baru setahun jagung, namun kebolehan kami tidaklah boleh dipersoalkan. Tujuan kami yang besar ialah menaikkan nama sekolah.

Pak Zain, bersungguh-sungguh mengajar kami. Sekiranya ada murid yang sukar memahami pelajaran akan diajaknya ke rumahnya. Setelah diberi makan dan minum, murid itu terus diajarnya.

Persaingan murid lama yang sudah berumur, saki-baki dari sistem sebelumnya, dengan murid-murid muda amatlah hebat. Murid-murid lama, yang ada di antara mereka sudahpun berumur 16 tahun, tidak mahu mengalah, malu mereka kepada teman-teman yang muda, manakala yang muda mahu pula membuktikan bahawa mereka juga tidak kurang kebolehan. Persaingan ini amat sihat bagi kemajuan darjah kami.

Suatu perkara yang saya kenang hingga sekarang ialah kegigihan guru-guru yang mengajar. Mereka tidak tergesa-gesa melepaskan murid pulang, selagi murid belum faham pelajarannya. Pernah berlaku beberapa kali kelas diteruskan sehingga satu jam lampau dari waktu yang dijadualkan.

Kalau ada pula murid yang mundur, bukan kerana otaknya lemah, tetapi kerana kekurangan buku dan lain-lain alat, guru-guru ini berusaha mendapatkan bantuan, kadang-kadang dengan menggunakan wang sendiri.

Tidak ada guru yang tergesa-gesa pulang kerana hendak memberi *tuition* di rumahnya, kerana tidak ada yang membuat

kerja lain bagi menambahkan pendapatan. Di antara guru-guru tidak ada perlumbaan menunjukkan lagak. Kebanyakan guru hanya mampu menggunakan basikal sahaja untuk berulang-alik berbelas-belas batu dari rumah ke sekolah, kerana sistem pengangkutan di zaman itu tidak teratur seperti sekarang.

Hubungan guru dengan ibu bapa juga amat baik. Kepada gurulah tempat ibu bapa meminta nasihat. Begitu mesra hubungan kedua belah pihak, hingga masing-masing menerima yang lain sebagai saudara. Kalau ada padi dituai, ke rumah gurulah yang dibawa dulu untuk merasa beras baru, kalau ada ikan yang baik dari laut, ke rumah guru jugalah diserahkan dulu. Dengan cara ini, guru-guru merasai diri mereka sebagai anggota masyarakat setempat, yang sama bertanggungjawab dalam kemajuan tempat itu.

Di zaman itu, guru-guru diwajibkan memakai pakaian seragam, berbaju dan berseluar warna putih, dan berkain sampin bagi lelaki. Manakala guru-guru perempuan pula berbaju kurung dan berkain sarung yang tidak mempunyai apa-apa corak atau bunga. Dari warna kain sampin dan kain sarung tenun itulah pula masyarakat mengenal pencapaian guru itu sendiri.

Umpamanya, sebagai guru gred tiga, kain sampin atau kain sarungnya berwarna merah, gred dua biru, gred satu hijau. Bila sudah menjadi guru besar atau mencapai gred khas, kain sampinnya ialah kain tenunan Pantai Timur, bertanah putih beragi hijau.

Tidak jarang pula murid-murid melihat guru-guru bertukar warna kainnya. Kadang kala dari kain merah, bertukar ke kain biru, dan ada kala dari kain biru bertukar semula ke warna merah. Bila pencapaian seseorang guru di dalam tahun yang lalu itu jatuh, maka jatuhlah pula grednya. Guru-guru itu akan berusaha semula untuk meningkatkan pencapaiannya.

Pendek kata, di zaman itu sekolah bukanlah tempat berlagak atau tempat menggayakan fesyen pakaian.

Ketika itu, perang di antara Jepun dan Cina sedang marak. Kemarahan orang-orang Cina di Semenanjung terhadap orang-orang Jepun yang berlaku kejam, membunuh kanak-kanak, membakar rumah di negeri Cina, sedang memuncak. Salah satu tindakan yang dijalankan oleh kaum Cina tempatan ialah memulaukan barang-barang buatan Jepun. Mereka tidak membeli dan menjual barang-barang buatan Jepun lagi. Sedangkan masyarakat Melayu pula amat gemar membeli barang-barang Jepun kerana harganya murah dan buatannya sungguh menarik, walaupun tidak dapat dijamin tentang tahannya.

Di bandar Alor Setar ketika itu cuma ada sebuah sahaja kedai Jepun, 'K. Shiba', yang menjual pinggan mangkuk dan barang-barang mainan, sebuah kedai tukang gambar, dan sebuah kedai tukang gigi. Sedangkan kedai Cina pula beratus-ratus buah banyaknya. Walaupun begitu tidaklah berlaku sebarang kejadian buruk di antara orang-orang Cina dan orang-orang Jepun itu.

Puncak kemarahan orang-orang Cina itu ditunjukkan dengan satu tindakan membakar barang-barang buatan Jepun. Orang-orang Cina itu mengumpul semua barang-barang buatan Jepun yang ada pada mereka, di sebuah padang berhampiran dengan stesen keretapi, dan dengan semangat dan perasaan geram, mereka membakar barang-barang itu. Masyarakat Melayu yang berkelilingan di padang, memandang akan barang-barang yang begitu cantik sedang dibakar. Ingin hati hendak mengambil barang-barang itu tetapi dilarang oleh masyarakat Cina yang berada di situ. Peristiwa membakar barang-barang buatan Jepun ini dilakukan di kebanyakan bandar besar di seluruh Semenanjung.

Saya sendiri juga secara tidak langsung terlibat dengan 'Perang Cina Jepun' itu.

Setiap tengah hari, ketika dalam perjalanan pulang dari sekolah, saya akan ditahan oleh sekumpulan penarik beca. Mereka meminta saya bacakan berita yang disiarkan dalam suratkhbar-suratkhbar Melayu tentang perang di negeri Cina itu. Mereka beramai-ramai berkongsi membeli suratkhbar itu. Mulanya, pernah saya menolak permintaan mereka, tetapi mereka begitu lembut memujuk, jadi mahu atau tidak, saya tunaikanlah hajat mereka. Saya bacakan apa yang sebenarnya tersiar di dalam suratkhbar itu.

Ramai kawan-kawan saya yang nakal mencari kesempatan dari kisah Perang Cina-Jepun itu. Mereka akan mencari kumpulan Cina beca yang berehat waktu tengah hari di bawah pokok yang rendah. Dari jauh lagi, mereka akan menggoyang-goyangkan suratkhbar kepada penarik beca itu, menimbulkan hasrat dan keinginan mendengar berita. Sebaik sahaja mereka diminta membaca, mereka terlebih dahulu akan meminta upah. Padahal, ada di antara mereka yang tidak benar-benar membaca, kerana sebenarnya suratkhbar yang dibawanya itu ialah keluaran lama yang sudah dibuang orang.

Sebelum upah diterima, berita yang dibaca itu semuanya menerangkan kekalahan askar Jepun dan kemunduran askar Jepun. Askar Kebangsaan Cina di bawah pimpinan Chiang Kai Shek begitu kuat dan bermacam-macam lagi cerita yang mereka adakan untuk menyedapkan pendengaran penarik-penarik beca itu. Tetapi bila upah sudah diberi, mereka bercerita pula mengatakan di satu tempat lain, askar Jepun sudah masuk ke sebuah daerah. Gadis-gadis Cina di daerah itu, kononnya, keluar beramai-ramai menyambut ketibaan askar Jepun, ramai pula yang meminta dijadikan kekasih kepada askar-askar Jepun itu. Pendek kata, segala macam cerita yang memedihkan telinga mereka ada-adakan. Bila didesak oleh Cina beca tentang kebenaran berita-berita itu,

bila ditanyakan tentang nama dan daerah, budak-budak itu akan melarikan diri.

Saya yang dilatih keras oleh ayah supaya jangan bercakap bohong, akan membaca apa yang sebenarnya tersiar. Nama tempat dan daerah, serta tanggal laporan itu juga, saya bacakan dengan jelas pada Cina beca tadi. Mereka percaya, hingga tersiar berita pada semua penarik-penarik beca, kalau mahu dengar berita yang benar, berkumpul di bawah pokok sena, di depan rumah No. 10, Jalan Baru. Bilangan pendengar saya meningkat setiap hari. Mereka berusaha memberi upah, tetapi saya tetap menolak, kerana takut dimarah oleh ayah.

Dalam begitu pun, kadangkala saya terima juga balasan khidmat sukarela itu. Kalau saya perlukan beca, saya dapat naik beca itu ke mana juga, tanpa sebarang bayaran. Ayah dan ibu saya juga turut menerima penghormatan ini dari penarik-penarik beca itu.

Bilamana saya bertugas sebagai Pegawai Luar Jabatan Penerangan dalam tahun-tahun lima puluhan, saya kerap ketawa kecil ketika berdiri tegak di hadapan penonton yang mendengar penerangan dari saya. Saya terkenangkan peristiwa menjadi pegawai penerangan Perang Cina-Jepun dulu, dan teringat pula saya pada Cina beca yang menjadi pendengar di tahun 1937-38 dulu.

Selain dari menjadi "pegawai penerangan Perang Cina-Jepun" secara sukarela ini, ayah telah membebaskan saya untuk ke masjid di waktu malam, terutama sekali di bulan Ramadan, untuk bertadarus dan bertarawikh.

Masjid Zahir Alor Setar sungguh meriah pada tiap-tiap malam di bulan Ramadan. Selain dari jamuan "moreh" nasi minyak dan nasi beriani anugerah dari "raja", majlis membaca Quran juga diadakan oleh qari undangan. Ustaz saya, Ustaz Abdul Rahman Ahmad ditugaskan mengadakan barisan nasyid, untuk acara

selingan di dalam majlis membaca Al-Quran itu. Saya bertuah kerana dipilih ikut serta dalam kumpulan nasyid itu.

Di dalam bulan Ramadan, semua corak dan bentuk hiburan adalah dilarang. Panggung wayang dan taman hiburan semuanya ditutup. Maka berpusu-pusulah manusia bertumpu ke padang kawasan masjid yang dihias indah itu.

Perempuan dengan baju "Kedah", berkain pelikat, kebanyakannya berkasut kayu, dan bertudung kain sarung "Kain Rawa" yang cuma menampakkan muka sahaja, akan berkelompok-kelompok di bawah pokok-pokok yang rendang, mendengar bacaan Quran tadi.

### Catatan 3

(Dipetik dari Zain Ariff 'Secebis Kenangan'  
Dewan Sastera 15 Disember 1979)

Tahun 1940 merupakan tahun yang penuh erti di Asia Tenggara dan tahun yang penuh peristiwa dalam hidup saya.

Jepun sudah pun menyertai ikatan "AXIS" — atau apa yang disebut oleh *Warta Malaya* di waktu itu sebagai "Kuasa pasak", iaitu pakatan perang dengan Jerman dan Itali. Hubungan Jepun dengan kuasa-kuasa penjajah di Asia Tenggara terutama sekali dengan British, menjadi tegang, dan dengan pengaruh British jugalah, hubungan Jepun dan Amerika menjadi retak. Satu langkah pemulauan bahan mentah yang penting terhadap Jepun mula dilancarkan. Langkah ini menyebabkan Jepun kekurangan beras dan gula, bekalan petrol, getah dan ini menimbulkan kemarahan Jepun. Mulalah keadaan retak mencari belah itu wujud. Walau bagaimanapun, pihak British masih memikirkan yang Jepun tidak berani menyerang, kerana di waktu itu juga Jepun sedang menghadapi peperangan dengan Cina. British dan Amerika memberi bantuan besar kepada Chiang Kai Shek di negeri Cina, untuk membolehkan Cina menghalau Jepun ke laut.

Sebagai langkah menggetrak, pihak British mengadakan kubu-kubu pertahanannya di Semenanjung Tanah Melayu. Kubu hadapan ialah di Jenan, tapak Sekolah Sultan Abdul Halim sekarang dan di Kepala Batas, Kedah. Kubu-kubu lain termasuklah di Sungai Petani (Kedah Tengah), Permatang Pauh dan Machang Bubuk di Seberang Perai.

Beberapa pasukan askar terdiri dari askar Gurkha, Baluchistan (tentera India), pasukan Australia, dan pasukan British (East Surrey Regiment) telah ditempatkan di kubu depan sekali di Jenan. Kedatangan askar yang begitu ramai serentak menimbulkan beberapa masalah. Kubu dan berek mestilah didirikan, bekalan juga mestilah diselenggarakan.

Ayah saudara saya, Pak Husin Ketam Batu ialah seorang nelayan besar ketika itu, dan dia berjaya menjadi pembekal ikan kepada pasukan British di Jenan dan di Kepala Batas. Pihak tentera pula memerlukan jurubahasa sambilan untuk membantu mereka dalam membuat hubungan ini. Saya mengambil kesempatan menjadi salah seorang jurubahasa sambilan itu dan bekerja di sebelah tengah hari. Ini memberikan saya kebebasan untuk keluar masuk di dalam kawasan kubu tersebut.

Di waktu inilah saya mula rapat dengan jiran saya Haris Fadillah atau Ariffin bin Hashim, seorang pelajar di Maktab Teknik Kuala Lumpur. Ariffin memberi semangat dan perangsang kepada saya. Kami sentiasa bercakap tentang politik, kemerdekaan dan lain-lain. Akhirnya, dalam umur yang sebegitu muda, saya menjadi penyokong KMM — (Kesatuan Melayu Muda) yang aktif dan kuat. Ariffin kemudiannya memperkenalkan saya kepada Ragawan, seorang juruteknik. Ragawan meminta saya membuat peta kubu-kubu tempat saya bekerja sambilan itu.

Segala kegiatan ini tidak diketahui oleh ayah. Ayah sudah pun ditukar bertugas di Kulim. Dengan hati yang berat ayah meninggalkan saya melanjutkan pelajaran di Alor Setar. Mulanya saya diamanahkan kepada Pak Zain. Tinggallah saya di rumah Pak Zain bersama-sama anaknya Ahmad Nordin.

Tinggal dengan Pak Zain, saya sentiasa dikawal rapi. Tidak dapat menjalankan kegiatan-kegiatan yang banyak itu: misalnya bekerja untuk KMM, ke panggung wayang, mengikut orkes dan lain-lain. Oleh itu saya pun membuat olah dan helah dan akhirnya berjaya melepaskan diri dari rumah Pak Zain. Saya tinggal di sebuah rumah (bersebelah-menyebelah dengan rumah Pak Zain) bersama dengan Encik Abdullah Ghazali yang menyewa rumah itu dari ayah. Sebagai bayaran sewanya,

Encik Abdullah atau ringkasnya Cik Lah hanya memberi makan pada saya sahaja. Kebetulan pula Cik Lah ini juga bekas pelajar Maktab yang baru sahaja bertugas sebagai Pegawai Pelatih dalam Perkhidmatan Awam Negeri Kedah dan ditempatkan di Pejabat Tanah. Dengan itu saya telah mendapat kebebasan bergerak, bertindak dan bergembira tanpa kawalan dari orang tua lagi. Walau bagaimanapun, saya tidak melanggar batas-batas adat dan agama. Selain dari ke panggung wayang, saya tidak melakukan apa-apa maksiat, kecuali maksiat mata. Di kampung, di depan Pak Zain dan orang tua-tua, saya tetap bersifat "pijak semut pun tak mati!"

Atas nasihat dari British, Kerajaan Kedah mula memperbesar Pasukan Sukarejanya dan mengadakan kerahan tenaga. Kebetulan pula markas Pasukan Sukarela Negeri Kedah ini letaknya tidak jauh dari Taman Hiburan. Dapatlah saya perhatikan segala latihan dan pergerakan Pasukan Sukarela ini.

Kebanyakan mereka yang berpangkat adalah terdiri dari pegawai-pegawai kanan dalam Pejabat Pelajaran. Dalam Pasukan Sukarela Kedah, Inspector of Schools Encik Mohd. Darus menjadi Kapten, dan kebanyakan pegawai seperti Leftenan dan Leftenan Muda adalah terdiri dari golongan guru. Dari Maktab Abdul Hamid, guru hisab kami, Pak Abas, menyandang pangkat Leftenan.

Kebanyakan dari anggota bawahan Pasukan Sukarela ini terdiri dari anak-anak Kuala Kedah, saudara-mara dan anak buah Pak Husin Ketam Batu. Jadi dengan sendirinya, saya dapat mengikuti perkembangan pasukan ini, yang kemudiannya saya laporkan kepada Ariffin dan Ragawan.

Paling seronok sekali ialah menonton anggota Pasukan Sukarela ini bergaduh dengan anggota polis. Masing-masing mahu menunjukkan kuasa, terutama dalam panggung bangsawan. Selalunya anggota polis yang menjadi mangsa.

Di kalangan askar pula, askar British selalu sahaja dilanyag oleh askar Australia yang berbadan besar dan tegap itu. Puncanya mudah sahaja, askar Australia selalu berlagak kaya di depan askar British, kerana mereka mendapat gaji yang lebih tinggi dari Askar British. Gaji mereka dibayar oleh Kerajaan Australia. Orang-orang Australia ini tidak pula angkuh. Mereka ramah-tamah dan pandai mengambil hati, jadi mudahlah mereka mendapat teman-teman wanita. Manakala askar Gurkha dan Baluchistan, dari Angkatan Tentera India (Indian Army) pula mendapat gaji paling rendah: mereka ini hanya menggigit jari sahaja melihat askar-askar Australia dan British bersuka ria.

Pendek kata, sebelum Jepun mendarat rasa kesatuan atau setiakawan di antara pasukan-pasukan dalam Angkatan Perang British sudah pun hancur oleh perbezaan layanan, gaji dan sebagainya.

Perpecahan ini diapi-apikan lagi oleh penyokong-penyokong KMM yang berpeluang bertugas atau berdamping rapat dengan askar-askar British ini. Akibatnya, bila musuh menyerang, berlakulah berbagai-bagai peristiwa dalam bala tentera India yang boleh disifatkan sebagai *mutiny* atau pemberhakaan. Ada yang tidak menembak sebutir peluru pun, ada yang lekas-lekas membuang senjata dan melarikan diri. Medan perang Jenan banyak menyaksikan kisah dan peristiwa, ada yang sudah diketahui umum dan ada yang masih tersembunyi hingga dewasa ini.

Taman Hiburan Alor Setar yang terletak berhadapan dengan markas Pasukan Sukarela Kedah diperintahkan tutup dan akhirnya dirobuhkan. Bahaya perang begitu mengancam. Pihak berkuasa tidak mengizinkan tempat-tempat hiburan, orang ramai tidak dibenarkan berada berhampiran dengan tempat-tempat penting seperti kolam air (loji air), markas sukarela, stesen wayarles dan sebagainya.

Dalam pertengahan bulan Oktober



Gambar ramai anak-anak wayang kumpulan Nooran Opera.

1941, wayang "Bolero", pimpinan Bakhtiar Affendi, tiba di Alor Setar dan bermain di Pangung Makcik Manjalara di Jalan Kampung Perak.

Persembahan Bolero sungguh jauh berbeza dari persembahan bangsawan-bangsawan lain. Sebenarnya, Bolerolah yang memperkenalkan seni pentas moden di Alor Setar dalam bentuk tonil. Hal ini amat menarik perhatian masyarakat di Kedah. Lakonan-lakonan yang dipersembahkan oleh Bolero, kebanyakannya berunsur sejarah, yang mengapi-apikan semangat kebangsaan dan menimbulkan rasa benci terhadap penjajah. Ini juga satu tarikan kepada anak-anak muda yang sedang bergelora jiwanya. Rupawan dan jelitawan dalam rombongan Bolero sendiri, seperti Suhara Effendi, juga menjadi tarikan.

Setiap malam, panggung Makcik itu penuh sesak, tiket-tiket habis terjual siang-siang lagi. Teringatlah saya akan keadaan "Dardanella" dan "Oriental Opera" di Singapura, dalam tahun 1924 dulu. Ruparupanya di antara penonton yang penuh sesak itu, tidak pula ketinggalan kakitangan perisik "Malayan Security Service" (MSS) yang mengintip bagi pihak Polis Tanah Melayu, dan kakitangan Field Security Service (FSS) pasukan perisik Tentera British, yang mengintip setiap gerakgeri, percakapan, dan kegiatan Bakhtiar Affendi. Melalui teman-teman KMM yang lain, saya dapat berkenalan dan belajar serba sedikit dari Bakhtiar tentang bangsawan, tonil, soal-soal politik dan propaganda. Tahulah saya siapakah Bakhtiar Affendi yang sebenarnya. Walaupun Bolero mendapat sambutan hangat di Alor Setar waktu itu,

ianya hanya dibenarkan bermain selama lebih kurang sebulan sahaja. Kemudiannya digantikan oleh bangsawan lain. Ketika bom jatuh, rombongan A.R. Tahir sedang bermain di panggung Makcik Manjalara.

Kebanyakan pelajar Maktab Abdul Hamid diseru memasuki Perkhidmatan Sukarela Pertahanan Awam, kerana Kedah tidak mempunyai kesempatan menubuhkan pasukan pertahanan awam yang lebih teratur. Saya secara sukarela bertugas sebagai pembaca berita dalam pasukan penentang serangan udara. Dengan itu saya terus bebas bergerak walaupun dalam masa perintah berkurung dan juga di dalam kawasan larangan.

Kebebasan bergerak ini amatlah penting bagi saya untuk menjalankan tugas-tugas yang dipikulkan oleh anggota-anggota KMM.

Pada subuh 7 Disember 1941 menjelang peperiksaan akhir Senior dan Junior Cambridge bagi pelajar-pelajar Maktab, sebelum sempat pelajar-pelajar berkenaan masuk ke dewan peperiksaan, pihak Jepun telah menggugurkan bom-bomnya secara mengejut. Hampir semua bom itu kena pada sasaran dan matlamatnya. Peperiksaan Cambridge dibatalkan. Kami pelajar-pelajar segera ke tempat bertugas. Tidak berapa hari sahaja, British terpaksa berundur dari Kedah. Pasukan Pertahanan Awam dibubar. Semua sekolah dan Maktab ditutup.

Dengan bermulanya zaman penaklukan Jepun, berakhirlah satu episod dari kisah hidup saya. Hilang sudah nikmat dan kemanisan hidup bersekolah dimusnahkan oleh letupan bom Jepun.

## Catatan 5

*(Dipetik dari Ibrahim Hj. Yaakub, melihat tanah air, Kuantan. Percetakan Timur, 1941)*



Encik Ibrahim Haji Yaakub  
seorang guru Sekolah Melayu Lepas  
Maktab Perguruan Sultan Idris  
Tanjung Malim, aktif di dalam  
pergerakan nasionalisma tanah air.

Orang Melayu di bahagian Selatan Negeri Kedah bolehlah dikatakan telah terdesak oleh sebab di bahagian ini negerinya telah dibuka oleh modal-modal luar. Hal kemajuannya hampir-hampir sama dengan negeri Perak, yakni negerinya maju tetapi orang bumiputeranya ketinggalan. Kehidupan anak negerinya tergantung pada bersawah dan berternak. Dan di antaranya ada yang memiliki sedikit kebun getah, kelapa dan lain-lainnya. Pekerjaan melombong timah, membuat jalan raya, berniaga dan lain-lainnya dipegang oleh bangsa asing. Pendeknya daripada sempadan Selatan Kedah hingga Alor Star keadaan negerinya hampir-hampir sama dengan Negeri Melayu Bersekutu. Tetapi daripada Alor Star menuju ke Utara berlainan sedikit. Rumah-rumah yang beratur di tepi-tepi sawah yang melaut-laut luasnya itu adalah rumah orang Melayu yang menjadi peladang padi. Kehidupan mereka miskin tetapi cukup makan. Aman dan puas dengan kehidupannya itu.

Di dalam bahagian perniagaan orang-orang Melayu jauh ketinggalan meskipun bandar Alor Star ituuduknya di kelilingi oleh kampung Melayu. Yang menjalankan perniagaan orang-orang bangsa asing kecuali dua tiga buah sahaja kedai-kedai Melayu berjual alatan-alatan pakaian. Itupun keadaannya semakin malap seperti lampu kekurangan minyak.

Berhubung dengan perkara kehidupan orang-orang yang miskin itu, seorang putera Raja iaitu Yang Teramat Mulia Tengku Yaakub putera Sultan Kedah yang baru berkenalan dengan saya menjelaskan, dia sedang mengambil urusan yang berat hendak mengembalikan semula perusahaan orang Melayu. Dia telah membangunkan

beberapa buah Pekan Sari di beberapa tempat, dan di Alor Star itu sendiri diadakannya pasar khas untuk tempat orang-orang kampung membawa barang perusahaannya. Maka nampaknya sedang berjalan dengan jaya dan elok. Beribu-ribu orang Melayu yang hidup dengan jasa berjual beli di Pekan Sari yang diadakannya itu. Hanyalah yang mendukacitakan orang-orang Melayu belum lagi boleh masuk balik ke pasar perniagaan yang sebenar-benarnya. Sebab-sebab yang menjadikan halangan yang besar itu, menurut pendapat saya ialah: (1) Modal orang Melayu tidak ada, (2) Modal orang asing masuk tidak terhad dan kemasukan modal luar itu semata-mata merosakkan kehidupan anak negeri, kerana tidak ada sedikitpun modal-modal itu boleh memberi peluang orang-orang Melayu bekerja di dalamnya. Yang demikian sebahagian daripada usaha hendak membalikkan orang Melayu ke medan perniagaan itu samalah seperti mengempang air bah. Dalam begitupun pada suatu masa tentu akan jaya juga akhirnya apabila telah didapati punca-punca yang menyebabkan kita orang Melayu tidak dapat duduk di pasar perniagaan di tanahair kita sendiri ini.

Bahasa pemerintahan Kerajaan Kedah bahasa Melayu bercampur-campur dengan bahasa Inggeris. Pemerintahan ditadbirkan oleh suatu jemaah mesyuarat yang diketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja (Regent) dengan Penasihat British menjadi ahli sahaja kepada majlis mesyuarat itu. Segala pemerintahan undang-undang hendaklah disahkan oleh mesyuarat itu dan nasihat Penasihat British dikeluarkan menerusi Setiausaha Kerajaan. Pada masa saya sampai di Alor Star telah berpeluang berjumpa dengan Setiausaha Kerajaan iaitu Yang Berhormat Haji Mohammad Sharif. Beliau seorang Melayu kelahiran Pulau Pinang yang sudah naik haji dan melawat ke Mesir serta sudah menghadap King Ibnu Saud dari Arabia; pada masa dia naik haji

dahulu. Beliau nampaknya seorang yang warak. Tatkala di pejabatnya memakai pakaian cara Inggeris. Apabila hendak naik keretanya dikenakannya tutup kepala pirang labuh ditutupnya dengan songkok ketayap putih daripada kain jarang. Kelihatan seakan-akan pakaian Raja Arab. Di hadapannya di meja dia bekerja itu terletak gambar Yang Maha Mulia Sultan Kedah dengan tidak saya bertanya dia berkata kepada saya, katanya gambar wajah Yang Maha Mulia di hadapan saya ini adalah mengingatkan saya apabila menjalankan satu-satu pekerjaan ialah menjunjung titah perintah Yang Maha Mulia yang saya taati dengan penuh setia.

Di dalam pejabat Kerajaan hampir semuanya orang Melayu. Penglihatan saya ini tentulah menyukakan hati, oleh sebab di Negeri Melayu Bersekutu dan di Negeri Selat sedikit sahaja saya nampak orang Melayu yang menjadi kakitangan Kerajaan.

Kedaaan orang-orang kampungnya tidaklah teratur seperti orang-orang yang di bahagian Barat Semenanjung. Rumah tangganya secara kampung Melayu yang biasa sahaja tidak banyak perubahannya. Gaya-gaya cakupnya hampir-hampir sama dengan Pulau Pinang. Budi bahasanya elok. Waktu petang surau dan masjid penuh dengan orang bersembahyang. Kebanyakan lelaki berjalan memakai songkok ketayap putih dan perempuan-perempuannya tidaklah ramai yang keluar bersiar-siar malam.

Ahli-ahli agama terlalu ramai di negeri Kedah ini. Satu jabatan khas telah diadakan kerana perkara agama. Pegawai-pegawainya kebanyakan bergelar 'Syeh'. Sekolah-sekolah Agama banyak terbangun di negeri ini, iaitu dijalankan oleh Guru-guru Agama mengajar agama secara tua, iaitu menadahkan kitab duduk bersila. Di bacalah kitab itu lepas sefasal sefasal lagi. Disuruh ingatkan begitu sahaja. Penuntut yang belajar di pondok-pondok itu datang dari segala tempat di Semenanjung Tanah Melayu ini. Dan ada juga orang yang datang

daripada Sumatera dan lain-lainnya. Setengah daripada penuntut-penuntut itu bila bulan puasa keluarlah ke merata-rata negeri meminta sedekah ataupun menerima zakat fitrah kerana mereka orang yang sedang menuntut (Talibul Ilmu).

Satu langkah sedang diusahakan oleh pihak pengelola agama, iaitu hendak menukarkan sekolah cara tua itu kepada cara baharu. Langkah itu ada dijalankan dengan beransur-ansur. Sementara itu Sekolah Arab mengikut cara sekolah di Mesir sudah dibangunkan pula. Dipercayai cita-cita yang dijalankan oleh pihak Pejabat Agama itu akan memberi hasil yang baik tidak berapa lama lagi.

Taraf pelajaran orang ramai jika dibandingkan dengan Negeri Melayu Bersekutu, barangkali Kedah ketinggalan ke belakang sedikit. Pihak lelaki dianggarkan 60 peratus sahaja yang tahu membaca dan menulis dan yang perempuan 10 peratus sahaja. Ini adalah disebabkan ahli-ahli agama cara tua itu masih menentang kebebasan anak-anak perempuan belajar.

Anak-anak Raja dan anak-anak Orang Besar banyak yang berpelajaran tinggi dan ramai pula menuntut ke luar negeri istimewa ke England dan Mesir. Perbezaan taraf hidup di antara anak Raja dan Orang-orang Besar dengan orang kebanyakan masih jauh. Tetapi pihak yang atas itu mulai sedar dan insaf serta suka mendidik orang-orang bawahannya. Sekadarkan pelajaran orang ramai belum cukup. Jadi tidaklah lagi dapat hendak disamakan pada masa ini.

Persatuan Melayu belum ada ura-uranya, tetapi belum berjaya lagi. Orang ramai berhajat kepada persatuan, hanya belum ada anjuran sahaja, kerana orang-orang Melayu itu tersangat taat kepada Raja-raja dan pembesar-pembesarnya. Jadinya di Kedah yang boleh menganjurkan persatuan Melayu hendaklah dari anak-anak Raja atau anak Orang Besar-besar. Maka pada masa ini pada pendapat saya

pihak mereka ini ada mempunyai perasaan-perasaan yang tidak sama, iaitu berpecah pada dua tiga bahagian perasaan iaitu satu pihak memikirkan Persatuan Melayu elok sangat tetapi tidak mahukan takrif bangsa Melayu. Satu pihak lagi memikirkan Persatuan Melayu tidak mustahak kerana Kedah beraja sendiri diperintahkan oleh satu kumpulan (majlis) orang yang duduk serumah semuanya. Jadinya Kedah bolehlah berjalan caranya sahaja. Apalah yang hendak diusahakan oleh orang Melayu lagi. Dan sebahagian lagi memang berhajat kepada Persatuan Melayu seperti yang sudah terbangun di negeri-negeri lain. Maka di dalam pada itu pun nampak perasaan orang ramai berkehendakkan persatuan orang Melayu itu makin kuat juga. Yang demikian bagaimanapun akan terbangun juga kelak, oleh sebab kemahuan orang ramai itu ialah kemahuan alam yang dibawakan oleh takdir Tuhan tidak siapa yang dapat menolaknya — Orang Melayu Kedah pasti maju.

Sawah melaut-laut luasnya di Negeri Kedah terutamanya sekali di bahagian Utara. Sawah-sawah itu semuanya dikerjakan oleh peladang-peladang orang-orang Melayu yang hidupnya miskin dan terbelakang. Kurang jagaan perhatian dari pemerintahannya. Kehidupannya bergantung pada hasil padi. Kilang-kilang padi yang besar-besar kebanyakannya dipunyai oleh orang Cina. Buruh-buruh kebanyakannya dipegang oleh kaum-kaum pekerja asing, iaitu India dan Cina. Pendecknya hal ehwal ekonomi orang Melayu di dalam adalah dibiarkan hidup sendiri. Dalam bahagian perniagaan dan perusahaan-perusahaan yang lain daripada bersawah padi dan menangkap ikan; tidaklah berapa beza sangat di antara orang Melayu di Negeri Kedah dengan di Negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

Seperka sahaja yang boleh dimegahkan di Kedah ini, iaitu bahasa rasminya bahasa Melayu. Meskipun sudah bercampur

baur juga dengan bahasa Inggeris, tetapi pada hakikatnya masih; bahasa Melayulah yang dipakai dengan rasmi. Hari Jumaat semua pejabat-pejabat ditutup. Malam Jumaat sangat-sangat dihormati. Wayang-wayang gambar dan taman hiburan yang kecil di bandar Alor Star itu tidak dibuka. Pada setiap malam Jumaat itu senyap-sunyi. Hanyalah kelihatan orang ramai bersiar di lorong-lorong bandar dan di jalan raya. Masjid-masjid dan surau-surau penuh dengan para alim membuat amal ibadat kepada Allah.

Tetapi pihak orang-orang muda yang banyak wang iaitu anak-anak Raja dan orang kaya biasalah mereka meninggalkan Negeri Kedah pada malam Jumaat itu pergi ke bandar Pulau Pinang atau ke Taiping atau ke Ipoh atau Kuala Lumpur mencari hiburan. Pulau Pinang pada hati orang ramai Kedah ialah sebuah bandar yang penuh dengan kesukaan. Cita-cita orang muda ialah hendak joli makan angin ke Pulau Pinang. Mereka belum puas mudanya jika tidak sampai ke Pulau Pinang. Pendeknya tarikan Pulau Pinang kepada orang Kedah samalah dengan tarikan Singapura kepada orang Johor.

Jalan-jalan raya telah dibuat banyak di Kedah. Kebanyakannya melalui sawah bendang dan kampung-kampung Melayu. Tuanpunya motokar sewa ialah orang-orang Cina. Negeri Kedah telah masuk bersekutu kepada Dewan Jalan Raya (Transport Board Melaya) yang dipusatkan di Kuala Lumpur. Dengan kerana itu terpaksa bas-bas, kereta sewa dipunyai oleh salah satu syarikat atau oleh kaum modal yang mampu membangunkan Syarikat Perusahaan Transport Berdaftar, menyebabkan orang Melayu yang miskin-miskin itu hilang pencarian hidupnya di bahagian ini, kerana kekurangan modal-modal. Kalau adapun sekadang makan gaji kepada syarikat-syarikat bangsa asing sahaja.

## Catatan 6

*(Dipetik dari 'Wartawan-wartawan Syonan Melawat Kedah', Matsuroi, 1942)*

Wartawan-wartawan Syonan sebanyak sebelas orang termasuk dua orang Nipon Jin yang telah dihantar oleh Pejabat Da'ayah Besar Syonan menjajah seratarata negeri di dalam Malaya ini untuk memerhatikan keadaan lepas perang dan kerjasama daripada penduduk-penduduk Malaya ini telah tiba di Alor Setar dengan keretapi pada hari Sabtu, jam 6.20 petang. Kumpulan wartawan itu terdiri daripada beberapa wartawan-wartawan suratkhabar yang kenamaan di Syonan. Tuan-tuan ini ialah tuan-tuan Za'aba daripada Pemancar 'Tetuang' udara Syonan, Abdullah Kamil daripada Berita Malaya dan semangat Asia, Kupusamy dari suratkhabar Tamil, Yukin Si dari suratkhabar Syonan Nipo Nelson, F. Modar dari suratkhabar Syonan Shimbun bahagian Ingeris dan Roy Peru dari Pejabat Domi, dua orang Nipon Jin itu ialah tuan-tuan Shiwasima dan Nakamura dari Pejabat Domi.

Sampainya mereka ke Alor Setar, mereka terus dibawa ke rumah Chokan Katka dan setelah selesai dengan minuman teh petang, maka majlis persidangan pun dibukalah dengan Tuan Yang Terutama memberitahu dengan panjang lebar keadaan Kedah pada masa sekarang dan penduduk-penduduknya. Kata Tuan Yang Terutama, "penduduk-penduduk di Kedah pada masa ini cukup puas hati dengan kehidupan masing-masing sehingga kerbau di dalam bendang sekali pun menjadi gemuk". Pada esok harinya Tuan Yazawa daripada Pejabat Da'ayah Kedah bersama-sama dengan pegawai-pegawai Pejabat Da'ayah dua orang membawa wartawan-wartawan itu melawat ke Titi Matsurai dan Titi Sakura yang telah ditinggalkan itu. Di sini wartawan-wartawan itu diberi ketahui bagaimana titi ini telah rosak dan diantikan dengan titi baharu yang telah

dibukakan oleh Chokan pada hari Taisho Hotayabe yang lepas. Setelah bergambar, beredar pula ke Sekolah Perempuan di Seberang Perak. Wartawan-wartawan itu semuanya tertarik benar kepada kanak-kanak yang sudah pandai bahasa Nipongo dengan fasihnya dan nyanjian Nipon dengan merdunya. Setelah itu dibawa pula melawat Sekolah Latihan Tanaman di Telok Chengai. Di sini mereka mendapat peluang melihat guni-guni menerong yang telah dibuat oleh penuntut-penuntut sini dan cara membuatnya. Padi Taiwan yang sudah berbuah dengan lebarnya ialah yang meharik hati sekali "jika ditanam padi Taiwan ini" kata Tuan Pengetua Sekolah itu: di dalam masa tiga bulan sahaja boleh keluar buah pada hal padi Kedah berkehendak masa dua kali daripada ini".

Sekolah Konrenshu pula dilawati kemudian, di sekolah ini Tuan Shiwajima berpidato menyuruh penuntut-penuntut itu belajar bersungguh untuk pendirian Negeri Kedah kerana mereka itu ialah bakal pemimpin-pemimpin penduduk Negeri Kedah ini. "Meskipun negeri ini pada berapa lama lagi akan dipindahkan ke kerajaan Thai tetapi janganlah tuan-tuan lupakan tuan itu iaitu membina Negeri Kedah itu dan membanting tulang kerana kesenangan penduduk-penduduk yang muktamad". Di antara tempat-tempat yang lain yang dilawati ialah sekolah Arabiah dan sekolah pertukangan dan pertunanan kaum puteri di Jalan Baharu. Di sekolah Arabiah tuan Za'aba dipinta memberi ucapan — beliau menyebut di dalam ucapannya menyuruh murid-murid sekalian menuntut bersungguh-sungguh kerana pelajaran yang sedang dituntuti itu ialah menafaat bagi dunia dan akhirat. Satu perkara yang menarik hati ialah pelajaran Bahasa Timur (Bahasa Nipon) pun diajar kepada penuntut-penuntut oleh guru-guru yang mengetahui berbahasanya.

Wartawan-wartawan itu diberitahu bahawa di dalam pemerintahan Inggeris dahulu kerajaan menyuruh juga mengajar bahasa Inggeris sebagai pelajaran tambahan, tetapi bahasa itu diketepikan. Sebaliknya sekarang ini Bahasa Nippon mengambil tempat pula tetapi bukan dengan suruhan kerajaan ialah dengan kehendak gurugurunya sendiri sahaja.

Sekolah Pertukangan dan Pertenunan untuk kaum ibu di Jalan Baharu cukup memuas hatinya para wartawan-wartawan itu selain daripada perkakas-perkakas dan benda-benda yang digunakan untuk membuat kain-kain ditunjukkan jua kain-kain yang telah siap diperbuat oleh tangan-tangan kaum ibu sendiri. Sayangnya kain-kain itu bukan untuk jualan-jualan jikalau tiada harus digalaskan oleh para wartawan-wartawan itu "orang Melayu baik pun lelaki atau perempuan sebenarnya boleh membuat apa pun dengan tangan mereka cumanya penyakit kemalasan sahaja yang menghalanginya". Kata seorang daripada wartawan-wartawan itu. Setelah itu dengan menaiki sebuah bas yang besar para wartawan-wartawan itu dibawa ke Arau ke Istana Yang Teramat Mulia Raja Perlis. Yang Teramat Mulia ditanya berbagai-bagai pertanyaan berkenaan dengan keadaan dan hasil negeri Perlis.

"Hasil bumi Negeri Perlis cukup memuashati tahun ini" ujar Yang Teramat Mulia, "saya percaya Perlis adalah mengambil bahagiannya juga di dalam lingkungan bersama di Asia Timur Raya ini". Yang Teramat Mulia telah menjamukan jamuan tengahari. Kebanyakan daripada mata hidang itu ialah hasil daripada tanaman yang Teramat Mulia sendiri seperti timun, tomato dan lain-lainnya. Lepas daripada jamuan maka anakanda-anakanda kepada Yang Teramat Mulia bersama-sama dengan taulan temannya menyanyi lagu-lagu Nippon yang merdu. Semuanya lagu-lagu itu cukup menarik hati dhif-dhif itu.

Maka pada jam empat petang para wartawan-wartawan itu memohon diri serta mengucapkan 'sayonara'. Pada petang itu juga wartawan-wartawan itu terus (ke Prai) di mana keretapi akan bertolak pada pukul 8.00 malam ke Ipoh. Ipoh ialah tempat yang akan dilawatinya pula.

## Catatan 7

*(Dipetik dari zaaba 'Pemandangan Saya: dalam lawatan yang baharu ke Tanah Malai,' Fajar Asia, 25 Jun 1943)*

Di Alor Star kami telah menjadi tamu kepada Tuan Yang Terutama Tsukigawa, iaitu seorang yang sangat lemah-lembut dan murah pada segala istiadatnya. Dia seorang yang disukai oleh orang ramai di dalam Kedah. Mereka memandangnya sebagai bapa kepada hamba rakyat sekalian. Dan lagi ia sangat gemar kepada pekerjaan bercucuk tanam dan telah berbuat banyak jasa memajukan perusahaan bercucuk tanam barang-barang makanan dalam Kedah.

Tanah-tanah kawasan di keliling rumah kerajaan tempat diamnya itu (rumah tempat Penasihat Inggeris dahulu), telah penuh ditanami dengan sayur-sayuran, kacang soya, pokok kapas, pokok jarak dan lain-lain dengan suruhannya, dan sebahagian dia sendiri yang menanamnya. Kacang soya itu dalam Kedah disebut orang "kacang Gabenor", kerana dialah yang pertama menanamnya dalam negeri Kedah. Kami telah merasa nasi beras Taiwan kali yang pertama pada malam itu di meja jamuan Tuan Yang Terutama ini. Dia ada 2 orang jurubahasa bangsa Nippon yang bercakap Melayu dengan lancar kerana sudah lama tinggal lebih dari 20 tahun di Semenanjung ini.

Lepas makan malam itu, Tuan Yang Terutama telah bercakap-cakap panjang menerangkan kepada kami akan semua makna dan tujuan Kemakmuran Bersama, dan menyatakan bahawa tanah Malai boleh mengadakan cukup makanan sendiri jika kerja bercucuk tanam diperbuat betul. Kami telah diberitahu bahawa dalam Kedah barang-barang makanan yang perlu masih murah, dan telur umpamanya masih boleh dapat dengan harga 3½ sen sebutir.



Gambar Zaaba ketika berkhidmat sebagai wartawan akhbar Jepun ketika di Singapura.

Pada esok harinya (22 - 8'03) kami telah dibawa melawat banyak sekolah-sekolah. Di antaranya sekolah perempuan Melayu, sekolah tanam-tanaman kampung, sekolah tukang mas perak Melayu, sekolah agama dan bahasa Arab(diajar dalam bahasa Melayu, Arab dan Nippon bersama-sama). 2 sekolah pelajaran bahasa Nippon, sebuah sekolah tenun bagi anak-anak perempuan Melayu.

Lepas itu kami pergi ke Perlis, dan makan tengah hari bersama-sama Raja Perlis di istananya. Raja itu menyatakan bahawa dalam Perlis lebih daripada 3000 ekar tanah baharu yang telah dibuka bagi tanaman padi, iaitu tambahan dari tanah yang telah sedia dari masa Inggeris dahulu. Ia telah memberi juga kepada kami banyak perkhabaran dari hal beberapa perkara yang lain lagi.

Kami telah balik ke Alor Star, dan petang itu juga bertolak ke Seberang Prai dengan motor, kerana hendak melihat keadaan di tepi jalan raya pula. Maka kami lihat di sepanjang jalan raya dari Alor Star sampai ke Prai itu senantiasalah terbentang sawah-sawah padi yang melaut luasnya sedang dikerjakan sebagaimana pada masa sebelum perang dahulu. Kami keluar dari kawasan negeri Kedah dengan perasaan bahawa negeri itulah yang terlebih cukup sekali makanan dan orang-orangnya tidak ada kesusahan apa-apa fasal makanan. Bahkan sehingga kerbau-kerbau di tengah sawah itupun nampaknya cukup gemuk dan kenyang dengan tidak kekurangan apa-apa. Dari Prai kami naik keretapi ke Ipoh malam itu juga, dan sampai di Ipoh pukul 2 pagi pada 23 Shichigatsu.



Bergambar di Syonan-to (Singapura) pada 19 Jun 1944. Duduk: Za'ba, N. Nagai, Daud Md. Syah. Berdiri: Mahmud Ahmad dan Jaafar Mohamed.

# Implikasi Pemerintahan Jepun

Mohd. Yusof Hassan

*Dipetik dari buku cenderamata Minggu Sejarah Kedah 1975*

*'Jepun tidak sedar bahawa rakyat Malaya juga tidak berdiam diri dalam usaha membebaskan diri dari penjajahan Inggeris ..... golongan agama telah memberi pengaruh kuat terhadap penjajah ..... golongan guru dan wartawan memperhebatkan usaha menimbulkan gejala protes secara tidak langsung terhadap penjajah Inggeris.'*

Jepun memerintah Negeri Kedah selama 19 bulan dan Malaya selama 3 tahun 8 bulan. Dalam jangkawaktu itu, Jepun memperlihatkan kebudayaannya yang kononnya 'dinamik', anti-Barat dan pro-Asia.

Selama ini Jepun menganggap dirinya sebagai pusat tumpuan kebudayaan di Timur. Kata Prof. Hideo Tanakadate:

*The islands of Nippon have been a refuge or haven on the edge of the Great Pacific, for all who have set their faces to the East. From Korea to Manchoukuo, China and countries to the South, immigrants have reached the shores of Nippon and have made their homes in the new land. Mongolians from the desert, sea-faring Malays from the South, even Europeans from a more distant sphere, have brought their separate customs, ideas and religions.<sup>1</sup>*

Dengan ini Jepun membawa bersama mereka slogan "Asia untuk Asia" dengan harapan orang-orang di Asia Tenggara akan menyertai mereka untuk menghapuskan kebudayaan Barat yang sudah lama bertapak di Nusantara ini. Dengan semangat ini, Jepun mengharapkan sokongan dari rakyat. Tetapi Jepun telah benar-benar tersilap langkah.

Dari segi semangat kebangsaan untuk menghapuskan penjajahan rakyat di Nusantara rasa cukup bersetuju, tetapi dari segi kebudayaan, rakyat seperti di Malaya dan Indonesia rasa tidak secocok dan tidak akan rasa secocok sama sekali.

Adat resam Busido, satu tatacara perwira atau Samurai telah diadakan dalam zaman pemerintahan Dinasti Tokugawa dalam abad ke 17. Mengikut ajaran ini, seseorang perwira itu perlu mengorbankan dirinya untuk negara. Salah satu daripada prinsip Busido ialah sekiranya seorang perwira itu tidak dapat atau gagal melaksanakan tugas-tugas negaranya, maka tugasnya menjalankan upacara Harakiri

iaitu menikam perutnya sendiri atau membunuh diri. "Adalah menjadi aib yang besar bagi seseorang Samurai terkorban di tangan orang lain". Dan kemuritan tadi akan diberi penghormatan negara.

Ini bertentangan benar dengan ajaran Agama Islam yang telah lama bertapak di Nusantara semenjak abad yang ke 15 dan yang dipegang kuat oleh penganut-penganutnya di Asia Tenggara seperti di Malaya dan Indonesia. Dalam Islam, orang-orang Islam yang terkorban dalam peperangan melawan musuh adalah syahid, tetapi Agama Islam mengutuk sekeras-sekerasnya perbuatan membunuh diri.

Dalam pemerintahannya, Jepun memaksa rakyat memberi penghormatan kepada Maharaja Jepun ke arah matahari terbit. Ini lagi sekali bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat orang Melayu yang beragama Islam yang biasa menyembah Tuhannya ke arah Kiblat di sebelah matahari jatuh atau sebelah Barat. Undang-undang Jepun yang demikian sudah cukup mencabar kedudukan Agama Islam dan penganut-penganutnya. Perbezaan Agama dan pegangan hidup yang demikian menyebabkan kedudukan Jepun tidak kekal di Malaya.

Orang-orang Jepun juga mendakwa mereka mempunyai peribadi yang lemah lembut, bersopan santun dan ramah dalam tutur kata serta tidak mementingkan diri sendiri. Kata Prof. Hideo Tanakadate dalam ucapan memperkenalkan kebudayaan Jepun pada masa pemerintahannya di Malaya:

*"We Nippon-zin are not egoistic or should I say not egocentric or self-sacrificing..... We sacrifice our pride for the honour of the other..... So our humble way of expression is better and safer..... The Nippon-zin is purposely humble for he is not the centre of his life."<sup>2</sup>*

Tetapi apa yang dilakukan oleh orang-orang Jepun dalam pemerintahannya

adalah sebaliknya:- agresif, kejam, egoistic dan tidak berperikemanusiaan. Apakah perbuatan-perbuatan sergah-menyergah orang, memaksa orang naik kelapa dengan benet terhunus dibuntutnya, upah tambang "pergi dan baliknya" dan memaksa orang minum air bertimba-timba dan lain-lain seksaan itu merupakan perbuatan-perbuatan yang dianggap "very delicate and finer ones" oleh seorang Professor mereka tadi?

Sikap jahil dalam ilmu jiwa rakyat atau "mass-psycology" dalam pemerintahan Jepun itu telah mencepatkan proses keruntuhan zaman Jepun yang boleh dianggap sebagai zaman malapetaka dan kekejaman atau "reign of terror" yang tidak boleh dilupakan oleh rakyat. Jepun telah mengambil tindakan yang terburu-buru dan ingin memerintah dunia sekelip mata, akibatnya matahari yang terbit pada 8hb. Disember 1941 itu amat pahit dan getir sekali!

Kata Prof. Tanakadate lagi, orang-orang Jepun adalah pencinta alam dan kebanyakan dari mereka adalah petani, sebab itulah bila datang ke Malaya mereka melancarkan rancangan bumi hijaunya. Rakyat terpaksa tanam pokok pisang, kelapa dan sebagainya. Lagi sekali rakyat telah menjadi kelam-kabut. Dulunya rakyat bersenang-lenang dengan kecukupan makanan dan sekarang dipaksa-paksa pula. Lagi pula bahan-bahan makanan ini bukan untuk rakyat yang menanamnya, tetapi dibekalkan kepada askar-askar Jepun di medan perang. Rakyat sedar tentang tipu helah Jepun yang mahu mengisi tembolok mereka semata-mata.

Lagi sekali Jepun silap langkahnya. Jepun bernafsu besar untuk mengadakan rancangan bumijayanya. Jepun tidak mengkaji bagaimana keadaan iklim di Malaya yang berbeza dengan negeri Jepun yang ada musim-musim spring, summer, autumn dan winternya. Kerana itu, rancangan penanaman kapas anjuran kerajaan Jepun

telah gagal sama sekali di Malaya ketika itu.

Dengan perusahaan penanaman padi yang penuh rintangan itu Jepun merasakan ada dua sifat tertanam di jiwa petani: pertama, hubungan erat antara tanah sawah dengan petani melahirkan perasaan "patriotism" dan kedua, sifat pengorbanan diri dalam sebarang perjuangan. Katanya dengan semangat ini rakyat petani di Asia Tenggara khususnya dan di Asia amnya dapat menghalang penjajahan dan 'pencerobohan' orang-orang Barat. Ini benar dan dapat dipersetujui oleh rakyat. Tetapi yang diamalkan oleh tentera Jepun itu bertentangan dengan apa yang diteorikan oleh pemimpin-pemimpin mereka.

Di sini timbul konflik dan pertentangan di antara tiga golongan: golongan yang memimpin (pemerintah Jepun), golongan yang dipimpin (tentera Jepun) dan golongan yang baru dipimpin (rakyat Asia). Persefahaman tidak ada langsung di antara golongan tersebut dan akibatnya pemerintahan itu hanya menunggu masa keruntuhannya!

Apakah sebab-sebab Jepun bernafsu rakus benar untuk menakluk Asia? Kata Prof. Kotaro Zimbou, seorang penyarah dan penyair terkenal di Nippon University, Tokyo:

*Nippon rose up on Dec. 8 last to carry out her most faithful mission of revolutionizing world history. Nippon did not stand up on any designed profit-making business. It is a real fact that Nippon stood up as a result of the Unification of the minds of the whole people which led them to a final explosion. I believe that this is the start of our firm determination and activities answering to the voice of God.<sup>3</sup>*

Negeri Jepun sendiri mengalami arus- arus pengaruh Kebudayaan Buddha, Kebudayaan Cina dan Kebudayaan Barat, tetapi tidak pernah dijajah secara langsung. Dengan ini, Jepun ingin membebaskan diri

dari belunggu kebudayaan tersebut lantas mencari jalan untuk memusnahkan Kebudayaan Barat — dengan peperangan — bagi menegakkan kembali ajaran Sintoism yang mereka anuti. Untuk memusnahkan Barat, Jepun mencari dan meminta sokongan — dengan paksaan — dari negara-negara Asia!

Tetapi Jepun tidak sedar bahwa rakyat Malaya juga tidak berdiam diri dalam usaha membebaskan diri dari penjajahan Inggeris terutama sekali selepas Perang Dunia Pertama (1914—1918). Dalam tahun-tahun dua puluhan gerakan golongan Agama yang membawa faham modenisma dalam Islam yang dipelopori oleh Sheikh Muhammad Abduh di Mesir dan dibawa pulang oleh Syed Sheikh Al-Hadi telah memberi pengaruh kuat kepada pergolakan bukan sahaja terhadap penjajah tetapi juga terhadap ajaran fanatik dan konservatif dalam Islam. Dalam tahun-tahun tiga puluhan pula golongan guru dan wartawan memperhebatkan lagi usaha menimbulkan gejala protes secara tidak langsung terhadap penjajah Inggeris.

Golongan guru dalam karya-karya mereka memperlihatkan nada tidak senang di bawah penjajah. Taraf sosio-ekonomi yang rendah bagi orang-orang Melayu akibat dari penindasan sistem pemerintahan Inggeris amat terasa sekali. Manakala golongan wartawan pula menimbulkan gejala protes itu secara simbolik seperti terdapat dalam novel *Putera Gunung Tahan* karangan Ishak Haji Mohamad.

Selain dari apa yang diperlihatkan dalam tema hasil-hasil karya dari tiga golongan yang tersebut di atas tadi terdapat penubuhan parti-parti politik Melayu yang cuba membangkitkan nasionalisma Melayu. Perasaan perkauman dan persukuan dalam masyarakat majmuk ketika itu menambahkan keruncingan situasi yang sedia bergolak.

Suasana di negara-negara jiran juga memperlihatkan keadaan yang sama agresif.

Pergolakan-pergolakan anti-penjajahan seperti negeri Burma yang menentang Inggeris Filipina menentang Amerika Syarikat dan Indonesia menentang Belanda telah merangsangkan serta menyemarakkan api kebangkitan di Malaya.

Keadaan ini sudah cukup untuk menggertakkan kedudukan Inggeris di daerah Asia Tenggara. Serangan Jepun ke atas Malaya mengalahkan Inggeris hanya memburukkan suasana dan mengakibatkan tumpah-darah yang sia-sia cuma. Kebangkitan Jepun dalam Perang Dunia Pertama (1914—1918) sudah cukup memperlihatkan kuasanya sebagai kuasa Timur yang bisa mencabar kuasa-kuasa Barat yang gagah. Tetapi kemunculannya pada kali kedua dalam Perang Dunia Kedua ini tidak memberi apa-apa makna kerana itu hanya memperlihatkan nasib Jepun yang sentiasa malang — sudah jatuh ditimpa tangga.

Kemunculan Jepun di Malaya dalam tahun-tahun empat puluhan itu menyebabkan api permusuhan rakyat Cina di Malaya terhadap musuh lama datuk neneknya. Dengan itu lahirlah gerakan *Malayan Peoples anti-Japanese Army* yang dipimpin dan dianggotai oleh kebanyakan ahli-ahli *Partai Kominis Malaya*.

Selepas Jepun menyerah kalah pada 3hb. September 1945, Malaya berada dalam keadaan kucah-kacir lagi. Mula-mula Malaya diperintah oleh *British Army Administration*. Selepas dari gelombang itu, tiba pula gagasan *Malayan Union* yang terpaksa ditentang hebat oleh rakyat di bawah pimpinan Dato Onn Jaafar. Selepas selesainya kekecuaan-kekecuaan tersebut. Malaya diancam oleh keadaan zaman Darurat dalam tahun 1948.

Pemerintahan Inggeris yang membawa prinsip "divide and rule" itu amat ketara benar. Permusuhan antara kaum menjadi-jadi. Masalah perkauman begitu hebat.

Selepas menghadapi beberapa cabaran dan ancaman, negara kita berjaya juga



Major Jeneral Sukigawa Seiji  
Gabenor General di Kedah (1941–1943)  
(Muzium Negeri Kedah)



S.K. Shiiba – seorang peniaga Jepun sebelum Perang,  
kemudian menjadi pegawai ketika pentadbiran Jepun.  
(Muzium Negeri Kedah)

mencapai kemerdekaannya pada 31hb. Ogos 1957.

Jadi tujuan asal Jepun yang kononnya “to oust Anglo-American exploitation from this part of the world and wants to liberate and emancipate the whole of East Asia” itu semata-mata membawa penderitaan dan kesan yang cukup buruk. Implikasinya, kedatangan Jepun tidak memberi sesuatu yang bermanfaat.

Dalam pemerintahannya, Jepun mengadakan sistem untuk menyatupadukan rakyat dengan menggunakan bahasa kebangsaannya sambil menanamkan semangat cinta kepada bahasa tersebut, kerana orang-orang Jepun percaya bahawa:

*When you have learnt to use one Nippon-go word, you have made one step further in your efforts to know more and understand Nippon. When you learnt 100 Nippon-go words, you will feel more friendly towards Nippon-zin, when you have learnt 1,000 Nippon-Go words, you will never wish to forget Nippon or the Nippon-zin.<sup>4</sup>*

Bagi menyebarkan kesusasteraannya pula, Jepun telah memperkenalkan bentuk-bentuk puisi Tanka dan Haiku. Sajak ini banyak memperkatakan tentang keindahan alam dan kesucian hidup manusia. Jenis puisi Jepun yang dipanggil Uta adalah terhad kepada tiap-tiap rangkap 32 suku-kata dalam lima baris iaitu: 5-7-5-7-7. Perkataan yang digunakan bagi lima baris dan 32 sukukata itu tidak boleh melebihi 12 patah.

Tetapi walau bagaimanapun Jepun berusaha bersungguh-sungguh menanamkan rasa cinta terhadap bahasa dan kesusasteraan itu di kalangan rakyat, rakyat tidak tertarik dengan aspek-aspek penting dalam kebudayaan Jepun itu. Bahasa Melayu tidak sedikit pun terpengaruh dengan bahasa Jepun dan orang-orang Melayu masih tetap menggunakan bentuk puisi iaitu pantun dan syair. Ini disebabkan oleh

cara Jepun memperkenalkannya dengan paksa. Paksaan itu telah mengakibatkan kebencian yang meluap-luap di kalangan rakyat secara implisit.

Bagi menyebarkan propagandanya, Jepun mengadakan alat siberan am seperti radio, majalah-majalah Fajar Asia dan Semangat Asia dan akhbar harian Berita Malai. Melalui media persuratkhabaran, ramai penyair-penyair kita telah turut menyuarakan propaganda itu melalui sajak-sajak mereka sebagai usaha menyokong Jepun. Sebanyak 58 buah sajak telah dihasilkan dalam jangkawaktu 3 tahun 8 bulan itu. Lebih daripada separuh sajak-sajak tersebut membawa tema patriotisem, yakni membawa seruan mempertahankan negara di bawah lindungan Jepun yang dianggap sebagai "penyelamat" Asia Tenggara dari cengkaman penjajah.<sup>5</sup>

Tetapi apakah yang dihasilkan oleh penyajak-penyajak itu benar-benar tercetus dari perasaan yang jujur atau semata-mata untuk mengabui mata Jepun yang memberi perlindungan kepada mereka. Dalam keadaan serba susah, serba kejam dan serba paksaan demikian manusia boleh bersikap "bunglon" seperti berlaku di Indonesia. Jadi hasil-hasil sastra yang berbentuk cerpen dan sajak dalam zaman Jepun bukanlah hasil karya yang benar-benar bebas.

Nada yang pahit dan sinis terasa sekali di dalam karya-karya tersebut.

Mengikut dakwaan pemimpin-pemimpinnya, Jepun datang ke Asia Tenggara dengan kekuatan ekonomi, kerana mereka telah bersiap sedia sebelum berlakunya peperangan. Sungguhpun negeri itu tidak mempunyai sumber-sumber alam, tetapi rakyatnya rajin bekerja dan terus

bekerja. Dalam hal kerajinan ini, Jepun boleh mengatasi Barat. Kata Mr. Sinzuo Takahasi:

*Unlike America and Britain, as Nippon did not believe in blowing her own trumpet, the real mettle of Nippon came out in deeds not in words, when the day for real fighting arrived.*<sup>6</sup>

Jepun muncul ibarat seorang kaya baru yang mempunyai alat-alat dan wang ringgit serta kuasa yang kuat, tetapi serempak orangnya. Akhirnya menjadi seekor kera sumbang dalam pergolakan politik dunia pada pertengahan tahun-tahun empat puluhan.

Bom-bom di Nagasaki dan Hiroshima itu sudah cukup dapat mengajjar Jepun bahawa hidup bukan sekadar mempunyai kekayaan material sahaja tetapi kekayaan perikemanusiaan yang menebal dan kental.

Demikianlah nasib sekuntum bunga sakura yang segar gugur di Malaya dan akhirnya layu begitu sahaja.

Sejarah bukan berhenti setakat itu saja. Hari ini, Jepun telah membuat "a come-back"nya semula. Jepun banyak membantu rancangan-rancangan sains dan teknologi di Negara kita seperti pembinaan Rancangan Perairan Muda di Kedah dan Rancangan Temenggor di Perak. Berbagi-bagai alat-alat jentera digunakan dalam persawahan dan pertanian di Negara kita. Alat-alat kenderaan seperti motosikal, kereta dan jentera digunakan dengan hebatnya di Negara kita. Dan ini kebanyakan diimpot dari Jepun.

Apakah kebudayaan "Honda-Toyota-Kubota" dari Jepun ini di Negara kita kini merupakan satu gantirugi zaman pemerintahannya dulu?

Dengan kepercayaan ini, Jepun ingin membina Malaya sebagai sebuah negara yang makmur dan kaya-raya di Asia sambil menyeru:

*I, therefore, urge all the people of Malaya, especially, to realize the significance of this control economy and co-operate with it with grim resolve for a better day. You have to share with the people of Nippon the bitters as well as the sweets of life as need arises.*<sup>7</sup>

Sambil mengancam penjajahan Inggeris yang membawa kemerosotan ekonomi di Malaya semasa pemerintahannya.

Dengan itu, setibanya di Malaya Jepun melancarkan gerakan tanaman secara besar-besaran sambil menanam semangat rajin bekerja di kalangan rakyat. Inilah satu cara yang baik, tetapi Jepun tidak begitu faham tentang keadaan masyarakat di Malaya yang sebelumnya telah hidup dalam keadaan ekonomi secukup hidup. Untuk mengubah sikap rakyat, ia memerlukan masa yang panjang. Tetapi Jepun mahu rakyat mengikuti cara hidup mereka yang serba kelamkabut. Ini juga ada hubungan dengan latarbelakang sejarah Negara mereka yang sentiasa diganggu gugat oleh kuasa-kuasa lain. Mereka rasa hidup mereka sentiasa terancam dan hidup penuh kegelisahan.

#### RUJUKAN:

1. Prof. Hidezo Tanakadate, "an Exposition of Nippon Culture", 'Glimpses of Nippon Culture,' Syonon Times Press Ltd., Syonanto tanpa tarikh, h. 3.
2. Ibid, h. 5.
3. Dari ucapan Prof. Kotaro Zimbou, "Asiatic Cultures Have Flourishing Centre in Nippon", Glimpses of Nippon Culture op. cit, h. 16.
4. Ucapan Mr. Hazima Fukuda di atas tajuk "How Nippon-zin And People of Malaya can be Bound Together in Friendship

Pemimpin-pemimpin Jepun sentiasa melindungi kegelisahan itu dan mendakwa kedatangan mereka ke Malaya ini adalah ibarat menyinsing fajar yang membawa harapan baru di Asia. Kata mereka:

*We Nippon-zin came here with this responsibility and self-recognition. Since then we have this self-confidence.*<sup>8</sup>

Sungguhpun kedatangan mereka itu dengan tanggungjawab dan kesedaran diri, tetapi mereka merasa "over-confident" dan biasanya orang demikian cepat menempuh kegagalan. Tindakan terburu-buru, tamak dan kejam itu telah menumbangkan kuasa mereka sendiri.

Kerajaan sendiri sedar bahawa masa dua atau tiga tahun pertama itu merupakan zaman peralihan dan memerlukan masa yang lebih panjang untuk keteguhan ekonomi, tetapi oleh sebab banyak perkara yang hendak ditumpukan oleh Jepun: masalah dalam dan luar negeri, masalah sosial, masalah Agama, masalah ekonomi dan masalah politik, maka Jepun benar-benar tidak tahan daulat.

Forever," Glimpses of Nippon Culture. op. cit, h. 31.

5. Lih. Ali Ahmad, Tema-tema sajak Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974.
6. Ucapan Mr. Sinzyo Takahasi "Truth About Nippon's Economic Power", Glimpses of Nippon Culture, op cit, h. 36.
8. Ucapan Mr. Kenzo Nakazima "New Era Dawns with Advent of Nippon To Southern Region", Glimpses of Nippon Culture, op. cit, h. 45.

## Tunku Saves Alor Setar

Tan Sri Dato' Haji Mubin Sheppard

Dipetik dari *The New Straits Times Annual 1984*

*'I am not afraid to die. If my efforts to find a peaceful solution fail, I will lead you against our common enemy. But until tomorrow evening you must remain calm and give me time to find my own solution.'*



Pasukan M.P.A.J.A. berbaris sebelum dilucutkan pada bulan Oktober 1945.

The invasion of Kedah was only twenty four hour old when the Regent and his advisers decided to evacuate the elderly Sultan of Kedah an invalid to Penang. Tunku attempted to oppose the decision believing that the ruler should remain with his people. When his views were rejected Tunku waited on the main road the next morning and diverted his father's Rolls Royce from the official convoy and took the Sultan to stay in a remote kampong.

The fury of the Regent (Tunku's elder brother), who did not discover the successful interception of the Sultan until he arrived at Butterworth turned to terror when the Japanese bombed Penang and drove him back as a refugee to Kulim where Tunku was District Officer.

During the first lawless month of the Japanese occupation, Tunku drove to Singapore twice to search for his brother-in-law. Captain Raja Aman Shah, who fought with the FMS Volunteers and was captured by the Japanese. Both expeditions were fruitless. Raja Aman Shah was never found and on several occasions Tunku nearly lost his life.

For the next year Tunku remained in Kulim as District Officer, but he was a reluctant civil servant under the Japanese military administration. When he received an order from Alor Setar to fell a rubber estate and to replant it with cotton, using forced labour, he refused to carry it out. His insubordination was treated by the military as 'mutiny', and he was ordered to vacate his post at twenty four hours notice, and to proceed to the Audit office in Alor Setar, where he was allotted a table and chair but no appointment. To make life still more miserable, his house in Alor Setar was requisitioned by the Japanese, and he was forced to seek shelter with a friend.

During those days of ignominy, at the end of 1943, new evidence of the brutality of the Japanese military began to appear in Alor Setar. Half starved and diseased



Gambar TYM Tunku Abd. Rahman ketika mula berkhidmat di Kedah.

Malays, who had escaped, from the infamous 'Railway of Death' in North Siam, where they had been forced to work on railway construction, started to arrive in the town and to seek shelter and food. Resilient and always compassionate, Tunku took it upon himself to organise a personal volunteer welfare service, when it became clear that the challenge had been ignored by every branch of the Kedah Civil Service.

For the next eighteen months, assisted

by some of his close friends, Mohamed Khir Johari, Senu Abdul Rahman, Syed Agil and Mohamed b. Jamil, Tunku provided a 'Poor Man's Home' and two cooked meals a day, which were the only measures which stood between hundreds of these refugees and death from starvation and disease. As on many other occasions, Tunku's initiative received no official recognition. But his reputation circulated. More and more people all over Kedah came to regard Tunku as their leader in an emergency, — fearless, sincere and generous. And when a crisis of unparalleled gravity erupted in Alor Setar in the second half of August 1945, they turned to him.

The crisis was caused by the unexpected surrender of the Japanese, following the dropping of atomic bombs on Hiroshima and Nagasaki on August 6th. and 9th. 1945. This was a golden opportunity for the Communist Guerillas in the Malayan jungle, calling themselves the Malayan Peoples Anti Japanese Army, to try to seize control of the government in Kedah and all over the country.

Rumours of these plans quickly reached Alor Setar and some leading Malay officials went to consult the Japanese Army Commander, and to ask for his help in preventing any such attempt by the guerillas. But the Colonel replied that this was a civil matter and no concern of his.

The Malays knew that the Communist guerillas had been well armed by the British, through air-drops, to enable the M.P.A.J.A. to attack the Japanese in the rear when the British invaded the peninsula. It was also common knowledge that, if they came out of the jungle, the guerillas were likely to take revenge against anyone whom they accused of 'collaborating' with the Japanese, in particular the Police. Discouraged by the failure of their initiative with the Japanese army commander, the senior officials made no

attempt to assemble heads of departments for consultation or to provide any form of leadership.

Tunku and his close friends met each evening in his house to discuss the deteriorating situation. Messages from guerilla leaders were coming to Chinese shopkeepers in Alor Setar, calling on the public to oppose the return of the British.

The guerillas had "won the war", they said, and the M.P.A.J.A. was ready to move into Alor Setar and other districts and to take control.

After his evening meal Tunku mounted his bicycle and rode it at a moderate pace through the streets. They would normally have been tolerably busy until darkness fell and shops would then close, though a few might stay open till eight p.m. But on this particular evening, as soon as the call for Maghrib prayer sounded from the town mosque, as dusk began to fall, the Police in the Central Police Station removed their uniforms, locked their arms and ammunition in the store and left the building empty and in darkness. News of this development spread like lightning through the town. Shops shut and pedestrians disappeared.

Tunku rode through the deserted town, past the empty police station, and returned to his house. He began to discuss the formation of a 'Vigilante Corps' with Khir Johari and other friends, with the object of reoccupying the Police Station and maintaining law and order.

Before they had time to finalise any plans, a messenger arrived at the house from a little town called Alor Jangus about six miles from the capital, and asked to speak to Tunku personally.

As Tunku knew, the majority of the population of the town were locally-born Chinese. The messenger brought news from the Penghulu that a group of young Chinese had surrounded the Police Station, crowded

into the building, disarmed the Corporal and constables and herded them into the 'lock-up'. The messenger had gone first to the central Police Station, but finding it empty had come straight to Tunku.

Tunku lost no time in further discussions. He asked Khir Johari and four others to leave, immediately, on foot, for Alor Janggus, with a personal message from him to the young Chinese, ordering them to release the police, and not to interfere with the government.

Khir Johari and his companions arrived at Alor Janggus very early in the morning. He told the leader of the young Chinese that he had been sent by Tunku Abdul Rahman, and that Tunku ordered him to release the Police and to leave the police station. The young leader was obviously impressed by the name of Tunku Abdul Rahman, but said that he had been given his orders by the leader of the Communists in Changloon, a small town to the north, close to the Siamese border, and would have no obtain his permission before he could withdraw. It might take a little time to telephone to Changloon in the middle of the night, but he would do his best.

Khir Johari agreed to return in an hour, and he and his friends went to the house of the Penghulu where they consumed an early breakfast of rice and black coffee. When they returned to the police station the young Chinese handed Khir the key to the lock up and led his young supporters back to the town. The Penghulu provided Khir with a boat which took him and his companions back to Alor Setar and they went to report to Tunku.

News of the Alor Janggus incident and of the withdrawal of the Police from the Central Police Station in Alor Setar give still further support to the rumours that the Communists were on their way to take charge. That evening a large crowd of

Malay men of all ages assembled on the open space in front of the Balai Besar and called for Tunku. When he arrived a spokesman told him that they had assembled in order to prevent the Communists from entering the town. They asked for Tunku support and advice. Tunku asked the speakers and all those who had assembled not to take any action yet, and in particular to avoid any act which might precipitate a racial riot. He told them that he was trying to find a peaceful solution which would prevent any loss of life.

Some of the young men could be heard grumbling, and one spoke for the rest: they were not satisfied with Tunku's request for more time. They believed that time was now very short and that they must prepare and arm themselves, and organise resistance now. If Tunku was



Khir Johari dalam tahun 1945

afraid to become involved he could go back to his house. They would take responsibility for whatever followed. Tunku showed no sign of taking offence, but answered firmly: "I'm not afraid to die. If my efforts to find a peaceful solution fail, I will lead you against our common enemy. But until tomorrow evening you must remain calm and give me time to find my own solution."

The crowd dispersed: Tunku with his close friends returned to his house. But he was silent. He must find a solution to the problem. How could the guerillas be prevented from forcing an entry into Alor Setar. How could this be done without loss of life.

Tunku withdrew to his bedroom, took a bath and said his evening prayers, and sat silently on his prayer mat, hoping for guidance. The first thoughts which flashed into his mind were of a small Malay Resistance Force, which had been formed about six months earlier, with its headquarters near the Siamese border.

Three British officers and two junior Malay Officers, both Tunku's nephews, had been parachuted in to lead and train locally enlisted recruits, many of whom had been sent by Tunku. But the Malay group only numbered about one hundred: the communist guerillas in Kedah numbered at least five hundred. They were better armed and much better trained.

Tunku knew that there was no possibility of bringing the Malay Resistance group to Alor Setar to oppose the Communists, but perhaps he could make use of the British officers. They represented a large invasion force which was on its way to reoccupy Malaya. Tunku's intuition, ever his secret weapon told him that the solution lay with the British commanding officer. He would discuss the detail with Khir, but the discussion would have to be held while they drove, if they were to complete the plan and prevent the

Communist from entering the town tomorrow night.

Pulling on his trousers and a freshly laundered shirt, Tunku emerged from his bedroom and said to Khir: I have an idea: I am going to Kuala Nerang, now. Will you come with me? They set off in Tunku's Austin Seven: Khir drove the car in order to allow Tunku more time to develop his plan. Tunku explained the basic idea, and they discussed it as they travelled.

At Pokok Sena, a village about 12 miles from Alor Setar, the Communist guerillas had set up a road block. It was manned by several armed guerillas in khaki uniforms. Tunku told the young man on guard that he was going to visit a relative at Kuala Nerang and they made no attempt to delay him.

At Kuala Nerang, another 12 miles distant, they drove to the Police Station and asked to be shown the headquarters of the Malay Resistance force. The OCPD led Tunku to the Rest House, where he met two British Officers, Major Hasler, Capt. Burr and a French officer, Major Maze. Tunku had hoped to meet at least one of his nephews, but they were both in camp with the Malay guerillas.

Tunku was his genial self. He gave no sign of the anxiety which he felt, but he explained calmly that the Communist guerillas might try to take control of Alor Setar within forty eight hours: that the Malay population of the town intended to prevent this and that heavy loss of life was likely to follow any clash between the two groups.

It seemed to him. Tunku said, that only the Japanese Army commander could prevent a confrontation, if he was willing to send sections of armed men to block the road approaches to the town, and to maintain these until the British arrived. But the Japanese commander had already refused to intervene when some leading Malay civilians approached him. He might

arrive at a different decision, Tunku told Major Hasler if the request came from the representative of the British army which was on its way to reoccupy the country.

Tunku then added that, in his opinion, it would be advisable to quote International Law, with which he, Tunku, was familiar, and to emphasise that if serious intercommunal disorder occurred within a mile or two of his headquarters, and it could be shown that the Japanese commander had done nothing to prevent it, he would be held responsible.

Hasler, Maze and Burr listened intently. Hasler then replied that he would like to help, but he had been given strict orders not to leave his headquarters, which was in constant wireless communication with the British invasion headquarters in Colombo. He would be willing to send Major Maze, but his French accent might not be understood by the Japanese: he would therefore send Capt. Burr. Tunku thanked him and warned that there was a Communist road block at Pokok Sena and

suggested that Burr should travel by a different route. Tunku and Khir then drove home.

Capt. Burr left Kuala Nerang early the next morning and drove direct to the Japanese Military headquarters on the outskirts of Alor Setar. He drove to Tunku's house later in the morning and gave him an account of what happened.

Capt. Burr was dressed in jungle green uniform, with a Force 136 badge in his Beret and a parachute badge on his left breast. A Malay wireless technicians who had also been dropped into Kedah drove the car which Hasler had borrowed. Burr wore a revolver on his belt and carried a Tommy Gun.

The Japanese Colonel received Burr stiffly, and without uttering a word. An interpreter stood beside him. Burr placed his Tommy Gun on a table when he entered the room. He said that he had come to ask the Colonel for help. He then described the situation in Alor Setar. He told the Colonel that the Japanese soldier



Pasukan Force 136 pimpinan Major Hasler ketika di Alor Setar pada bulan Oktober 1945.

were still feared by the guerillas and that he believed that all that was necessary was for the Colonel to send a section of well armed men to block each road leading to Alor Setar and to refuse entry to any armed guerillas.

The Colonel remained silent. Burr continued, it is unlikely that this action will result in any injury to your troops: the guerillas will not attack them. You have it in your power to save this town and its people from destruction and bloodshed. If this occurs and you do not attempt to prevent it, the British will receive a full report, when they arrive within the next few days, and you will be held responsible.

The Japanese officer still remained silent, but he then stood up, and marched out of the room, followed by the interpreter. Burr could hear him speaking in a loud voice in another room: it sounded as if he was issuing orders. A few minutes later another officer could be heard



Lt. Tunku Osman Bin Tunku Md. Jawa bersama Pasukan Force 136 ketika di Sik pada bulan Oktober 1945.

shouting orders which echoed along the corridors of the college building.

Burr did not meet the Colonel again perhaps his embarrassment was too acute. About an hour later, after sitting alone, he was invited by the interpreter to come to the front porch. From there he watched three Japanese military vehicles drive away, each with a section of heavily armed men. Another lorry carried what appeared to be wooden road block barriers. Burr's car then reappeared and he drove to Tunku's house.


That evening, at dusk, an MPAJA reconnaissance party from Pokok Sena drove along the road to Alor Setar. They planned to drive as far into the town as they were able, take note of what they saw and report back to the commander. They were astonished to find the road blocked with wood and barbed wire barriers and several heavily armed Japanese soldiers stretched out on each side of the road in defence positions.

They were roughly refused permission to proceed and ordered to return to Pokok Sena. Another reconnaissance party travelled along the main road from Jitra and met a similar obstruction. It was not the wish or the intention of the guerilla leaders in the jungle to engage in armed confrontation with the Japanese, and when these leaders received a report from the reconnaissance parties they decided to abandon their hopes of taking control of the capital.

They contented themselves with the occupation, unopposed, of Police Stations and District Offices in other parts of Kedah. There they enjoyed briefly the intoxication of dictator ship and announced from the front of each District Office that Kedah was now a Communist State.

As far as Alor Setar was concerned, this was wishful thinking, but it could well have been otherwise, had it not been for the courage and leadership of one man — Tunku Abdul Rahman.

Pekan Alor Setar dalam tahun 1940an.



# Sejarah Lisan Administrasi Thai di Kedah

Mohd. Fadzil Hashim

Dipetik dari buku *cenderamata Minggu Sejarah Kedah 1975*

*'Penyerahan kuasa kepada pihak Thai ini memberi makna yang besar pada penduduk Kedah. Mereka telah benar-benar terlepas dari suatu bala yang sentiasa mencengkam hidup. Datangnya kuasa Thai menandakan bermula kembali pentadbiran awam yang memberi kelegaan kepada rakyat.'*



Setem yang diterbitkan pada zaman pendudukan Thai di Kedah (1943–1945)  
Ihsan: Tuan Hj. Wan Shamsuddin Yusof

Sejarah administrasi Thai di Kedah bermula dari Ogos 1943 hingga September 1945. Pentadbiran yang mengambil masa selama 25 bulan ini merupakan satu jangka-masa yang pendek. Pihak pentadbiran Thai sejak memegang kuasa di Kedah cuba mengujudkan suasana sebelum perang. Pentadbiran dijalankan secara British. Pegawai-pegawai yang ada meneruskan kerja mereka, semua jentera pentadbiran dihidupkan semula.

Kerajaan Thai lebih merupakan 'caretaker' sahaja. Tidak terdapat pembaharuan yang diusahakan. Tetapi dalam soal menyediakan makanan dan pakaian kepada rakyat pemerintah Thai lebih berjaya. Bahan makanan seperti beras dan gula dibawa dari Thailand. Oleh kerana bahan makanan senang didapati di Kedah, ramai penduduk dari negeri-negeri lain datang untuk mendapatkan makanan. Ramai di antara mereka datang dari Pulau Pinang, Perak dan dari selatan tanahair terus menetap di Kedah.

Pemerintah Thai tidak menjalankan apa-apa rancangan kemajuan di Kedah. Ini mungkin disebabkan jangkamasa 25 bulan itu terlalu pendek untuk mereka memulakan sesuatu rancangan. Kewangan tidak menjadi masalah di kala itu. Pejabat Kewangan Negeri Kedah mendapat lebihan belanjawan hasil dari kutipan cukai.

Mungkinkah pemerintahan Thai telah menyertai tentang kedudukan mereka di Kedah hanya sementara? Hal ini bermungkinan kerana mereka dapat mengikuti kemenangan awal pihak berikat di Pasifik melalui siaran radio All-India. Pihak Thai telah mengagakkan kedudukan mereka tidak akan berpanjangan di Kedah. Berdasar pada hal ini mereka tidak begitu berminat untuk menjalankan rancangan kemajuan.

Pegawai-pegawai Thai yang dihantar ke Kedah tidak ramai yang berkelayakan dalam bidang pentadbiran. Setengahnya mengambil kesempatan dengan kedudukan

mereka itu bagi mendapatkan keuntungan diri sendiri. Walaupun pemerintah Thai tidak membawa apa-apa kemajuan di Kedah tetapi boleh dikatakan keseluruhan rakyat bersyukur dengan kedatangan mereka. Kedatangan Thai telah membebaskan mereka dari ketakutan lantaran pemerintahan tentera Jepun, suatu keadaan yang penuh prasangka dan was-was mungkinkah besok mereka akan diseret dan dihukum tanpa melakukan apa-apa kesalahan.

Kekalahan Pihak Berikat dalam Perang Dunia II telah dengan sendirinya menamatkan administrasi Thai di Kedah. Apabila Inggeris datang, mereka memulakan pemerintahan corak tentera iaitu B.M.A. (British Military Administration). Pentadbiran corak tentera ini tidak lama, setelah keadaan kembali aman, pentadbiran awam British dimulakan kembali di Kedah.

#### KEDAH SEBELUM PEMERINTAHAN THAI

Negeri Kedah sepertimana negeri-negeri lain di Tanah Melayu telah mengalami pentadbiran Inggeris yang paling lama. Selain dari Inggeris Jepun juga telah menjalankan pentadbiran tentera di Tanah Melayu dan Singapura. Pemerintahan Jepun berjalan selama lebih kurang tiga tahun lapan bulan. Tetapi di Kedah pemerintahan Jepun menjadi makin kurang apabila Jepun menyerahkan negeri Kedah bersama-sama tiga buah negeri lain iaitu Perlis, Kelantan dan Trengganu kepada Siam setelah menguasai negeri-negeri itu selama 21 bulan.

Pentadbiran corak tentera oleh pihak Jepun meliputi kesemua negeri di Tanah Melayu. Jawatan-jawatan penting di peringkat atas telah diambil oleh pegawai-pegawai tentera Jepun dan sejumlah kecil anak tempatan. Dalam penyusunan jawatan di Kedah terdapat beberapa keanihan di mana orang-orang yang tak berkelayakan

telah diberi jawatan penting.<sup>1</sup> Terutama mereka yang berbuat baik dengan Jepun akan mendapat kedudukan istimewa di dalam pentadbiran. Namun begitu tidaklah meluas berlaku di seluruh Kedah. Tidak banyak jawatan-jawatan baru yang diadakan. Kebanyakan pegawai meneruskan kerja lama mereka. Terdapat juga pegawai-pegawai yang kehilangan jawatan mereka di waktu itu.

Dalam masa pentadbiran Jepun, semua kegiatan yang bercorak hiburan telah dihentikan. Kawalan keselamatan yang rapi dijalankan di merata tempat. Aturan kerja tidak dipentingkan sangat<sup>2</sup>. Pembangunan tidak dijalankan. Pemerintah lebih menumpukan usaha ke arah pertahanan dan keselamatan.

Oleh kerana negeri berada dalam keadaan darurat, banyakkah berlaku kejadian di luar undang-undang. Boleh dikatakan rakyat sentiasa berada dalam ketakutan, ini disebabkan tentera Jepun kerapkali bertindak mengikut undang-undang sendiri. Kejadian mencuri agak kurang di Zaman Jepun, ini mungkin disebabkan orang ramai sentiasa mengawal harta sendiri. Selain dari penjagaan yang rapi hukuman yang berat kepada pencuri-pencuri telah dapat menyekat kecurian berleluasa. Keadaan tidak tenteram sentiasa menyelubungi hati tiap-tiap rakyat di zaman pentadbiran Jepun.

Seseorang itu mungkin ditangkap dan diseksa oleh tentera Jepun tanpa sebab. Ada orang yang mengambil kesempatan membalas dendam dengan membuat fitnah kepada Jepun mengatakan seseorang itu menjadi ahli dalam pergerakan anti-Jepun. Dalam keadaan itu kita tidak dapat mengetahui siapakah kawan dan siapakah lawan.

Bidang ekonomi menerima nasib yang paling teruk sekali dalam masa pentadbiran Jepun, keadaannya menjadi sungguh teruk. Getah tidak lagi dipotong kerana tidak ada orang yang akan membelinya. Tanaman padi tidak menjadi disebabkan kemarau

yang kuat menyerang negeri Kedah. Tambahan pula rakyat berada dalam ketakutan, daya usaha untuk bertani seperti biasa menjadi kurang. Beras menjadi salah satu bahan catuan. Simpanan beras dihadkan. Pemerintah akan mengambil tindakan kepada mereka yang menyimpan dari yang dihadkan.

Inflasi menyerang dengan cara yang meluas di Kedah. Barang-barang keperluan seperti makanan dan pakaian sangat berkurangan di masa ini. Kalau ada pun harganya terlalu tinggi. Sepasang kain sutera dapat ditukarkan dengan dua ekor kerbau. Ramai orang berebut-rebut untuk mendapatkan makanan dan pakaian. Di waktu inilah ramai orang-orang Melayu menjadi peniaga. Orang yang mencebur diri dalam perniagaan tidak begitu susah hidupnya seperti orang yang makan gaji. Perbandingan antara hidup di bandar dan di luar bandar adalah lebih baik dari segi bahan makanan, tempat tinggal dan keselamatan diri.

Akibat kekurangan barang telah menyebabkan harga begitu melambung tinggi. Pihak Jepun telah mengambil langkah untuk menghadapi masalah ini dengan melancarkan gerakan menanam bahan makanan sendiri. Di kawasan perkampungan ubi kayu ditanam dengan banyak. Bahan ini menjadi pengganti kepada beras.

Pentadbiran Jepun mengadakan pertandingan bercucuk tanam juga mengadakan pertunjukan bahan pertanian serta memberi nasihat teknik kepada mereka yang menjalankan rancangan bercucuk tanam.

## PERUBAHAN KUASA

Pihak pentadbiran tentera Jepun telah menyerah negeri Kedah kepada Siam atau Thai pada bulan Ogos 1943.<sup>3</sup> Negeri-negeri lain yang terlibat dalam penyerahan ini termasuklah Perlis, Kelantan dan



Gambar ini dirakamkan ketika Pegawai-pegawai Tertinggi Siam Melawat Kedah pada tahun 1874. Bangunan latar belakang dalam gambar ini ialah bangunan "Balairong" yang asal.  
(Muzium Negeri Kedah)

Trengganu.<sup>4</sup> Penyerahan negeri Kedah serta tiga negeri yang lain ini dilakukan memandang pada pertolongan yang diberi oleh Thai sewaktu tentera Jepun datang ke Tanah Melayu. Pemerintah Thai membenarkan tentera Jepun menggunakan negeri mereka untuk datang ke sini. Cara begini dibuat oleh pemimpin Thai sebagai menghindar dari ancaman Jepun.

Penduduk Kedah menyambut baik perubahan kuasa ini. Sudah tentu mereka merasa senang kerana pentadbiran telah kembali pada pihak awam. Perubahan kuasa ini telah memberi kebebasan bergerak yang lebih kepada rakyat di mana mereka tidak lagi diancam oleh pihak tentera. Pegawai-pegawai Thai yang datang ke Kedah telah memberi perintah supaya menjalankan pentadbiran masing-masing

seperti sebelum Jepun. "Carry on as before".<sup>5</sup> Maksud mereka supaya mengikuti cara Inggeris.

Penyerahan kuasa oleh Jepun kepada Thai ini dilakukan di antara ketua-ketua mereka. Satu acara resmi untuk memberitahu orang ramai tentang penyerahan ini diadakan oleh Jepun.<sup>6</sup>

Walaupun pihak Jepun telah menyerahkan kuasa pentadbiran kepada Thai tetapi polis tentera Jepun (Kampetai) masih lagi berada di Kedah. Tugas mereka seperti biasa mengawal negeri. Kali ini mereka bersama-sama tentera Kerajaan Thai mengawal ketenteraman di Kedah. Segala gerak-geri orang ramai diawasi terutama mereka yang datang dari luar. Perhubungan polis tentera Jepun (Kampetai) dan askar Thai ini tidak begitu mesra.<sup>7</sup> Tetapi

tidak berlaku pergaduhan di antara keduanya. Kalau ada pun hanya perselisihan-perselisihan kecil sahaja.

Tugas polis tentera Jepun yang benar ialah mengawal kegiatan komunis dan gerakan anti-Jepun. Orang-orang Cina masih dijaga rapi oleh Kampetai kerana ramai orang-orang Cina yang terlibat dalam kegiatan anti-Jepun.

Penyerahan kuasa kepada pihak Thai ini memberi makna yang besar pada penduduk Kedah. Mereka benar-benar telah terlepas dari suatu bala yang sentiasa mencengkam hidup. Mereka telah terlepas dari keadaan yang serba mengecam dengan seribu tandatanya. Datangnya kuasa Thai menandakan bermula kembali pentadbiran awam yang memberi kelegaan pada rakyat.



Gambar kumpulan yang diambil Dalam Tahun 1906 di depan Balai Besar Alor Setar ketika merayakan perkahwinan Tengku Mahmud Saudara kepada Almarhum DYMM Sultan Abdul Hamid yang kelihatan berdiri di atas tangga dengan pedang di tangan Baginda. Yang ketiga dari kiri Baginda ialah Y.M. Tengku Bahadur, Aide-de-Cong kepada Sultan.  
(Muzium Negeri Kedah)

## PENTADBIRAN THAI DI KEDAH (SYBURI)

Selepas mengambil alih kuasa dari kerajaan tentera Jepun, Kerajaan Thai membentuk satu administrasi awam di Kedah. Pegawai-pegawai yang bertugas dengan Jepun terus berkhidmat dengan Thai pula selepas perubahan kuasa ini. Negeri Kedah diubah nama menjadi Syburi.

Gabenor General Thai yang bertanggungjawab bagi keempat-empat buah negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu ialah **Khun Rongchat** (Khun ertinya Encik dalam bahasa Thai). Gabenor Kedah ialah **Khun Pramot Chongcharem**, Penolong Gabenor ialah **Khun Chat**. Gabenor General menetap di Alor Setar, dan bandar ini dijadikan sebagai pusat empat buah negeri di utara Tanah Melayu.

Pihak Thai menghidupkan semula pentadbiran Majlis negeri yang dipanggil **Muntri Spa**. Ianya diketuai oleh seorang presiden yang dilantik oleh Sultan. Bagaimana pun pihak Thai tidak begitu mengambil berat tentang perjalanan Muntri Spa ini. Semua resolusi yang diambil oleh Muntri Spa mestilah diluluskan oleh High Commissioner Thai. Di dalam Muntri Spa ini terdapat anggota-anggota yang dipilih terdiri dari wakil-wakil Melayu, India dan Cina. Ada seorang penasihat undang-undang Muntri Spa waktu itu. Beliau ialah Encik Ismail Marican. Muntri Spa akan bersidang bersama-sama dengan Gabenor atau wakil Gabenor General ketika membincangkan perkara-perkara besar terutamanya berkenaan politik pemerintah.

Di bidang pentadbiran awam setiausaha kerajaan adalah jawatan yang paling tinggi sekali selepas Gabenor. Jawatan ini dipegang oleh Tuan Haji Muhamad Shariff. Ketua-ketua jabatan banyak yang dipegang oleh orang-orang Thai. Setiausaha menjadi pegawai yang penting bagi mengendalikan pentadbiran. Terdapat juga pegawai-pegawai tempatan memegang jawatan di

peringkat atas.

Ketua-ketua jabatan berkuasa penuh menjalankan pentadbiran mereka. Pihak Thai tidak selalu membuat arahan baru dalam pentadbiran. Semuanya berjalan mengikut cara yang sedia ada. Pegawai-pegawai memegang amanat pihak Thai supaya meneruskan pentadbiran cara British.

Jika ada apa-apa arahan baru yang hendak diberitahu kepada pegawai, Gabenor Thai akan mengadakan suatu perjumpaan ramai. Di dalam perjumpaan inilah mereka akan bertukar-tukar pendapat. Pegawai-pegawai diminta supaya memberi pendapat mereka tentang sesuatu tindakan yang hendak dilakukan di Kedah. Mereka yang hadir adalah terdiri dari pegawai-pegawai yang bekerja di sekitar Alor Setar saja. Pegawai-pegawai dari daerah lain jarang menghaziri perjumpaan ini disebabkan kesusahannya pengangkutan. Jika ada apa-apa arahan baru pegawai-pegawai di daerah luar ini akan menerima dari Setiausaha Kerajaan. Pegawai daerah akan menyampai kepada penghulu seterusnya kepada rakyat jelata.

Setiausaha Kerajaan paling berkuasa di waktu itu. Kebanyakan usul yang dikemukakan oleh beliau diterima oleh Gabenor General Thai. Kebolehan Tuan Haji Mohd. Shariff sebagai Setiausaha Kerajaan mendapat pujian dari pihak Thai. Gabenor Thai bertugas sebagai penasihat kepada Setiausaha.<sup>8</sup> Di zaman pemerintah Thai ini tidak terdapat perubahan undang-undang secara besar-besaran.<sup>9</sup> Perjalanan undang-undang tidak begitu tegas, banyak kesalahan-kesalahan kecil dimaafkan.<sup>10</sup>

Tentang perjalanan undang-undang Islam keadaannya seperti biasa. Bidang ini diserahkan kepada orang-orang Melayu sendiri. Sultan merangkap sebagai Ketua Agama. Begitu juga tentang adat istiadat Melayu, pihak Thai tidak pernah menganggu. Kedudukan hak-hak istimewa

orang Melayu seperti 'Tanah Simpanan Melayu' dihormati oleh Thai. Sultan masih dianggap Ketua Negeri.<sup>1</sup>

Walaupun pentadbiran diserahkan kepada Thai tetapi bidang keselamatan masih di bawah Jepun. Polis tentera Jepun (Kampetai) masih mengawal negeri Kedah. Tentera Thai juga ada di Kedah. Kedudukan mereka sebagai penjaga keamanan di samping polis tentera Jepun. Dengan adanya tentera Thai di Kedah, Kampetai Jepun tidak lagi bertindak sewenang-wenang hati mereka terhadap orang awam.

Kawalan keselamatan di Alor Setar berada di bawah pihak Thai dan Jepun, di daerah-daerah luar terdapat pengawal-pengawal kampung bekerja bergilir-gilir dari petang hingga ke pagi. Keselamatan boleh dikatakan terkawal apabila tiap-tiap daerah berusaha mengawal keselamatan sendiri.

Sewaktu pentadbiran Thai tidak ramai pegawai-pegawai baru yang dilantik. Pegawai-pegawai tadbir lama dibiar terus berkhidmat. Kecuali jika ada kematian barulah perlantikan baru dibuat. Pegawai-pegawai baru ini dilantik dari pegawai-pegawai peringkat rendah yang telah lama berkhidmat.

Layanan pemerintah terhadap rakyatnya dari segi bangsa tidak ada perbezaan. Cuma rakyat Kedah yang berketurunan Siam merasa lebih beruntung.<sup>1,2</sup> Kalau dalam pentadbiran awam pegawai-pegawai Siam tempatan mendapat layanan yang lain dari pegawai-pegawai Thai.

Kadaan disiplin tidak begitu kukuh di kalangan pentadbir-pentadbir Thai. Dari Gabenor hinggalah ke peringkat bawah pegawai-pegawai itu bebas menjalankan perniagaan sendiri sebagai menambahkan pendapatan mereka.

Di daerah-daerah luar pegawai-pegawainya terdiri dari anak tempatan. Bagi kawasan yang berpenduduk lebih dari 15 ribu orang, Pegawai Daerah akan ditempatkan di situ. Hubungan pegawai-

pegawai Thai dengan pentadbir di Bangkok dipercayai ada tetapi ini tidak terdapat bukti yang lengkap. Kalau ada pun hubungan ini lebih kepada soal-soal besar yang bersangkutan dengan pemerintahan. Banyak hal-hal pentadbiran diselesaikan oleh pegawai-pegawai Thai di Alor Setar.

Rancangan-rancangan pembangunan baru tidak dijalankan di Kedah. Mereka cuma meneruskan susunan yang telah sedia ada. Pentadbiran menjadi semakin malap. Kadang-kadang tidak ada kerja yang hendak dibuat oleh pegawai-pegawai itu.

Tidak ada orang yang akan menyasiat kerja mereka. Pelaksanaan begini terus-menerus seolah-olah mereka menerima gaji percuma. Jabatan Kewangan adalah satu-satunya pejabat yang paling sibuk di waktu itu. Setiausaha Kewangan Negeri dipegang oleh Encik Lee Ewe Boon seorang anak tempatan.<sup>1,3</sup>

Jabatan Kewangan bertanggungjawab mengutip cukai dan membayar gaji pegawai. Hasil pendapatan negeri Kedah keseluruhannya dibelanja di dalam negeri. Tentang pegawai-pegawai Thai, mereka menerima gaji dari pemerintah Thai di Bangkok. Pemerintah Thai tidak membawa modal dari Bangkok dalam memajukan negeri Kedah. Pentadbiran di Kedah boleh dikatakan terasing dari Bangkok.

Kedudukan penduduk luar bandar tidak banyak berubah. Tidak ada projek besar memajukan bidang pertanian di luar bandar. Barang-barang makanan dan sedikit pakaian dibawa dari Thailand. Dipercayai negeri Kedah mendapat bekalan makanan yang agak mencukupi sewaktu pentadbiran Thai. Di negeri-negeri lain kekurangan makanan menjadi satu ancaman yang serius. Selain dari bahan makanan yang diimport dari Thailand negeri Kedah sendiri merupakan pengeluar beras yang utama di Tanah Melayu.

1. Seorang ulama telah dilantik menjadi jurutera, pegawai pertanian menjadi penguasa polis dan penolong overseer dilantik menjadi pegawai kewangan negeri. Ini telah dinyatakan oleh Encik Lee Ewe Boon sewaktu ditemuramah dengan beliau pada 16hb. November 1974.
2. Dalam kebanyakan tugas harian, Jepun membiarkannya kepada pegawai yang berkenaan. Kekurangan alat pengangkutan menyebabkan pihak pentadbiran Jepun tidak melawat kawasan-kawasan di luar Alor Setar. Setengah-setengah pegawai menjalankan pentadbiran mengikut sesuka hatinya sendiri.  
Ini diterangkan oleh Tuan Syed Idris Mashor sewaktu ditemuramah pada 16hb. September, 1974.
3. Mengikut keterangan Datuk Wan Ibrahim penyerahan ini pada bulan Ogos, 1943 tetapi mengikut Encik Ch'ng Chin Eong penyerahan kuasa berlaku pada 18 Oktober 1943.
4. Jepun menyerah Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu kepada Siam kerana memandangkan jasa baik Siam memberi jalan kepada tentera Jepun untuk datang ke sini. Empat buah negeri ini pernah pada suatu masa dulu berada di bawah naungan Siam. Dengan penyerahan ini Jepun mengagakan mereka akan disanjung sebagai 'pembebas' dari penjajah Inggeris. Pendapat ini diberi oleh Datuk Wan Ibrahim temuramah 16hb. September, 1974.
5. Mengikut Encik Lee Ewe Boon pegawai-Pegawai Thai memerintah mereka supaya menjalankan kerja seperti biasa. "Carry on as before", 'before' bermakna menjalankan pentadbiran cara sebelum Jepun iaitu Inggeris. Dengan perintah ini bermakna perkhidmatan awam berjalan semula. Pegawai-pegawai tentera Jepun mula meninggalkan jawatan mereka. Jawatan itu kemudiannya dipegang oleh pegawai Thai dan juga pegawai tempatan.
6. Semua pegawai dijemput ke padang Court untuk mendengar dan melihat pengistiharan penyerahan kuasa oleh Gabenor Jepun kepada Thai. Suatu perjanjian di antara kedua pihak telah ditandatangani di Balai Besar dengan disaksikan oleh ramai pegawai-pegawai negeri Kedah. Diikuti dengan upacara menurunkan bendera Jepun dan menaikkan bendera Thai.
7. Tentera Thai tidak bercampur dengan tentera Jepun. Menurut Datuk Wan Ibrahim, tentera Jepun tidak menghormati tentera Thai. Bila tentera Thai Tabik Hormat Jepun tidak pernah membalasnya.
8. Dalam bidang pentadbiran Gabenor Thai tidak masuk campur. Ia serah sepenuhnya kepada Majlis Negeri Muntri Spa. Gabenor hanya merangkap sebagai penasihat kepada Setiausaha Kerajaan. Penerangan oleh Encik Thape Chuangkasem. Temuramah 17hb. November 1974.
9. Mengikut Datuk Wan Ibrahim Gabenor pernah memberi arahan yang merupakan peraturan-peraturan baru dalam hal militer. Penasihat undang-undang waktu itu ialah Encik Ismail Marican.
10. Oleh kerana kedudukan rakyat susah, pemerintah Thai tidak memaksa membayar cukai. Contohnya hasil pintu, siapa yang mampu boleh membayarnya, jika tidak mampu dimaafkan. Penerangan oleh Encik Thape Chuangkasem.
11. Rakyat Kedah masih menganggap D.Y.M.M Sultan Badlishah sebagai ketua mereka. Walaupun pada zahirnya kuasa Sultan itu berkurangan. Pihak Thai tidak pula cuba menggalak taat setia rakyat Kedah kepada raja Thai. Kerapkalinya setiap tindakan pemerintah Thai di Kedah akan diberitahu kepada Sultan melalui Setiausaha Negeri. Tetapi dalam soal-soal kecil memadamkan dengan persetujuan Setiausaha Negeri saja.
12. Sikap orang Thai tempatan agak sombong (juah) sedikit. Mereka mungkin mengambil kesempatan di mana negeri Kedah di waktu itu di bawah Thai. Mengikut Datuk Syed Idris, mereka cuba cetuskan pergaduhan di Sik tetapi telah dihentikan oleh pegawai daerahnya Syed Hassan dengan ugutan akan menembak orang Thai yang cuba cetuskan pergaduhan itu.
13. Encik Lee Ewe Boon mendapat kepercayaan pihak Thai untuk memegang jawatan Setiausaha Kewangan. Hasil kecekapannya Negeri Kedah mendapat lebihan belanjawan. Ini disebabkan pendapatan yang diterima tidak disalurkan pada projek-projek tertentu kerana tidak ada projek di zaman pentadbiran Thai.

# Penubuhan dan Pergerakan Politik Melayu Negeri Kedah 1945 - 1955

Azmi Saad

Dipetik dari majalah *Jebat*, 1975

*'Gerakan besar kaum Melayu Kedah telah diadakan hari ini (19-1-1946) manakala lebih daripada 50,000 orang yang telah mengambil bahagian di dalam perarakan yang telah dijalankan di bawah riayah Kesatuan Melayu Kedah.....'*



Perhimpunan Rakyat menentang Malayan Union di Alor Setar pada tahun 1946.  
(Muzium Negeri Kedah)

**K**esedaran bangsa Melayu di bidang politik bukanlah satu perkara baru malah sudah tersebar sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Tetapi dahulunya terdapat beberapa perkara yang menghalang kecerdasan kegiatan berpolitik di kalangan bangsa Melayu. Menurut SUARA SABERKAS;

*"Politik dipandang oleh kebanyakan orang-orang Melayu sebagai perkataan haram atau menyalahi kerajaan semata-mata."*

Keadaan ini ternyata sekali di Negeri Kedah, antara golongan yang menganggap politik itu sebagai perkataan "haram" terdiri dari golongan raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu sendiri, hingga mereka memandang rendah dan benci kepada orang-orang atau parti-parti politik. Ada pula yang menganggap parti-parti politik itu sebagai "parti komunis" yang bertujuan jahat semata-mata. Ini mempengaruhi rakyat jelata, sehingga rakyat juga turut takut mendengar nama, apa lagi mencampuri aktiviti politik.

Sungguhpun begitu, keadaan tersebut tidak dapat dibendung, kerana semangat kebangsaan orang-orang Melayu Kedah semakin meninggi, terutama selepas Jepun menyerah kalah pada bulan Ogos 1945. Kesedaran yang tinggi ini juga menyebabkan tertubuhnya Pertubuhan Kebajikan Buruh-Buruh Kerja Paksa, yang ditubuhkan oleh Tengku Abdul Rahman dan beliau sendiri sebagai Yang Dipertua, manakala Mohammad Khir Johari sebagai Setiausaha, telah merancang hendak mengadakan perundingan dengan Jepun supaya ketika menyerah diri kepada pihak Berikat nanti, hendaklah menyerah kuasa Negeri Kedah kepada pertubuhan tersebut.

Maksud tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana Pertubuhan Kebajikan Buruh-Buruh Kerja Paksa itu bukan sebuah organisasi politik. Lebih-lebih lagi anggotanya bukan terdiri dari rakyat Kedah sahaja, sebaliknya untuk buruh-buruh paksa yang lari dari Siam-Burma. Begitu



Encik Khir Johari

juga dari segi kepimpinannya, hanya terdapat dua orang sahaja tokoh politik, iaitu Tengku Abdul Rahman dan Mohammad Khir Johari. Malahan dasar perjuangannya juga tidak pernah menekankan aspek politik. Lebih banyak ditumpukan kepada kebajikan dan mengadakan pertunjukan-pertunjukan pentas seperti bangsawan untuk mendapatkan wang bagi membiayai rumah rawatan tersebut.

Kepuncakan kegiatan politik di Kedah dapat dilihat dalam konteks beberapa peristiwa yang berlaku serta juga perkembangan politik dari dua aspek. Pertama aspek pergolakan masyarakat, bahawa masyarakat di Negeri Kedah, malah di Tanah Melayu ketika itu sudahpun memperlihatkan corak masyarakat majmuk atau 'plural society'. Bangsa Melayu sedang menghadapi bencana proses yang menjadikan mereka sebagai kaum atau komuniti yang mempunyai hak dan taraf sama dengan kaum pendatang. Aspek kedua ialah jentera Kolonial British yang makin meluas dan percubaan untuk menguasai secara



Senu Abd. Rahman

yang lebih efektif di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

Aspek pertama menampakkan bagaimana British meneruskan polisi-polisi yang boleh mengekalkan kerajaan kolonial serta mengurangkan tentangan dari pribumi. Sebab itulah setengah-setengah dari polisi itu dianggap pro-Melayu. Dalam waktu yang serentak British tetap meneruskan polisinya supaya masyarakat majmuk dapat diwujudkan seberapa yang boleh. Ini bertujuan supaya mereka dapat mengekalkan status-quo mereka di Tanah Melayu. Polisi ini dijalankan baik sebelum Perang Pasifik, mahupun selepasnya. Akibat dari ini juga menimbulkan kesedaran segera bangsa Melayu menubuhkan badan-badan pergerakan politik. Misalnya tahun 1935 wujud persatuan Melayu Selangor. Manakala di Negeri-Negeri Selat wujud cawangan dari Kesatuan Melayu Singapura, seperti Kesatuan Melayu Melaka, Kesatuan Melayu Pulau Pinang.

Pergolakan tersebut telah mempengaruhi kegiatan politik di Negeri Kedah. Lebih-lebih lagi apabila berlakunya penyerahan kuasa oleh Jepun kepada Siam dalam tahun 1943. Suasana begini telah

menyebabkan timbulnya kesedaran yang cepat di kalangan pemuda-pemuda Kedah, seperti Senu Abd. Rahman, Mohammad Khir Johari, Ahmad Noordin dan Wan Din yang mengambil keputusan menubuhkan sebuah badan, iaitu SABERKAS.

Selanjutnya suasana di Kedah semakin menampakkan kematangan dalam pergerakan politik. Ini tercetus sesudah Jepun menyerah kalah dan kaum China dari kumpulan Bintang Tiga telah cuba mengambil alih kuasa politik yang 'kosong' ketika itu.

### Pergolakan Politik Ketika Bintang Tiga

Sepanjang pemerintahan Jepun, termasuk di Negeri Kedah, kaum China telah menjadi mangsa kepada Jepun. Kekejaman ini menyebabkan ramai orang-orang China lari ke dalam hutan dan mereka mengadakan persiapan untuk menentang Jepun. Di Negeri Kedah kumpulan MPAJA ini telah mengisytiharkan bahawa mereka akan keluar dan menjalankan tindakan pembalasan dendam. Mereka akan keluar dari hutan dan menduduki bandar dan pekan di Negeri Kedah sebaik-baik sahaja Jepun menyerah kalah.

Oleh yang demikian, apabila Jepun menyerah kalah pada 14-8-1945, dan pihak Inggeris hanya baharu mengambil alih kuasa di Tanah Melayu pada 5-9-1945, maka dalam "waktu kekosongan" itu MPAJA telah tidak membuang masa;

*"Gerila MPAJA tersebut kurang disiplinnya, kerana sebelum tentera Inggeris mendarat di Malaya..... terjadilah kekosongan kekuasaan pentadbiran..... banyak kaum gerila yang keluar dari hutan dan mencuba menjadi tuan besar di beberapa tempat, di antara mereka ada yang bertindak sewenang-wenang menangkap orang-orang yang dianggap pernah menyokong Jepun..... ada yang*

*dianggap bersalah besar dibunuh oleh mereka."*

Tindakan golongan Bintang Tiga yang diarah oleh Parti Komunis Melayu itu menggelisahkan penduduk Melayu di Negeri Kedah. Lebih-lebih lagi sememangnya di masa pemerintahan Jepun, pemimpin-pemimpin SABERKAS seperti Senu Abdul Rahman, Tengku Abdul Rahman, Mohammad Khir Johari dan lain-lain bekerjasama rapat dengan Jepun. Oleh yang demikian, tindakan Bintang Tiga ini satu keadaan yang memungkinkan berlakunya trajedis kaum di Kedah.

Mereka telah mengambil kesempatan dari kekosongan selama dua minggu itu dengan mengadakan gerakan di beberapa tempat. Di bandar Alor Setar, anggota-anggota Dewan Perniagaan China yang telah dipengaruhi oleh Bintang Tiga cuba menawan balai polis Alor Setar. Mereka juga cuba untuk menguasai Balai Besar, iaitu tempat di mana Mesyuarat Dewan Negeri dan upacara adat-istiadat Diraja dijalankan. Anggota-anggota Dewan Perniagaan China walaupun bagaimanapun, telah gagal untuk menawan balai polis dan mengisytiharkan kekuasaan mereka. Ini disebabkan tindakan yang segera dari orang-orang Melayu, terutama peniaga-peniaga dari Pekan Rabu. Menurut Senu Abdul Rahman;

*"Pemuda-pemuda SABERKAS telah mengambil tindakan segera melindungi balai polis Alor Setar dari diambil alih oleh Bintang Tiga itu".*

Bintang Tiga ini juga gagal mengambil alih balai polis Alor Jangus. Semuanya itu disebabkan pemuda-pemuda Melayu telah mengambil tindakan cepat berjaga dan mengawal setiap tempat penting. Boleh dikatakan semua pemimpin-pemimpin Melayu di Kedah termasuk Haji Husain Che Dol, Senu, Mohammad Khir Johari, Tengku Abdul Rahman dan lain-lain telah bersatu tenaga mengetahui orang-orang Melayu bagi menghadapi ancaman tersebut.

Keadaan yang lebih hebat berlaku di Bukit Janun dan Guar Chempedak. Orang-orang China dari kumpulan Bintang Tiga telah bertindak lebih kejam. Mereka telah membunuh dan memusnahkan rumah orang-orang Melayu. Oleh yang demikian, Haji Husain Che Dol yang kemudiannya sebagai Yang Dipertua KMK, telah mengetahui orang-orang Melayu untuk menentang kekejaman itu. Manakala di Koding, suatu keadaan yang berbeda pula berlaku. Pemuda-pemuda China dari Koding telah sama-sama bersatu dengan MPAJA dan mereka telah menubuhkan sebuah "Mahkamah Keadilan" untuk membicarakan orang-orang Melayu yang bekerjasama dengan Jepun.



Tuan Hj. Husain Che Dol seorang ulamak yang banyak jasanya. (Muzium Negeri Kedah)

Walaupun bagaimanapun, keseluruhan tindakan Bintang Tiga itu tidaklah berjaya, kerana di bandar Alor Setar tidak langsung berjaya menapakkan kekuasaan mereka. Menurut Ismail Saleh; Bintang Tiga tidak menguasai seluruh Kedah, mereka hanya dapat menguasai beberapa tempat seperti di daerah Padang Pusing, dan Padang Kerbau di daerah Pendang.

Keseluruhannya keresahan kaum yang hampir-hampir mencetuskan pergaduhan yang besar di Kedah dapat dikawal oleh perpaduan beberapa tenaga penggerak bangsa Melayu. Pertamaanya peranan yang dimainkan oleh SABERKAS. Kedua, kerjasama yang diberi oleh golongan agama, terutama yang dipimpin oleh Haji Husain Che Dol. Akhirnya peranan yang diberi oleh peniaga-peniaga Melayu Pekan Rabu yang letaknya di tengah-tengah bandar Alor Setar itu merupakan tenaga penggerak terpenting dalam mengawalkan pergaduhan tersebut.

#### Kemunculan Pertubuhan-Pertubuhan Politik

Sungguhpun suasana aman telah dapat diwujudkan dalam masa dua minggu sebelum kedatangan tentera Inggeris, dan selanjutnya pentadbiran BMA yang akhirnya diubah kepada Pentadbiran Awam. Tetapi akibat dari peristiwa itu, ditambah pula dengan sikap British yang cuba menguatkan kuasa kolonialnya dengan memperkenalkan Malayan Union menjadikan;

*"..... orang-orang Melayu sedar dan insaf akan nasibnya dan sedar kepada wajib dan mustahak mempunyai satu badan politik yang besar dan memberi pelajaran kepada mereka, percaya kepada diri sendiri dan percaya kepada faedah bersatu padu".*

Memandang keadaan tersebut, SABERKAS telah mengambil langkah mementingkan politik. Perubahan dan

pendirian baru ini masih dalam cadangan untuk menukarkan dasarnya dari sebuah Syarikat Bekerjasama kepada pertubuhan atau pergerakan politik.

Sungguhpun perubahan ini muncul selepas Inggeris kembali berkuasa di Negeri Kedah, tetapi tidak diragui, sejak mula ditubuhkan dalam tahun 1943, SABERKAS telahpun bergiat dalam politik. Semuanya ini dilakukan secara bersembunyi kerana masa itu pendaftaran SABERKAS masih belum diluluskan lagi oleh Jepun. Hanya pada 21-7-1945 SABERKAS diluluskan pendaftarannya oleh Jepun dan Siam sebagai sebuah Syarikat Bekerjasama.

Secara rasmi perubahan SABERKAS sebagai badan politik diputuskan dalam Mesyuarat Agung yang berlangsung di Alor Setar pada 19-6-1946, iaitu keputusannya berbunyi;

*"Mengambil keputusan dan persetujuan mengubah SABERKAS dari Syarikat kepada PERSATUAN SABERKAS"*



Gambar berkumpul ahli-ahli SABERKAS Alor Setar, 1944.

Perubahan yang lewat ini, tidak bererti SABERKAS tidak memainkan peranan dalam isu-isu politik di Negeri Kedah, sebaliknya dalam setiap isu politik SABERKAS sentiasa bersama pertumbuhan-pertumbuhan lain melakukan tindakan. Ini dapat diperhatikan dalam perarakan menentang Malayan Union.

Selain daripada SABERKAS, kemunculan pertumbuhan-pertumbuhan politik di Kedah semakin jelas, terutama menjelang dan sesudah perhimpunan raksaksa pada 19-1-1946. Akhir tahun 1945, satu jawatankuasa penaja yang terdiri dari beberapa orang ulama dan pemuda-pemuda Kedah telah dibentuk. Hasil dari ini lahir KESATUAN MELAYU KEDAH. Antara Jawatankuasa Penaja ini, termasuk di KESATUAN MELAYU KEDAH. Antara Jawatankuasa Penaja ini, termasuk di dalamnya Mahathir Mohammad, Zahir Ismail, Syed Ahmad Shahabuddin, dan Khalid Awang Othman. Mereka ini adalah dari golongan muda yang bekerja kuat di samping golongan ulama semasa hendak mengadakan perarakan pertama menentang Malayan Union.

Menurut keterangan Syed Ahmad Shahabuddin, beliau bersama-sama dengan Mahathir Mohamad, Zahir Ismail dan Khalid Awang Othman turut serta ke Kampung-kampung untuk menjalankan kempen supaya orang-orang kampung keluar beramai-ramai pada hari perarakan tersebut.

Selepas daripada perhimpunan pertama itu, lahir beberapa buah pertumbuhan politik. Kecenderungan menubuhkan organisasi, sama ada politik atau tidak, bukanlah bererti tidak ada persefahaman antara tokoh-tokoh politik di Kedah. Tetapi oleh kerana dasar dan cara perjuangan pertumbuhan-pertumbuhan yang sudah wujud, terutama SABERKAS, tidak dapat memenuhi kehendak semua golongan, maka sebab itulah sebagai jalan keluar, mereka menubuhkan badan lain.

Kesan semerta dari perarakan tersebut berlaku sebelah petang selepas perhimpunan itu, iaitu kelahiran Persatuan Ulama Kedah.

*"Kerana mengambil kesempatan baik bagi merakamkan tawarikh 'Hari Kebangsaan Melayu' di dalam perarakan yang dianggarkan lebih kurang 50,00 orang daripada sekalian rakyat jelata Negeri Kedah telah ditubuhkan Kesatuan Ulama-Ulama di sebelah petangnya....."*

Lebih kurang 100 orang para ulama telah hadir di Maahad Mahmud dan mereka telah mengambil persetujuan;

1. Bersatu kata sekaliannya mengadakan Kesatuan Ulama.
2. Sebulat suara menamakan dengan nama KESATUAN ULAMA-ULAMA.

Anggota Jawatankuasa yang dilantik pada hari penubuhan itu adalah seperti berikut:

Yang Dipertua

- Haji Husain Che Dol, Mudir Sekolah Arab Guar Chempedak.

Penolong Yang Dipertua

- Haji Abdul Rahman Merbok, Mudir Sekolah Arab Merbok.

Setiausaha

- Haji Abdullah Abbas Nasution, Mudir Sekolah Arab Tanjung Pauh, Jitra.

Penolong

- Haji Yahaya Junid, Mudir Sekolah Arab Padang Lumat.

Bendahari

- Haji Abdullah, Mudir Sekolah Arab Tambak Bunga.

Pemeriksa Kira-kira

- Haji Mustaffa, Guru Besar Sekolah Arab Tambak Bunga.

Penolong

- Mohammad Saad, Guru di Maahad Mahmud.

Tuan Syeikh Abdul Halim, Mudir Sekolah Maahad Mahmud dilantik sebagai


Penasihat Am Kesatuan Ulama-Ulama, manakala penolongnya ialah Lebai Ismail, Anak Bukit. Manakala ahli Jawatankuasa dilantik dari tiap-tiap daerah Negeri Kedah, yang kesemuanya terdiri dari tokoh-tokoh ulama tempatan, sama ada ia seorang guru agama atau ketua agama bagi madrasah-madrasah di tempat itu.

Tujuan Kesatuan Ulama-Ulama Kedah seperti yang dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Merakamkan perhubungan berke-nalan di antara sekalian guru-guru agama.
2. Memesrakan perhubungan sekalian penuntut-penuntut agama.
3. Mencari jalan bagaimana memper-baik taraf kehidupan penuntut-penuntut agama terutama bangsa Melayu.
4. Meninggikan mutu dan maruah agama Islam dan pemeluknya untuk berpedoman kepada hadis Junjungan kita, "Al-Islam yaklu wala yakla 'alaihi'" yang bermakna Islam itu tinggi dan tidak ada yang meninggi lain daripadanya.

Dilihat dari tujuannya, tidak menyebu- but untuk kegiatan politik. Pentadbiran ini sudah menunjukkan bagaimana pembahagi- an tugas kepada Ketua-Ketua dalam bahagi- an masing-masing, iaitu bahagian Pelajaran, Agama dan Penerangan.

JADUAL 1  
STRUKTUR PENTADBIRAN PERSATUAN  
ULAMA KEDAH



Dari pembahagian serupa inilah yang menjadikan PUK dapat bergerak dengan lebih berkesan, terutama dalam meng- hadapi isu-isu tertentu umpamanya isu sumpah Pegawai-pegawai Kerajaan Kedah. Hasil dari tentangan PUKlah yang meng- akibatkan Kerajaan Kedah terpaksa menarik balik sumpah tersebut.

Dilihat dari tujuannya, tidak menyebut untuk kegiatan politik tentu dianggap bahawa Persatuan Ulama Kedah bukan sebuah pertubuhan politik. Meng- ikut Haji Yahaya Junid;

*"Persatuan Ulama Kedah tidak dapat memisahkan dirinya dari politik. Hanya ia bergerak secara tidak lang- sung, tetapi pada peringkat akhirnya, kegiatan politik Persatuan ini lebih terang"*.

Ini jelas dilihat dari pucuk pimpin- nya sendiri. Haji Husain Che Dol selaku Yang Dipertua Persatuan Ulama Kedah, adalah juga sebagai Yang Dipertua Kesatuan Melayu Kedah, sebuah pertubuh- an politik pertama di Negeri Kedah. Begitu juga dengan Haji Yahaya Junid, di samping sebagai Penolong Setiausaha kepada Persatuan Ulama Kedah, beliau juga adalah Jawatankuasa KMK. Oleh yang demikian apa yang bergolak dalam KMK, tidak dapat dielakkan dari bergolak sama dalam Persatuan Ulama Kedah (PUK). Malahan kewujudan PUK sendiri adalah juga dari desakan dan keperluan politik ketika itu. Ulama-ulama yang hadir bagi menubuhkan PUK itu adalah juga yang menjadi tenaga kuat menjayakan perhimpunan menentang Malayan Union itu. Dengan ini tidak keterlaluan dikatakan, kelahiran PUK adalah terbit dari semangat politik dari golongan ulama yang ketika itu paling memuncak.

Penglibatan dalam politik oleh PUK ini dapat dilihat sejak tahun 1947 lagi. Keadaan ini lebih jelas di tahun-tahun 1950an. Misalnya pada tahun 1950 Persatuan Ulama Kedah tidak ketinggalan

turut hantar wakil-wakilnya yang terdiri dari Syeikh Othman bin Salleh dan Haji Husain Che Dol ke Perjumpaan Ulama Se Malaya anjuran UMNO yang dilangsungkan di Muar, Johor. Perwakilan Ulama Kedah telah membawa lima cadangan dan salah satu yang menyentuh soal politik ialah;

*"Meminta supaya Majlis Undangan Kuala Lumpur hendaklah mempunyai wakil daripada pihak Ulama Se Malaya".*

Dalam tahun yang sama juga, PUK tidak ketinggalan turut campur dalam perkara perletakan jawatan oleh Datuk Onn bin Jaafar. PUK telah menghantar telegram kepada Datuk Onn supaya terus memegang jawatan Yang Dipertua UMNO; bunyi telegram tersebut adalah seperti berikut;


*"Kami Ahli Jawatankuasa Persatuan Ulama Kedah, tinggi harapan, pohon Yang Berhormat Datuk memangku semula jawatan Yang Dipertua UMNO Se Malaya"*

*"Kami sentiasa berdoa kebajikan kepada Datuk selama-lama dan Datuk memangku jawatan pemimpin agung umat Melayu. Persatuan Ulama Kedah berdiri tegap taat-setia kepada UMNO dan berkepercayaan penuh kepada Datuk. Hidup Melayu".*

Lebih jelas sejauhmana penglibatan PUK dalam politik dapat dilihat dalam tahun 1956. Persatuan ini turut menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Bebas Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Butir-butir yang diketengahkan oleh PUK adalah seperti berikut:

1. Agama Islam hendaklah dijadikan dasar pemerintahan Kerajaan.
2. Yang Dipertuan Agong mestilah seorang daripada Raja-raja Melayu.
3. Menteri-menteri Besar mestilah seorang Melayu beragama Islam.

Dari apa yang dibentangkan di atas, jelas kelihatan bagaimana pendirian politik PUK. Tidak ragu-ragu bahawa PUK adalah



Dr. Mahathir Mohamad pernah menjadi Yang Dipertua Persatuan Pemuda Melayu Kedah

sebuah persatuan yang tidak mendiamkan diri dari terlibat dalam bidang politik. Ini disebabkan pergolakan ulama-ulama ketika itu adalah amat rapat dengan masyarakat. Malah di Negeri Kedah mereka bertindak dalam dua situasi. Pertama sebagai pemimpin agama di pondok, madrasah dan sekolah-sekolah Arab, dan kedua mereka juga ada di antaranya sebagai pemimpin politik, terutama dalam Kesatuan Melayu Kedah. Terdapat juga yang menjadi pemimpin SABERKAS, seperti Haji Ismail Ibrahim.

Kecenderungan untuk menubuhkan badan-badan politik di Kedah terus bergolak, terutama di kalangan pemuda-pemudanya. Dengan ini pada bulan Mei 1946 dengan daya usaha Mahathir

Mohamad, Zahir Ismail dan Khalid Awang Othman, tertubuhlah pula Persatuan Pemuda Melayu Kedah (PPMK). Kelahiran PPMK dengan Mahathir Mohamad selaku Yang Dipertua, Zahir Ismail sebagai Naib Yang Dipertua dan Ustaz Ibrahim sebagai Setiausahanya, menjadikan jumlah badan politik di Negeri Kedah sudah meningkat kepada empat buah.

PPMK diambil alih oleh Zahir Ismail sebagai Yang Dipertua dan Ustaz Ibrahim Said sebagai Naib Yang Dipertua selepas Mahathir Mohamad melanjutkan pelajarannya ke luar negeri. Persatuan Pemuda Melayu Kedah menurut Syed Ahmad Shahabuddin lebih berfahaman kebangsaan sederhana. Ia tidak radikal seperti SABERKAS, walaupun kebanyakan pemimpinnya dari golongan muda.

Apa yang jelas, walaupun wujudnya PPMK, tetapi kerjasama antara pertubuhan-pertubuhan itu terus terjalin dengan baik, terutama antara PPMK dengan KMK. Ini disebabkan Mahathir Mohamad, Zahir Ismail dan Khalid Awang Othman adalah juga menjadi anggota KMK. Oleh yang demikian, dalam kebanyakan kegiatan yang bercorak politik oleh PPMK, lebih banyak bergantung atau mendapat kerjasama dari KMK.

Dalam jangka masa yang tidak jauh bezanya, tertubuh pula sebuah badan politik lain yang diberi nama Anjuran Kesatuan Pemuda Kedah (AKP) yang dipelopori oleh Syed Ahmad Shahabuddin yang bertindak sebagai Setiausaha dan Arshad Omar dilantik sebagai Ketua.

*"Mulanya Anjuran Kesatuan Pemuda tidak mendapat sambutan, hanya 20 orang ahli sahaja semasa ditubuhkan. Kemudian makin bertambah menjadi 300-500 orang".*

Dengan beribu pejabat di Derga, Alor Setar, anggota-anggota AKP telah memulakan kempen menambah ahli-ahlinya. AKP tidak seperti lain-lain pertubuhan yang membuka cawangan di merata daerah dan kampung-kampung seluruh Negeri Kedah,

sebaliknya semua ahli-ahli didaftar terus dengan pusat.

Menurut keterangan Syed Ahmad Shahabuddin, AKP disertai oleh semua golongan, terutama dari golongan muda. Banyak juga anggota-anggotanya terdiri dari bekas ahli-ahli API, INSAF, malah PKMM cawangan Kedah. Oleh kerana golongan muda banyak yang menyertainya, maka AKP telah membentuk Barisan Pemuda sendiri;

*"Barisan Pemuda ini diberi latihan berkawat dan merekalah yang berbaris menyambut Datuk Onn ketika datang ke Alor Setar".*

Selain daripada bergiat dalam politik, AKP juga mempunyai bahagian-bahagian yang diberi tugas bergiat dalam bidang sosio-budaya. Tujuan utamanya mengadakan pertunjukan pentas untuk mendapatkan wang bagi melicinkan lagi pentadbiran AKP.

Satu yang paling menarik dalam perkembangan pertubuhan politik di Negeri Kedah ini ialah kesefahaman antara pemimpin-pemimpinnya. Hasil dari inilah juga AKP akhirnya bersetuju menjadikan pertubuhannya itu sebagai sebuah cawangan kepada PPKM atau lebih dikenali dengan Anjuran Kesatuan Pemuda-Cawangan Persatuan Pemuda Melayu Kedah.

Dengan percantuman ini, Syed Ahmad Shahabuddin telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Persatuan Pemuda Melayu Kedah di samping diberi kepercayaan sebagai Ketua Barisan Pemuda Melayu Kedah. Kedua-dua pertubuhan ini akhirnya menjadi barisan pemuda kepada Kesatuan Melayu Kedah dan sama-sama diserapkan ke dalam UMNO.

**Kesatuan Melayu Kedah Dan Kegiatan Politik Di Negeri Kedah**

**Penubuhan Kesatuan Melayu Kedah**  
Maahid Mahmud menjadi pusat yang melahirkan KMK. Ini disebabkan dua faktor. Pertama kebanyakan orang-orang yang memeloporinya terdiri dari guru-



Dato' Sheikh Abdul Halim Bin Haji Othman pernah menjadi Guru Besar Maahad Mahmud.

guru yang termasuk juga Guru Besar Maahad Mahmud, manakala keduanya, mesyuarat yang diadakan di sinilah akhirnya tercapai satu persetujuan untuk menubuhkan KMK.

Orang-orang yang dimaksudkan sebagai penggerak kepada tertubuhnya KMK ialah Syeikh Abdul Halim Othman, Guru Maahad Mahmud dan seorang guru di sini juga, iaitu Ustaz Ibrahim. Sebagai Guru Besar dan orang yang bertanggungjawab kepada Maahad Mahmud, Syeikh Abdul Halim tidak dapat secara berterang-terang melibatkan diri dalam penubuhan KMK itu. Tetapi ternyata beliau adalah 'mastermind' dan penggerak utama. Kerana sekiranya tanpa inisiatif beliau perjumpaan menubuhkan KMK tidak dapat diadakan di Maahad itu. Semuanya ini dilakukan demi menjaga kepentingan Maahad Mahmud supaya tidak menimbulkan keraguan pemerintah.

Untuk mencari satu tarikh bila KMK ditubuhkan, kita mesti melihat detik-detik perhimpunan menentang Malayan Union yang pertama;

*"Gerakan besar kaum Melayu Kedah telah diadakan hari ini [19-1-1946] manakala lebih daripada 50,000 orang yang telah mengambil bahagian di dalam perarakan yang telah dijalankan di bawah riayah Kesatuan Melayu Kedah....."*

Oleh yang demikian, ternyata KMK

masa itu sebuah organisasi yang telah kukuh. Sekiranya ia bukan pertubuhan yang popular dan mewakili rakyat Melayu, sudah tentu SABERKAS yang sudah wujud sejak tahun 1943 diberi kepercayaan menjadi penganjur perhimpunan tersebut. Ini satu bukti yang menunjukkan bahawa KMK wujud sudah agak lama dari hari perhimpunan tersebut. Sekurang-kurangnya sudah tiga atau empat bulan sebelum itu. Dengan ini dapat diambil satu kesimpulan bahawa kewujudannya adalah antara pertengahan atau akhir tahun 1945.

Satu lagi yang menjadi persoalan ialah mengapakah KMK ditubuhkan, sedangkan, masa itu SABERKAS sudah wujud, dan jelas kegiatannya melibatkan juga soal politik. Menurut Haji Abdullah Abbas Nasution, mereka berkehendakkan satu pertubuhan yang sepenuhnya sebagai pertubuhan politik dan boleh mewakili rakyat Kedah.

*"Masa itu matlamat semua rakyat ialah menentang Malayan Union, jadi sebuah badan politik yang boleh menjadi barisan depan perlu dibentuk, terutama boleh mempengaruhi rakyat Kedah menentang Malayan Union."*

Manakala menurut Senu Abdul Rahman, bahawa SABERKAS terlalu radikal dan tidak sesuai dengan beberapa golongan ulama dan pemuda-pemuda seperti Ibrahim Endut, Ustaz Ibrahim, Mahathir Mohamad, Syed Ahmad Shahabuddin dan lain-lain, maka mereka mencari jalan lain dan menubuhkan KMK. Satu lagi kesan yang diperolehi menurut Syed Ahmad Shahabuddin, selain daripada SABERKAS dianggap radikal, pertubuhan itu juga lebih bergantung kepada pemimpin-pemimpin yang berkaliber, tetapi tidak bergantung kepada massa. Sebab itulah ahli-ahlinya tidak banyak, walaupun kegiatan SABERKAS boleh dikatakan besar, terutama dalam bidang ekonomi.

Dari kenyataan-kenyataan tersebut,

terdapat dua sebab besar mengapa KMK ditubuhkan. Pertamaanya tidak semua orang Melayu, terutama golongan ulama dapat bersama-sama dengan SABERKAS. Ini disebabkan keradikalan dan ia bukan sebuah pertubuhan politik yang sebenarnya. Kedua, banyak kalangan pemimpinnya terdiri daripada orang-orang yang berkaliber, tetapi tidak rapat dengan massa. Oleh yang demikian, menjadikan SABERKAS sebagai pertubuhan yang tidak dapat membentuk aksi massa secara total. Manakala bagi KMK pula, dengan berjayanya menganjur perhimpunan yang besar menentang Malayan Union, sudah terbukti kedayaannya untuk menggerakkan aksi massa.

Untuk mengukuhkan lagi kedudukan KMK sebagai pertubuhan massa, maka pada 14-2-1946 telah diadakan Mesyuarat Agung pertama di Sekolah Melayu Kancung dengan dihadiri lebih daripada 500 orang Melayu seluruh Negeri Kedah. Sebenarnya perkara terpenting yang hendak dibincangkan dalam Mesyuarat Agung tersebut ialah pemilihan wakil-wakil KMK ke kongres di Kuala Lumpur.

*"Setelah Datuk Onn meminta semua pertubuhan-pertubuhan Melayu seluruh Tanah Melayu hadir dalam kongres itu, maka KMK dengan cepat mengadakan Mesyuarat Agung bagi memilih wakilnya"*

Penjelasan Senu Abdul Rahman itu menunjukkan bagaimana sikap dan reaksi pemimpin-pemimpin KMK terhadap sesuatu isu nasional yang berkait dengan politik bangsa Melayu. SABERKAS di masa itu masih tidak lagi menunjukkan reaksi tentang seruan tersebut. Oleh yang demikian, tidak hairan ada pemimpin-pemimpin dari SABERKAS sendiri yang penuh semangat turut hadir dalam Mesyuarat Agung tersebut. Salah seorangnya ialah Senu Abdul Rahman. Beliau sendiri mengakui bahawa walaupun beliau sebagai orang terpenting dalam SABERKAS tetapi kerana

dorongan semangat yang meluap-luap, beliau tidak ragu-ragu untuk hadir dalam mesyuarat tersebut.

Agenda Mesyuarat pada hari tersebut ialah;

1. Mengesahkan undang-undang Kesatuan.
2. Mengangkat ahli-ahli Jawatankuasa sebanyak 20 orang.
3. Memilih wakil Kesatuan Melayu ke Kongres di Kuala Lumpur.
4. Dan lain-lain.

Hasil dari persidangan tersebut, maka terbentuklah Jawatankuasa KMK yang pertama seperti berikut;

|                     |                                       |
|---------------------|---------------------------------------|
| Yang Dipertua       | — Haji Husain Che Dol                 |
| Naib Yang Dipertua  | — Haji Ayob b. Abdullah               |
| Naib Yang Dipertua  | — Haji Mohd. Rejab bin Darus          |
| Setiasuaha          | — Mohd. Khir Segara bin Abdullah      |
| Bendahari           | — Puteh bin Napa                      |
| J/Kuasa Pergaulan   | — Haji Othman bin Haji Yusof          |
| J/Kuasa Siasah      | — Ibrahim bin Endut                   |
| J/Kuasa Ugama       | — Diserah kepada Kesatuan Ulama Kedah |
| J/Kuasa Iktisad     | — Ismail bin Haji Mohd. Said          |
| J/Kuasa Pelajaran   | — Hassan bin Shuib                    |
| Pemeriksa Kira-kira | — Mahmud                              |

Mesyuarat pada hari itu juga memilih enam orang perwakilan untuk Kongres Melayu di Kuala Lumpur;

|  |                    |
|--|--------------------|
| Haji Husain Che Dol                    | — Ketua Perwakilan |
| Haji Ayob bin Abdullah                 | — Perwakilan       |
| Abd. Hamid b. Abdullah                 | — Perwakilan       |
| Senu bin Abdul Rahman                  | — Perwakilan       |
| Ibrahim bin Endut                      | — Perwakilan       |
| Omar bin Din                           | — Perwakilan       |
| Haji Mohd. Rejab bin Darus (Pemerhati) |                    |
| Haji Salleh bin Shamsuddin (Pemerhati) |                    |

Satu keganjilan dari pemilihan perwakilan KMK untuk kongres itu kerana di dalamnya termasuk Senu Abdul Rahman yang ketika itu menjadi Setiausaha SABERKAS. Bagi KMK, bukanlah kerana kekurangan tokohnya menyebabkan Senu Abdul Rahman dilantik, tetapi disebabkan

Senu Abdul Rahman yang hadir dalam mesyuarat tersebut banyak sekali memberi pandangan dan pendapat kepada mesyuarat itu. Oleh yang demikian, beliau dapat mempengaruhi majlis yang akhirnya memberi kepercayaan kepada beliau untuk mewakili KMK.

Melihat keadaan ini, ahli-ahli SABERKAS telah mendesak jawatankuasa supaya segera mengadakan mesyuarat bagi memilih perwakilan ke kongres tersebut. SABERKAS yang mengadakan persidangan selang beberapa hari dari Mesyuarat Agung KMK telah memilih Mohammad Jamil Binjai (Ketua Perwakilan), Azahari Taib, Haji Mohammad Ma'sud Taha dan Haji Omar (Pemerhati), sebagai wakilnya dalam Kongres Melayu itu.

Kelahiran KMK menjadikan kegiatan politik di Negeri Kedah semakin rancak. Terutama kelahirannya itu di tengah-tengah kenech semangat orang-orang Melayu menentang Malayan Union. Sebab itulah bagi KMK, setiap isu-isu yang berkait dengan penentangan terhadap Malayan Union segera mendapat reaksi darinya, berbanding dengan SABERKAS. Walau bagaimanapun, kedua-dua organisasi itu tidak bermaksud untuk bersaing, atau saling mencari pengaruh. Sebaliknya perhubungan kedua pertubuhan itu adalah sentiasa baik.

### Kepimpinan Dan Keahlian KMK

Dilihat personaliti-personaliti yang memimpin KMK seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Agung pada 14-2-1946 itu terdapat *paduan* antara dua tenaga atau golongan. Pertamanya mereka yang datang dari golongan agama yang terdiri dari;

#### 1. Mudir dan Guru Besar:

Haji Husain Che Dol  
Haji Yahaya Junid  
Syeikh Abdul Halim  
Haji Abdullah Abbas Nasution

#### 2. Guru-guru Agama:

Haji Othman Haji Yusuf  
Ustaz Ismail Said  
Ismail Hj. Mohd. Said

Manakala golongan kedua, terdiri dari mereka yang mendapat didikan sama ada sekolah Melayu atau sekolah Inggeris. Antara mereka ini ialah Haji Ayob Abdullah, Haji Mohd. Rejab Darus, Mohd. Khir Segara, Puteh Napa, Haji Hassan Abd. Rauf, Ibrahim Endut dan sebagainya yang kebanyakan terdiri dari Jawatankuasa KMK.

Corak kepimpinan sedemikian belum pernah terjadi dalam lain-lain pertubuhan di Negeri Kedah, sama ada sebelum atau selepas KMK ditubuhkan. Malah SABERKAS sendiri terkumpul di dalamnya tokoh-tokoh yang datang dari golongan berpendidikan sama ada Melayu atau Inggeris. Persepaduan kepimpinan dari dua golongan ini memberi kekuatan kepada KMK. Lebih-lebih lagi dengan kepercayaan yang diberi kepada Haji Husain Che Dol sebagai Yang Dipertua menunjukkan bagaimana seorang tokoh ulama memainkan peranan, bukan sahaja dalam bidang agama, tetapi dalam bidang politik.

Dengan pemilihan itu menunjukkan peri pentingnya tenaga ulama dalam kepimpinan pertubuhan politik. Ini disebabkan dalam masyarakat Melayu, ulama amat berpengaruh dan dipandang tinggi.

*"Golongan ulama adalah lebih bebas, tidak terikat dengan kerajaan. Kebanyakan dari mereka membuka sekolah sendiri."*

Keadaan ini menjadikan mereka lebih bebas untuk bertindak, tanpa ragu-ragu dan takut-takut seperti setengah pegawai-pegawai kerajaan yang memimpin pertubuhan lain. Mereka tidak dapat dikenakan sekatan dan tindakan tatatertib walaupun kadang-kadang pertubuhan pimpinan mereka itu menggugat pihak

pemerintah. Sebab itu golongan agama tidak sahaja berfungsi di peringkat daerah dan kampung-kampung sebagai tokoh agama dan tok guru, tetapi mereka juga memainkan peranan yang terpenting di peringkat negeri, khususnya dalam kencah politik.

Disebabkan persefahaman yang terdapat dalam kepimpinan KMK, maka golongan yang bukan berpendidikan agama tidak pernah mempersoalkan kewibawaan yang ada pada Haji Husain Che Dol sebagai pucuk pimpinan KMK sejak tahun 1946-1949. Di sini terlihat bagaimana kemampuan yang ada pada tokoh ulama tersebut.

Kemampuan ini terletak kepada personaliti beliau yang merupakan seorang ulama yang disegani dan dihormati. Beliau juga seorang ulama yang bersefahaman kebangsaan, dan baginya segala pengalaman yang ada padanya itu dijadikan dasar perjuangan KMK. Pertubuhan ini dijadikan sebagai badan politik kebangsaan yang berpegang kuat kepada prinsip-prinsip Islam.

Manakala mereka dari golongan berpendidikan Melayu dan Inggeris yang menjadi pemimpin KMK pula merupakan tokoh yang tidak kurang pengaruhnya. Ini dapat dilihat bagaimana peranan Ibrahim Endut, Haji Mohd. Rejab Darus dan Ayob Abdullah semasa perhimpunan menentang Malayan Union. Ibrahim Endut menjadi orang terpenting tampil membaca memorandum bantahan kepada Kerajaan British. Manakala Haji Mohd. Rejab yang turut berucap, memainkan peranan selaku penggerak kepada persediaan perhimpunan tersebut. Ayob Abdullah pula pemimpin Melayu Kedah yang pertama menghantar telegram ke London sebagai bantahan terhadap Malayan Union.

Hubungan antara KMK dengan PUK juga menunjukkan bagaimana liberalnya pemimpin-pemimpin KMK, terutama dari golongan yang bukan ulama. Dengan adanya hubungan ini, segala aktiviti KMK

dapat diperkukuhkan lagi, terutama dalam bidang agama yang diserahkan kepada PUK.

Dengan terserahnya tugas di bidang agama kepada PUK itu, menjadikan KMK dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada aktiviti-aktiviti politiknya. Oleh yang demikian, dalam setiap isu politik KMK dapat bertindak cepat, malah menunjukkan sikap dan reaksi yang lebih cepat dari SABERKAS.

Manakala dalam isu-isu yang berkaitan dengan agama, KMK tidak mengeluarkan sebarang kenyataan, walaupun Haji Husain Che Dol, Yang Dipertua KMK seorang ulama terkenal. Dalam soal ini beliau lebih suka menyerahkan kepada Jawatankuasa PUK, misalnya dalam perkara yang berkaitan dengan 'Sumpah Pegawai-Pegawai Kerajaan'.

Kerjasama antara KMK dengan PUK tidaklah menghairankan, kerana sebahagian dari pemimpin KMK, terutama pucuk pimpinannya adalah juga menjadi pemimpin kepada PUK. Haji Husain Che Dol sendiri, di samping menjadi Yang Dipertua KMK, beliau juga sebagai Yang Dipertua PUK. Begitu juga halnya dengan beberapa orang pemimpin lain, mereka terlibat dalam kedua-dua pertubuhan itu. Misalnya Haji Yahaya Junid, Haji Abdullah Abbas Nasution, Haji Othman Yusof dan Haji Ismail Haji Mohd. Said.

Berdasarkan hubungan timbal-balik ini, penulis lebih tertarik membuat satu kesimpulan, iaitu Persatuan Ulama Kedah adalah seolah-olah "Dewan Ulama" Kesatuan Melayu Kedah. Ini terbukti setiap isu agama semuanya dirujuk kepada PUK, manakala bagi PUK pula, dalam banyak hal yang berkait dengan politik di Negeri Kedah, pertubuhan itu lebih banyak berdiam diri.

Persefahaman dan perpaduan yang terdapat dalam kepimpinan KMK dan hubungan luarnya pula dengan PUK, SABERKAS, Persatuan Pemuda Melayu

Kedah dan Anjuran Kesatuan Pemuda, merupakan satu tahap yang penting dalam pergolakan penubuhan badan-badan politik di Kedah. Persefahaman yang lebih ternyata dalam KMK ialah kerjasama antara dua golongan seperti yang dibincangkan itu menjadikan KMK sebuah badan yang cukup kukuh. Pertubuhan ini dengan sikap yang tegas dan ingin mengembalkan keutuhan bangsa Melayu telah mendapat sambutan dari masyarakat. Sambutan yang besar ini diperolehi kerana kedudukan kepimpinan KMK sendiri yang meliputi dua kriteria iaitu golongan ulama dan bukan ulama.

Dari sumber-sumber akhbar dan dokumen-dokumen yang diperolehi, KMK adalah mendapat sambutan dari seluruh pelusuk Negeri Kedah. Banyak cawangan-cawangan telah ditubuhkan. Dengan penambahan cawangan ini, bermakna ahlinya juga semakin bertambah.

Antara cawangan yang terbesar ialah di Kubang Pasu. Cawangan ini ditubuhkan dalam satu perjumpaan pada 24-1-1946 yang dihadiri oleh 400 orang. Keputusan perjumpaan itu melantik Wan Ismail (Pegawai Daerah Jitra) sebagai Yang Dipertua KMK Cawangan Kubang Pasu, manakala Abdullah Abbas Nasution dilantik sebagai Setiausaha.

Manakala dalam Mesyuarat Agung KMK di Sekolah Melayu Kancut pada 14-2-1946, jumlah kehadiran ialah 500 orang. Dari jumlah ini, dapat dianggap sebahagian besar daripada mereka adalah ahli-ahli KMK. Bakinya sama ada yang berminat kepada KMK dan akan menjadi ahli atau mereka yang cuma datang untuk mengikuti mesyuarat itu, ataupun untuk mengetahui KMK dengan lebih dekat lagi. Sungguhpun begitu, dari segi logiknya, pengaruh perbincangan di hari tersebut setidak-tidaknya mereka yang belum menyertai KMK, akan tertarik untuk menjadi ahli selepas itu.

Di bawah cawangan Kubang Pasu terdapat pula beberapa cawangan-cawangan

lain seperti di Kodiang, Changlun, Melele, Sanglang, Air Hitam dan Jerlun. Dengan ini bermakna ahli-ahli KMK di semua daerah Kubang Pasu tentu melebihi dari 500 orang, kerana bagi daerah Kubang Pasu (pusat) sahaja sudah berjumlah 400 orang.

Bagi cawangan di Tanjung Dawai seperti yang dilaporkan oleh Setiausaha UMNO cawangan tersebut menjelaskan,

*"Sejak ditubuhkan pada 19-8-1948 hingga 26-11-1948 ahlinya yang sudah Berdaftar Terus berjumlah 135 orang"*  
*"Ahli-ahli yang belum Berdaftar Terus kadar 200 orang, mereka ini dahulunya adalah menjadi ahli KMK. Mereka ini sudah diberitahu, tetapi mereka tidak mahu memberi keputusan. Pada pendapat sahaja mereka yang tersebut ini enggan menjadi Member Mendaftar Terus"*

Dengan ini bermakna ahli KMK cawangan Tanjung Dawai (Sebelum Berdaftar Terus) berjumlah 335 orang. Ini termasuk 135 orang yang bersetuju berdaftar terus. Mereka ini sudah tentu bekas ahli-ahli KMK juga kerana semua ahli-ahli KMK dalam tahun 1948 menjadi ahli daftar terus kepada UMNO, iaitu setelah KMK diserapkan terus menjadi UMNO.

Cawangan-cawangan lain, walaupun tidak menyebut jumlah keanggotaannya, tetapi yang jelas KMK mempunyai cawangan di Kulim, Sungai Pekan Yan, Baling, dan Bandar Baharu.

Setakat ini sekiranya dicampur kesemua jumlah keahlian yang dikemukakan itu, berjumlah 1,335 orang ahli KMK, ini tidak termasuk cawangan-cawangan di Kulim, Sungai Petani, Yan, Baling dan Bandar Baharu. Jumlah ini tidak jauh bedanya dengan yang diberi dalam Laporan Keahlian UMNO sehingga 31-12-1946, di mana ahli-ahli KMK adalah melebihi ahli-ahli SABERKAS.

Mengikut Laporan Keahlian UMNO itu, bilangan ahli-ahli KMK pada bulan

Julai 1946 ialah 1,800 orang. Pada bulan September angka ini menjadi 1,924. Manakala hingga bulan Disember 1946 jumlah semua anggota-anggota KMK meningkat kepada 5,940 orang.

Bagi SABERKAS, dalam bulan Julai 1946 anggotanya berjumlah 4,800 orang. Keahliannya tidak bertambah walau seorang pun sehingga bulan Disember 1946.

Dari data ini dapat dibuat analisa tentang kedudukan ahli-ahli KMK. Yang amat menarik sejak ditubuhkan hingga bulan Julai 1946, iaitu kira-kira sembilan atau sepuluh bulan sahaja KMK berjaya mengumpul ahlinya seramai 1,800 orang.

Sedangkan SABERKAS yang ditubuhkan sejak tahun 1943 hingga Julai 1946, iaitu kira-kira tiga tahun berjumlah 4,800. Dengan ini bermakna peningkatan ahli-ahli KMK lebih tinggi dari SABERKAS dalam masa setahun.

Apabila KMK sudah benar-benar kuat, kelihatan SABERKAS tidak dapat menambahkan ahli-ahlinya, sedangkan KMK dalam masa kira-kira lima bulan ahlinya bertambah 4,140 orang yang menjadi kesemuanya pada bulan Disember 1946 seramai 5,940 orang.

Dari segi menyumbangkan yuran kepada UMNO, kelihatan KMK membayar dengan cukup. Misalnya untuk sumbangan bagi tahun 1946 yang berjumlah \$5,940.00 itu selesai dibayarinya pada 19-7-1947 (pembayarannya dilakukan sebanyak 4 kali ansuran). Berbanding dengan SABERKAS untuk jangka masa yang sama hanya membayar sebanyak \$2,800.00. Ini bermakna SABERKAS masih belum menjelaskan yuran tahunannya berjumlah \$2,000.00, iaitu seperti yang terdapat dalam Laporan Penyata Sumbangan Yuran Dari Badan Gabungan UMNO.

Manakala sumbangan untuk tahun 1947, ternyata pada bulan April 1947 KMK sudah membayar semua sekali sumbangannya yang berjumlah sebanyak

\$5,940.00. Sedangkan SABERKAS masih terus tidak dapat menjelaskan kesemua sekali seperti yang dilakukan oleh KMK.

Apa yang hendak diketengahkan di sini ialah kesedaran ahli-ahli KMK dan SABERKAS, atau dikatakan "Kesedaran Berpersatuan" kepada orang-orang Melayu Kedah. Kelihatan sekali bagaimana *Kesedaran Berpersatuan* yang terdapat kepada ahli-ahli KMK, kerana apabila seseorang ahli itu membayar yuran yang tepat pada waktu dan jumlahnya, maka rasa *tanggungjawab* dalam satu pertubuhan itu lebih tinggi. Ahli-ahli itu merasa dirinya adalah anggota kepada pertubuhan itu dan mempunyai tanggungjawab untuk memperjuangkan cita-cita pertubuhan tersebut. Hal ini tidak diragukan terdapat kepada ahli-ahli KMK seluruh Negeri Kedah. Manakala sekiranya ahli-ahli itu tidak memberi sumbangan yuran yang tepat pada waktu dan jumlahnya, *kesedaran berpersatuan* pada dirinya amatlah kurang, malah mungkin tidak ada langsung. Dengan ini 2,000 orang ahli dari SABERKAS yang tidak sedar, berpersatuan, atau dengan perkataan lain, mereka tidak menyedari mereka menjadi ahli dan bertanggungjawab kepada perjuangan SABERKAS.

Di sinilah letaknya *titik-penentuan* sejauh mana berkesannya perjuangan sesebuah pertubuhan itu. Kerana jumlah ahli dan perasaan bertanggungjawab itu adalah menjadi *pengerak utama* kepada berjaya atau tidak perjuangan sesebuah pertubuhan. Satu lagi yang dapat diketengahkan ialah *kepimpinan* yang ada pada seseorang itu juga boleh membawa sesebuah pertubuhan itu mendapat sambutan, atau menjadi pertubuhan massa. Maksudnya, pemimpin itu mestilah dapat diterima oleh semua golongan tidak kira dari golongan agama, pemuda-pemuda yang menerima pendidikan moden dan dari sesiapa sahaja yang dinamakan bangsa Melayu.

KMK agak beruntung kerana pemimpinnya terdiri dari setiap golongan, yang terbesar ialah dari dua golongan iaitu dari yang berpendidikan agama dan berpendidikan Melayu atau Inggeris. Manakala SABERKAS, sunggupun pemimpinnya dari golongan yang berkaleriber, dan setengahnya pula mendapat pendidikan tinggi, tetapi kerana tidak ada perpaduan dari dua golongan seperti KMK, maka agak susah untuk meluaskan pengaruhnya di kalangan masyarakat Melayu Negeri Kedah.

Walau apa sekalipun yang bergolok dalam pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah, yang paling jelas ialah tidak ada persaingan buruk antara mereka. Ini bukan sahaja terdapat antara sesama pucuk pimpinan, tetapi sesama ahli juga sentiasa dalam satu tekad untuk menghadap perjumpaan yang sama.

#### **Keahlian KMK Akibat Penyusunan Semula UMNO**

Selepas daripada persidangan di Seremban pada 1-2 Mac 1947, pucuk pimpinan UMNO memikirkan untuk mengemaskan lagi UMNO, mestilah dijadikan sebuah badan politik yang tunggal dan bukan lagi terdiri daripada gabungan pertubuhan yang mempunyai pendirian berbeda.

Bertolak dari ini, maka dalam persidangan di Kota Bharu pada 11-12 Mei 1947, UMNO telah mengemukakan satu usul dan mahu supaya tiap-tiap ahli bergabung menerima pertubuhan UMNO dengan menyerap diri terus ke dalamnya. SABERKAS yang hadir di hari tersebut telah menentanginya, tetapi KMK menyokong. Bagi SABERKAS dengan menerimanya cadangan tersebut, bermakna badan-badan gabungan tidak lagi mempunyai suara untuk bercakap, kebebasan berkumpul dan mencetak.

Sikap SABERKAS yang tegas ini menyebabkan Datuk Onn memberi pilihan

kepadanya:

*"Jika ditakdirkan SABERKAS keluar, maka pengeluaran SABERKAS tersebut tidak akan menjadi hal kepada PEKEMBAR ataupun jika SABERKAS mahu berubah maka sudah tentu membesarkan hati PEKEMBAR"*

Manakala KMK yang menyokong usul tersebut akhirnya bersetuju memansuhkan KMK dan menjadi ahli terus kepada UMNO. Bagi KMK kewujudan sebuah pertubuhan tunggal seluruh Tanah Melayu adalah lebih berfaedah, kerana semua orang-orang Melayu akan bersatu di bawah satu payung. Selagi UMNO membiarkan keadaan tidak berpadu berkekalan, selama itulah UMNO agak terumbang-ambing, terutama di dalam membuat satu-satu dasar yang berkait dengan Perlembagaan.

Setelah dilaksanakan satu peraturan berhubung dengan keahlian itu, yang dinamakan Ahli Berdaftar Terus, maka pada tahun 1949 peraturan tersebut dikuatkuasakan. Dengan ini KMK dan badan-badan lain yang bergabung dengan UMNO sebagai ahli bersekutu dimansuhkan. Yang tinggal kekal sekarang ialah UMNO. Serentak dengan itu semua ahli-ahli dari persatuan gabungan, termasuk KMK didaftarkan semula.

Walaupun terdapat juga ahli-ahli KMK yang tidak mahu berdaftar terus itu, seperti ahli-ahli dari cawangan Tanjung Dawai, tetapi keseluruhannya KMK tidak menghadapi pertentangan antara pucuk pimpinannya dengan pucuk pimpinan UMNO seperti yang berlaku kepada SABERKAS.

Selepas KMK dimansuhkan serta diserap ke dalam UMNO, kepimpinan KMK yang selama ini dipegang oleh Haji Husain Che Dol (1946-1948) telah berubah kepada Datuk Syed Omar Shahabuddin yang dilantik menjadi Presiden UMNO Kedah. Peralihan pucuk pimpinan ini menunjukkan satu sikap jujur yang ada

pada Haji Husain Che Dol, kerana apabila beliau merasa bahawa beliau tidak mampu dan berdaya lagi untuk memimpin, terutama bagi menghadapi perjuangan yang semakin kompleks, maka dengan rela beliau melepaskan jawatan tersebut.

#### Pergerakan Politik Orang-Orang Melayu Kedah

Untuk melihat pergerakan politik orang-orang Melayu di Kedah hingga tahun 1955, bererti tidak dapat memisahkan dari melihat pergerakan SABERKAS, Kesatuan Melayu Kedah, Persatuan Pemuda Melayu Kedah, Anjuran Kesatuan Pemuda dan UMNO. Sungguhpun begitu, perbincangan ini akan lebih menumpukan kepada pergerakan KMK yang akhirnya dimansuhkan dan diserapkan pula ke dalam UMNO Kedah. Begitu juga halnya dengan PPMK dan AKP.

Kesatuan Melayu Kedah telah menyusun struktur pentadbiran yang rapi, supaya ia dapat bergerak dengan lebih menyeluruh di Negeri Kedah. Lebih-lebih lagi supaya setiap aktiviti itu menepati tujuannya seperti berikut;

1. Menyatukan orang-orang Melayu seluruh Kedah dalam sebuah pertubuhan politik.
2. Berjuang menghapuskan Malayan Union.
3. Mempertahankan keutuhan agama Islam.
4. Membela tanahair dari kaum asing.
5. Mengekalkan kuasa raja yang menjadi pelindung kepada bangsa Melayu.

Pergerakan awal selepas penubuhannya ialah perhimpunan menentang Malayan Union. Dalam perhimpunan penentangan yang kedua dan ketiga, PPMK, AKP dan PUK ikut serta bersama-sama KMK dan SABERKAS.

#### JADUAL II STRUKTUR PENTADBIRAN KESATUAN MELAYU KEDAH

Yang Dipertua

Naib Yang Dipertua  
2 orang

|           |            |              |           |
|-----------|------------|--------------|-----------|
| Bendahari | Setiausaha | Ahli J/Kuasa | Pemeriksa |
|           |            | 15 orang     | Kira-kira |
| Sisah     | Pergaulan  | Agama        | Iktisad   |
|           |            |              | Pelajaran |

Diserah kepada Persatuan Ulama Kedah

Implikasi dari penentangan tersebut melahirkan kerjasama yang semakin kukuh antara badan politik di Negeri Kedah. Terutama antara Kesatuan Melayu Kedah, SABERKAS, Persatuan Ulama Kedah dan Persatuan Pemuda Melayu Kedah. Keempat pertubuhan inilah yang menjadi penggerak dalam arena politik seterusnya di Negeri Kedah.

Puncak dari kegiatan politik oleh badan-badan tersebut ialah yang berkaitan dengan *Perlembagaan Negeri Kedah*. Kesatuan Melayu Kedah bersama-sama SABERKAS dan Persatuan Pemuda Melayu Kedah telah berpadu-tenaga menentang perlembagaan Negeri Kedah yang digubal tanpa mengajak bersama wakil pertubuhan-pertubuhan politik di negeri ini. Tindakan Kerajaan Negeri Kedah membelakangkan fikiran dan pandangan rakyat semasa hendak menggubalkan perlembagaan itu dianggap oleh KMK, SABERKAS dan PPMK sebagai cuba untuk menyembunyikan sesuatu dari diketahui oleh ahli-ahli politik negeri ini.

Oleh kerana tidak puas hati di atas tindakan Kerajaan Negeri Kedah itu, Kesatuan Melayu Kedah telah menganjurkan satu perjumpaan besar antara pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah pada 8-1-1948 di Pejabat Kesatuan Melayu Kedah.

*"Persidangan itu telah menimbangankan berkenaan dengan surat-surat per-*

*sembahan kepada DYMM Sultan Kedah di atas pindaan yang dipinta diadakan di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah....”*

Bagi KMK, punca utama kedudukan masalah ini adalah ditimbulkan oleh Haji Mohammad Shariff, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah yang dikatakan terlibat secara langsung dengan penggabungan perlembagaan tersebut. Hal ini disebabkan beliau sedang menghadapi dilema pemilihan Menteri Besar. Bagi masyarakat Negeri Kedah, mereka mahu supaya Tengku Yaakub dilantik sebagai Menteri Besar, sedangkan beliau sendiri cuba untuk dapatkan jawatan tersebut. Jadi satu jalan sahaja yang membolehkan perkara ini terlaksana ialah dengan meminda perlembagaan negeri.

Oleh itu Kesatuan Melayu Kedah bersama-sama SABERKAS dan Persatuan Pemuda Melayu Kedah telah menghantar cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah kepada kerajaan. Terdapat lima cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Kesatuan Melayu Kedah;

*Cadangan (1) Perkara nasihat dan persetujuan Pegawai-pegawai yang dikehendaki.*

*Maka di dalam Rang Undang-Undang Tubuh itu ada tersebut perkataan “Chiefs and Elders” faham di dalam negeri ini tiada ada memakai pangkat-pangkat yang tersebut itu dengan rasminya. Oleh itu inilah dicadangkan tinggalkan perkataan-perkataan itu dan di tempatnya digantikan dengan perkataan-perkataan yang mengandungi makna wakil-wakil pertubuhan-pertubuhan siasah Melayu yang diiktirafkan di dalam negeri ini supaya dengan permasukan perkataan-perkataan ini dapatlah difaham oleh rakyat jelata yang pertubuhan-pertubuhan ini yang menjadi wakilan rakyat ada mengambil bahagian di dalam perkara perlembagaan itu”*

*Cadangan (2) Perkara Lantikan Menteri Besar.*

*Maka bab yang dicadangkan tambah itu berasas di atas teladan-teladan yang biasa dipakai di dalam lain negeri iaitu tiada lazimnya seseorang yang menjadi bakal atau yang boleh menjadi bakal raja-raja memegang jawatan Menteri Besar.”*

Dari dua cadangan yang dikemukakan di atas menunjukkan bagaimana sudah ada benih-benih mahukan demokrasi yang meletakkan badan-badan politik itu sebagai pemerintah di dalam negeri. Dari apa yang ditekankan, KMK mahu supaya wakil-wakil dari pertubuhan politik yang dianggap mewakili rakyat mestilah diberi peranan yang sewajarnya di dalam pentadbiran negeri.

Dengan cadangan tersebut, boleh dikatakan pada tahun 1948, pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah sudah sedar sejauhmana peranan yang mesti dimainkan oleh mereka demi melicinkan demokrasi di negeri ini. Manakala dalam perlantikan Menteri Besar, Kesatuan Melayu Kedah dan lain-lain pertubuhan politik di negeri ini sudah berani bersuara walaupun kuasa tersebut di dalam tangan Sultan. Begitu juga watan Setiausaha Kerajaan Negeri, KMK dan lain-lain pertubuhan politik di negeri ini mahu supaya Syed Omar Shahabuddin dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri. Cadangan ini dikemukakan kerana Syed Omar Shahabuddin, adalah orang yang rapat dengan rakyat, mengetahui hasrat rakyat dan ia juga seorang yang turut serta dalam kegiatan politik di negeri ini.

Berhubung dengan perlantikan Menteri Besar, KMK dan lain-lain pertubuhan politik di negeri ini mahu supaya orang yang memegang jawatan itu benar-benar jujur dan mahu berkhidmat kepada rakyat. Dalam hal ini, walaupun Cadangan (2) dalam perlembagaan Negeri Kedah yang dikemukakan oleh mereka

menekankan tidak semestinya keturunan Diraja memegang jawatan tersebut, tetapi bagi mereka Tengku Yaakob adalah orang yang paling layak menjawat jawatan Menteri Besar.

Di kalangan rakyat Negeri Kedah, nama Tengku Yaakob dan peranannya, terutama dalam meninggikan kehidupan rakyat adalah tidak asing bagi mereka. Kewujudan Pekan Rabu dan Pasar Yaakob adalah inisiatif dari Tengku Yaakob. Mereka merasa Tengku Yaakob adalah orang yang dapat mengganti peranan yang pernah dimainkan oleh Tengku Abdul Aziz ketika menjadi Menteri Besar dahulu. Beliau berjaya memajukan bukan sahaja sistem pentadbiran negeri, tetapi berjaya mengatasi kedudukan ekonomi negeri. Semasa beliau menjadi Menteri Besar juga hubungan Kedah dengan Siam amat rapat, hingga Kerajaan Siam bersetuju memberi pinjaman wang kepada Negeri Kedah untuk memajukan pembangunannya.

Oleh sebab demikian, dalam satu surat Kesatuan Melayu Kedah kepada Haji Mohammad Shariff ditegaskan;

*"Berkenaan dengan jawatan Menteri Besar itu oleh kerana suara ramai telah mencadangkan Yang Teramat Mulia Tengku Yaakob menjadi Menteri Besar maka Kesatuan ini bersetuju dihadkan keturunan DYMM diluluskan memegang jawatan Menteri Besar itu di mana-mana bab yang munasabah dengan tempatnya"*

Biarpun terdapat bantahan dari semua pertubuhan politik di Negeri Kedah, terutama yang berkait dengan perantukan Menteri Besar yang diramalkan DYMM Sultan akan memilih Haji Mohammad Shariff, namun pihak Kerajaan Negeri tidak langsung mengambil inddah. Apa yang lebih memeranjatkan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengeluarkan kenyataan bahawa YTM Tengku Yaakob sendiri lebih suka mengkhidmatkan dirinya di dalam pekerjaan sekarang.

Kenyataan seperti ini menjadi tanda tanya kepada bukan sahaja tokoh-tokoh politik dari KMK, SABERKAS, Persatuan Pemuda Melayu Kedah dan Anjuran Kesatuan Pemuda, tetapi seluruh rakyat negeri ini. Mereka masih ragu-ragu sama ada benar atau tidak Tengku Yaakob secara rela hendak mengekalkan jawatan lamanya dan tidak menerima perlantukannya sebagai Menteri Besar, atau ada paksaan dari Sultan sendiri.

Dalam soal perlantukan Menteri Besar ini, hanya Kesatuan Kaum Tani Kedah sahaja yang menyokong perlantukan jawatan Menteri Besar itu kepada Haji Mohammad Shariff. Menurut Setiausaha-nya Haji Md. Noor Bashah, "Kesatuan Kaum Tani Kedah tetap taat-setia kebawah DYMM Sultan dan menerima perlantukan yang dibuat oleh baginda itu, walaupun Kesatuan ini tahu bahawa Tengku Yaakob memang layak dan mempunyai kebolehan yang lebih besar."

Walaupun ada juga pertubuhan yang tidak menyokong Kesatuan Melayu dalam masalah ini, tetapi kedudukan mereka tidaklah kukuh, kerana hanya sebuah sahaja kesatuan yang tidak menyokong itu. Manakala pertubuhan-pertubuhan lain termasuk Persatuan Ulama Kedah, Lembaga Pekan Rabu dan Pekan-Pekan Mingguan, dan Kesatuan Penghulu-penghulu Kedah adalah berdiri kuat di belakang KMK, SABERKAS, dan Persatuan Pemuda Melayu Kedah.

Dari bantahan tersebut, proses politik di Kedah pada masa itu amat jelas. Mereka sudah berani dan tegas dalam menghadapi sesuatu isu, terutama yang menyentuh kepentingan bangsa Melayu. Mereka juga sudah matang mempertimbangkan bagaimana pentingnya jawatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Mereka juga mula mempersoalkan kuasa Sultan dalam melantik dan melucutkan jawatan seseorang pegawai kerajaan. Dalam hal ini, apakah Sultan mempunyai kuasa untuk

menolak hasrat rakyat jelata.

Rakyat Kedah kini benar-benar sedar setelah memperolehi pengalaman hasil dari perjanjian Sultan dengan Sir Harold Mac-Michael. Mereka sudah matang dan tidak mahu lagi sebarang perjanjian yang merugikan. Begitu juga halnya dengan perlembagaan, mereka lebih suka membantah sebelum ia dikuatkuasakan.

Disebabkan bantahan itu berterusan, maka Haji Mohammad Shariff telah memanggil enam orang wakil Kesatuan Melayu Kedah ke pejabatnya pada 19-11-1947. Tujuan jemputan itu adalah untuk bermesyuarat dan berbincang soal Undang-undang Tubuh Negeri Kedah. Tetapi apa yang berlaku, Haji Mohammad Shariff menunjukkan Undang-Undang itu kepada perwakilan Kesatuan Melayu Kedah, sambil berkata;

*"..... inilah modelnya yang semacam dengan lain-lain negeri tiada perubahan apa-apa melainkan Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan sahaja sebab di sana ada pula Undangnya.*

Perwakilan Kesatuan Melayu Kedah yang diketuai oleh Haji Mohd. Rejab Darus (Naib Yang Dipertua KMK) berkali-kali meminta satu salinan seluruh Undang-Undang itu, tetapi tidak diberi oleh Haji Mohammad Shariff. Bagi Haji Mohd. Rejab Darus;

*"Maka yang demikian itu batallah jemputan itu bukanlah untuk mesyuarat yang sebenarnya hanya membuat helah melepaskan daripada taksir sahaja. Oleh kerana dibimbang barangkali pada kemudian hari akan berbangkit percakapan mengatakan Kesatuan ini telah mengambil bahagian di dalam perkara menyusun Undang-Undang itu....."*

Kerana kegagalan dari perjumpaan tersebut, maka Haji Mohd. Rejab telah menulis surat kepada Datuk Onn Jaafar menyatakan bahawa sekiranya UMNO tidak mengambil tindakan menyelesaikan

perkara ini, tidak ada jalan lain bagi beliau melainkan mengadakan satu perjumpaan semua pertubuhan politik di Kedah bagi membincangkan tindakan selanjutnya:

*"Saya percaya Kesatuan [Kesatuan Melayu Kedah] akan mesyuarat pada petang ini untuk menetapkan hari-bulan mesyuarat yang akan dijemput wakil-wakil Kesatuan [Kesatuan Melayu Kedah] wakil-wakil SABERKAS, Wakil-wakil Kesatuan Ulama, wakil-wakil Pemuda [Persatuan Pemuda Melayu Kedah, dan mungkin juga termasuk Anjuran Kesatuan Pemuda] dan lain-lain lagi di Balai Besar atau di Kesatuan selewat-lewat pada 12 Disember 1947 untuk mengambil persetujuan rakyat siapa yang dikehendaki menjadi Menteri Besar supaya dipersembahkan kebawah DYMM Sultan."*

Mesyuarat tersebut memutuskan sebulat suara bahawa Tengku Yaakob tetap sebagai Menteri Besar dan Syed Omar Shahabuddin pula mesti dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri. Sekiranya tuntutan akhir ini tidak dilayan, semua pertubuhan di negeri ini akan bersatu memboikot perasmian Persekutuan Tanah Melayu yang ditetapkan pada 1-1-1948.

Ancaman ini mendapat perhatian dari UMNO yang merupakan pertubuhan induk kepada KMK, SABERKAS dan lain-lain. UMNO terpaksa campurtangan yang menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa beralah kepada tuntutan tersebut. Walaupun begitu kerajaan negeri telah memberi syarat iaitu pegawai-pegawai Kerajaan tidak boleh menjadi *Council Member* di dalam negeri.

Syarat ini dengan sendiri menghalang Kesatuan Melayu Kedah, SABERKAS, Persatuan Ulama, Persatuan Pemuda Melayu Kedah dan Anjuran Kesatuan Pemuda untuk memerintah negeri ini melalui Majlis Mesyuarat Negeri kerana ramai ahli-ahlinya terdiri dari pegawai-

pegawai kerajaan terutama ahli-ahli SABERKAS, Persatuan Pemuda Melayu Kedah dan Kesatuan Melayu Kedah.

Bagi Kesatuan Melayu Kedah, "Unofficial Members" adalah mustahak diambil dari pegawai-pegawai Melayu dalam Jawatan Kerajaan. Alasan yang diberi oleh KMK supaya orang ramai terpelihara dari dipengaruhi oleh lain-lain puak yang tidak suka kepada Raja-raja. Sekira di negeri ini tidak mahu meluluskan, mengapa pula Kerajaan Johor dan juga lain-lain negeri meluluskan peruntukan tersebut.

Kesatuan Melayu Kedah juga telah mengesyorkan supaya jawatan *Syaikhul Islam* atau yang bermakna Ketua Pejabat Agama Negeri dimasukkan di dalam "Ex-Officio". Desakan ini memandangkan negeri ini adalah Negeri Melayu yang berasaskan agama Islam. Oleh yang demikian amatlah mustahak Syaikhul Islam sebagai ahli di dalam *Executive Council*. Jawatankuasa KMK menegaskan:

*"..... Walaubagaimana hendak jadi sekalipun akan negeri ini kelak tetap berpendirian dengan agama Islam juga".*

Tuntutan yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah ini mendapat perhatian UMNO, yang telah menghantar surat kepada DYMM Sultan meminta supaya dalam menggubalkan Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah mestilah meluluskan peruntukan yang membolehkan pegawai-pegawai Melayu menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kedah.

Suasana politik di Negeri Kedah terus bergolak kerana tindakan Haji Mohammad Shariff yang cuba menyekat pegawai-pegawai Kerajaan dari bergiat dalam politik. Dahulunya ia berjaya menyekat pegawai-pegawai Kerajaan dari menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Untuk lebih berkesan tindakan ini, pihak pemerintah Kedah telah mengeluarkan *Surat Sumpah Pegawai-Pegawai Kerajaan*,

yang digubal oleh beberapa orang ulama supaya ianya mempunyai unsur-unsur agama Islam di dalamnya.

Bantahan awal datangnya dari Persatuan Ulama Kedah yang merupakan "Dewan Ulama" kepada Kesatuan Melayu Kedah. Kemudian diikuti pula oleh SABERKAS. Tujuan bantahan ini kerana kebanyakan anggota-anggota SABERKAS, Kesatuan Melayu Kedah, Persatuan Pemuda Melayu Kedah dan Anjuran Kesatuan Pemuda adalah terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan. Jadi sekiranya *Sumpah* tersebut dikuatkuasakan, maka pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah akan terkubur, kalau hidup pun, tidak berdaya untuk menggunakan jenteranya bagi menghadapi arena politik di tanahair.

Surat Sumpah ini berkehendakkan setiap pegawai kerajaan mentaati Sultan. Tiap-tiap pegawai itu itu tidak boleh menyeleweng dari peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Dengan perkataan lain, Kerajaan Negeri Kedah cuba menguatkuasakan peraturan mencegah pegawai-pegawai kerajaan dari aktif dalam politik. Malah sekiranya boleh pihak pemerintah cuba menyekat kegiatan pertubuhan-pertubuhan politik di Negeri Kedah. Haji Mohammad Shariff sebelum bertolak ke Mekah dalam satu ucapannya menegaskan:

*"Adalah mustahak orang ramai memahami baik-baik bahawa kemajuan dalam lapangan politik tidak berapa berharga....."*

Oleh yang demikian, tidak keterlaluan kalau dikatakan sepanjang beliau berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri dan kemudiannya sebagai Menteri Besar, beliau sentiasa sahaja mencari jalan menyekat pergerakan politik. Salah satu darinya ialah mengemukakan *Surat Sumpah* tadi.

Penentangan dari Persatuan Ulama Kedah telah menimbulkan keraguan di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan untuk mengangkat sumpah tersebut. Jadi untuk menghalang daripada kekecohan tersebut,

kerajaan telah menghantar surat siaran ke Pejabat-pejabat Daerah seluruh Negeri Kedah supaya memberi arahan kepada penghulu-penghulu mengadakan penerangan dan penjelasan kepada orang ramai. Pihak kerajaan juga memberi alasan mengapa sumpah tersebut mesti dikuatkuasakan;

*"..... sebab yang disuruh pegawai-pegawai mengambil sumpah ini semata-mata kerana hendak memelihara mereka itu daripada tersimpan pada jalan yang salah dan kerana hendak memelihara rakyat-rakyat daripada terkena aniaya atau zalim."*

Puncak pemuluan terhadap sumpah itu berlaku dalam tahun 1950 apabila ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri enggan mengangkat sumpah. Ini merupakan suatu bantahan terbuka kepada Kerajaan. Akibat dari ini Kerajaan menimbang kembali arahan tersebut. Oleh yang demikian pada tahun 1951, perintah *Surat Sumpah Pegawai-Pegawai Kerajaan* itu dibatalkan.

Persoalan penting yang menimbulkan penentangan terhadap Surat Sumpah itu dapat dilihat dari dua aspek. Pertama yang berkait dengan Agama Islam, dan kedua yang ada hubungannya dengan pergerakan politik di negeri ini, khususnya oleh pegawai-pegawai kerajaan.

Berhubung dengan soal Agama Islam, jelas sekali surat sumpah ini berlawanan dengan Agama Islam, kerana menurut Abdullah Abbas Nasution bahawa Islam bukan suatu agama yang meminta *laknat* seperti yang terkandung dalam surat sumpah itu, sebaliknya Islam menyeru kepada kebajikan. Kandungan dimaksudkan itu adalah seperti berikut;

*"Maka jika dusta aku pada sumpah aku ini nescaya bala Allah dan laknatnya dan murkanya turun dan timpa dan kena di atas ubun-ubun batu kepala aku....."*

Soal agama ini pula mempunyai kaitan dengan politik, iaitu Agama Islam digunakan demi mencapai sesuatu tujuan dan

kepentingan seseorang. Sebelum ini sudah diketahui bahawa berlaku perselisihan antara parti-parti politik dengan Haji Mohammad Shariff dalam beberapa hal yang berkait dengan politik, terutama mengenai Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah. Oleh yang demikian, tidak hairan sekiranya beliau mengambil kesempatan dari surat sumpah tersebut bagi membendungkan kegiatan politik di Negeri Kedah.

*"..... aku telah mengaku bahawa tiada sekali-kali hendak membuat apa-apa pekerjaan yang bersalahan dengan kehendak jawatan yang aku telah junjungkan".*

Dengan ini bermakna, semua pegawai-pegawai kerajaan yang waktu itu banyak melibatkan diri dalam KMK, SABERKAS, PPMK, AKP dan PUK tidak lagi dapat meneruskan pergerakan mereka. Ini adalah disebabkan oleh penegasan yang dibuat dalam surat sumpah itu secara langsung menyekat kegiatan politik mereka. Apa lagi di waktu itu kebanyakan pergerakan politik yang berlaku di Negeri Kedah adalah bersifat "menentang" kerajaan.

Oleh yang demikian, semua pertubuhan politik di Negeri Kedah telah bersatu menentang Surat Sumpah tersebut kerana menurut Senu Abdul Rahman, selagi Surat Sumpah itu tidak dibatalkan, selama itulah pergerakan politik di Negeri Kedah tidak memberi makna kepada rakyat.

Menjelang tahun 1949, pergerakan politik di Negeri Kedah telah berubah apabila keputusan Mesyuarat UMNO di Kota Bahru pada 12-5-1947 dikuatkuasakan. Kesatuan Melayu Kedah kini telah dimansuhkan dan terus diserap ke dalam UMNO Negeri Kedah.

Sebelum itu satu perkara yang lebih menarik dalam pergerakan politik di Kedah adalah yang berkait dengan KMK, PPMK dan Anjuran Kesatuan Pemuda. Sebenarnya ketiga-tiga pertubuhan ini adalah berasingan dan mempunyai pemimpin yang berlainan. Sungguhpun begitu pertubuhan

ini sentiasa bekerjasama, malah bagi PPMK dan AKP, Kesatuan Melayu Kedah itu adalah seperti bapa kepada mereka.

Setelah AKP menjadi cawangan kepada PPMK dan barisan pemudanya yang dibentuk oleh Syed Ahmad Shahabuddin terus diserapkan menjadi Barisan Pemuda Kedah, dan diketuai oleh beliau sendiri. Dalam menjalankan aktiviti politik PPMK menganggap pertumbuhan itu adalah sebahagian daripada Kesatuan Melayu Kedah, sesudah KMK dimansuh dan diserapkan ke dalam UMNO, PPMK yang menganggap dirinya sebahagian dari Barisan Pemuda KMK itu, terus sahaja menjadi Pemuda UMNO Kedah. Di sini sekali lagi Syed Ahmad Shahabuddin diberi kepercayaan sebagai Setiausaha Pemuda UMNO Kedah. Pucuk pimpinan UMNO pula telah berpindah dari Haji Husain Che Dol kepada Syed Omar Shahabuddin.

Kedudukan politik di Kedah bermula tahun 1949 adalah berbeza sekiranya dibandingkan di setengah-tengah negeri lain, kerana di negeri ini SABERKAS terus bertindak atau menganggap dirinya sebagai *ahli bersekutu*, bukan ahli daftar terus seperti yang terjadi kepada Kesatuan Melayu Kedah. Peranan SABERKAS dalam politik di Negeri Kedah semakin sedikit, tetapi ia lebih berperanan dalam UMNO Pusat, terutama peranannya dalam setiap kali Persidangan Agung UMNO.

*"SABERKAS terus menjadi seperti 'Pressure group' dalam UMNO, baik UMNO pusat mahupun UMNO Negeri Kedah. Ini dapat dilakukan kerana ia tidak dimansuhkan dan didaftar terus. Sebagai ahli bersekutu SABERKAS lebih bebas bersuara."*

Suasana Politik selepas Darurat diisytiharkan telah menunjukkan peranan SABERKAS di dalam UMNO, khususnya dalam setiap persidangan UMNO. Untuk menghadapi Darurat kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum (Communities Liaison

Committee) pada tahun 1949 untuk mendapat kerjasama dan hubungan antara kaum yang lebih baik. Tetapi apa yang berlaku, jawatankuasa ini bertindak lebih dari hak kuasa yang ada padanya dengan menerbitkan manifesto yang menegakkan penyelesaian krisis kaum ini dapat dilaksanakan sekiranya disemak semula soal-soal kerakyatan, dasar pelajaran, lagu kebangsaan dan bendera.

Yang peliknya cadangan tersebut diterima oleh Datuk Onn selaku Presiden UMNO dengan sokongan yang kuat dari orang-orang bukan Melayu. Langkah ini telah dikecam oleh orang-orang Melayu, termasuk The Malay Graduate Association yang menuduh beliau sebagai pembelot dan pengkhianat.

Suasana yang lebih hangat lagi berlaku dalam Persidangan UMNO di Kuala Lumpur pada 10-11 Jun 1950, apabila Datuk Onn meminta persidangan menerima cadangan dari Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum, iaitu dengan membuka pintu UMNO kepada orang-orang bukan Melayu. Cadangan Datuk Onn itu tidak mendapat sokongan, malah ahli-ahli UMNO, terutama SABERKAS telah menyelar sikap Datuk Onn yang terlalu bertolak ansur itu. Perwakilan SABERKAS juga menyelar soal kerakyatan yang disetujui oleh Datuk Onn itu, kerana bagi mereka menerima cadangan tersebut bermakna mengorek kubur untuk diri sendiri.

Penentangan kuat dari ahli-ahli UMNO menyebabkan Datuk Onn mengancam untuk meletak jawatan dari menjadi Yang Dipertua UMNO, kerana bagi beliau soal mengadakan undang-undang kerakyatan itu adalah soal dasar UMNO, dan sekiranya beliau gagal, bermakna partinya tidak menerima dasar tersebut. Dengan ini tidak ada jalan lain baginya melainkan meletakkan jawatan.

Oleh kerana orang-orang Melayu memikir masa itu tidak kedatangan seorang

pemimpinun yang boleh menggantikan Datuk Onn, maka banyak pertubuhan-pertubuhan telah menghantar telegram supaya beliau terus memegang jawatan itu. Persatuan Ulama Kedah tidak ketinggalan, di samping menghantar telegram supaya beliau terus memegang jawatan itu. Persatuan Ulama Kedah tidak ketinggalan, di samping menghantar telegram memujuk Datuk Onn, telah juga menghantar perwakilan menemui Datuk Onn di Johor Baharu.

Rayuan dan pujukan itu akhirnya mengendurkan perasaan Datuk Onn. Beliau kembali memegang jawatan Yang Dipertua UMNO dan sekali lagi dalam persidangan di Kuala Kangsar pada 27-28 Ogos 1950 soal membuka pintu UMNO kepada orang-orang bukan Melayu ditimbulkan. SABERKAS telah menentang dan cuba menyekat UMNO dari menjalankan keputusan tersebut. Persidangan di Kuala Kangsar ini merenggankan lagi antara pemimpin-pemimpin SABERKAS dengan Datuk Onn. Oleh yang demikian, SABERKAS tidak duduk diam, mereka menemui Tengku Abdul Rahman dan berbincang soal mengambil alih jawatan Yang Dipertua UMNO itu.

*"SABERKAS telah menjalankan kempen di merata tempat sama ada di Negeri Kedah atau di seluruh negara supaya menerima Tengku Abdul Rahman memimpin UMNO".*

Akibat dari ini, maka berlakulah peralihan mengejut dalam pucuk pimpinan UMNO dalam persidangan pada 25-26 Ogos 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Tetapi malang bagi SABERKAS kerana tidak dapat masuk dalam persidangan tersebut, kerana Datuk Onn tidak mengakui SABERKAS sebagai ahli UMNO. Walaubagaimanapun, cita-cita SABERKAS tetap berjaya. Tengku Abdul Rahman telah memenangi pertandingan sebagai Yang Dipertua UMNO yang turut sama oleh dua orang calon lain, iaitu C.M. Yusof dan Haji

Ahmad Fuad. Tengku mendapat 50 suara, manakala calon-calon lain memperolehi sebelas dan tujuh suara bagi tiap-tiap seorang.

Peralihan pucuk pimpinan dalam UMNO menyebabkan berlaku perpecahan dalam UMNO di Negeri Kedah, lebih-lebih lagi apabila Datuk Onn menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya atau Independent of Malaya Party (I.M.P.) pada 16 September, 1951. Kebanyakan dari bekas ahli-ahli Kesatuan Melayu Kedah, seperti Haji Salim bin Haji Mohd. Rejab, Haji Rejab bin Haji Darus, Haji Laidin bin Haji Abdul Manan dan Puteh Napa telah menyokong Datuk Onn. Manakala satu peristiwa lagi yang penting juga dalam arena politik di Kedah ialah yang berkaitan dengan SABERKAS. Selepas UMNO menjalankan peraturan *Berdaftar Terus*, SABERKAS yang tidak bersetuju itu telah menjadi ahli bersekutu PAN MALAYAN LABOUR PARTI. Tetapi setelah Tengku mengambil alih pucuk pimpinan UMNO, SABERKAS telah keluar dari parti tersebut dan terus memberi sokongan kepada UMNO.

Tindakan SABERKAS ini adalah bertujuan untuk menentang pengaruh I.M.P., kerana SABERKAS menganggap sekiranya ia masih tidak memasuki UMNO, maka akan berlaku perpecahan yang lebih luas antara orang-orang Melayu, terutama di Negeri Kedah.

Berhubung dengan perpecahan yang berlaku di Negeri Kedah itu, lebih ketara terlihat apabila Datuk Onn menubuhkan Parti Negara. Haji Rejab Haji Darus dan beberapa orang tokoh lain telah menubuhkan Parti tersebut di Negeri Kedah. Pada tahun 1959 mereka telah memasuki pilihanraya di Negeri Kedah. Antaranya ialah Haji Rejab Darus di kawasan Kota Setar, Haji Salim bin Haji Rejab di pekan Alor Setar, Haji Laidin Haji Abdul Manan bertanding di Kedah Utara dan Puteh Napa bertanding di Kedah Tengah.

Walaupun mereka tidak mencapai

kemenangan, tetapi yang lebih jelas kepada kita ialah perpecahan fahaman politik di negeri ini. Sungguhpun begitu, dari satu aspek lain, kelihatan tentang kematangan fikiran dan kebebasan pendirian tokoh-tokoh politik di negeri ini.

### Kesimpulan

Dalam pergolakan badan-badan politik di negeri Kedah hingga tahun 1955 ini, tumpuannya bukan sahaja dalam aspek politik, sebaliknya dalam bidang ekonomi dan sosial juga tidak ketinggalan, SABERKAS umpamanya banyak memberi sumbangan dalam bidang ekonomi, terutama dalam bidang perniagaan.

*"Cawangan SABERKAS Padang Perahu, Jitra telah menjalankan berbagai perniagaan, termasuk mengimport beras dari Siam dan dijual di sekitar Padang Perahu, terutama kepada ahli-ahlinya. Kedai barang-barang runcit di sini adalah satu yang termaju bagi cawangan SABERKAS".*

Kesatuan Melayu Kedah juga tidak ketinggalan memperjuangkan ekonomi bangsa Melayu. Beliau bertindak kuat untuk mendapatkan pendaftaran SAHABAT KITA, sebuah syarikat pengangkutan bas yang hendak ditubuhkan oleh seorang peniaga Melayu. KMK menjadi badan politik yang kuat mendesak UMNO dan pihak kerajaan supaya membenarkan pendaftaran syarikat tersebut.

Manakala dalam bidang sosial, SABERKAS DAN KMK lebih banyak menumpukan perhatian bagi meninggikan pelajaran orang-orang Melayu, misalnya kedua-dua pertubuhan itu telah banyak menubuhkan sekolah-sekolah persendirian. Dalam hal ini bagi KMK mereka lebih banyak menumpukan perhatian kepada penubuhan Sekolah-Sekolah Arab dan agama. Manakala SABERKAS telah menubuhkan beberapa buah sekolah seperti Sekolah Inggeris SABERKAS, Kelas Bimbingan, Kelas Dewasa dan Kelas TADIKKA.

Selain daripada itu, PPMK, AKP dan PUK tidak ketinggalan menyertai bersama KMK dan SABERKAS dalam semua kegiatan. Manakala AKP walaupun bergiat dalam politik, mereka juga tidak ketinggalan bergiat dalam bidang sosial, terutama dari segi meninggikan sukan dan kebudayaan.


Apa yang jelas dalam pergerakan politik di peringkat ini, ialah persefahaman antara badan-badan politik di Negeri Kedah. Hasil dari persefahaman inilah menjadikan pergerakan politik di negeri ini mencapai banyak kejayaan dan mematangkan lagi pemimpinnya dalam arena politik.

# Moving Frontiers Of Agricultural Settlement In 18th. And 19th. Century Kedah

Che Zaharah Hj. Mahmud

*Dipetik dari Geographica vol. 2, 1966*

*'The laws of Dato Seri Paduka Tuan dated 1667 A.D. for example deals specifically with the agricultural economy. Of the sixteen articles contained in this code, six refer directly to the various aspects of wet rice cultivation and the remaining clauses are devoted to a miscellany of observances pertaining to the administration of agricultural land'*



Pemandangan Satu Kawasan Sawah Padi Di Kedah.

Wet rice cultivation organised within a highly subsistence framework was the basis of settlement in the State of Kedah during the traditional period, meaning, the period before the changes of the late nineteenth and the early twentieth centuries which pioneered the patterns of modern geography. Although the ruler, the immediate members of the royal family and the more exalted members of the traditional hierarchy did not physically participate in the activity, padi cultivation accounted for the entire activity of the population. It dictated the choice of settlements; it conditioned social conventions and decided the whole pattern of traditional activity. The cultivation of wet rice was not merely a means of livelihood, it was a way of life. For example, two of the four codes contained in the Kedah Laws<sup>1</sup> have been useful in reflecting the economy of the State during the traditional period. The Laws of Dato Seri Paduka Tuan, dated 1667 A.D., for example, deals specifically with the agricultural economy. Of the sixteen articles contained in this code, six refer directly to the various aspects of wet rice cultivation and the remaining clauses are devoted to a miscellany of observances pertaining to the administration of agricultural land. The pre-occupation with agriculture in general and with wet rice culture in particular was indeed great<sup>2</sup>.

The cultivation of wet rice in Kedah of the variety known as *Oryza sativa* (L.) is believed to have originated from Thailand. The techniques of flooding and ploughing the fields are also assumed to have been brought over from the north in the fifteenth century<sup>3</sup>. This century too witnessed the coming of Islam. On the basis of existing references it is reasonable to assume that this century witnessed the beginnings of settled Muslim-Malay communities in Kedah, actively engaged in sedentary wet rice agriculture.

Kedah's fame as an important rice

producer is not only confined to the modern period. Merchant ships which called at its ports in the fifteenth and sixteenth centuries were supplied with large stocks of rice to last them their long voyages. Frequently too, Kedah was called upon by Portuguese and Dutch Malacca to furnish the settlement with rice when food supplies from Java were not forthcoming. But the fact that rice was produced in sufficient surplus to furnish merchant ships and to be occasionally sent to other parts of the country should not imply that the rice economy in Kedah was a commercial one. The cultivation of rice was in fact organised within a tightly knit subsistence framework. Rice was cultivated by the common people or the rakyat<sup>4</sup>. The amount that each peasant produced was barely sufficient to provide him with a year's supply of food after paying his landlord and fulfilling other traditional obligations. It is the portion given out to the landlords and the produce from the fields of the landed gentry that frequently entered commerce. For the common peasant there was little opportunity to produce anything beyond his immediate needs. His deployment of labour was small. The water buffalo was the only draught animal used in traditional agriculture and the services of these animals had to be rented from a small number of relatively well-to-do persons who owned them. The small deployment of labour was aggravated by the calls made on the peasant's personal services by members of the traditional hierarchy who were in a position to extract *krah*<sup>5</sup>, a form of feudal labour. Such services were usually extracted when the peasant's own fields required his labour. With the short period that he had at his disposal during the planting and harvesting seasons, the traditional producer had little opportunity to produce more than what was required for mere subsistence. Other socio-economic factors, for example, the system under

which he cultivated his land, also worked on him, ensuring that he remained a subsistence producer.

A subsistence community is characteristically static. The persistent process of land colonisation which characterised the traditional period in Kedah would, therefore, seem contradictory. Land colonisation during this period, however, was not so much an indication of "progress" as the process of maintaining equilibrium within traditional society.

Increase in population and the subsequent increase in the size of settlements provided the main stimulus for agricultural expansion. The limited skills and poor technology of peasant farmers quickly exhausted the supply of naturally suitable land in the vicinity of any one settlement. A village of thirty to fifty houses, with five to six persons per house, was in most cases as large a population as could find naturally suitable land within a convenient distance from any one kampung. It was common, therefore, for a section of a big village to break away and form a new settlement when the population of the "mother" settlement increased beyond the capacity of the surrounding land.

The extension of the frontiers of agricultural settlement during the traditional period was a continuous process because constant increase in population resulted in localised pressures on available land resources at various parts of the State. During spells of political disturbances when life and property were threatened, for example, the Siamese invasion of the State in the 1820s, the activity might cease temporarily. But when peace was restored reclamation and pioneering for new areas of settlement inevitably followed. The rate of expansion depended on the challenges offered by the virgin land and the skill and technology of the peasants to overcome them.

The history of land colonisation follows a common pattern everywhere. The first instance of human intrusion and

subsequently of settlement tend to be the areas where the chances of survival are greatest. In Kedah the regions of maximum opportunity consisted of two main types of country. Firstly, traditional settlers indicated marked preferences for locations close to waterways, both coastal and riverine. Coastal locations made possible contacts with the outside world and with other settlements. Moreover, marine fishing provided a complementary occupation to rice cultivation. By traditional settlements also indicated strong attractions for riverine locations where good alluvial soils are generally available, communications easy and freshwater, for domestic and agricultural purposes, plentiful. Thus, it is no co-incidence that estuaries and river mouths, during the traditional period, were characterised by populous Malay villages since they combine the two types of location favoured by traditional settlers. Similarly, the hubs of traditional kingdoms and of subsidiary territorial units, where possible, concentrated in such locations.

The second type of country which offered the greatest supply of naturally suitable land for agricultural settlement were the well-drained valley lands bordered on the one side by the swamps and on the other by the fifty foot contour. The swamp country was initially negative to settlement because of the permanently waterlogged conditions, the difficulty of movement and of obtaining domestic water. The hillslopes, on the other hand, were topographically unsuitable for the cultivation of padi as it was practised in Kedah during this period.

The region which carried the bulk of the population in Kedah during the eighteenth and the nineteenth centuries was the valley of the Kedah, the major river in the northern half of the State. Compared with the valleys of the Muda and the Merbok in the southern half of the State, it was a relatively "new" area, since it was settled in earnest only from the 17th. century on.

Thus, for the last three centuries of the traditional period this whole region was the scene of massive land colonisation. The older centres of traditional settlement, in the estuarial regions of the Merbok and the Muda rivers, by virtue of their small alluvial hinterland, saw but a limited amount of agricultural pioneering during the period in question. Furthermore, these older centres experienced a continued loss of population to the northern region during the 18th. and 19th. centuries. But even within the Kedah valley areas that were first colonised and those which were being colonised during the 18th. and 19th. centuries revealed the contrasts between "old" and "new" land.

Thus, Kedah during the traditional period was divided into two regions in terms of settlement geography. The first consisted of the "old" land, the areas that were first colonised and the second of the "new" land, the areas that were recently or in the process of being settled. While one region reflected the habits of a long established agricultural settlement, the other indicated all the bleakness and hardships of a pioneer community. The two types of landscape existed side by side with distinctive clarity.

Examples of the areas of "old" land are still evident and are widely distributed over the whole State. Common examples can be found in the populous coastal villages located at the mouths of the Kedah, Yen, Muda and Merbok rivers and a host of other less defined rivulets that drain into the sea. Examples of the "old" land away from the coast are to be found in the inner valleys of the Kedah in areas that once bordered the central swamps. Examples of these settlements can be easily picked out in the Kedah valley. The settlements at Anak Bukit, the place of royal residence and Alor Star, the State capital, form the western extremity of a ring of inland settlements representing the old areas. Northeast of

Anak Bukit, for example, is the town of Bukit Pinang, once a thriving royal settlement, but by the late nineteenth century a mere outpost. Similar to Bukit Pinang is the small township of Langgar. These sites represent the core of the older settlements in the Kedah valley closely hugging the lower edges of the fifty foot contour. As evidence of long settlement, Dobby remarked that,

*"The country around Langgar has been cultivated in much the same way for more than two centuries a history which has left it the chief smallholder zone of the plain and the region where yields are accorded locally as averaging below those of the other parts of the plain to the west"*

Consequently, when all the suitable land was occupied, pioneering for new areas of settlement was faced with two alternative directions of expansion. Expansion could either take place in the direction of the foothills or into the central swamps. The swamps, although initially shunned, became the only possible choice. In the northern lowlands in the 18th. and 19th. centuries, therefore, the pioneer fringe moved inwards into the central swamplands. The greatest pressure was exerted from the western fringe westwards. Also, the frontier moved northwards away from the slopes of the Kedah Peak. On a smaller-scale came the westward drive of coastal settlements. When a number of artificial drainage channels were constructed in the 19th. century, for example, the Wan Mat Saman Canal (a twenty-two mile long canal from Alor Star to the townships of Gurun in the south) they traversed the central swamp country. These canals provided newer baselines from which the penetration of agricultural settlements could take place. Settlements then moved in all directions. The patterns became confused and blurred and the direction of the moving frontiers less defined as greater and greater footholds

were made in the swamps. By the middle of the nineteenth century pioneering in the central swamps had put large areas of hitherto unreclaimed **glam**<sup>8</sup> forests under the plough. The reclamation through the centuries had created by the 1850s,

*"..... a magnificent plain which I can only compare to one of the wide plains of Bengal for there is nothing like it in the rest of the peninsula. The whole is an immense padi field broken at great intervals by clumps of belts of trees....."*<sup>9</sup>

By the end of the traditional period, the remaining parts of the northern lowlying country that had yet to come under cultivation were the extensive glam forests in the northern District of Kubang Pasu and the deeper swamps of the Pendang and the Choras rivers on the southern fringes of the central swamps. These remained the areas of agricultural pioneering well into the present century. The Kubang Pasu swamps, for example, become a major area of land colonisation under the colonial administration during the post-traditional period and is the largest padi colonisation scheme in the country at present.<sup>10</sup>

As pioneering continued it was inevitable that some measure of redistribution in the regional emphasis of settlements in Kedah should take place. The extensive pioneering in the central swamplands caused a shift in the emphasis of settlement from the regions of the "old" land on the foothills into the central lowlands by the end of the traditional period. The supercedence of the central swampcountry over the inner ring of old settlements was inevitable because of two major factors. In the first place, the new areas provided unlimited opportunities for wet rice cultivation always the *raison de etre* of traditional settlements. In the second place, these areas are much closer to the other example

of "old" land, that along the coasts and at the estuaries, which had always proved to be the more important of the two.

By the mid-nineteenth century, for example, peasants working in the older settled areas around Bukit Pinang commented that,

*"..... the average produce here [Bukit Pinang] is about one kuncha per relong while the newer land that is nearer to the sea yields about two kunchas per relong"*<sup>11</sup>

In the face of agricultural pioneering in the Kedah valley in the 18th. and 19th. centuries only Anak Bukit, as the royal residence, retained any of its old significance. Bukit Pinang has ruins to remind it of an important past and Langgar has perpetuated its royal connections by remaining the site of the royal cemetery. Alor Star, on the other hand, increased in importance because of its relative position betwixt the old land on the east and west and the extensive lowlands on the northern and the southern banks of the Kedah.

The fact that traditional settlements changed their regional emphasis in late traditional times did not also mean that concepts governing the location of settlements changed as well. It was clearly evident that the rivercentric tendencies of Malay agricultural settlements never ceased to influence the direction and pace of land colonisation.

Initially, when pioneering started on the western fringes of the "old" land, expansion into immediately adjoining areas of the swamp country was carried overland by footpaths. The colonisation of these areas was greatly facilitated by the construction of footpaths and mud tracks by members of the ruling community. A number of articles in the second code of the Kedah Laws, quoted previously, reflected the official encouragements given to such projects which were fairly common by the late 17th. century.

The store of land that could be colonised via overland routes, however, was rapidly exhausted because settlements could only penetrate into areas where contacts by road were plausible. On that other hand, these settlements could not move to far inland from natural waterways and the amenities that living close to them offered. Thus, the overland tracks as well as the earlier stages of pioneering concentrated along the lower edges of the old areas.

As cultivation moved inwards communication by overland routes became progressively difficult. It is in this respect that the construction of artificial. Waterways and large drains had been of singular importance in the history of land colonisation in Kedah. These man-made rivers attracted agricultural settlements in much the same ways as had natural waterways. Besides, these artificial waterways had all the advantages but little of the disadvantages of the former. Realising the importance of artificial drainage and irrigation channels in the colonisation of padi land, the ruler and other members of the traditional aristocracy devoted a great deal of effort towards their construction. This was especially so in the later part of the traditional period when land that could be colonised via overland routes was almost negligible.

Beginning from the late 18th. century, various territorial chiefs as well as the ruler constructed canals of varying sizes in various parts of the central swampcountry. Most of these were of purely local value. Canal building under traditional conditions lacked the co-ordination and planning necessary for projects of this kind. Furthermore, there were always political disincentives to sinking capital and labour in large-scale projects such as water control schemes. The relatively high mobility rates of population and settlement, during periods of natural and political calamities, discouraged long-term planning. It was not

until the late traditional period, when stabilised political and social conditions prevailed, that the construction of drainage and irrigation canals were undertaken on a large-scale.

The three major canals that were to form the basis of large scale drainage and irrigation schemes, in post-traditional Kedah, were laid down during this period. These were the Wan Mat Saman canal, the Alor Changleh Canal and the Sanglang Canal. The first canal, built by the raja's chief minister traversed the swamplands south of Alor Star and the following two, built by the raja's uncle traversed the swamps to the north of the capital. Of these, the most important, in terms of the area served, has been the Wan Mat Saman Canal. Its importance was confirmed, in the early years of the post-traditional period-by the construction of the trunk road alongside the canal.

The Wan Mat Saman Canal and the two other canals established permanently the linear pattern of agricultural settlement, one which was to become increasingly common in later years when more and more drainage and irrigation canals cut up the surface of the Kedah Plain. Along these canals Malay settlements string out in an endless chain. Seldom two deep, the padi fields commence immediately behind them. Along these canals the former tendency for Malay settlements to congregate in clusters became lessened. There was little need now to concentrate in flood-free locations which was necessary when settlements were located along natural waterways. Houses too moved in closer to the water's edge. Further in, of course, after the limit formed by lands in the hands of canal side dwellers may occur the widely dispersed homesteads on the pioneer fringe.

The characteristically linear padi settlements along these canals became a firmly established feature of the State's settlement geography. The construction of

complementary canals in latter years created widespread duplicates of a pattern pioneered during this phase.

The pace of agricultural pioneering during the traditional period was admittedly slow especially when compared with the pace of agricultural expansion in post-traditional times. Despite the several centuries of reclamation, over-land contacts between centres of traditional settlements in the State became possible only in late 19th. century. On the eve of the present century large tracts of lowland swamps still remained unreclaimed.

The slow pace of land colonisation was the result of a number of factors. In the first place population was small and the need to move into new areas of settlement was felt at certain times and by certain sections of the community only — the incentives to pioneering were, therefore, extremely localised. Secondly, traditional agriculture was basically subsistence. Thus, there was little incentive to develop more land than was immediately necessary for subsistence farming. On the other hand, land colonisation during this period was not induced by the economic factors behind the expansion of agriculture in the post-traditional years, for example, the enhanced demands for food as a result of the increase in the non-agricultural population.

The principal factor behind the slow rate of land colonisation, however, was the harsh conditions of pioneering. Pioneering for padi was and still is a long and arduous process. Initially, it involved the draining and clearing of swamps. This was usually followed by the construction of drainage and irrigation ditches. Difficulties in the performance of these tasks increased with time because the relatively easier parts of the swampcountry would have been colonised first. The challenges offered by the virgin land gets progressively difficult in time. Furthermore, all these

tasks were undertaken under waterlogged conditions, under the scorching sun and in mosquito infested country. The difficulties were increased by the fact that pioneering was frequently an individual affair<sup>1 2</sup>. The peasant undertook these tasks on his own and at the most with the aid of his immediate family, nor were there many others around the pioneer fringe. The complete absence of mechanical labour is to be expected but the peasant seldom had the good fortune of owning a draught animal. Weeding and clearing were painstakingly carried out by hand. Such duties that would tax the farmer working in the temperate zone to but a mild degree would completely exhaust the peasant working the hot and humid environment of the equatorial region. It is imperative, therefore, that we examine the rate of agricultural pioneering in this light.

The harshness of pioneering for padi was well recognised by the traditional community both by the peasants themselves and the administrators. It was a common practice, therefore, during this period to grant the rights to land clearance only to able-bodied young males. They were the people with the necessary energy and the minimum of family responsibilities.

Even in the modern period pioneering for padi has remained an unrewarding task. The methods of clearing and preparing the land for cultivation have not changed much over the centuries. It is not surprising, therefore, that the Malay peasantry today forms the most outmoded section of Malay society.

1. Winstedt R.O., *Kedah Laws, J.M.B.R.A.S.*, Vol. 6, June 1928, The four codes mentioned are the Port Laws dated, 1950 A.D., the Tembera Dato Seri Paduka Tuan dated, 1667 A.D., the Hukum Kanun Dato Star which is undated and the Undang-undang of 1784 A.D., which is mainly a reproduction of the Undang-undang Melaka. Although the laws were all compiled after the 17th. century, they had been in existence for many centuries prior to the date of compilation. The ruler who took the initiative of putting the laws on paper was Sultan Rijaluddin Mohamad Shah who ruled in the mid-17th. century.
2. The earliest documentary estimate of the proportion of the States population engaged in the cultivation is only available in 1911 but there is no reason to suggest that the proportion was much greater in 1911 than it was the centuries before. In 1911, 88,491 Malays in Kedah were engaged in agricultural occupations. Of these 88,121 or 99.59% were padi planters.
3. A great deal of controversy still surrounds the beginnings of wet rice culture in Kedah and in the country as a whole. It is possible that wet rice cultivation in Kedah began earlier than the 15th. century. Some mention of this is made in *Agriculture and Land Colonisation in Kedah*, in the latest issue of the *Journal of the Persatuan Sejarah Malaysia, Kedah Branch*.
4. *Rakyat* is a term denoting the common populace as opposed to members of the royal community. Technically the term encompasses the entire population who do not possess the pre-fix *Tengku* before their names. Normally, however, even persons with the prefixes *Syed* and *Wan* before their names consider themselves apart from the rest who have no prefixes whatsoever before their names.
5. *Krah* was a local form of compulsory, unpaid labour. All rakyat were subjected to it. This was a particularly common practice in States tributary to Siam. The laws governing *krah* were ill-defined. Technically, *krah* should only be extracted from those who were liable to land rent. But in practise this principle was never observed. Again, the ruler alone was empowered to extract such services but in practice even the petty hierarchy exercised this privilege. Abuse of the practice was very frequent. The peasants were called upon at arbitrary times and for indefinite durations, frequently when their own fields needed them. The system was reduced in severity in late traditional times and completely abolished by the British by 1920.
6. A large proportion of Kedah's rice planters were and are tenant farmers of one type or other. The two common forms of tenancy are the *pawah* and the *bagi-dua* systems. By the former the farmer pays a fixed portion in kind at every harvest. By the latter the produce at the time of every harvest is divided into two equal parts. Both have their disadvantages from the tenant's point of view.
7. Dobby E.H.G., *The North Kedah Plain, Economic Geography*, 1951, 308.
8. *Glam* (*Melalucea leucodendron* Linn.) or *Hutan Glam*, glam forests, is a mixed forest with 60 feet glam trees and bongor (*Largestroemia speciosa*) dominating an association of *keriang* (*Archytea vahlii*) and *jawi* (*Ficus rhododendrifolia*). These trees normally stand in water and during the dry season in about 3 feet of water. Some 25,000 acres of these still remained in the 1950s, the remnants of the forests which once covered the whole of the Kedah Plain.
9. Logan J.R., *Notes at Kidah Nand Pinang J.I.A.*, Vol. 5, 1851, 55.
10. Of the 9 major padi schemes in the country in the 1960s, the largest is the Kubang Pasu scheme with 75,000 acres followed by the Krian scheme in Perak with 57,928 acres and the Tanjong Karang scheme with 48,961 acres which is in northern Selangor.
12. Logan, J.R., *op. cit.*, 55.
13. The most common method by which land was cleared was for individuals to obtain permission to clear land from the required authorities, either the local chief or the ruler himself. The ownership was frequently determined by right of clearance. Occasionally a family group or a group of persons may undertake a joint attempt. But this was not a widespread practice. Another method of land clearance quite common in the Kedah plain was by the pondok system. This method involved the clearing of land by young Malay youths who settled at a particular kampong for the purposes of religious education. Much of their time, however, was taken up by land clearance. These settlements may contain as many as 40 to 50 young Malay men, the size depending on the fame of the teacher. The name pondok is derived from the very small huts in which these young men lived in, each man to a hut. Land clearance was also undertaken by paid labour, for example, in lands belonging to the traditional aristocracy. A prominent example was the several hundred acres of land cleared for one member of the aristocracy at Padang Lumat along the Wan Mat Saman Canal. Land was cleared by Chinese labourers who were employed for a wage. But this method of land clearance was the exception rather than the rule.

# Penanaman Padi di Kedah : Sejarah Peranan Dalam Ekonomi Negeri Kedah

Dr. Affudin Hj. Omar

*Dipetik dari Konvensyen Sejarah Kedah 1981*

*'Apabila Sultan Mohamad Jiwa berpindah ke Alor Setar dan memulakan proses pembukaan Wilayah Ekonomi Kedah, beliau menyedari bahawa insentif untuk rakyat tani meneroka dan mengusahakan tanah-tanah paya wajib diberi. Pada pertengahan abad ke 18 baginda memerintah supaya satu sistem pembahagian tanah kepada rakyat diwujudkan. Daripada masa itu tanah-tanah yang belum diampun kurniakan kepada golongan bangsawan diberi milik kepada rakyat.'*



Alat tradisional yang digunakan untuk membanting padi.

## I. PENGENALAN

Pembangunan Kedah Darulaman sebagai sebuah negara Melayu di utara Semenanjung berlaku dengan pesat apabila asas ekonominya bertukar corak dari apa yang bertunjangan perdagangan kepada yang berlandaskan pertanian, khususnya pertanian padi.<sup>1</sup> Pertukaran ini diikuti dengan pemindahan pusat pemerintahan dari Daerah Muda-Merbuk ke Alor Setar di dalam zaman pemerintahan Sultan Mohammad Jiwa Zainal Abidin (1710-1778). Tiga bentuk perkembangan ekonomi dan politik berlaku.

Perkembangan pertama ialah pembukaan tanah-tanah paya untuk dijadikan tanah-tanah sawah yang subur di dataran Kedah yang merintangi Kangar di utara dan Guar Chempedak di selatan, seluas lebih kurang 500 batu persegi atau 300,000 ekar. Pembukaan dataran Kedah ini menarik masuk tenaga-tenaga buruh yang banyak dari alam Melayu sekeliling, khususnya dari apa yang dipanggil Selatan Thailand sekarang ini, Sumatra, Jawa, Kalimantan, Kelantan, Trengganu dan Perak. Kemasuk penduduk ini merupakan suatu faktor yang penting di dalam pertumbuhan ekonomi Kedah seterusnya.<sup>2</sup> Di masa inilah iaitu di masa kadar peningkatan penduduk berlaku dengan pesatnya di samping berlakunya pembukaan tanah secara meluas, kekayaan negara dan rakyat memuncak.

Berekoran dari perkembangan di atas, sempadan negeri yang berkesan (functional boundaries) mula meluas ke daerah-daerah pedalaman yang dahulunya hanya merupakan bahagian-bahagian pinggir di dalam sistem pentadbiran Kedah. Kawasan-kawasan pinggir ini mula diberi perhatian sewajarnya oleh Sultan lebih dari sebelumnya di mana penduduk-penduduknya tertakluk kepada tindak-tanduk orang-orang besar jajahan semata-mata.

Hasilnya ialah suatu pertumbuhan dan

pembangunan sistem pentadbiran negara Kedah yang sophisticated dan matang untuk mengendalikan corak-corak ekonomi dan politik yang baharu misalannya sistem pamaritan yang besar yang dibina oleh Wan Mat Saman (1885), Tunku Yaakob (1890) dan Wan Yahya (1895) dengan jaringan-jaringan taliair dan jalan-jalannya yang banyak di samping menambahkan hasil pengeluaran, ianya juga merupakan suatu alat pentadbiran yang baharu dan berkesan sekali. Jaringan-jaringan taliair dan jalan-jalan baharu yang dibina seiring dengan taliair-taliair ini dapat digunakan untuk perhubungan pentadbiran dan juga militer, serta merupakan saluran-saluran pengawalan cukai ke atas barang-barang pengeluaran rakyat. Di masa pembukaan tanah inilah penggunaan undang-undang tanah Kedah yang dicipta pada tahun 1667 bernama Undang-Undang Dato' Seri Paduka Tuan, berlaku seluas-luasnya.

Ketiga-tiga perkembangan di atas menjadikan Kedah Darulaman suatu negara yang utuh dari segi penyatuan penduduk dan pemerintah, dari segi pengeluaran hasil, khususnya padi dan beras, dan dari segi penyertaan rakyat tani di dalam proses-proses politik negara. Keutuhan ini mula bergoncang apabila pembangunan ekonomi yang pesat mengakibatkan kemunculan golongan-golongan lain seperti golongan saudagar dan pegawai-pegawai kerajaan yang menjadi golongan-golongan perantaraan di antara Sultan dan rakyat. Kertas kerja ini adalah bertujuan menganalisis proses penyatuan pemisahan-penyatuan di dalam sejarah negeri Kedah. Proses dialectic yang dialami oleh masyarakat tani ini mengumbang-ambingkan nasib mereka di dalam sejarah negara. Adalah wajar pada masa negara membangun ini, proses ini difahami agar tidak menjadi pandangan salah terhadap usaha-usaha kerajaan mencurahkan pelaburan pembangunan ke dalam masyarakat ini.

## II ASAS EKONOMI-POLITIK MASYARAKAT TANI DI ABAD SEMBILAN BELAS

Bermula dari pertengahan abad kelapan belas, di masa pembukaan tanah paya dibuat secara besar-besaran ekonomi pertanian Kedah merupakan asas utama struktur pemerintahannya. Selain daripada kemasukan penduduk dari alam Melayu sekitar, kebanyakan penduduk Kedah dari pedalaman iaitu dari daerah-daerah Sik, Baling, Padang Terap, Kulim dan Bandar Baharu juga berhijrah ke dataran Kedah di dalam daerah-daerah Kubang Pasu, Perlis, Yan, Kota Setar dan Pendang. Penumpuan ini menjadikan Wilayah dataran yang pada masa ini di bawah pentadbiran pembangunan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebagai wilayah pusat. Dan di tengah-tengah wilayah pusat ini terletak Alor Setar, bandar pusat yang menjadi penumpuan segala kuasa politik dan ekonomi negeri Kedah.

Di zaman kemakmuran hasil dari peneroakan tanah itu (Abad 19) struktur masyarakat di Kedah adalah suatu struktur yang agak simple, iaitu terbahagi kepada dua golongan; golongan bangsawan dan rakyat tani. Golongan bangsawan mendapat hasil dari tanah-tanah mereka sendiri melalui sistem Kerah. Sebagai upahan dari tenaga kerah, golongan tani diberi hak untuk bercucuk tanam di tanah-tanah yang semuanya adalah hak kepunyaan Sultan. Hanya sebilangan kecil dari golongan bangsawan sahaja yang mempunyai hak mengutip cukai ke atas perkara-perkara dan kawasan-kawasan tertentu. Kumpulan ini adalah terdiri dari kerabat-kerabat dekat sahaja.

Apabila Sultan Mohammad Jiwa berpindah ke Alor Setar dan memulakan proses pembukaan wilayah ekonomi Kedah, beliau menyedari bahawa insentif untuk rakyat tani menerima dan mengusahakan tanah-tanah paya wajib diberi.

Pada pertengahan abad ke 18 baginda memerintah supaya suatu sistem pembahagian tanah kepada rakyat diwujudkan. Daripada masa itu tanah-tanah yang belum diampun kurniakan kepada golongan bangsawan diberi milik kepada rakyat.

Perkembangan ini merupakan suatu gejala pencetus pembangunan ekonomi yang penting di dalam sistem feodal itu. Pertama ianya memberi security kepada rakyat tani di atas pemegangan sumber tanah usahanya. Kedua ianya merapatkan lagi perasaan rakyat terhadap raja dan pemerintahan baginda yang mempunyai penuh kesedaran tentang kehendak-kehendak mereka. Mereka boleh terus berhubung dengan baginda sebagai pusat kuasa pemerintahan.

Di dalam struktur sosial yang agak simple ini perhubungan golongan pemerintah dan rakyat tani adalah berbentuk perhubungan terus-menerus. Interaksi Sultan dan rakyat adalah secara bersemuka dan berlaku dengan kerapnya. Sessi-sessi pertemuan Sultan dan rakyat baik di istana maupun di kampung-kampung merupakan suatu pola kehidupan masyarakat yang normal. Penyaluran maklumat dua hala berlaku dengan efficient dan licin dan ini menjamin keutuhan negara.

Tetapi apabila bilangan penduduk mula bertambah dan tanah-tanah untuk diteroka mula berkurangan, suatu perubahan besar di dalam sistem pemerintahan berlaku. Tekanan penambahan penduduk dan kekurangan tanah mengakibatkan perebutan dan persaingan yang hebat untuk memiliki sumber-sumber ekonomi, terutamanya tanah. Ini memerlukan pembesaran struktur birokrasi pentadbiran guna menyelesaikan masalah dan memenuhi kehendak-kehendak rakyat.

Pembesaran birokrasi pentadbiran ini disokong lagi dengan peningkatan permintaan terhadap beras Kedah dari tanah-tanah jajahan British seperti Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. Bonney

merakamkan bahawa pada tahun 1785 Kedah mengeksport beras sejumlah 80,000 pikul dan pada 1821, eksportnya kepada tanah jajahan East India Company di Pulau Pinang sahaja ada kurang sedikit daripada jumlah di atas.<sup>3</sup> Golongan pemerintah menghadapi perkembangan ini dengan menumpukan tenaga terhadap memperluaskan dan mengawal penerokaan tanah-tanah sawah dan menguasai tempat-tempat yang strategik di dalam jaringan perhubungan sungai dan taliair untuk menambah pemungutan hasil.

Cara pembesaran ini adalah melalui perluasan dan peningkatan taraf sistem penghulu. Melalui proses ini individu-individu dari masyarakat tani diserap ke dalam sistem pemerintahan sebagai Ketua Kampung, Panglima dan Penghulu. Walaupun jawatan-jawatan ini wujud sebelum berlaku proses pembesaran, tetapi taraf dan bidang kuasanya serta pertalian terus menerus dengan golongan pemerintah tidaklah sekukuh semasa berlaku pembesaran sistem birokrasi itu. Misalnya selepas berlaku pembesaran, kuasa penghulu-penghulu mengutip cukai dan mendapatkan tenaga kerah untuk diri mereka bertambah. Jawatan Panglima sebagai pengganti Penghulu menjadi aspirasi banyak anak muda tani. Begitu juga jawatan Ketua Kampung.

Penyerapan sebilangan individu dari masyarakat tani ke dalam sistem pemerintahan ini lama-kelamaan menimbulkan suatu golongan masyarakat yang menduduki taraf sosial berperingkat di antara golongan bangsawan dan golongan rakyat tani. Golongan baru ini diperkukuh dan diperbesarkan melalui penjalinan persaudaraan melalui perkahwinan dan perikatan sosial di kalangan mereka. Jikalau dahulunya keluarga penghulu adalah berakar umbi dan berkembang di dalam sesuatu kampung yang terencil dari lain-lain kampung, tetapi pada masa baharu ini akar-akar kekeluargaannya menjaral ke

seluruh daerah dan jajahan. Dan dengan tercantumnya kawasan-kawasan penerokaan melalui jaringan taliair persembungan sosial masyarakat kampung-kampung berlaku. Justru itu masyarakat tani berubah dari yang landasan perkampungan (village-based) kepada yang berlandaskan kejajahan (territorial based).

Pewujudan golongan pegawai-pegawai pemerintah dari masyarakat tani berlaku terus-menerus apabila berlaku pengambilan tenaga kerja pada peringkat pusat seperti menjadi penyukat-penyukat tanah di pejabat tanah, kerani-kerani rendah dan lain-lain. Dan hasil dari susunlapis masyarakat yang baharu ini ialah pembezaan sebahagian cara-cara hidup dari cara-cara hidup rakyat tani biasa. Boleh dikatakan budaya-budaya kecil tertentu timbul dari proses susunlapis yang baharu ini. Misalnya cara pakaian, tuturkata, sikap, sistem nilai dan kumpulan-kumpulan sosial mula berbeza sedikit sebanyak dari kebiasaan rakyat tani biasa. Ini dibolehkan oleh tahap pendapatan yang lebih tinggi dari pendapatan rakyat tani biasa, hasil dari kekuasaan pemegang tanah-usaha yang lebih besar, dan pendapatan dari upahan kerja di dalam birokrasi kerajaan.

Sebelum berlakunya proses pembesaran sistem birokrasi kuasa seseorang penghulu adalah berdasarkan kepada mandat yang diberi oleh anak-anak buahnya sepertimana termaktub di dalam adat perkampungan. Tetapi selepas pembesaran, kuasa ini datang dari Sultan melalui surat tauliah yang bukan sahaja mengalihkan arah pengaliran kuasa, malahan menambahkan lagi bidang kuasanya. Perkembangan ini merupakan suatu gejala penting pertama yang mengubah asas ekonomi-politik rakyat tani di Kedah.

Pengubahan ini adalah pemisahan dari bentuk monolithic kepada bentuk differentiated. Di dalam bentuk monolithic sistem pemerintahan dan rakyat mempunyai objektif ekonomik yang agak sama. Walau-

pun sistem ekonomiknya feudal tetapi di dalam bentuk monolithic ini kepentingan sesuatu golongan itu tidak terlalu ketara. Raja dan rakyat di samping mempunyai jalinan perhubungan yang intensive dan extensive tidak terlalu jauh perbezaan taraf kehidupannya. Tetapi apabila bentuk ini berubah kepada bentuk differentiated di mana golongan-golongan perantaraan raja dan rakyat mula berkembang bukan sahaja perhubungan raja dan rakyat mula berenggang tetapi taraf hidup pun mula berbeza terlalu ketara.

Jikalau dahulu rakyat tani hanya terpaksa meluangkan 1/3 masa kerjanya untuk bekerja di sawah raja, tetapi di dalam zaman baharu ini mereka terpaksa juga bekerja di sawah-sawah orang besar jajahan dan penghulu. Hanya sedikit sahaja masa kerja di dalam sesuatu musim yang tinggal untuk mereka mengusahakan tanah yang

diberi untuk menampung hidup mereka sendiri. Di dalam pada itu boleh dikatakan tanah-tanah yang paling subur adalah diberi hak usaha kepada golongan atasan. Hanya tanah-tanah yang kurang subur diberi hak usaha kepada rakyat tani. Oleh sebab sesuatu musim itu mempunyai masa-masa optimum untuk penanaman masa-masa inilah yang rakyat tani dikerah untuk mengusahakan tanah golongan atasan tadi. Masa untuk tanah mereka sendiri adalah di masa hujan sudah mulai berlalu.

Hakikat di atas tidak menggalakkan pengeluaran hasil yang mempunyai kelebihan (surplus) yang banyak untuk sesuatu keluarga tani. Dilihat dari segi tahap pengeluaran pada masa itu di mana satu-satu relong dapat mengeluarkan purata sebanyak 2 kunca untuk tanah baik dan kurang dari satu kunca di tanah masam, sesuatu bidang sawah seluas 5 relong dapat memberi kadar kelebihan seperti berikut.

**JADUAL I**  
**Tahap Kelebihan Pengeluaran Beras**  
**Setahun Untuk Sekeluarga Tani**

|             | Tahap Pengeluaran<br>(Purata) | Tahap Penggunaan<br>(Purata) | Kelebihan<br>(Purata) |
|-------------|-------------------------------|------------------------------|-----------------------|
| Tanah Baik  | 5760 lb                       | 1944 lb                      | 3816 lb               |
| Tanah Masam | 2400 lb                       | 1944 lb                      | 456 lb                |

Sumber: Afifuddin Haji Omar Op Cit. M.S. 71

Dari angka-angka di dalam Jadual I boleh dikatakan bahawa kelebihan yang didapati oleh kebanyakan rakyat tani adalah sangat rendah. Dan kelebihan inilah yang harus digunakan dalam penukaran dengan barang-barang keperluan lain. Dipandang dari segi nilai beras yang rendah di dalam penukaran ini rakyat tani tidak mendapati barang-barang keperluan ini dengan banyak. Misalannya nilai satu kati beras di dalam penukaran barangan ini hanyalah satu per lapan belas nilai satu kati garam.

Di dalam struktur penukaran barangan di atas Sultan adalah menjadi pedagang utama. Harga barang-barang adalah dikenakan secara sewenang-wenang. Misalannya sepertimana ditunjuk oleh Zaharah Mahmud<sup>4</sup> untuk tiap-tiap kati garam yang dibeli oleh Sultan dari pedagang antarabangsa harganya ialah \$30.00. Ini dijual pada kadar \$50.00 satu koyan dengan mendapat kadar keuntungan sebanyak 67%. Sebelum ianya sampai ke tangan rakyat tani harga ini bertambah lagi.

Perkembangan di atas di samping

menyempitkan kehidupan rakyat tani biasa adalah juga meningkatkan lagi taraf hidup golongan atasan. Lebih-lebih lagi apabila penggunaan mata wang mula meluas, mana-mana rakyat tani yang berhajat memerdekakan diri dari sistem kerah mestilah membayar sewa tanahnya kepada pemerintah dengan wang tunai. Oleh kerana wang tunai tidak dapat diperolehi lantaran kelebihan pengeluaran yang kecil maka nasib mereka menjadi lebih buruk. Peluang untuk berniaga tidak dibuka sama sekali kerana mengikut Winstedt, pada zaman itu hak berniaga hanyalah berada di tangan golongan kerabat dan golongan bangsawan sahaja, "..... Raja sajalah yang berdagang."<sup>5</sup>

Banyak rakyat tani yang memerlukan wang tunai terpaksa menuju ke hutan mencari bahan-bahan hutan dan ke lautan mencari ikan untuk dijual. Maka mulalah perusahaan lain seperti pengeluaran manisan lebah, sarang lebah, rotan, buluh dan tenunan kain untuk mendapatkan tunai. Adalah disebut juga di dalam sejarah rakyat tani pada masa itu membela banyak kerbau, lembu dan ternakan lain yang mana hasilnya dijual di pasaran. Belulang lembu dan kerbau, lilin-lebah, rotan dan kayu-kayan dieksport ke tanah jajahan British di Pulau Pinang.

Proses penukaran sumber-sumber ekonomi dan politik mula menjadi berat sebelah di mana segala kuasa kekayaan negara mengalir kepada golongan-golongan pemerintah pada hal hanya sedikit sahaja sumber-sumber ini mengalir kepada masyarakat tani. Ini tentu sahaja mengahakiskan kepercayaan rakyat kepada pemerintah. Peristiwa-peristiwa bantahan terhadap keadaan ini banyak berlaku seperti penghijrahan sebilangan rakyat tani ke Seberang Prai pada akhir-akhir abad kelapan belas, penulisan surat bantahan kepada Sultan mengenai penghulu, penimbulan kumpulan-kumpulan penyamun dan lanun dan lain-lain lagi.

Adalah diriwayatkan baginda Sultan pada tahun-tahun 1880'an cuba menurangkan tekanan-tekanan ke atas rakyat tani dengan memerintah supaya sistem kerah dilonggarkan apabila sebilangan besar rakyat tani dari Yan hendak berpindah ke daerah Dinding di Perak.<sup>6</sup> Tetapi langkah ini tidak begitu berkesan kerana penghijrahan ke selatan berlaku terus lebih-lebih lagi apabila Wan Mat Saman mula mengorek terusnya pada tahun 1885. Tenaga buruh yang banyak sangat diperlui dan justru itu keseluruhan rakyat dikerah mengorek terusan ini.

Perkembangan di atas adalah suatu pelarian dari situasi zaman Sultan Mohammad Jiwa di mana masalah yang bangkit di kalangan rakyat tani dapat disedari dengan cepat di kalangan istana. Pada masa ini kekuasaan orang-orang besar jajahan dan penghulu menghalang pengaliran perhubungan rakyat-istana. Selain dari tindakan-tindakan protes oleh rakyat tani seperti disebut di atas, keutuhan negara dicabar pula oleh pertelingkahan di kalangan orang-orang besar jajahan dengan golongan pemerintahan pusat.

Untuk memperkuat kedudukan mereka orang-orang besar jajahan dan penghulu-penghulu memperketatkan kutipan hasil kerah mereka. Rakyat tani juga dibebankan pula dengan suatu lagi cukai yang dipanggil ripai. Manakala kebanyakan hasil dari cukai tanah mengalir kepada perbendaharaan negara di Alor Setar, hasil ripai semata-mata adalah untuk menyara hidup orang-orang besar jajahan. Mereka ini dengan sewenang-wenangnya mengutip hasil-hasil ini tanpa sesuatu kadar yang berpatutan.

Walau bagaimanapun pada tahun 1882 suatu perintah dari istana untuk menseragamkan kadar kutipan hasil dikeluarkan. Mengikut perintah ini tiap-tiap pemilik tanah mesti membayar sebanyak 25 sen Straits Settlement bagi tiap-tiap relong setahun. Mana-mana rakyat tani yang tidak

dapat membayar dengan wang tunai mesti membayarnya melalui kerja kerah.

Perluasan penggunaan wang tunai ini dengan secara tidak langsung mengintegrasikan sistem ekonomi Kedah dengan sistem ekonomi mercantile-capitalis British di Pulau Pinang. Penggunaan wang tunai ini perlu sekali untuk mengimport barang-barang keperluan seperti tembakau, garam, candu dan kain-kain keluaran British. Walaupun integrasi ini merupakan suatu gejala pembangunan ekonomi yang penting, tetapi masyarakat tani tidak dapat menyertainya lantaran kuasa pemilikan wang tunai di tangan mereka amat kurang sekali. Maka berlaku lagi proses peminggiran rakyat tani dari sistem pemerintahan dan sistem ekonomi negeri Kedah.

Pendek kata di dalam abad sembilan belas peminggiran rakyat tani dari sistem politik dan ekonomi memuncak dengan tertubuhnya struktur-struktur politik di dalam bentuk birokrasi-birokrasi yang semata-mata bertujuan mengawal keadaan. Fungsi pembangunan yang diwujudkan pada tahun awalan penerokaan dataran Kedah diketepikan.

### III. PEMINGGIRAN MASYARAKAT TANI DI ABAD DUA PULUH

Jikalau di dalam abad sembilan belas kita melihat masyarakat tani di Kedah tertolak ke pinggir sistem politik (polity) di awal abad dua puluh pula proses peminggiran ekonomi mula memuncak. Bermula dari tahun 1909 apabila Kedah mula tertakluk di bawah pengaruh British ekonomi Kedah dilandai oleh kemasukan modal-modal dari Pulau Pinang. Pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha Cina yang mendapat pinjaman modal dari agency houses British di Pulau Pinang mula membuka kilang-kilang padi di Kedah.

Sebelum 1909 pelabur dan pengusaha Cina tidak berani masuk ke Kedah dengan banyaknya disebabkan ketiadaan dasar

yang liberal di-bawah kekuasaan Sultan. Padi dari Kedah dibawa ke Seberang Prai untuk dikilang di sana.

Kedatangan pengaruh British membawa satu perubahan besar di dalam perhubungan pengeluaran padi di dalam bentuk pengharaman sistem kerah dan orang berhutang. Di dalam aspek pemilikan tanah pula suatu proses liberalisation berlaku di mana tanah-tanah milik pemerintah dibahagi-bahagikan selepas dibayar harga kepada petani dengan secara yang senang. Sehingga tahun 1920 keseluruhan tanah datar di dalam Daerah Kota Setar diberi hak milik kepada pengguna-penggunanya.<sup>7</sup> Pemilikan tanah sawah oleh individu-individu merupakan langkah pertama menuju ke arah penggunaan modal yang banyak yang akhirnya menarik kaum tani ke dalam bidang ekonomi pertanian komersial. Ini di dalam masa awalan perkembangan capitalism membawa kepada peningkatan daya pengeluaran (increasing productivity) dan seterusnya peningkatan pemasaran keluaran yang berlebihan.

Pada tahun 1914-1920 berlaku peperangan dunia yang pertama yang mengakibatkan bekalan beras dari Burma dan Thailand untuk tanah jajahan British di Semenanjung Tanah Melayu tersekat. Negeri-negeri di Selatan Semenanjung menghadapi masalah kebuluran. Ini mendorong pihak British membuka banyak lagi tanah sawah di Kedah dan memasuki modal-modal melalui orang-orang Cina untuk menyalurkan beras Kedah ke tempat-tempat yang memerlukannya. Di dalam tahun 1911 angka penduduk di daerah-daerah sawah adalah seperti berikut:

**Jadual 2**  
**Bilangan Penduduk Berbagai Kaum**  
**di Dataran Kedah Pada Tahun 1911**

| Daerah      | Melayu  | Cina   | India |
|-------------|---------|--------|-------|
| Perlis      | 25,618  | 3,200  | 400   |
| Kubang Pasu | 25,106  | 840    | 423   |
| Kota Setar  | 91,561  | 8,744  | 999   |
| Yan         | 14,061  | 744    | 53    |
| Jumlah      | 156,346 | 13,528 | 1,875 |

Sumber: Population Census 1911.

Kebanyakan orang-orang Cina pada masa ini adalah pedagang dan pelabur yang bertumpu di dalam daerah Kota Setar. Pada tahun 1921 kaum Cina meningkat dari 13,528 kepada 59,403 orang berbanding dengan bilangan orang-orang Melayu sebanyak 237,490 orang. Ini merupakan peningkatan penduduk dari tahun 1911 hingga 1921 adalah pada kadar 34% setahun di kalangan orang-orang Cina dibandingkan dengan kadar hanya sebanyak 5% setahun di kalangan orang-orang Melayu.

Selain dari pelaburan di dalam pengilangan beras modal-modal orang-orang Cina memasuki bidang perdagangan borong dan runcit. Masyarakat tani Kedah pada masa itu dikenalkan dengan barang-barang import dari luar terutamanya Britain seperti kain yang dapat dibeli dengan harga yang agak murah dan banyak pilihan. Perusahaan tenunan kain di kalangan masyarakat tani mula hapus.

Masyarakat tani yang pada ketika itu telah mengetahui mengguna wang tunai secara meluas mula meningkatkan permintaan terhadap barang-barang import seperti kain, tepung gandum, gula-tebu, tembakau, bahan-bahan buatan dari susu lembu, minuman ringan dan lain-lain lagi. Bahawa pada hakikatnya kesemua bahan-bahan import ini masuk melalui Pulau Pinang membolehkan pedagang Cina

memonopoli dan mengintegrasikan perdagangan borong-runcit. Sistem dan kaum Cina mengawal dan membendung sistem monopoli ini di dalam kumpulannya.

Di bidang pengilangan beras pula di mana pengilang-pengilang Cina perlu membesarkan perusahaannya untuk mendapat kadar keuntungan yang besar suatu percantuman sistem pinjaman barang runcit dengan penjualan padi oleh petani diwujudkan. Pengilang beras akan membekalkan pedagang borong runcit dengan pinjaman modal membayangkan bekalan barang-barangnya. Dan pedagang runcit pula akan menjual barang-barangnya secara hutang terutamanya di musim menanam dan padi membesar. Apabila musim menuai datang petani membayar hutangnya dengan padi yang nilai harganya ditentukan oleh peruncit. Walaupun tiada kadar faedah atau bunga yang disebut di dalam proses hutang-bayar itu, harga yang diletak sudah pun merangkumi kadar faedah pada kadar purata 80% setahun. Tahap yang paling tinggi adalah lebih kurang 300% setahun.<sup>8</sup> Ini sudah termasuk kadar faedah yang perlu dibayar oleh peruncit kepada pengilang.

Melalui cara di atas keuntungan lumayan datang mencurah-curah ke dalam kalangan kaum pengilang dan pedagang Cina. Akhirnya suatu sistem monopoli-monopsoni yang kukuh dikawal oleh kaum Cina. Penentuan harga padi dibuat mengikut kehendak sistem ini. Pada tahun 1912 harga padi hanya \$1.80 sepikul. Beras Kedah menyumbangkan sebanyak 35% kepada jumlah penggunaan dan 60% adalah diimport dari Burma, Thailand dan lain-lain Negara.

Jaringan pengilang-pedagang Cina memegang monopoli-monopsoni ini menjadi lebih kukuh dan kaya hasil dari padi keluaran kaum tani Kedah. Maxwell telah membuat pemerhatian berikut pada tahun 1913.

"..... kebanyakan pesawah-pesawah

*adalah pada masa ini di dalam kekuasaan peruncit-peruncit yang menghulurkan hutang dari masa ke semasa sementara menunggu padi masak dan hutang-hutang ini dibayar dengan sepenuhnya pada musim penuaian.”<sup>9</sup>*

Pada tahun 1911 sudah wujud 119 peruncit yang mempunyai lesen membeli padi di Kedah. Tidak seorang pun di antara mereka adalah orang Melayu kerana sistem monopoli-monopsoni tidak terdaya ditembusi. Maka mulalah penghutangan yang berleluasa berlaku di kalangan masyarakat tani yang tidak puas dengan kehendak terhadap barang-barang yang diimport tadi. Sistem padi kunca mula menghisap kekayaan yang diusahakan oleh kaum tani. Maka berlakulah pemisahan kaum di dalam bidang ekonomi di Kedah.

Golongan-golongan atasan Melayu di Kedah pada masa itu sebenarnya mempunyai peluang yang banyak untuk bertanding awal-awal lagi dengan pedagang dan pengilang Cina sebelum wujudnya sistem monopoli-monopsoni Cina menjadi kukuh. Golongan atasan Melayu ini mempunyai modal yang cukup dari segi pemilikan tanah dan pengawalan dan penguasaan tenaga buruh. Tetapi oleh sebab termasuklah mendadak barangan gunaan seperti candu, tembakau dan kain-kain pakaian yang mewah kesabaran dan ketabahan yang dikehendaki di dalam perniagaan diketepikan oleh cara-cara yang mudah untuk mendapat barang-barang ini. Golongan atasan yang mendapat banyak tanah sawah melalui ampun kurnia memajakkannya kepada pedagang Cina untuk mendapatkan pendapatan yang cepat. Misalnya pada tahun 1911 ada disebut di dalam sejarah bahawa hak mengutip cukai import ke atas kayu balak telah dikurniakan kepada seorang atasan bernama Syed Osman dari daerah Yan. Tetapi Syed Osman memajakkannya ini kepada seorang pedagang Cina dengan Kadar bayaran

sebanyak \$400 setahun.<sup>10</sup> Dengan secara ini kekuatan sistem monopoli-monopsoni pedagang dan pengilang Cina bertambah kukuh.

Walaupun pada tahun 1911 segala jajahan seperti di atas dihapuskan oleh pihak British, asas ekonomi pedagang-pengilang Cina tetap kukuh. Keadaan terhutang yang berlanjutan sehingga ke liang lahad dan disambung pula oleh zuriat kaum tani menjadi-jadi lagi apabila pihak British membina-tambah sistem pengairan dan pamaritan di dataran Kedah. Sciring dengan taliair dan parit yang dibina jalan-jalan raya yang menghubungkan bandar dan desa diwujudkan pula. Ini sudah tentu membawa ekonomi tani yang sudah lemah itu bertambah rapat di bawah kongkongan sistem monopoli-monopsoni.

#### IV. INTEGRASI PASARAN: Suatu Keadaan Ekonomi “Dependency”

Dengan terbiarnya sistem perhubungan jalan yang meluas suatu integrasi pasaran ekonomi di antara sistem ekonomi pertanian di Kedah dengan sektor perindustrian-perdagangan di Britain diwujudkan. Air di dalam taliair dan parit menyumbang kepada peningkatan hasil padi yang nilai kelebihan disalurkan ke Pulau Pinang dan akhirnya ke London. Pada tahun 1913 satu jalan tar yang menghubungkan Pulau Pinang, Alor Setar dan Singgora di Thailand siap dibina. Di barat jalanraya ini dipenuhi oleh estet-estet getah British dan di sebelah barat terbentang sawah-sawah padi. Jalan keretapi yang siap dibina pada tahun 1915 adalah selari dengan jalanraya ini. Jalan-jalan kecil yang dibina di atas tebing taliair dan parit semuanya menuju ke arah pertempatan penduduk dan bandar-bandar yang terletak di tepi sistem perhubungan yang besar ini. Taburan kilang-kilang beras yang besar-besar adalah juga mengikut arah

penyaluran bahan pengeluaran tani ini. Kilang beras yang kecil-kecil bertabur di sekitar desa dan kebanyakannya bertumpu di pinggir pekan. Petani membawa hasil padinya ke pekan di mana barang keperluannya pula dibeli dengan menggunakan jalan-jalan desa yang becak di musim hujan dan berdebu di musim kemarau atau dengan menggunakan perahu melalui sungai, taliair dan parit.

Kos mengangkut padi ke pekan adalah tidak dimasukkan ke dalam perkiraan harga padi kerana harga ini dikuasai oleh kumpulan pedagang dan pengilang. Tetapi sebaliknya kos pengangkutan barangan yang diperlukan oleh petani dimasukkan ke dalam harganya. Dari segala sudut petani yang menanggung kerugian.

Di kawasan yang tidak mempunyai pekan-pekan yang dapat menampung kehendak harian para tani, selalunya terdapat jaringan pekan sehari atau lebih terkenal sebagai pekan nat di Kedah. Di pekan-pekan nat ini (yang selalunya diadakan di persimpangan-persimpangan jalan yang strategis) petani dan pedagang berjual-beli. Selalunya proses pertembungan ekonomi ini berlaku sehala sahaja di mana petani sahaja yang membeli dan pedagang sahaja yang menjual. Bahan-bahan keluaran tani kebanyakannya dijual kepada pedagang yang memberi pinjaman.

Kebanyakan pedagang pekan nat adalah terdiri dari pedagang-pedagang kecil Melayu dan sebahagian besar di antara mereka ialah orang-orang yang berketurunan Indonesia. Kebanyakan pedagang ini adalah orang-orang yang tidak memiliki tanah. Mereka mendapatkan barang dagangan seperti pinggan mangkuk, kain, rempahan dan lain-lain, dari pedagang Cina di bandar-bandar seperti Alor Setar, Jitra dan Kangar secara pinjaman yang tinggi kadar faedahnya. Sumber lain tidak ada kerana monopoli barang-barang ini adalah di dalam tangan pedagang Cina. Oleh itu

keseluruhan kos barangan dan pengangkutan dilonggok ke dalam harga yang petani kena bayar. Keuntungan yang didapati oleh pedagang pekan nat ini adalah amat kecil dibandingkan dengan keuntungan yang diperolehi oleh pedagang Cina yang membekalkan barang-barang itu.

Banyak pedagang-pedagang runcit Melayu yang muncul dari kalangan masyarakat tani, tetapi kebanyakan dari mereka dihipit keluar oleh kuasa monopoli. Hanya kejayaan yang mereka capai ialah di dalam bidang perdagangan barang-barang buatan tradisional seperti songkok, batik dan lain-lain kraftangan kampung. Wujudnya Pekan Rabu di Alor Setar adalah pedagang-pedagang barang-barang tradisional dan bahan-bahan kampung yang tidak diminati oleh pedagang Cina.

Oleh itu walaupun ada golongan pedagang yang muncul dari kalangan masyarakat tani Melayu, mereka ini hanya berpendapatan yang sederhana. Taraf hidup mereka tidak sangat berbeza dari taraf hidup petani biasa. Justeru itu penabungan pendapatan berlebihan adalah lemah sekali kerana kelebihan adalah terlalu kecil. Pelaburan tidak mungkin dilakukan lebih-lagi dengan adanya kuasa monopoli.

Dari segi proses evolusi sistem capitalism selepas keruntuhan sistem feudalism, kemunculan golongan pedagang kecil Melayu dari masyarakat tani adalah gejala yang baik di dalam pembangunan ekonomi masyarakat. Fasa dagangan ini malangnya terencat pada peringkat awalan lagi kerana proses peralihan modal dan tenaga buruh dari bidang dagang ke bidang industri disekat oleh kuasa monopoli. Atau di dalam keadaan tertentu peralihan ini berlaku ke arah asal iaitu ke arah feudalism atau neo-feudalism.

Wujudnya sistem dagangan kecilan yang terencat ini dapat dilihat hingga ke hari ini di Pekan Rabu. Generasi demi generasi pedagang hanya mendagang

barang yang sama dan dengan sekil yang sama. Paul Baran menyarankan bahawa keadaan terencatnya proses pembangunan ekonomi pribumi adalah seperti anak kecil yang hidupnya menderita kelaparan dan apabila umurnya berlanjutan ia tidak dapat menikmati hidup remaja kerana badannya sudah lemah dan lesu.<sup>11</sup>

Proses peminggiran kaum tani dari sistem ekonomi capitalism ini mengakibatkan kedudukan Kedah sebagai satelit ekonomi Pulau Pinang. Dalam tahun 1905 Barnes menulis,

*"manakala Kedah adalah sebuah negara yang merdeka di bawah naungan Siam, (malangnya) sistem ekonominya adalah bergantung semata-mata kepada Pulau Pinang. Tiap-tiap ringgit modal yang dilaburkan adalah datangnya dari Pulau Pinang dan semua pedagang Cinanya mempunyai pertalian dengan syarikat-syarikat besar di Pulau Pinang."*<sup>12</sup>

Di dalam keadaan ekonomi yang disebut di atas, kemewahan ekonomi Pulau Pinang adalah berasaskan kepada keuntungan yang melimpah dari pelaburan di Kedah. Keuntungan-keuntungan ini dilaburkan pula di negeri-negeri bersekutu khususnya di negeri-negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Melaka yang mengeluarkan getah dan bijih timah. Beras-beras Kedah yang didapati dengan kos yang amat rendah digunakan untuk menyara tenaga-tenaga buruh dilombong dan ladang getah. Maka tinggallah Kedah dan kaum taninya sebagai seponon getah yang pada awalnya dilaburkan dengan baja sehingga cukup besar untuk ditoreh terus-menerus untuk kemewahan orang lain. Baginilah keadaannya sehingga awal zaman merdeka.

## V. RUMUSAN

Nasib kaum tani Kedah, yang sekarang menjadi sebuah negeri di dalam Negara Malaysia, adalah disebabkan terencatnya

proses pembangunan ekonomi masyarakat tani itu. Ini disebabkan pula oleh kemasukan modal luar yang cukup kuat pertalian pasarannya. Kekayaan hasilnya disalurkan kepada pembangunan Pulau Pinang dan lain-lain negeri bijih dan getah. Adalah wajar Kedah pada masa ini diberi ganjaran di atas sumbangan sejarahnya kepada keutuhan ekonomi Negara Malaysia. Kita lihat bahawa tanpa beras Kedah yang murah semenjak abad 17 hingga akhir-akhir ini perusahaan perladangan getah dan perlombongan bijih timah tidak akan berkembang dengan pesatnya.

Usaha Kerajaan Pusat untuk membangunkan semula Kedah pada masa ini adalah sedikit sebanyak dibuat di atas kesedaran ini. Ini bererti bukanlah wang-wang Kerajaan Pusat yang disumbangkan ke Kedah itu sebagai curahan sedekah sepertimana didakwa oleh segolongan cerdik pandai di Kuala Lumpur. Malah ianya adalah hak mutlak yang mesti diberi kepada yang empunya.

1. Sila lihat Afifuddin Haji Omar, *Peasant, Institutions and Development in Malaysia: The Political - Economy of Development in the Muda Region* (Ithaca, New York. Unpublished Ph. D. Dissertation presented to the Graduate School, Cornell University 1978).
2. Sila lihat Zaharah Mahmud, *Change In Malay Sultanate: On Historical Geography of Kedah before 1939*. (Kuala Lumpur. Unpublished M.A. Thesis, University of Malaya 1965).
3. Lihat R. Bonney, *Kedah, 1771-1821, The Search For Security and Independence*. (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), m.s. 6.
4. Zaharah Mahmud, *Op Cit* m.s. 96.
5. R.O. Windstedt, "Notes on the History of Kedah" in *JMBRAS*, XIV: III, 1963 m.s. 179.

6. Sila lihat Sharom Ahmat, "The Political Structure of the State of Kedah, 1879-1905" dalam *Journal of Southeast Asian Studies* 1:2 (September 1970) m.s. 121.
7. Sila lihat M.S.H. McArthur, *Kedah Annual Reports* (September, 1920 - September, 1921) m.s. 3.
8. Sila lihat O.C. Doering III, *Malaysian Rice Policy and the Muda River Irrigation Project*. (Cornell University, Ph. D. Dissertation, 1973) m.s. 13 dan Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967) m.s. 171-172.
9. G. Maxwell, *Kedah Annual Reports* (January, 1912 - January, 1913) m.s. 23.
10. M. Frost, *Kedah Annual Report* (January, 1912 - January, 1913) m.s. 7.
11. Sila lihat P.A. Baran, *The Political Economy of Growth* (New York: Modern Reader, 1957) m.s. 177.
12. W.D. Barnes, *Memo on Kedah CO 273/311*, January 21, 1905.
3. Bonney R., "Kedah, 1771-1821, The Search For Security and Independence" (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), m.s. 6.
4. Zaharah Mahmud, "Op Cit" m.s. 96.
5. Windstedt, R.O. "Notes on the Historical of Kedah" in *JMBRAS*, XIV: III, 1963 m.s. 179.
6. Sharom Amat, "The Political Structure of the State of Kedah, 1879-1905 dalam "Journal of South East Asian Studies" 1:2 (September 1970) m.s. 121.
7. Mc. Arthur, M.S.H. "Kedah Annual Reports" (September, 1920 - September, 1921) m.s. 3.
8. Doering III, O.C., "Malaysian Rice Policy and the Muda River Irrigation Project" (Cornell University, Ph. D. Dissertation, 1973) m.s. 13 dan Lim Chong Yah, "Economic Development of Modern Malaya" (Kuala Lumpur. Oxford University Press, 1967) m.s. 171-172.

#### BIBLIOGRAPHY

1. Afifuddin Haji Omar, "Peasant, Institutions and Development in Malaysia: The Political-Economy of Development in Muda Region" (Ithaca, New York. Unpublished Ph. D. Dissertation presented to the Graduate School, Cornell University 1978).
2. Zaharah Mahmud, "Change in Malay Sultanate: On Historical Geography of Kedah before 1939" (Kuala Lumpur. Unpublished M.A. Thesis, University of Malaya, 1965).
9. Maxwell, G., "Kedah Annual Reports" (January, 1912 - January, 1913) m.s. 23.
10. Frost, M., "Kedah Annual Report" (January, 1912 - January, 1913) m.s. 7.
11. Baran, P.A., "The Political Economy of Growth" (New York: Modern Reader, 1957) m.s. 17.
12. Barnes, W.D., "Memo on Kedah" CO 273/311, January 21, 1905.

# Pasar Perniagaan Orang-orang Melayu di Tanjung Chali

Tempawan Ahmad

*Dipetik dari latihan ilmiah Pekan Rabu Dari Segi Sejarah dan Perkembangan  
di Bandar Alor Setar, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1978*


*'Selain daripada memainkan peranan sebagai pusat melatih orang Melayu dalam bidang perniagaan, Tanjung Chali juga merupakan sebagai sebuah pengkalan atau pelabuhan bagi persinggahan kapal-kapal, perahu-perahu dan tongkang-tongkang yang keluar masuk dari luar dan dalam negeri melalui Sungai Kedah, Sungai Anak Bukit, Terusan Wan Mohamad Saman dan Sungai Raja'.*

**T**anjung Chali, merupakan sebuah tapak bagi melatih orang-orang Melayu di dalam perniagaan. Kawasan perniagaan ini ditubuh pada tahun 1920'an<sup>1</sup> adalah dari hasil kesedaran seorang putera Diraja Kedah, YTM Tunku Yaakob,<sup>2</sup> tentang kemunduran orang-orang Melayu dalam perniagaan.

Sekiranya orang-orang Melayu masih lagi tertumpu di bidang pertanian nescaya mereka tidak akan mencapai kemajuan. Orang-orang Melayu perlu diberi peluang bersama-sama dengan bangsa asing di dalam perniagaan.

Pada peringkat permulaannya mereka digalakkan memasar ataupun menjual hasil-pertanian mereka yang berlebihan dari kampung-kampung ke bandar. Berdasarkan kepada kesedaran itulah beliau telah membuka satu kawasan perniagaan di Tanjung Chali.

Peringkat awalnya, perniagaan di Tanjung Chali itu diselenggarakan oleh ahli-ahli Jawatankuasa yang terdiri dari 7 orang. Mereka ini dipilih daripada orang-orang yang berpengaruh. Biasanya Penghulu dipilih kerana ia merupakan orang yang berpengaruh dan dihormati oleh orang-orang kampung pada masa itu.



Peniaga-peniaga Melayu di Tanjung Chali.  
(Muzium Negeri Kedah)

besar. Terdapat juga buah-buahan asam seperti buah kelubi, buah Melaka dan belimbing buluh. Buah-buahan seperti betik, Sawa atau Ciku dan tembikai terdapat juga dipasarkan. Begitu juga terdapat ikan-ikan darat yang telah dikeringkan dijual dengan dikira satu-satu ikatan atau longgok.

Perusahaan tangan orang-orang Melayu yang dibuat atau dianyam daripada mengkuang, seperti tudung, bakul, kampot dan dumpit ada juga dijual. Begitu juga lain-lain jenis barang yang dibuat daripada lidi kelapa seperti lekar, daripada kayu seperti sudet, kukur kelapa, papan rehai dan daripada buluh seperti bakul, nyiru dan raga. Sementara kain-kain baju pula terdiri daripada kain batik dan kain pelikat. Ubat-ubatan Melayu seperti minyak angin, maajun dan lain-lain ubat daripada akar kayu, barang-barang besi seperti pisau, golok, parang, tajak dan cangkul juga dipasarkan.

## CARA BERNIAGA

1. Semua barang-barang yang dijual itu ada yang dijual secara longgok, diatur atau disusun kemas mengikut jenis barang yang dijual.
2. Bagi barang-barang seperti buah-buahan kecil tempatan seperti jambu air, timun, terung, buah-buahan asam dijual secara longgok.
3. Kain baju pula ada yang berlipat, disusun kemas, ada yang dibuka luas atau digantung bagi menarik minat pembeli tentang corak kain tersebut. Sementara kain-kain batik pula digantung tinggi.
4. Tikar-tikar yang diperbuat daripada mengkuang dan ada yang berwarna-warni digulung. Pisau, tajak dan

parang serta barang-barang lain disusun dengan teratur supaya tidak bercampur antara satu dengan lain.

5. Satu lorong kecil memanjang biasanya disediakan agak luas bagi kemudahan pembeli-pembeli berjalan untuk memilih barang-barang keperluan mereka.
6. Kebersihan dan teknik mengatur atau menyusun barang-barang jualan mereka tidak dipentingkan. Apa yang dipentingkan ialah kemudahan bagi mereka menjual barang-barang itu.
7. Ada setengah-setengah barang jualan seperti ulam-ulam dan sayur-sayuran mesti dihabiskan pada hari itu juga, sebab tidak tahan disimpan. Barang yang serupa ini selalunya akan dijual secara lelong dengan harga yang murah jika hampir masa mereka hendak tutup perniagaan pada hari itu.

## PEMBELI-PEMBELI DI PASAR MINGGU

Oleh kerana Pasar Minggu diadakan pada hari Rabu, maka setiap hari itu ramailah pembeli-pembeli datang. Mereka terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan juga berpendapatan tinggi. Ada juga daripada mereka itu daripada penduduk tempatan dan ada juga dari kawasan sekitar atau luar dari bandar Alor Setar.

Mereka datang membeli sebab barang-barang yang terdapat di pasar terutama buah-buahan dan sayur-sayuran daripada kampung itu masih segar-segar lagi. Selain daripada itu pembeli-pembeli boleh membeli dengan banyak pilihan dan harganya pula boleh dikurangkan dan murah.

Kebanyakan daripada pembeli-pembeli terdiri daripada orang-orang Melayu, sedikit sahaja dari orang-orang

Cina. Bagi pembeli-pembeli Cina itu mereka membeli barang-barang dari penjual kampung secara borong. Barang-barang ini mereka jual pula di kedai mereka secara runcit.

### PENIAGA-PENIAGA DI PASAR MINGGU

Peniaga-peniaga Melayu yang menjual barang-barang di pasar itu terdiri daripada orang lelaki dan sejumlah kecil sahaja kaum wanita. Wanita-wanita yang berniaga itu telah berumur belaka, melebihi daripada 40 tahun. Peniaga-peniaga wanita itu menjual kuih-muih, sirih-pinang dan ulam. Wanita-wanita muda tidak berminat berniaga sebab pada masa itu mereka masih terikat dengan adat dan berniaga itu akan menimbulkan rasa malu.<sup>9</sup>

Kebanyakan orang-orang yang berniaga itu terdiri dari orang-orang Petani, Achek, Jawa dan Banjar. Cuma sedikit sahaja anak tempatan yang berniaga yang datang dari pedalaman seperti dari kawasan Pokok Sena dan Kuala Nerang.<sup>10</sup>

### MASA BERNIAGA

Kebanyakan daripada mereka datang sehari lebih awal daripada hari Pasar Minggu, iaitu di sebelah petang pada hari Selasa ataupun sampai di sebelah malamnya.

Pada masa itu banyakkah perahu-perahu berlabuh di tepi Pengkalan di sepanjang pantai kawasan Tanjung Chali. Bila malam hari kawasan perniagaan diterangi dengan lampu minyak tanah.

Ada juga pembeli-pembeli mengambil kesempatan datang membeli terutama buah-buahan atau sayur-sayuran kampung yang baru tiba di sebelah petang Hari Selasa itu.<sup>11</sup>

Masa dijalankan perniagaan itu berbeza dari satu tempat dengan tempat yang lain; bagi Pasar di Pekan Rabu masa berniaga bermula dari 8 pagi hinggalah ke petang hari.

### PERBANDINGAN ANTARA PEKAN RABU DENGAN LAIN-LAIN PASAR MINGGU

Pekan Rabu jika dibandingkan dengan Pasar Minggu yang lain, ia terdapat satu keistimewaan iaitu Pekan Rabu ini terletak di tengah-tengah pusat bandar. Peniaga-peniaganya terdiri daripada orang-orang Melayu. Bangsa-bangsa asing tidak dibenarkan seperti lain-lain Pasar Minggu hingga ke hari ini.

Selain daripada itu ia terus menempah sejarah perkembangannya, setari dengan perkembangan bandar Alor Setar dari masa ke semasa.

### BAB III

#### PEKAN RABU DI JALAN TUNKU IBRAHIM

Menjelang tahun 1932, Pekan Rabu di Tanjung Chali diberi 'notice' oleh Kerajaan Negeri Kedah berpindah ke tempat lain. Perintah pindah itu diberi atas alasan "Tapak Tanjung Chali itu menjadi sempit dan keduanya cadangan Kerajaan hendak membina Bangunan Kastam di atas tapak pasaran Bumiputera"<sup>12</sup> itu.

Ura-ura Kerajaan Negeri Kedah telah menimbulkan rasa tidak senang hati kepada Peniaga-peniaga Melayu di Tanjung Chali, disebabkan mereka akan kehilangan tapak perniagaan yang cukup sesuai di sekitar pengkalan yang sibuk itu. Perpindahan akan menimbulkan kesusahan kepada mereka. Mereka akan kehilangan mata pencarian kerana sebilangan besar daripada peniaga-peniaga itu telah menjadikan bidang perniagaan sebagai mata pencarian yang tetap.

Masalah-masalah peniaga kecil itu sekali lagi mendapat perhatian daripada YTM Tunku Yaakob. Beliau telah berjaya mendapat satu tapak ganti berdasarkan kepada 'rezab Tapak Perniagaan Hasil-hasil Bumi Tahun 1334'<sup>13</sup> Hijrah.

Tapak Pekan Rabu itu letaknya di tepi Jalan Tunku Ibrahim dengan Sungai Raja. Luas tapak baru itu ialah '39,400 kaki persegi'<sup>4</sup>.


### 1. Pekan Rabu Di Atas Tapak Baru

Pekan Rabu bertempat di Jalan Tunku Ibrahim itu telah 'didirikan pada tahun 1932'<sup>5</sup>, mengandungi 3 buah bangunan oleh Kerajaan Negeri Kedah.

Rupa 3 bangunan tersebut berbentuk 'gedong'<sup>6</sup> yang 'berlantaikan batu,

berbumbung zing dan tiang kayu. Di atas lantai simen itulah tempat ahli-ahli Syarikat Pekan Rabu berniaga'.

Perpindahan ke kawasan baru di Jalan Tunku Ibrahim merupakan satu kemajuan pada jangka panjang bagi perkembangan perniagaan Orang-orang Melayu di Bandar Alor Setar. Dari segi kedudukannya, Pekan Rabu terletak di tengah-tengah pusat bandar. Selain daripada itu ia mempunyai kemudahan perhubungan bagi membolehkan pelanggan datang membeli barang-barang dari kampung yang dijual di Pekan Rabu itu.



Pekan Rabu sebelum didirikan kompleks sekarang  
(Arkib Negara Malaysia)

Berdasarkan daripada faktor di atas, tempat tersebut adalah lebih baik daripada tempat lama di Tanjung Chali. Tetapi sehingga pecah Perang Dunia Kedua, peniaga-peniaga Pekan Rabu masih berniaga mengikut cara tradisi perniagaan Pekan Sehari. Cara-cara perniagaan tidak mengikut peraturan.

## 2. Perubahan Selepas Perang Dunia Ke 2

Selepas Perang Dunia Ke 2, sikap Peniaga-Peniaga Melayu di Pekan Rabu mulai berubah. Pekan Rabu yang berasal daripada Pekan Harian, di mana peniaga-peniaga

hanya berniaga pada Hari Rabu saja telah berubah menjadi perniagaan yang dijalankan pada tiap-tiap hari. Kecuali pada Hari Jumaat sahaja ia ditutup.

Perbezaan pada permulaannya, pada Hari Rabu Pekan Rabu itu lebih ramai dikunjungi oleh pembeli-pembeli bagi membeli barang-barang kampung.

Selepas Kemerdekaan Hari Sabtu pula lebih ramai dikunjungi pembeli-pembeli, kerana pada hari itu orang-orang dari luar bandar lebih ramai ke bandar Alor Setar kerana urusan dengan Pejabat-pejabat Kerajaan dan membeli-belah.



Kompleks Pekan Rabu  
(Arkib Negara Malaysia)

NOTA:

1. Temuramah dengan Encik Johari b. Salleh, 67 tahun pada 3/11/1977.
2. Putera sulung DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah dengan isteri bernama Sharifah Fatimah bt. Syed Idrus.
3. Di tepi Jalan Pengkalan Kapal itu terdapat Lorong Setar. Di situlah Madrasatul Amanatul Muslimin didirikan.
4. Encik Johari Salleh. Ibid.
5. Ibid.
6. Ibid.
7. Ibid.
8. Di Kedah, hari Jumaat adalah hari kelepasan. Bagi orang-orang yang beragama Islam kelepasan pada hari itu dianggap lebih baik kerana boleh menyempurnakan seperti menziarahi kubur dan menunaikan fardhu Jumaat dengan lebih sempurna lagi.
9. Temuramah dengan Cik Aishah bt. Salleh, 45 tahun, seorang peniaga di gerai Pasar Serbanika, Alor Setar pada 3/11/1977.
10. Encik Johari Salleh, Ibid.
11. Ibid.
12. Syarikat Perniagaan dan Pasaran Melayu Pekan Rabu Bekerjasama Alor Setar Kedah dengan Tanggungan Berhad. Fail S/U, Bil (44) dlm. SPR. 18/65.
13. Dari Laporan Jawatan Kuasa Kecil Tapak Syarikat Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah. Pada 19-5-1968. Hal: 2.
14. SPPMPR/AS, Fail S/U. Bil. (44) dlm. 18/61. Hal 2.
15. Ibid. Bertarikh 19-9-1971.
16. Dari Laporan Kemungkinan Rancangan Pembinaan Pusat Perniagaan dan Pasaran Melayu Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah. Hal: 2.

# Sejarah Pendidikan Inggeris dan Pelajaran Tinggi Di Kedah

Dato' Ahmad Nordin Hj. Mohd. Zain

Dipetik dari *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*  
28 November - 1 Disember 1981

*'Masalah beberapa murid dapat diatasi apabila guru besar Encik Mohamad Iskandar meminta pertolongan Tuan Hj. Wan Sulaiman Wan Sidek yang baru tiba dari Mekah untuk menasihati ibu bapa supaya mengikis segala sangkaan buruk mengenai 'masuk kristian' dengan sebab belajar Bahasa Inggeris. Encik Mohamad Iskandar pergi ke rumah berjumpa dengan ibu bapa yang masih takut-takut lagi. Menjelang tahun 1910 bilangan murid telah meningkat lebih daripada 50 orang.'*



Bangunan Kolej Sultan Abd. Hamid

## PENDAHULUAN

Dalam melaksanakan tugas yang diberi penulis telah memilih empat buah sekolah Inggeris yang terdapat di Kedah sebelum Perang Dunia Kedua untuk memperkatakan tentang perkembangan pendidikan Inggeris di negeri ini dalam zaman itu. Sekolah-sekolah itu ialah G.E.S./Sultan Abdul Hamid College, St. Michael Institution dan Kampong Bharu Girls' School, ketigatiganya di Alor Setar, dan Ibrahim School di Sungai Petani. (Supaya tidak mengelirukan maka nama-nama sekolah yang digunakan dalam Kertas Kerja ini ialah mengikut nama-nama yang dipanggil sebelum perang).

Sumber-sumber bagi kebanyakan keterangan yang digunakan di sini terdiri dari majalah-majalah sekolah sekadar yang boleh didapati, esei-esei yang telah diusahakan oleh beberapa orang mahasiswa sebagai sebahagian dari kerja kursus masing-masing, dan temu-temubual yang telah dilakukan di Kuala Lumpur dan Alor Setar dengan beberapa orang bekas pelajar yang kini telah menjadi tokoh yang berjaya dalam bidang masing-masing atau yang hidup sejahtera sebagai pesara, dan orang-orang lain jua.

Kepada sekalian yang telah menolong dan memberi kerjasama yang sangat dihargai, penulis tidak lupa mengucapkan terimakasih.

Pendidikan Inggeris di negeri Kedah bukanlah bermula dengan Government English School (G.E.S.) pada 8hb. Disember 1908, seperti yang disangka oleh kebanyakan orang. Malah sebelum dari ini pun bahasa Inggeris telah diajar secara sambilan kepada anak-anak Raja dan golongan bangsawan oleh orang-orang seperti Dr. Gomez dan Mr. Hart yang pada masa itu merupakan pegawai British yang dilantik oleh Kerajaan Siam sebagai Penasihat Kewangan kepada Kerajaan Kedah. Selain dari itu Kerajaan negeri Kedah sudah mula menghantar beberapa orang murid belajar di Malay College, Kuala Kangsar atau Penang Free School, seperti Cik Hanafi bin Sukon, Tunku Muhammad, Tunku Mohd. Jawa dan Tunku Kassim. Tindakan sedemikian rupa ialah kerana Kerajaan telah sedar bahawa bahasa Inggeris akan menjadi bertambah penting di masa depan.

Apabila G.E.S. dibuka, bangunan yang diuntukkan baginya ialah sebuah rumah lama buatan kayu yang sebelum ini telah digunakan sebagai pejabat Menteri Besar Wan Mohd. Saman, seorang yang banyak berjasa kerana berbagai kemajuan yang telah dibuat, satu daripadanya ialah sungai yang dikorek dari Alor Setar hingga ke Guar Chempedak. Bangunan itu terletak di atas tapak antara Balai Nobat dan Mahkamah Tinggi sekarang, bertentangan dengan simpang masuk ke Jalan Baru.

Guru Besar yang pertama ialah Encik Mohamad Iskandar, bapa Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia sekarang. Beliau dibantu oleh tiga orang guru lain, dua di antaranya Mohd. Salleh dan Yusof. Sungguhpun sekolah itu boleh menerima hingga 50 orang murid akan tetapi di peringkat permulaan bilangan yang masuk belajar tidaklah sampai angka itu. Malah sambutan dari

anak-anak Melayu kurang sekali. Ini disebabkan oleh kebimbangan ibu bapa Melayu takut kalau anak-anak mereka terpengaruh "masuk Kristian" dengan sebab belajar bahasa Inggeris.

Masalah ini dapat diatasi akhirnya apabila Guru Besar Encik Mohamad Iskandar meminta pertolongan Tuan Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek yang baru tiba balik setelah mengaji di Mekah selama lebih dari 10 tahun. Sebagai seorang ulama yang berjiwa progresif beliau tidak bertagak-tagak lagi dari memberi kerjasamanya dalam menasihatkan ibu bapa yang bimbang itu supaya mengikis segala sangkaan buruk dari hati masing-masing. Encik Mohamad Iskandar pun pergi ke rumah berjumpa dengan ibu bapa yang masih takut-takut lagi. Menjelang awal tahun 1910 bilangan murid telah meningkat lebih dari 50 orang.

Dalam tahun 1911 setelah Encik Mohamad Iskandar meletakkan jawatan kerana perselisihan faham dengan Pejabat Pelajaran, Encik Ismail Merican dilantik menggantikannya. Apabila bilangan murid telah bertambah lagi menjadi 97 orang bangunan sekolah yang ada tidaklah dapat muatkan murid yang begitu ramai. Oleh itu Kerajaan pun mendapatkan sebuah bangunan yang lebih besar di Jalan Penjara Lama (belakang Balai Polis sekarang), dan G.E.S. dipindahkan ke situ dalam tahun itu. Sungguhpun bangunan ini besar sedikit akan tetapi tidaklah begitu sesuai keadaan dalam dan sekitarnya. Namun demikian menjelang tahun 1912 bilangan murid telah meningkat kepada 160 orang iaitu 103 Melayu, 43 Cina, 11 India dan 3 Siam. Darjah yang tinggi sekali ialah Darjah IV.

Murid-murid yang lulus Darjah IV diberi peluang meneruskan pelajaran di Pulau Pinang. Kerana kelulusan setakat ini pun sudah boleh menjamin pekerjaan maka tidaklah ramai yang mahu belajar lagi. Di antara yang menerima tawaran



Almarhum YTM Tunku Kassim Ibn Almarhum  
Sultan Abd. Hamid (Tunku Laksamana Kedah)



Encik Mohammed Bin Mohammed Iskandar  
Guru Besar Sekolah Inggeris yang mula dibuka di  
Negeri Kedah dalam tahun 1908.  
Meninggal dunia pada 10hb. September, 1961.



Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek Sheikhul-Islam.

belajar di Penang Free School ialah Encik Lee Ewe Boon, Tunku Yaakob, Tunku Abdul Rahman Putra dan Encik Man Haji Shamsuddin. Ada juga yang mahu dihantar ke Malay College, Kuala Kangsar.

Tidaklah ada peraturan-peraturan tentang pakaian seragam pada masa itu. Budak-budak Melayu memakai sarung dan baju dengan bersongkok bila ke sekolah; tidak ada yang berani memakai seluar pendek kerana pakaian itu menampakkan aurat. Anak-anak Cina pula berseluar dan berbaju Cina dengan rambut bertocang panjang.

Orang Inggeris yang pertama sekali dilantik sebagai Guru Besar ialah Mr. E.A.G. Stuart. Ini berlaku dalam tahun 1914. Selama 13 tahun beliau berkhidmat sebagai Guru Besar di samping memegang jawatan Penguasa Pelajaran, dan dalam masa itu banyakkah kemajuan yang berlaku, di antaranya ialah pemindahan G.E.S. dari Jalan Penjara Lama ke bangunan yang dibuat khas untuknya di tempat yang ada sekarang. Bangunan itu siap dibina dalam tahun 1916. Ianya mengandungi dua tingkat di tengah dan dua bilik darjah di kiri kanannya.

Waktu-waktu sekolah terbahagi kepada dua sesi — pagi dari jam 9 hingga 1 dan petang dari jam 2 hingga 4. Waktu sebelah petang ialah untuk "prep" yakni untuk mereka membuat kerja-kerja yang dipelajari di sebelah pagi. Selepas pukul 4 mereka dikehendaki mengambil bahagian dalam satu-satu permainan padang.

Dalam tahun 1926 manakala bilangan murid telah melebihi 400 orang, Kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa untuk merancang pendidikan Inggeris bagi negeri Kedah di masa depan. Di antara syor-syor penting yang dikemukakan oleh Jawatankuasa ini ialah supaya pendidikan Inggeris diberi kepada 800 orang budak lelaki, 640 orang dari angka ini hendaklah dari bangsa Melayu. Satu lagi ialah supaya dibina bangunan asrama untuk menampung

50 orang murid dari daerah-daerah yang jauh dari Alor Setar.

Mr. Stuart meninggal dalam tahun 1927 di Pulau Pinang, dan menurut wasiatnya jenazahnya dikuburkan di Alor Setar. Namanya diabdikan dengan sebuah perpustakaan yang dibina di pekarangan sekolah dari wang-wang derma orang ramai dan sumbangan Kerajaan.

Sementara itu dalam tahun 1920 buat pertama kali beberapa orang murid dipersiapkan untuk peperiksaan Junior Cambridge, dan dalam tahun 1923 pula untuk peperiksaan Senior Cambridge. Namun begitu hasil-hasil yang dicapai jauh dari memuaskan. Dalam peperiksaan S.C. tahun 1923 umpamanya, seorang sahaja yang lulus. Keadaan yang tidak memuaskan ini, yang disebabkan oleh sebilangan besar dari murid-murid berumur lebih dari had yang dibenarkan, berlarutan hingga tahun 1932. Ianya dibetulkan hanya apabila telah digugurkan mereka ini. Dari tahun ini hinggalah ke tahun-tahun menjelang pecah perang keputusan kedua-dua peperiksaan itu bertambah baik. Keputusan yang paling baik sekali dicapai dalam peperiksaan tahun 1936 manakala 19 orang murid telah lulus daripada 21 orang yang mengambil Senior Cambridge dan 44 orang lulus Junior Cambridge daripada 54 orang yang mengambalnya. Keputusan ini adalah di antara yang terbaik di seluruh Malaya. Kerana itu Sultan Abdul Hamid College — perubahan nama dari G.E.S. kepada SAHC berlaku dalam tahun 1935 — diberi tahniah oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu di Singapura.

Semasa Mr. E.H. Wilson menjadi Guru Besar (1934-37) banyak kemajuan dan kejayaan besar telah dicapai. Beberapa bangunan baru siap dibina dan ada yang dirancangkan. Asrama diperbesarkan lagi, Dewan Perhimpunan serta Makmal Sains didirikan.

Dalam masa inilah satu perubahan

penting dalam dasar pelajaran dilakukan oleh Penguasa Pelajaran, Mr. E. La M. Stowell. Dialah yang telah menganjurkan pelajaran rendah percuma untuk semua di sekolah-sekolah Melayu dan penutupan kelas-kelas rendah di sekolah-sekolah Inggeris. Di masa depan kemasukan ke sekolah-sekolah Inggeris hanya boleh ditentukan dengan peperiksaan pemilihan di sekolah-sekolah Melayu. Seseorang murid yang berjaya dalam peperiksaan ini akan dimasukkan ke dalam Special Malay Class, dan selepas dua tahun dalam kelas ini akan berpeluang melompat ke Darjah V.

Menjelang pecah perang dalam tahun 1941, tiadalah masalah bagi mereka yang lulus Senior Cambridge untuk mendapat pekerjaan. Bahkan mereka yang lulus Junior Cambridge pun senang mendapat kerja. Pada amnya, mereka yang mendapat Gred I S.C. kalau tidak diberi biasiswa pelajaran tinggi akan ditawarkan masuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Negeri (KCS). Yang lulus dengan Gred II akan dihantar ke Kuala Lumpur untuk belajar di Sekolah Teknik atau Sekolah Pertanian di Serdang, sedang mereka yang mendapat Gred III akan ditawarkan kerja kerani dan sebagainya.

## IBRAHIM SCHOOL

Sekolah ini yang diasaskan dalam bulan Ogos, 1919, pada mulanya dinamakan Government English School. Ianya menduduki sebuah rumah panjang lintang matahari, berlantai simen dan berdingding papan, mengandungi tiga bilik darjah, terletak di tengah padang berhadapan masjid di Jalan Pengkalan. Guru Besar pertama ialah Tuan Syed Jan dan beliau lah terus berkhidmat dalam jawatan itu hingga tahun 1946. Pada mula dibuka sekolah ini ada seorang guru penolong sahaja iaitu Encik Mohamed bin Mann.

Murid-murid yang datang tidaklah

ramai kebanyakannya dari sekolah Anglo-Chinese yang telah ditutup. Kelayakan mereka tidak sama — ada yang Darjah I dan ada yang Darjah II dan Darjah III (sekarang bersamaan Darjah III, IV dan V). Darjah yang rendah sekali masa itu dipanggil Class Primary. Murid-murid dikehendaki berada dua tahun dalam Class Primary — Primary I dan Primary II — sebelum naik ke Darjah I. Dalam pada itupun murid-murid yang cerdas otnaknya diberi peluang melompat naik darjah.

Untuk memasuki sekolah, umur tidak dikira sangat asalkan mereka mahu sungguh-sungguh belajar. Mengikut cerita Encik Mohamed bin Mann, ada seorang murid yang setahun lebih tua daripadanya iaitu berumur 21 tahun, sudah beristeri dan mempunyai dua orang anak semasa dia masuk Darjah III.

Dalam tahun 1921/22 manakala bilangan murid bertambah, tiga orang guru lagi dihantar bertugas, dan dalam tahun 1928/29 seorang lagi guru ditambah, dan Kerajaan terpaksa menyewa sebuah rumah kedai di Jalan Petri untuk menampung murid-murid yang telah ramai.

Dalam tahun 1930 Pejabat Pelajaran telah mengambil alih rumah Pejabat Daerah lama (yang sudah tidak ada lagi) di Jalan Patani sebagai bangunan tambahan, dan dalam tahun 1931 atau 1932 rumah Kerajaan berbentuk rumah kedai di Jalan Patani juga diambil oleh Pejabat Pelajaran untuk dijadikan sekolah. Rumah yang disewa itu dilepaskan. Demikianlah hingga tahun 1935 manakala sekolah dipindahkan ke bangunan yang ada sekarang. Bangunan baru ini dibuka dengan rasmnya oleh Penguasa Pelajaran, Tuan E. La M. Stowell dengan nama Sultan Abdul Hamid School. Tidak lama kemudian nama itu ditukar pula menjadi Ibrahim School kerana memperingati Tunku Ibrahim, Regent negeri Kedah.

Dalam tahun 1939 apabila merosotnya bilangan murid-murid maka Kerajaan

pun membuat keputusan mengurangkan beberapa orang di Ibrahim School dengan memberi mereka pencen. Mereka yang kena berhenti ialah G.M. Khan, A.W. Skymmar dan Kung Cheng Hoe.

Masa meletus Perang Dunia Kedua terdapat hanya enam orang guru yang bertugas iaitu Tuan Syed Jan, Chong Foong, Sutan, Md. Noor, Chang Siang Teik dan Mohamed bin Mann.

Di antara murid-murid tua sekolah ini yang telah mencapai kejayaan yang cemerlang di bidang masing-masing ialah:

Tun Azmi bin Haji Mohamed,  
bekas Ketua Hakim Negara.

Tan Sri Dato' Haji Murad Mohd.  
Noor, Ketua Pengarah Pelajaran.

YB Encik Sanusi Junid, Menteri  
Pembangunan Negara dan Luar  
Bandar.



Tun Azmi Hj. Mohamed,  
bekas Ketua Hakim Negara.

## ST. MICHAEL INSTITUTION

Sekolah ini diasaskan oleh Father Ribald dari Sungai Patani pada tahun 1934 di sebuah rumah di Jalan Kanchut, Alor Setar. Pada mulanya sekolah ini mempunyai dua buah bilik darjah, dan bilangan murid di antara 20 hingga 30 orang sahaja. Setelah dua bulan di situ sekolah itu dipindahkan ke Kampung Perak dengan menyewa sebuah rumah yang mempunyai empat bilik darjah dan cuma dapat menampung lebih kurang 130 orang murid. Mereka ini dari berbilang kaum dan bangsa yang tinggal di sekitar 12 batu dari Alor Setar.

Sebagai sekolah swasta yang dibiayai oleh gereja Katholik bebaslah ia menentukan kurikulum dan sukatan pelajaran sendiri tanpa gangguan dari pihak Kerajaan. Keadaan kelas terlalu sempit dan kelengkapan dan alatan mengajar pula kekurangan.

Murid-murid yang diambil masuk tidak dihadkan umur. Hitung panjang umur dilingkungan 13 hingga 15 tahun. Kebanyakannya adalah murid-murid yang sudah lebih umur yang tidak dapat masuk ke sekolah-sekolah Kerajaan atau pun yang telah digugurkan dari sekolah-sekolah itu kerana melebihi had umur.

Dalam zaman sebelum perang kerana percampuran lelaki dan perempuan dalam sekolah tidak digalakkan maka St. Michael hanya mengambil murid-murid lelaki sahaja. Jumlah guru-guru yang mengajar hanya empat orang, semuanya lepasan dari St. Xavier's Institution, Pulau Pinang. Guru Besar yang pertama ialah seorang Jepun bernama Nishikawa. Beliau pun lepasan dari St. Xavier's juga. Sungguhpun dia bertanggungjawab di atas segala urusan pentadbiran sekolah, tiap bulan pihak gereja menghantar pelawat-pelawat untuk mengawas dan menyelaras perjalanan sekolah itu.

Gaji yang dibayar kepada guru-guru \$50 sebulan. Sungguhpun rendah kalau dibanding dengan kelulusan mereka itu akan tetapi mereka tetap bekerja dengan penuh dedikasi.

Yuran yang dikenakan oleh St. Michael ialah \$3 seorang sebulan berbanding dengan \$6 yang dikenakan oleh Sultan Abdul Hamid College. Ini ialah kerana hendak memberi kemudahan kepada murid-murid dari golongan tak berada supaya dapat meneruskan pelajaran mereka. Mereka ini terdiri daripada anak-anak petani, nelayan, pekedai, buruh dan pegawai Kerajaan yang bertaraf rendah.

Berkenaan disiplin murid-murid, sungguhpun Guru Besar memandang berat akan hal ini akan tetapi kerana kebanyakannya lebih umur lagi pula suasana sekolah yang tidak memuaskan maka tidaklah dapat dikuatkuasakan disiplin sebagaimana sepatutnya. Berkenaan pakaian pula, kerana tidak ada peraturan yang memestikan mereka memakai sesuatu maka terpujanglah kepada masing-masing memakai apa yang disukai. Ada yang memakai selipar dan ada yang tak berkasut-pun.

Satu lagi masalah ialah murid yang lewat datang dan balik sesuka hati. Jadual persekolahan ketika itu bermula dari 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan hari-hari persekolahan ialah dari hari Isnin hingga hari Jumaat. Oleh kerana kesukaran pengangkutan di Alor Setar ketika itu maka murid yang tinggal jauh terutama di kawasan Jitra, Hutan Kampong dan Kuala Kedah mendapati sukar untuk menepati waktu datang ke sekolah. Ada yang tiba pukul 9.00 dan 10.00 pagi dan ada pula yang mengambil kesempatan untuk datang lewat. Kehadiran murid-murid amat tidak memuaskan, dan ini merupakan masalah yang rumit untuk diatasi.

Buku teks juga merupakan satu masalah yang dihadapi oleh sekolah ini. Buku teks terpaksa dibeli sendiri oleh

murid-murid dan kerana kedai-kedai buku di Alor Setar jarang dapat membekalkan buku-buku secukupnya maka ramailah murid-murid yang tak mempunyai buku teks ketika mengikuti pelajaran di sekolah. Ini bererti segala pelajaran mereka sematamata bergantung kepada penyampaian oleh guru.

Pernmainan dan kegiatan persatuan-persatuan tidak ada langsung sama ada masa perjalanan persekolahan pada waktu pagi atau di waktu petang.

### Kurikulum sebelum perang

Kedadaan kurikulum dan sukatan pelajaran ketika ini bergantung kepada jumlah bilangan murid. Jika didapati jumlah murid mencukupi, maka diwujudkan kelas untuk satu-satu pelajaran yang tertentu. Taraf pelajaran di St. Michael sehingga darjah 9 atau Senior Cambridge. Pelajaran-pelajaran yang diajar seperti berikut:

1. Bahasa Perancis
2. Bahasa Inggeris
3. Ilmu Hisab (Matematik)
4. Ilmu Alam
5. Kesusasteraan Inggeris
6. Lukisan

Pengajaran diberi dalam bahasa Inggeris. Bahasa Melayu juga diajar tetapi tidaklah diwajibkan. Bagi anak-anak Kristian mereka ini dikehendaki mengikuti pelajaran "Gospel dan Scripture" dan ini diwajibkan bagi mereka manakala bagi murid-murid yang beragama Islam mereka tidak pula digalakkan untuk mengikuti pelajaran ini.

Pada tahun 1937, jumlah murid yang lulus Senior Cambridge daripada St. Michael ialah 3 orang dari 8 orang yang mengambil peperiksaan itu.

Guru besar Nishikawa kemudiannya bersara dan digantikan oleh Encik Ng Kam Ark, yang menjadi guru besar selama dua tahun dan selepas itu diganti oleh Encik Perera pada tahun 1937.

## St. Michael Pindah Ke Lorong Merpati

Pada 1938, St. Michael mengalami perubahan lagi di mana ia berpindah ke tempat baru di Lorong Merpati. Di sini keadaan bangunan sekolah agak lebih besar dan letaknya pula berhampiran dengan Maktab Sultan Abdul Hamid dan di antara dua buah sekolah ini merupakan persaingan yang hebat di mana ketika itu dua buah sekolah menengah ini sahajalah yang terdapat di Alor Setar. Bangunan dan kawasan St. Michael yang baru ini dibeli daripada Messrs Hin Company di Alor Setar. Pada tahun 1940 Paderi Parish telah memberi sekeping tanah kepunyaan gereja berhampiran untuk dijadikan tapak buat pembinaan bangunan-bangunan yang ada sekarang. Jadi di sini Sekolah St. Michael adalah lanjutan dari sekolah rendah St. Michael yang diusahakan oleh Paderi Parish atas sokongan daripada pihak Penguasa Pelajaran Kedah.

Kadaan di sini pun tidak memuaskan kerana ianya dikelilingi oleh kawasan paya dan hutan nipah terutama di belakang bangunan sekolah serta letaknya juga berhampiran dengan sungai yang bertempur.

Ketika di Lorong Merpati jumlah bilik darjah telah meningkat 7 buah dan murid berjumlah lebih kurang 320 orang sedang guru yang bertugas sebanyak 11 orang termasuk Guru Besar Encik Perera.

## KAMPUNG BHARU GIRLS' SCHOOL

Sekolah ini diasaskan dalam tahun 1922 oleh Kerajaan Kedah yang membeli istana kediaman Cik Chempa Chendra, isteri pertama al-Marhum Sultan Abdul Hamid, untuk digunakan sebagai sekolah bagi mendidik puteri-puteri kerabat Raja dan anak-anak perempuan pegawai tinggi Kerajaan "supaya mereka hilang malu bila bergaul dan bercakap dengan isteri-isteri pegawai Inggeris yang bekerja di Kedah

pada masa itu". Demikian menurut Puan Hajjah Tom bt. Dato Abdul Razak, yang merupakan salah seorang bekas guru kanan sekolah tersebut. Dengan kerana itulah sehingga pecah Perang Dunia Kedua pintu sekolah itu tidak dibuka seluas-luasnya dan pelajaran yang diberi pun setakat peringkat rendah sahaja. Pemilihan murid-murid dilakukan oleh satu Jawatankuasa yang termasuk Tuan Syed Ahmad Idris, Encik Ismail Haji Puteh dan Mr. E.A.G. Stuart, Penguasa Pelajaran.

Guru Besar pertama ialah Miss Waddell. Dia dibantu oleh dua orang guru penolong iaitu Cik Rahmah dan Cik Intan. Jumlah murid-murid ialah 30 orang. Di antara murid-murid yang pertama menuntut di sekolah itu ialah Cik Salma Ismail (kemudian lulus sebagai Doktor); puteri-puteri Tunku Yaacob; anak-anak perempuan Tuan Syed Mohd. Idris; Tunku Lat dan Tunku Habsah, kedua-duanya puteri al-Marhum Sultan Abdul Hamid.

Dalam bulan Jun 1929, Miss M.N. Lewis menggantikan Miss Waddell. Dalam tahun itu juga Cik Intan bersara dan digantikan oleh Cik Tom bt. Dato' Abdul Razak. Miss Lewis ialah orang yang pertama mengajar dengan kaedah moden. Murid-murid yang lemah dalam mata pelajaran akademik dilatih dalam bidang amali seperti masak-memasak, menjahit dan kerjatangan. Dalam tahun 1934 kerja-kerja tangan yang dihasilkan oleh murid-murid ini dihantar ke pertunjukan MAHA di Kuala Lumpur.

Dalam tahun 1934, Miss Lewis telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan supaya sekolah ini dibuka untuk kanak-kanak umum. Apabila dirujuk kepada pihak JKR Jabatan tersebut berpendapat bahawa bangunan sekolah itu terlalu tua untuk digunakan sebagai sekolah umum. Bangunan itu hanya boleh diduduki oleh 60 orang murid. Walau bagaimanapun Kerajaan mengambil keputusan memperluaskan sekolah itu dan membenarkan lebih

ramai lagi anak-anak pegawai lain memasuki sekolah itu.

Dalam masa Miss Lewis menjadi Guru Besar pertunjukan pentas yang disertai oleh para puteri telah diadakan. Pertunjukan pentas yang pertama dilakukan untuk umum dalam bulan November 1927. Mereka yang mengambil bahagian tidak lebih dari 14 tahun. Berbagai aktiviti lain juga diadakan. Beliau mengarturkan lawatan beramai untuk meluaskan pengetahuan dan pandangan ke tempat-tempat seperti Kilang Teh Bigia, Pejabat Cetak Kerajaan dan Kota Kuala Kedah.

Dalam tahun 1938 Miss Lewis bersara, digantikan oleh Miss Aikman, kemudian Miss Davies.

Sebelum perang murid yang begitu tekun dan gigih sekali belajar kerana berazam hendak jadi seorang Doktor ialah Cik Salma Ismail. Sungguhpun Darjah yang tinggi sekali ialah Darjah VI namun setelah dia lulus, secara persendirian dia terus mendapatkan bimbingan dalam mata-mata pelajaran tertentu dari Miss Lewis sehingga dia lulus Junior Cambridge dalam tahun 1933 dan Senior Cambridge dalam tahun berikut. Dalam tahun 1936 Cik Salma memasuki Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura dan lulus dalam tahun 1947. Beliau menempa sejarah sebagai wanita Melayu yang berjaya memperolehi kelayakan Doktor di seluruh Malaya pada waktu itu.

Selepas perang, Kerajaan membuka pintu KBGS sepenuhnya kepada segenap lapisan masyarakat dan semua kaum. Murid-murid yang menduduki Darjah VII ke atas terpaksa dihantar ke Sultan Abdul Hamid College untuk belajar bersama-sama murid-murid lelaki kerana kekurangan segala kemudahan yang perlu di KBGS.

Akhirnya sebuah sekolah baru dengan berasrama didirikan di Derga, dan dalam bulan Oktober 1956, sekolah itu pun dirasmikan sebagai Sekolah Menengah Sultanah Asma.

## BAHAGIAN II – PELAJARAN TINGGI

Sememangnya telah menjadi tujuan dasar Kerajaan Kedah bahawa dengan memulakan pendidikan Inggeris pada awal kurun ke 20 akan dapatlah melatih dan melayakkan ramai anak-anak negeri yang akan dapat menggantikan pegawai-pegawai British dalam segala bidang pentadbiran negeri pada satu masa kelak.

Adanya dasar ini disahkan oleh Tun Azmi bin Haji Mohamed dalam temubual dengan penulis baru-baru ini dan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra dalam bukunya LOOKING BACK. Berkata Tun Azmi: "Rancangan Tunku Sulong (Tunku Ibrahim Regent) ialah untuk melatih anak-anak negeri supaya boleh mengambil alih daripada pegawai-pegawai British". Berkata pula Tunku dalam bukunya yang tersebut: "It was Tunku Ibrahim who, as a matter of policy, started sending students to English schools in Penang and others to England".

Untuk menjayakan rancangan ini maka dikeluarkan biasiswa bukan sahaja kepada anak-anak kerabat Raja dan orang-orang besar tetapi juga anak-anak orang kebanyakan. YTM Tunku Yaacob dan YTM Tunku Abdul Rahman adalah di antara putera-putera Raja yang dihantar ke England dengan biasiswa Kerajaan. Keduanya lulus beberapa tahun kemudian dalam bidang-bidang berlainan – Tunku Yaacob dalam bidang pertanian sedang adindanya memperolehi ijazah Sarjana Muda Sastera dari Cambridge.

Di antara anak-anak orang kebanyakan pula, yang pertama sekali memenangi hadiah biasiswa Kerajaan Kedah ialah Dr. Mustapha bin Osman dalam tahun 1919. Dia dihantar belajar di Universiti Hongkong dan setelah lulus, memenangi pula Rockefeller Fellowship untuk melanjutkan pengajiannya di bidang Ilmu Kaji penyakit (Pathology) di United Kingdom. Setelah mendapat ijazah M.D. beliau mengajar

beberapa lama di Universiti Hongkong sebelum balik bekerja di Kedah dalam tahun 1930. Beliau bersara dalam tahun 1955 dan meninggal dalam tahun 1975 di Pulau Pinang.

Anak-anak orang kebanyakan lain termasuklah Tun Syed Sheh Barakbah yang dihadiah biasiswa dalam tahun 1924 dan Tun Azmi Haji Mohamed dalam tahun 1928. Kedua-duanya menuntut undang-undang di England dan mengakhiri perkhidmatan dengan Kerajaan Malaysia sebagai Ketua Hakim Negara. Banyak lagi yang dihantar belajar undang-undang di England. Mengikut Tun Azmi, Tunku Ibrahim Regent percaya pelajaran undang-undang penting sekiranya hendak melawan British secara perlembagaan.

Sungguhpun ramai yang diberi biasiswa untuk menuntut undang-undang di England namun bidang-bidang lain tidaklah diabaikan kerana kalau menurut rancangan yang tersebut Kedah mestilah mempunyai pegawai-pegawai yang cukup dalam segenap lapangan untuk mengambil alih dari pegawai-pegawai British kelak. Lapangan-lapangan lain yang tidak kurang dipentingkan ialah Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Letrik, Kejuruteraan Mekanikal, Perubatan, Sains Veterinaria, Ekonomi dan Perakaunan.

Tengku Mohd. Saad, Tan Sri Yusof Ibrahim dan Encik Abdul Hamid Abdullah adalah di antara beberapa orang jurutera yang lulus dari England. Tengku Mohd. Saad seorang saahajalah yang keluar sebagai Jurutera sebelum perang, tetapi sayangnya tidak berapa lama lepas dia mula bekerja dengan Kerajaan, dia meninggal dunia.

Yusof Ibrahim dan Abdul Hamid balik sebaik sahaja tamat perang, Hamid sebagai seorang Leftenan dalam Force 136 diturunkan dengan payung terjun dalam tahun 1945. Kedua-duanya masuk bekerja dengan JKR, tetapi setelah beberapa tahun Hamid terpaksa bersara awal kerana kesihatannya terganggu sedang Yusof terus



Gambar: Koleksi Dato Paduka Hj. Wan Ibrahim Dr. Mustapha Osman anak Melayu pertama menjadi ahli pathology (kaji penyakit).

meningkat hingga akhirnya dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan tersebut. Beliau merupakan pegawai Malayan yang pertama menggantikan pegawai bangsa Eropah yang bersara selepas Merdeka.

Dua orang lagi yang balik selepas perang ialah Tan Sri Johari Haji Daud dan Encik Long Osman. Johari yang mendapat MRCVS dari Edinburgh pun dilepaskan oleh Kerajaan Kedah untuk berkhidmat dengan kerajaan pusat (semasa itu masih lagi BMA), dan terus meningkat dalam Jabatan Veterinaria, akhirnya menjadi Ketua Pengarah Jabatan tersebut. Beliau pun merupakan seorang lagi anak tempatan yang pertama yang mengambil alih dari pegawai bangsa British selepas Merdeka. Long Osman dengan MA, LL. B dan Bar-at-Law masuk bekerja dengan Kerajaan Kedah, tetapi beliau pun terganggu kesihatan dan terpaksa berhenti setelah bekerja beberapa lama di Sekretariat.

Di antara pelajar-pelajar yang dihantar belajar Perubatan di Singapura sebelum perang ialah Salma Ismail, Abu Bakar Ibrahim (telah meninggal), Omar Din, Ahmad Haji Osman dan Ahmad Kadir. Kesemuanya masuk berkhidmat dengan Kerajaan apabila lulus. Kesemuanya berjaya dalam lapangan masing-masing – Dr. Salma sesudah bersara membuka praktik sendiri dengan mempunyai beberapa klinik di Kuala Lumpur; Datuk (Dr.) Abu Bakar (suami Dr. Salma) setelah bersara sebagai Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan pun turut berpraktik bersama dengan isterinya. Kedua-dua Datuk (Dr.) Omar Din dan Dato (Dr.) Haji Ahmad bin Haji Osman setelah berkhidmat beberapa lama memperoleh kelayakan tinggi sebagai pakar bidang Radiologi dan sekarang membuka praktik sendiri. Demikian juga dengan Dr. Ahmad Kadir, setelah bersara dari Kerajaan membuka praktik sendiri.

Dasar menghantar anak-anak Kedah untuk memperoleh pelajaran-pelajaran tinggi bukan sahaja terhad kepada orang-

orang Melayu sahaja. Sejak dari mula-mula lagi serentak dengan memberi biasiswa kepada anak-anak Melayu maka dihadiahkan juga oleh Kerajaan Kedah biasiswa untuk anak-anak Kedah dari keturunan bukan Melayu. Dr. Low Chin Seang dan Dr. Low Thean Loy adalah di antara mereka ini. Setelah dihadiahkan biasiswa dalam tahun-tahun dua puluhan, kedua-duanya menuntut Perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII, Singapura. Kedua-dua juga merupakan anak-anak Kedah yang pertama lulus dari Kolej tersebut. Dasar ini diteruskan hingga ke masa ini. Tiap kali dikeluarkan biasiswa Negeri adalah peruntukan bagi mereka bukan Melayu yang telah diperanakkan di Kedah.

Setelah tamat Perang Dunia Kedua, dalam tahun 1947/8 di antara orang-orang yang memenangi biasiswa Kerajaan Negeri ialah Dato Seri Dr. Mahathir Mohammad, Wan Daud Ibrahim, Aziz Ahmad, Hanafiah Hussein, Dr. Foo Chee Keow dan Dr. James Abraham. Mahathir dihantar ke Kolej Perubatan di Singapura sementara Foo Chee Keow telah diberi biasiswa untuk meneruskan pelajarannya di Universiti Hongkong. Wan Daud dan Aziz dihantar ke England untuk belajar kejuruteraan. Sayangnya kedua-dua meninggal setelah mencapai kedudukan yang tinggi dalam lapangan masing-masing.



Dr. Salma Ismail, Wanita Pertama Melayu  
Menjadi Doktor

Dalam lapangan pertanian pula, Tan Sri Mohamad Jamil telah diberi biasiswa sebelum perang tetapi pemergiannya terganggu apabila pecah perang. Walau bagaimanapun sebaik sahaja tamat perang itu beliau pun terus ke England, kemudian ke Trinidad dan Canada dan bila balik masuk bekerja dalam Jabatan Pertanian. Beliau pun merupa anak tempatan yang pertama mengambil alih dari pegawai bangsa British selepas Merdeka.

Hanafiah Hussein merupakan anak Melayu yang pertama mendapat kelayakan sebagai Chartered Accountant di seluruh Malaya semasa itu. Beliau dihadiahkan biasiswa dalam tahun 1948 untuk belajar Perakaunan di Universiti Victoria, Manchester, di mana setelah mendapat ijazah B. Com. terus belajar sehingga mendapat kelayakan A.C.A. (England & Wales). Beliau tidak lama bekerja dengan Kerajaan kerana tertarik ke lapangan politik. Sekarang menceburkan diri dalam lapangan perniagaan.

Dalam rangka dasar membawa kemajuan ke negeri sendiri, Kerajaan Kedah sejak zaman sebelum perang tidak kurang memberi kepentingan kepada pelajaran tinggi di lapangan agama Islam. Anak-anak muda yang berkelayakan dihantar ke Cairo untuk belajar di Universiti Azhar iaitu merupakan pusat pengajian Islam yang ulung di dunia Islam dan universiti yang tertua di seluruh dunia.

Di antara mereka yang dihantar ke sana ialah Sheikh Ismail, Sheikh Ramli dan Tunku Ahmad Tajuddin Haji (ketigatangan telah meninggal) dan Dato' Sheikh Abdul Halim Othman. Sheikh Halim berlepas dalam tahun 1927 dan berada di sana selama 10 tahun. Oleh kerana yang pergi dari sini tidak mempunyai kelayakan cukup untuk terus masuk ke universiti maka masing-masing terpaksa belajar peringkat menengah dulu. Mengikut keterangan beliau 5 tahun lamanya dia belajar di peringkat ini, dan di antara mata-



Dato Sheikh Abdul Halim Othman  
bekas Yang Dipertua Majlis Agama  
Islam Kedah.

mata pelajaran yang wajib ialah Kimia dan Matematik yang merupakan pelajaran yang sangat sukar diikuti kerana tidak diajar di sekolah-sekolah agama di Kedah masa itu.

Mengikut keterangan beliau juga, dasar Kerajaan Kedah menghantar pelajar-pelajar ke Mesir ialah "untuk menyediakan guru-guru agama yang berkelayakan tinggi dan mengisi jawatan-jawatan dalam Kerajaan Negeri." Beliau balik dalam tahun 1937 dengan ijazah dari Azhar langsung dilantik sebagai Mudir Ma'had Mahmud di Alor Setar. Di sini beliau banyak membuat perubahan yang sesuai dengan kehendak zaman, satu daripadanya ialah meninggikan taraf pelajaran di Ma'had sehingga seseorang pelajar yang lulus dari situ akan dapat terus masuk ke Universiti Azhar. Pada akhir perkhidmatannya beliau dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Negeri Kedah.

Dasar menghantar pelajar-pelajar di bidang Islam ke Mesir dan lain-lain tempat di Timur Tengah diteruskan oleh Kerajaan Kedah hingga ke hari ini.

### BAHAGIAN III- PENGANALISAAN DASAR DAN RANCANGAN

Bahawa adanya dasar untuk membanyakkan anak-anak negeri yang berpelajaran dan berkelayakan tinggi supaya Kedah tidak terpaksa bergantung kepada pegawai-pegawai dagang dari luar negeri sudahlah ternyata dari keterangan-keterangan yang disebut awal tadi.

Seperti yang diketahui, kalau ada dasar pun tidak bererti sekiranya tidak ada rancangan (program) yang boleh dilaksanakan untuk mencapai objektif dasar itu. Maka sia-sialah dasar itu.

Adalah sesuatu rancangan yang telah disusunkan oleh Kerajaan Negeri Kedah untuk menghasilkan dasarnya itu? Bagaimana dilaksanakannya, dan siapakah tokoh-tokoh yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan rancangan itu?

Kerana telah tidak menemui rekod-rekod bertulis (yang mungkin ada tersimpan dalam beratus fail dan dokumen yang sedang dipelihara di Arkib Negara atau di Sekretariat Kedah?) maka penulis hanya boleh cuba membuat penganalisaan dari berbagai tindakan dua orang tokoh yang dapat dikesan dari segala pembacaan dan temubual yang telah dapat dilakukan oleh penulis dalam membuat kajian ini. Dua orang tokoh yang dimaksudkan di sini ialah al-Marhum Tunku Ibrahim (Regent, mangkat tahun 1934) dan Allah Yarham Tuan Haji Mohd. Sheriff bin Osman ("Secretary to Government", meninggal 1960). Sedikit sebanyak latar-belakang mereka penting sekiranya kita hendak memahami tindakan yang dilakukan oleh tiap seorang.

Sebagai putera sulung al-Marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Tunku Ibrahim memainkan peranan penting dalam pentadbiran negeri terutama sekali apabila beliau dilantik sebagai Regent (Pemangku Raja) manakala ayahandanya lama dalam



Tunku Ibrahim, Regent of Kedah.

keadaan kegeringan. Menurut cerita YTM Tunku Abdul Rahman dalam bukunya LOOKING BACK, Tunku Ibrahim tidak mendapat peluang untuk belajar di luar negeri seperti kebanyakan adinda-adindanya. Pendidikan formal boleh dikatakan tidak ada langsung. Dia banyak belajar sendiri dari guru-guru yang dilantik mengajar di Istana. Beliau menulis Jawi, dan tulisannya sukar dibaca. Dalam pada itupun menurut Tunku lagi:

*"..... he became a good Regent..... He was a character who could never be surpassed. During his term as Regent, many developments took place. He made many changes for the better, and in consequence the finances of the State improved".*

Tunku Ibrahimlah yang mengambil keputusan menghantar murid-murid ke Pulau Pinang untuk mendapatkan pendidikan Inggeris dan lain-lain ke England (sebelum dibuka Government English School di Alor Setar).

*"The administration of the State, continued to be conducted in Malay, but qualification for entry into the State Civil Service was English. Sons of civil servants and Kedah aristocrats received posts after they acquired the right qualifications, which were either a pass in Junior Cambridge or Senior Cambridge".*

Berkenaan perwatakannya, Tunku Abdul Rahman mencerita:

*"Tunku Ibrahim was a 'terror' to members of the civil service, but with his wife he was a meek husband".*

Tunku Ibrahim seorang yang kuat perwatakannya, tegas lagi berani. Mengikut cerita Tunku Abdul Rahman lagi, beliau (Tunku Ibrahim) telah berbalah dengan Penasihat British kerana pihak British bercadang hendak membawa masuk pegawai-pegawai Melayu dari Negeri-Negeri Bersekutu (FMS) untuk membaiki perkhidmatan dalam negeri, dan juga atas



Sir Mohamad Sheriff bin Osman  
KOM., KBE., CMG.

cadangan hendak menarik Kedah masuk ke dalam "Customs Union" (yang berarti akan disatu dan disamakan pentadbiran kastam dan sistem kutipan cukai di seluruh Semenanjung).

Tunku Ibrahim menganggap kedua-dua cadangan ini sebagai satu musuhliat British untuk meluas dan menguatkan kuasanya di Negeri Kedah. Beliau pun menolak cadangan-cadangan itu sekeras-kerasnya walaupun digertak oleh pihak British dengan ugutan akan menggunakan kekerasan dan kekuatan tenteranya.

Kalau Tunku Ibrahim merupakan "Akitek Dasar", maka Tuan Haji Mohd. Sheriflah orang yang melaksanakan dasar itu mengikut caranya sendiri. Bukan setakat itu sahaja malah mengikut semua yang penulis telah bertembual. Haji Sheriff patut dikenang kerana usahanya mendapatkan peluang pelajaran tinggi yang lebih banyak untuk anak-anak orang kebanyakan. Sungguhpun sebelum ini ada orang-orang bukan dari kerabat Raja yang dihadihkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke England, namun mereka itu adalah dari golongan bangsawan atau "aristocrat" seperti kata Tunku Abdul Rahman. Hal ini ialah kerana beliau (Haji Sheriff) sendiri dari golongan orang kebanyakan. Bapanya, Allah Yarham Awang Osman bin Arshad berasal dari Kedah, tetapi dihantar oleh Kerajaan ke Pulau Pinang sebagai "Agent" untuk mengambil tahu harga barang-barang yang kena cukai kemudian melaporkan semua itu ke Alor Setar di samping menjadi "Warden" untuk menjaga putera-putera Raja dan anak-anak orang besar yang dihantar belajar di Penang Free School dan lain-lain.

Di sinilah Mohd. Sheriff serta kebanyakan adik-adiknya yang lain dilahirkan. Beliau besar dan bersekolah di Penang Free School sehingga Darjah VII. Tahun 1917 beliau balik ke Kedah dan memegang jawatan sebagai Penterjemah di Sekretariat.

Di sinilah dia bekerja dan mendapatkan banyak pengalaman yang berguna untuk masa depan. Setelah beberapa lama sebagai Penterjemah dinaikkan pangkat sebagai "Under Secretary" kemudian Pengarah Tanah dan akhirnya menjadi "Secretary to Government".

Mengikut cerita orang-orang yang telah ditembual, beliau seorang yang tidak banyak cakap, tidak banyak bergaul dengan sesama pegawai Kerajaan, bahkan dengan adik-beradiknya pun tidak begitu bermesra. Kerana itu dia disegani dan ditakuti orang. Sungguhpun pelajarannya setakat Darjah VII sahaja kerana dia banyak membaca bahasa Inggeris yang digunakan dalam pertuturan dan surat-menyurat adalah bahasa yang baik lagi tinggi. Sebagai pegawai yang memegang jawatan tertinggi dalam Kerajaan Negeri dia sahalah yang menulis minit-minit dan memo-memo rasmi dengan dakwat hijau.

Jarang dia melawat ke mana-mana tempat atau menjenguk ke pejabat-pejabat lain, tetapi menerusi segala laporan yang diterima tahu dia apa yang berlaku di seluruh negeri. Sebagai seorang ahli "State Council" yang dipengerusikan oleh Tunku Ibrahim dia dapat menolong membentuk dasar-dasar Kerajaan dan menjalankan pentadbiran negeri dengan sepenuh tanggungjawab kepada majlis tersebut.

Bagaimana dia telah melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu untuk membanyakkan anak-anak negeri yang berkelulusan tinggi untuk mengambil alih dari pegawai-pegawai British di satu masa kelak? Adakah sesuatu program yang dibuat untuk diikut?

Kerana tidak terjumpa dengan sebarang rekod bertulis walau pun sudah puas bertanya, maka bolehlah agaknya dibuat tafsiran dari segala tindakan dan cara yang dilakukan sesuatu tindakan oleh Haji Mohd. Sheriff.

Pertamanya, dari penentuan yang dibuat tentang bidang-bidang pelajaran

tinggi yang akan diikuti oleh mereka yang dihidiahkan biasiswa.

Kedua, cara dia membuat keputusan dalam menentukan siapa yang akan belajar apa di luar negeri, dan siapa yang akan masuk bekerja dalam Perkhidmatan Awam Negeri (KCS).

Berkenaan soal pertama, pembahagian kepada berbagai bidang ilmu dan ikhtisas — Perubatan, Undang-Undang, Kejuruteraan, Pertanian, Verterinaria, Perakaunan dan lain-lain — menunjukkan satu gambaran yang menepati dengan rancangan yang bertujuan hendak mengambil alih dari pegawai-pegawai British segala urusan pentadbiran negeri. Suatu "pattern" yang baik perseimbangannya, yang sekiranya sampai masanya, tentulah akan dapat mencapai objektif yang tertentu tanpa sebarang kesukaran.

Berkenaan soal kedua, mengikut kisah-kisah yang diceritakan oleh orang-orang yang ditemubual, apabila sampai sahaja keputusan peperiksaan Senior Cambridge dari London, Haji Sheriff pun meminta Penguasa Pelajaran menghantar senarai mereka yang lulus. Sesudah dia membuat keputusannya (mungkin setelah berunding dengan Tunku Ibrahim?) semua yang dipilih akan dipanggil ke pejabatnya untuk bertemu dengannya. Dengan tidak bertanya lagi Haji Sheriff pun memberi tahu: "Kamu (si polan), kamu akan pergi ke England belajar undang-undang". Sambil menunjuk kepada seorang lagi, "Kamu pula pergi ke Singapura belajar Perubatan". "Kamu pergi belajar ke sekolah Teknik di Kuala Lumpur". "Kamu masuk Kedah Civil Service". Semuanya ini dicakapkan dalam bahasa Ingeris dalam nada arahan, tanpa memberi kesempatan kepada orang lain untuk bertanya atau membantah.

Tidak siapa yang berani bertanya jangkakan hendak membantah. Kalau pegawai-pegawai Kerajaan pun gerun dengannya apatah lagi pula anak-anak muda yang baru keluar sekolah.

Demikianlah orang-orang seperti Dr. Abu Bakar, Johari Daud dan lain-lain yang disebutkan tadi ditentukan oleh Haji Sheriff apakah perkara yang akan dipelajari dan apakah sesuatu bidang pekerjaan yang dimasuki oleh seseorang.

Banyak orang yang ditemubual mengenai jasa baik Haji Sheriff membuat keputusan untuk mereka. Berkata Allah Yarham Datuk (Dr.) Abu Bakar, "Masa itu manalah saya tahu hendak berfikir sendiri apa yang patut saya belajar atau apa suatu bidang yang saya patut masuki. Boleh dapat kerja masa itu pun cukup rahmat". Apa yang dikatakan oleh Allah Yarham ini boleh dianggap mencerminkan pendapat orang-orang lain juga. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang lagi yang ditentukan oleh Haji Sheriff untuk mengikuti kursus Perubatan sedangkan dia sendiri berhasrat hendak belajar undang-undang.

Bagi Encik Hanafiah Hussein, Chartered Accountant, yang dikenangkan sekali ialah bagaimana Haji Mohd. Sheriff memutuskan supaya diberi biasiswa kepadanya untuk belajar Perakaunan di England. Berkata dia "Saya dari keluarga orang miskin, lagi pula masyarakat orang Aceh. Kerana itu ada orang-orang tertentu di Sekretariat yang tak suka saya mendapat biasiswa, tetapi Haji Sherifflah yang memutuskan 'over their objections'."

Demikianlah dua orang tokoh yang telah membina asas-asas yang kuat untuk segala kemajuan dan pembangunan bagi negeri Kedah khasnya dan negara Malaysia umumnya.

Pada hemat penulis, para pensejarah patutlah cuba membuat kajian lagi tentang "perjuangan" dua orang yang sangat "remarkable" dan mempunyai pandangan begitu jauh walau pun tidak berpelajaran tinggi.

Apabila berlaku perubahan politik dan dengan munculnya Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1948 Kedah pun

turut masuk sebagai salah sebuah negeri dalam "ikatan" baru. Semangat kedaerahan atau kenegerian digantikan dengan semangat kebangsaan (nasionalisme) Malaya.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, maka orang-orang yang telah diberi pelajaran tinggi oleh dua orang tokoh inilah yang didapati boleh mengisi segala jawatan-jawatan tinggi yang dikosongkan oleh pegawai-pegawai British yang bersara.

Kalau dipandang dari satu segi, hal ini merupakan satu kerugian kepada Kedah dan keuntungan bagi Kerajaan Pusat, tetapi dari satu segi lain pula boleh kita mengambil pandangan bahawa objektif yang dipelupori oleh dua tokoh ini walau pun tidak tercapai bagi negeri Kedah akan tetapi telah dapat dijayakan dalam konteks kenegaraan yang memberi manfaat kepada semua.

#### BIBLIOGRAFI:

1. "Kedah Dari Sejarah" Jilid 7, Julai 1976, terbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.
2. Majalah "The Gate" No. 7, 1956 terbitan Persatuan Sejarah SAHC.
3. Essei berkenaan Sekolah Menengah St. Michael, karangan Mohd. Mazlan bin Sharudin, Tahun III - 1978/79, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
4. Karangan "Sejarah Sekolah Menengah Sultanah Asma, 1922-74" (dipinjam dari Guru Besar sekolah tersebut).
5. Buku Cenderamata Jubli Intan Sekolah Menengah Ibrahim dan "Sekolah Menengah Ibrahim, Sungai Petani, Kedah 1919-1979" (dengan ihsan Guru Besarnya, Tuan Haji Yahaya bin Haji Awang).
6. Buku "Looking Back" karangan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
7. Buku Cenderamata "Sultan Abdul Hamid College Dalam Kenangan" dikeluarkan oleh SAHOCA (Kuala Lumpur dan Selangor), 1981.
8. Temu-temubual dengan:
  - i. Tun Azmi bin Haji Mohamed di Kuala Lumpur (November 1981)
  - ii. Dato' Shuaib Osman di Alor Setar, Kedah (November 1981).
  - iii. Dato' Sheikh Abdul Halim Osman di rumahnya di Petaling Jaya (Oktober 1981).
  - iv. Dato' James F. Augustin di Sungai Petani (1980 & 1981).
  - v. Datin (Dr.) Salma Ismail di Kuala Lumpur (Oktober 1981).
  - vi. Puan Hajjah Tom binti Dato' Abdul Razak di rumahnya di Petaling Jaya (Oktober 1981).
  - vii. Encik Hanafiah Hussein (menerusi telefon, November 1981).
  - viii. Encik Abdul Hamid Abdullah di rumahnya di Alor Setar (1979).
  - ix. Encik Long Osman di rumahnya di Alor Setar (1979).
  - x. Mending Lee Ewe Boon di rumahnya di Alor Setar (1979).




# Sejarah Maktab Mahmud

Halimah Desa

*Dipetik dari Beberapa Aspek Sejarah Negeri Kedah,  
Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1983*

*'Maktab Mahmud dapatlah dikatakan telah berkembang maju sebagai sebuah institusi pengajian untuk memelihara dan mengembangkan serta meluaskan pengetahuan agama Islam dan Bahasa Arab'.*



Bangunan Maktab Mahmud  
(Muzium Negeri Kedah)



Madrasah Hamidiah, Jalan Limbong Kapal  
(Muzium Negeri Kedah)

#### Asas Penubuhan

Disebabkan asas perkembangan agama Islam di negeri Kedah bermula di istana, maka tidaklah merupakan satu perkara yang aneh jika kita dapati kebanyakan daripada raja-raja memainkan peranan penting mengembangkan agama. Di istana, tiap-tiap seorang putera-puteri terutamanya bakal pengganti raja diasuh dan didik dengan bersungguh-sungguh dalam hal-hal agama. Berikutan dari itulah didapati beberapa dari raja dapat dianggap "alim dan warak", contohnya Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin, Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Halim Syah, Yang Maha Mulia Tengku Mahmud (Regen) dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Badlishah.

Di Kedah ajaran agama Islam telah berkembang dengan pesatnya pada masa pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Syah. Pada masa kegemilangan inilah munculnya seorang tokoh agama yang terkenal iaitu Haji Wan Sulaiman b. Wan Sidek, seorang guru agama diraja yang amat terkenal. Beliau kemudiannya telah menjadi seorang syeikh ul-Islam Kerajaan Kedah. Beliaulah yang bersungguh-sungguh dalam memperkembangkan ajaran agama Islam di Kedah. Pada tahun 1920 beliau telah berusaha mendirikan sebuah madrasah di Jalan Limbong Kapal untuk memajukan pelajaran agama Islam. Madrasah ini dikenal sebagai "Madrasah Hamidiah"<sup>1</sup> sebagai mengambil sempena nama Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Syah (pemerintah pada ketika itu).



Haji Wan Sulaiman b. Wan Sidek  
Sheikh ul-Islam Kedah  
Ihsan: Puan Wan Rahmah Hj. Wan Sulaiman

Tetapi madrasah ini lebih popular dengan panggilan "Madrasah Pak Wan Sulaiman" atau "Sekolah Arab Limbong Kapal". Sebenarnya madrasah ini ialah rumah wakaf yang didirikan oleh Hj. Wan Sulaiman Wan Sidek, khusus untuk bakal haji singgah atau bermalam sebelum bertolak ke Pulau Pinang untuk menuju ke Mekah.

Dalam jangkamasa 16 tahun selepas diasaskan, madrasah ini telah menunjukkan satu kejayaan yang cemerlang terutama dalam usahanya memberi pelajaran agama dan bahasa Arab. Kejayaan yang dicapai oleh pihak madrasah ini telah mendorong kemasukan lebih ramai penuntut ke madrasah ini. Akhirnya madrasah ini telah menjadi tumpuan istimewa penuntut dari utara Semenanjung. Dari madrasah ini jugalah telah muncul beberapa orang tokoh agama, kadi dan guru agama yang terkenal di Kedah. Pada peringkat awal, pengajian yang disediakan hanya sampai ke darjah lima sahaja.

Usaha-usaha memajukan madrasah ini dijalankan dengan lebih giat lagi pada masa pemerintahan Almarhum Tengku Mahmud Ibn Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin (yang pada ketika itu menjadi Pemangku atau Regen Kedah). Baginda merupakan salah seorang yang menitikberatkan atau mengambil perhatian terhadap perkembangan Madrasah Hamidah ini. Beberapa usaha telah dijalankan bagi memajukan pelajaran agama Islam dan bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi. Disebabkan oleh minat dan perhatian baginda yang mendalam terhadap perkembangan madrasah ini maka baginda telah merancang untuk mendirikan sebuah sekolah (madrasah) yang lebih baik atau sempurna.

Ini terbukti apabila sebuah sekolah didirikan di Simpang Kuala, Alor Setar (kira-kira 3 kilometer daripada pekan Alor Setar sekarang ini) pada tahun 1355 Hijrah bersamaan dengan 1936 Masihi. Sekolah inilah yang dikenal sebagai Al-Ma'hadil

Mahmud atau Maktab Mahmud, mengambil sempena nama Almarhum Tengku Mahmud. Tetapi bagi penduduk-penduduk di Kedah khususnya di sekitar bandar Alor Setar sekolah ini lebih dikenali dengan nama Ma'had atau Sekolah Sultan kerana sudah menjadi suatu kebiasaan hanya Sultan atau wakilnya sahaja yang boleh menyampaikan sijil-sijil kelulusan Maktab ini kepada para penuntut. Wakil-wakil juga mestilah yang dilantik oleh Sultan.

#### Syarat-syarat Masuk Ke Maktab

Penuntut-penuntut yang ingin menuntut di maktab ini dikehendaki membuat permohonan dengan mengisi satu borang khas yang dikeluarkan oleh pihak Maktab ini. Calon-calon atau pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 13 tahun 6 bulan. Calon-calon juga mestilah lulus darjah lima atau darjah enam sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan dan boleh membaca Quran. Calon-calon yang telah mengisi borang ini akan dipanggil temuduga oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dilantik khas oleh Lembaga Maktab bagi menentukan samada mereka (calon-calon) berjaya atau tidak bagi memasuki Maktab tersebut.

#### Dasar Pelajaran Maktab Mahmud

Pelajaran dijalankan pada pukul 8.00 pagi sehingga pukul 12.46 petang,<sup>2</sup> iaitu enam hari dalam seminggu. Pada peringkat awal, pelajaran yang diberikan merupakan pelajaran tentang agama Islam dan bahasa Arab sahaja. Bahasa pengantar yang digunakan ialah bahasa Arab. Ini berseesuaian dengan dasar Maktab tersebut yang cuba berjuang untuk memelihara dan mengembang serta memperluaskan lagi pengetahuan agama Islam kepada penuntut-penuntut bagi membolehkan mereka mendalam Islam di peringkat yang lebih tinggi.

Tetapi mulai tahun 1962, dasar

pelajaran Maktab ini telah berubah. Ini adalah sebagai ikutan daripada berlakunya perubahan pada dasar pelajaran negeri. Mulai daripada tarikh ini, pihak Maktab Mahmud tidak lagi cuba menumpukan sepenuhnya perhatian kepada memberi pelajaran agama dan bahasa Arab sahaja. Sebaliknya diperluaskan lagi bidang pengajiannya meliputi bidang pelajaran akademik berdasarkan sukatan pelajaran yang diluluskan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Guru-guru yang mengajar mata-pelajaran akademik ini dipinjamkan oleh pihak Kementerian Pelajaran. (Pelajaran akademik yang dimaksudkan ialah Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Sejarah dan Ilmu Kejadian (nature Study). Tujuan dimasukkan matapelajaran akademik ini ialah untuk membolehkan para pelajar menduduki Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam bahasa pengantar Melayu.

Dengan cara ini dapat memberi peluag kepada mereka untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Sebagai contoh, dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran tahun 1967, seramai 88 orang pelajar telah menduduki peperiksaan tersebut; 56 orang telah mendapat pangkat A, 2 orang pangkat B dan 30 orang pangkat C. Peratus kelulusan ialah 66%.

Semenjak dibuka sehinggalah tahun 1967 semua pelajar pada tahun akhir dimestikan menduduki satu peperiksaan khas yang dikenal sebagai Peperiksaan Sijil Maktab Mahmud. Sijil ini diakui oleh Kerajaan Negeri Kedah, Universiti Azhar dan beberapa buah Universiti lagi di Timur Tengah. Satu keistimewaan kepada mereka yang memiliki Sijil Maktab Mahmud ini ialah mereka dibenarkan memasuki kelas persediaan (pra-universiti) terutamanya bagi mereka yang ingin membuat ijazah dalam bidang Perundangan Islam serta Bahasa dan Kesusasteraan Arab. Peperiksaan Sijil Maktab Mahmud ini juga dibuka kepada calon-calon luar persendirian (dari

lain-lain sekolah agama).

Tetapi mulai tahun 1968, Peperiksaan Sijil Maktab Mahmud ini tidak lagi diadakan untuk pelajar-pelajar pada tahun akhir. Ini adalah kerana pelajar-pelajar tersebut (iaitu pelajar tingkatan lima) terpaksa menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang telah mula dijalankan di Maktab tersebut bersesuaian dengan dasar pelajaran yang dijalankan di Kolej Islam.

Pada tahun 1969, pihak Maktab membuat rancangan untuk mengadakan kelas Tingkatan Enam. Tujuannya ialah untuk membolehkan pelajar mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran (STP) dengan mengikut sukatan pelajaran yang dijalankan di Kolej Islam. Matapelajaran yang dicadangkan ialah Pengetahuan Agama Islam, (Syariah dan Usuluddin), bahasa Arab, bahasa Melayu, bahasa Inggeris Khas, Ekonomi dan Sejarah. Hanya pelajar-pelajar yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia dan lulus matapelajaran Pengetahuan Agama Islam dan bahasa Arab (kertasnya disediakan oleh pihak Maktab ini) sahaja yang akan diterima masuk ke Tingkatan Enam.

Perubahan ini terpaksa dilakukan berikutan daripada berlakunya perubahan yang dasar pelajaran Kolej Islam pada tahun 1970. Mengikut dasar pelajaran yang dijalankan di Kolej Islam, pelajar-pelajar yang hendak memasuki Kolej tersebut mestilah memiliki Sijil Tinggi Pelajaran (STP). Pada kebiasaannya, kelas Tingkatan Enam ini dijalankan dalam jangkamasa dua tahun iaitu pada peringkat Tingkatan Enam Rendah dan Tingkatan Enam Atas. Pada tahun pertama (Enam Rendah) pelajar-pelajar adalah digalakkan mengambil Peperiksaan Sijil Maktab Mahmud kerana sijil ini membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di Timur Tengah. Matapelajaran untuk Sijil Maktab Mahmud diajar bersaing (serentak) dengan matapelajaran untuk Sijil Tinggi

Persekolahan. Apa yang membezakan kedua ini ialah Sijil Maktab Mahmud mesti dijawab dalam bahasa Arab sedangkan Sijil Tinggi Persekolahan pula dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Pelajar-pelajar di Maktab ini diberikan masa selama dua tahun bagi menduduki satu-satu darjah atau kelas sekiranya mereka gagal dalam peperiksaan tahun pertama dalam satu-satu darjah. Peperiksaan naik darjah diadakan pada tiap-tiap tahun; hanya pelajar-pelajar di Tingkatan Tiga dan Lima sahaja tidak mengambil peperiksaan ini kerana mereka ini dinaikkan darjah berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia.

#### Matapelajaran Yang Diajar

1. Peringkat Persediaan
  - i. Pengetahuan Agama Islam — diajar dalam Bahasa Arab.
  - ii. Bahasa Arab
  - iii. Matapelajaran Akademik — Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Bahasa Inggeris dan Sejarah.
2. Peringkat Menengah Rendah
  - i. Pengetahuan Agama Islam — dalam Bahasa Arab
  - ii. Bahasa Arab
  - iii. Matapelajaran Akademik Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sejarah, Ilmu Alam, Ilmu Hisab dan Sains (permulaan).
3. Peringkat Menengah Tinggi
  - i. Pengetahuan Agama Islam dalam Bahasa Arab.
  - ii. Bahasa Arab
  - iii. Matapelajaran Akademik — Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sastera, Sejarah, Ilmu Alam dan Ilmu Hisab.

#### Kakitangan (Staff) Atau Tenaga Pengajar

Dengan pengenalan dasar pelajaran yang baru pada tahun 1962, pihak Maktab memerlukan perkhidmatan guru-guru yang

ramai bagi mengajar matapelajaran Akademik — Secular Subject. Masalah guru ini dapat diatasi dengan adanya kerjasama dari pihak Kementerian Pelajaran, di mana lima orang guru terlatih telah dihantar untuk memenuhi keperluan tersebut.<sup>3</sup> Pada tahun 1970 pula seorang guru berijazah telah dihantar ke maktab ini untuk mengajar matapelajaran Ekonomi. Juga untuk mengatasi masalah kekurangan guru ini, pihak maktab telah mengambil guru-guru sementara — dengan cara ini dapatlah pihak Maktab mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar buat sementara waktu.

Guru-guru untuk mengajar matapelajaran Agama Islam dan bahasa Arab merupakan lepasan dari Universiti Al-Azhar dan berbagai madrasah terkemuka yang terdapat di negara ini. Misalnya pada tahun 1956 terdapat 16 orang guru bahasa Arab (termasuk pelajaran Agama). Sementara pada tahun 1970 terdapat 11 orang guru lepasan dari Universiti Al-Azhar dan 10 orang guru lepasan Sekolah Tinggi (Institusi Pengajian Tinggi), contohnya Universiti Kebangsaan, Kolej Islam dan lain-lain. Pada tahun 1973 pula seorang guru Ilmu Hisab (Berijazah) dari Indonesia dan seorang lepasan Universiti Al-Azhar dengan Ijazah Sarjana telah dihantar untuk berkhidmat di Maktab ini.

#### Pentadbiran Maktab Mahmud

Dari mula diasaskan sehinggalah tahun 1961, Maktab ini ditadbir oleh satu Jawatankuasa Penasihat yang dilantik dengan diperkenan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Menteri Besar dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat tersebut, sementara guru besar dilantik sebagai Setiausaha. Lain-lain ahli jawatankuasa Penasihat itu terdiri daripada daripada Syeikh ul-Islam dan orang-orang yang terkenal dalam Jawatankuasa Penasihat tersebut. Pada keseluruhannya Jawatankuasa Penasihat ini terdiri daripada enam orang ahli. Kuasa pentadbiran Jawatankuasa Penasihat



Dato' Sheikh Abd. Halim Hj. Othman



Dato' Paduka Hj. Abd. Majid Mohd. Noor Bekas Guru Besar Maktab Mahmud. Sekarang menjadi Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Kedah dan menjadi bekas Yang Dipertua Majlis Agama Islam Kedah.

ini terletak di bawah kuasa Pejabat Hal-Ehwal Agama Islam Kedah.

Dari tahun 1961, telah diwujudkan "Jawatankuasa Tertinggi" bagi mengendalikan hal-hal kebajikan Maktab ini; ahlinya terdiri daripada 9 orang. Pengerusinya adalah dipilih oleh Sultan sendiri dengan nasihat State Council. Lain-lain ahlinya adalah wakil-wakil yang dihantar oleh Kementerian Pelajaran, Majlis Agama Negeri dan dua orang bekas penuntut Maktab ini.

Pada 25 Mac 1967, Majlis Undangan Negeri telah meluluskan satu enakmen Maktab Mahmud yang dengan bersyarat telah berjanji untuk mengadakan:

*.....suatu pertubuhan dan Perbadanan Lembaga yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan kuasa bagi memperolehi dan memegang harta yang boleh berpindah dan tidak boleh berpindah dan melepaskan atau dengan jalan lain-lain membuat apa-apa berkenaan dengannya.<sup>4</sup>*

Dengan enakmen ini Jawatankuasa Penasihat telah dimansuhkan (1968) dan sebagai gantinya telah ditubuhkan satu Lembaga Pengurus dan ahlinya juga dilantik dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Lembaga ini terdiri daripada 8 orang ahli. Menteri Besar dilantik sebagai Pengerusi dan Guru Besar sebagai Setiausaha. Ahli-ahlinya yang pertama ialah:-

1. Dato' Sheikh Abdul Halim Hj. Othman, DPMK, BCK. – Pengerusi
2. Yang Berhormat Tuan Hj. Ali Hj. Ismail, JMN, SMK, PJK, JP.
3. Yang Berhormat Tuan Hj. Laidin Abdul Manan, JP.
4. Tuan Hj. Ahmad Hj. Abdullah, AMN, JP.
5. Tuan Hj. Mansor Hj. Chik, PJK.
6. Tengku Burhanuddin Tengku Yahya
7. Tuan Abdullah Mahmud, PJK.
8. Dato' Sheikh Abd. Majid Mohd. Noor

Dengan berlakunya perubahan ini menjadi kedudukan pentadbiran Maktab Mahmud itu juga turut berubah. Mulai tahun 1968 Maktab Mahmud telah menjadi sekolah-olah sebuah institusi swasta; semua pentadbirannya samada dalam hal-hal kewangan atau pelajaran adalah diuruskan sendiri dengan tidak melalui Jabatan Agama Islam Negeri Kedah lagi. Sedangkan pada masa-masa lepas ia merupakan sebahagian daripada Jabatan Tadbir Negeri Kedah. Mulai tarikh perubahan itu (1968) segala masalah kewangannya dibentangkan berasingan daripada Jabatan Agama Islam Negeri Kedah dalam Dewan Undangan Negeri; ia diserahkan terus kepada badan tadbir Lembaga Maktab.

#### Sumber Kewangan

Dari semenjak mula diasaskan perbelanjaan maktab ini dibiayai oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah (Tithe Department). Kemudian ia telah mendapat bantuan bersama Jabatan Zakat dan pihak Kerajaan Kedah. Tetapi mulai tahun 1956 hinggalah sekarang, segala perbelanjaannya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Misalnya pada tahun 1957 sahaja Kerajaan Negeri telah memberi bantuan kewangan berjumlah lebih kurang \$52,528.00<sup>5</sup> sedangkan Jabatan Zakat pula telah memberi bantuan berjumlah lebih kurang \$6,000.00 pada tahun 1958. Sejumlah besar daripada wang-wang ini digunakan untuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar yang berjaya dalam peperiksaan, juga digunakan sebagai biasiswa untuk pelajar di Tingkatan Enam. Pihak Kementerian Pelajaran negeri juga turut memberi sumbangan kewangan, misalnya pada tahun 1967 pihak Kementerian Pelajaran telah memberi sumbangan berjumlah lebih kurang \$12,584.00.<sup>6</sup>

Satu keistimewaan di Maktab ini ialah pelajar-pelajarnya tidak dikenakan apa-apa bayaran persekolahan (yuran sekolah). Sebaliknya mereka hanya dikenakan yuran

tahunan yang agak kecil jumlahnya. Yuran ini digunakan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan seperti sukan, perpustakaan, persatuan seperti persuratan, kebudayaan dan lain-lain kegiatan. Bayaran yang dikenakan ialah \$2.00 setahun bagi tiap-tiap orang. Walau bagaimanapun jumlah bayaran ini akan berubah mengikut tambahan jenis-jenis pergerakan.

Selain daripada tapaknya (tanah), Maktab ini juga memiliki tanah sawah seluas lebih kurang 124 relong (lebih kurang 83 ekar) yang dikenal sebagai "tanah wakaf". Tanah wakaf ini merupakan hasil daripada derma atau hadiah beberapa orang dermawan dan ada juga yang telah dibeli sendiri oleh pihak Maktab ini. Antara dermawan-dermawan yang telah bermurah hati mendermakan tanah itu ialah:

- i. Almarhum Puan Gayah bt. Mohd. Yusof (isteri kepada Encik Laidin) — seluas 68 relong — lebih kurang 44 ekar, terletak di Jitra, 16 kilometer dari Alor Setar.
- ii. Tengku Mohd. Jiwa Ibn. Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Syah — seluas 8 relong, lebih kurang 7 ekar, di Teluk Chengai, 5 kilometer dari Alor Setar.
- iii. Haji Kassim bin Mohd. Hashim seluas 200 jemba, terletak di Simpang Kuala.

Hasil daripada sewaan tanah wakaf inilah digunakan untuk membeli tanah seterusnya. Misalnya Maktab Mahmud telah membeli tanah seluas 15 relong (10 ekar) di Megat Dewa, 10 relong (7 ekar) di Lana Bulu, 16 relong (11 ekar) di Jerlun dan 6 relong (4 ekar) di Padang Hang. Pada tahun 1957 sahaja dianggarkan jumlah sewaan yang diperolehi daripada tanah wakaf ini berjumlah lebih kurang \$22,177.00.

## Biasiswa dan Bantuan Kewangan

Dari semasa ke semasa Maktab ini cuba mengeluarkan bantuan (biasiswa) kepada pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran mereka ke universiti-universiti di Timur Tengah. Pelajar pertama yang telah ditawarkan biasiswa oleh pihak Maktab Mahmud untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah ialah Encik Abdul Majid Mohd. Noor (bekas guru besar Maktab Mahmud yang lepas dan Presiden Majlis Perundangan Agama (Council for Religious Affair, Kedah). Beliau telah berlepas ke Kahirah pada tahun 1950.

Wang untuk pemberian biasiswa ini diperolehi daripada hasil sewaan tanah wakaf Cik Gayah. Pada tahun 1952 seramai 4 orang pelajar telah ditawarkan bantuan oleh pihak Maktab Mahmud untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Usaha-usaha memberi bantuan kepada penuntut ini masih diteruskan hingga sekarang, terutamanya untuk faedah pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke Kahirah dan lain-lain universiti di Timur Tengah. Pada tahun 1971 pula beberapa orang guru dari Maktab ini telah berpeluang melanjutkan pelajaran ke beberapa buah universiti tempatan, seperti Universiti Malaya. Mereka ini telah diberi separuh gaji oleh pihak Maktab Mahmud.

Maktab Mahmud juga mengeluarkan bantuan kewangan yang dapat dikatakan sebagai hadiah kepada pelajar-pelajar yang berjaya dalam peperiksaan. Misalnya pada 1971, seramai 11 orang pelajar telah diberi bantuan kewangan berjumlah \$20.00 sebulan tiap-tiap orang. Di samping memberi bantuan kewangan, pihak Maktab ini juga mengeluarkan bantuan berupa buku teks. Biasanya bantuan buku teks ini hanya diberikan kepada pelajar-pelajar di Tingkatan Enam. Wang untuk mengeluarkan bantuan ini juga diperolehi dari Pejabat Zakat dan hasil sewaan tanah wakaf.

## Kejayaan Yang Dicapai

Di Kedah, Maktab Mahmud dapatlah dikatakan telah berkembang maju sebagai sebuah institusi pengajian untuk:-

*.....memelihara dan mengembangkan serta memperluaskan pengetahuan agama Islam dan bahasa Arab.....?*

Bagi mencapai matlamat di atas, dapatlah dikatakan bahawa Maktab Mahmud telah memperolehi kejayaan yang agak cemerlang juga. Dalam masa yang singkat sahaja Maktab ini telah berjaya mengeluarkan sejumlah guru agama yang berkebolehan (samada peringkat rendah atau menengah malah ada di antaranya yang berkhidmat di sekolah-sekolah swasta) serta kadi dan pegawai-pegawai yang bertugas di Jabatan Majlis Agama. Misalnya pada tahun 1951 seramai 41 orang pelajar berjaya mendapat Syahadah Nihaiyah, 12 orang daripadanya telah berkhidmat sebagai guru agama di sekolah rendah, 6 orang sebagai guru agama di sekolah rendah, 6 orang sebagai guru agama di Maktab Mahmud sendiri dan 4 orang telah dilantik sebagai kadi.<sup>8</sup> Didapati kebanyakan guru agama khususnya di Kedah adalah bekas penuntut Maktab Mahmud.

Kepercayaan daripada lepasan Maktab ini ada juga yang berkhidmat di Jabatan Agama iaitu dapat dikatakan dari peringkat pegawai hinggalah peringkat yang rendah iaitu Kerani. Ketua Bahagian Pendaftaran Sekolah-sekolah Agama Kedah adalah juga bekas penuntut Maktab ini. Juga terdapat beberapa orang kadi di beberapa daerah di Kedah yang merupakan lepasan Maktab ini yang telah melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di Timur Tengah, kebanyakannya di Universiti Al-Azhar di Kahirah.

Terdapat juga beberapa orang lepasan Maktab ini yang bekerja mendapatkan kelulusan tinggi. Dua orang antaranya agak terkenal ialah Dr. Abdul Halim b. Ismail

(pernah menjadi Ketua Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Dr. Mohd. Zain b. Othman (Professor Madya di Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya). Sheikh Fadhil b. Mohd. Noor, yang pernah berkhidmat dengan Universiti Teknologi Malaysia, adalah seorang penuntut pertama Maktab Mahmud yang telah berjaya menamatkan pengajian Qismul 'Ali — peringkat tertiary (kursus 4 tahun selepas Syahadah Nihaiyah) yang dimulakan pada 19 Februari 1955. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Universiti Al-Azhar.

Dengan perasmian Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan maka seorang Mufti bagi wilayah tersebut telah dilantik. Mufti yang pertama ialah Sheikh Mohsein b. Hj. Salleh; beliau juga merupakan seorang bekas penuntut Maktab Mahmud. Sebelum itu beliau bertugas sebagai Mufti di Perak. Selain daripada itu Sheikh Salleh b. Md. Piah, Kadi Besar Singapura, juga seorang lepasan Maktab ini. Terdapat ramai lagi bekas pelajar Maktab ini yang berkhidmat dalam berbagai Jabatan seperti Jabatan Lembaga Jemaah Haji (sekarang dikenal sebagai Lembaga Tabung Haji), Kementerian Pelajaran, Radio dan Televisyen Malaysia,<sup>9</sup> Pasukan Polis, Tentera dan akhbar.<sup>10</sup> Sebagai kesimpulannya dapatlah kita katakan lepasan Maktab Mahmud terlibat dalam segala kegiatan hidup. Di samping itu Maktab ini berjaya mengeluarkan beberapa orang pelajar yang bergiat dalam bidang penulisan, misalnya, Dinsman seorang dramatis yang agak terkenal pada masa ini.<sup>11</sup>

Di Kedah dalam memenuhi jawatan penghulu, pelajar-pelajar Maktab Mahmud diberi keutamaan. Kelayakan yang diperlukan bagi seorang penghulu ialah Sijil Pelajaran Malaysia. Soal budi pekerti dan kesalahan juga dipertimbangkan. Pelajar Maktab Mahmud didapati memenuhi syarat-syarat tersebut. Kesalahan dan budi pekerti adalah penting bagi memudahkan wujudnya hubungan baik antara penghulu dan masyarakat kampung. Adalah menjadi

kebiasaan bagi seorang penghulu itu bersama dengan orang kampungnya bersembahyang Jemaah dan mereka juga memainkan peranan penting dalam upacara perkahwinan dan kegiatan masyarakat lain. Kemampuan mereka (penghulu) dalam kegiatan-kegiatan tersebut menambah lagi penghormatan masyarakat terhadap mereka.

Dalam bidang politik, keterlibatan mereka adalah amat kurang sekali;<sup>12</sup> misalnya, dalam Dewan Undangan Negeri terdapat hanya dua orang bekas penuntut Maktab Mahmud di dalamnya.<sup>13</sup>

Dengan penjelasan di atas dapatlah kita katakan Maktab ini telah berjaya mencapai matlamat asasnya iaitu memajukan pengajian agama Islam dan bahasa Arab. Dengan itu dapatlah dikatakan Maktab ini berfungsi sebagai kolej persediaan kepada penuntut-penuntut yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (peringkat tertiary) melalui bahasa pengantar Arab bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran seterusnya ke Kolej Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Al-Azhar dan universiti lain di Timur Tengah.

Sejauh manakah Maktab Mahmud telah berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang berkebolehan dalam pelajaran kebangsaan. Ini dapat dijelaskan dengan melihat kepada peratus kelulusan yang dicapai dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia. Dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran bagi tahun 1967, 1968 dan 1969, peratus kelulusan yang dicapai ialah 66%, 64% dan 81%, sedangkan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pula bagi tahun 1968, peratus kelulusan yang dicapai ialah 75.9% dan bagi tahun 1969 menurun sedikit iaitu 57%. Walaupun dengan peratus kelulusan yang diberikan sudah cukup bagi membuktikan yang Maktab Mahmud tidaklah mencapai kejayaan yang dapat dibanggakan, memandangkan bahawa pelajar-pelajarnya terpaksa belajar dalam tiga bahasa serentak (Inggeris, Bahasa Malaysia dan Arab), maka

sepatutnya Maktab Mahmud itu dianggap sudah agak berjaya dalam mencapai matlamat keduanya; menghasilkan pelajar-pelajar yang berkebolehan dalam bidang akademik.

Pada tahun 1969, empat orang pelajar Maktab ini yang telah lulus Sijil Pelajaran Malaysia telah terpilih melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra (sebuah sekolah yang terkenal pada masa itu — sekarang salah sebuah sekolah berasrama penuh). Pada tahun 1970 pula, seramai 24 orang pelajar telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam di Kolej Islam dan seorang terpilih melanjutkan pelajaran ke Maktab Pertanian Serdang (sekarang Universiti Pertanian Malaysia).<sup>14</sup>

Juga didapati hingga sekarang, ramai daripada lepasan-lepasan Maktab Mahmud melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah yang lebih baik atau terkenal. Apa yang jelas ramai daripada mereka ini melanjutkan pelajaran ke Kolej Islam selepas menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia di Maktab ini. Ini adalah kerana sistem pelajaran Maktab Mahmud selaras dengan sistem pelajaran Kolej Islam.<sup>15</sup> Sekali pandang, langkah menghantar pelajar-pelajar yang berjaya ke sekolah-sekolah yang lebih baik merugikan Maktab ini sendiri kerana pelajar yang tinggal, yang meneruskan pelajaran dalam tingkatan empat atau enam di Maktab ini merupakan pelajar yang kurang berjaya. Namun demikian Maktab ini masih berjaya atau berkemampuan mengeluarkan penuntut-penuntut yang berjaya dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia. Ini terbukti berdasarkan peratus kejayaan yang dicapai dalam peperiksaan tersebut yang telah dijelaskan sebelum ini.

Pada tiap-tiap tahun, sekurang-kurangnya 10 orang daripada pelajar tingkatan enam (lebih kurang 10% daripada jumlah pelajar dalam Tingkatan Enam)

melanjutkan pelajaran mereka ke salah sebuah universiti tempatan di negara ini. Kebanyakannya melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia dan lain-lainnya ke Universiti Malaya. Apa yang menghairankan hingga sekarang (1977) belum ada lepasan Maktab ini yang melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Malaysia. Ini mungkin disebabkan pihak USM belum lagi dapat menyediakan kursus yang sesuai dengan kebolehan atau pencapaian pelajar maktab ini. Hingga sekarang dianggarkan terdapat lebih kurang 20 orang bekas penuntut maktab ini di Universiti Kebangsaan Malaysia dan 50 orang di Universiti Malaya. Kebanyakan daripada mereka ini datangnya dari Kolej Islam setelah menamatkan pelajaran asas di Maktab Mahmud.

Tahun 1973 merupakan satu tahun bersejarah bagi maktab ini, ia telah bergabung dengan Tarbiah Al-Islamiah, sebuah sekolah agama untuk murid-murid perempuan yang terletak di Alor Setar, berhampiran dengan Maktab Mahmud. Tarbiah juga merupakan sekolah agama swasta yang memainkan peranan penting setanding dengan Maktab Mahmud dalam usaha memberikan pelajaran agama Islam dan Bahasa Arab kepada para pelajar. Sebenarnya kerjasama co-education ini telah berjalan sejak tahun 1971 lagi, iaitu bila 11 orang pelajar dari Tarbiah Al-Islamiah telah terpilih melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam di Maktab Mahmud. Rancangan Maktab Mahmud pada masa hadapan ialah untuk mengadakan kelas-kelas dalam aliran sains iaitu untuk Tingkatan Empat ke atas. Hingga sekarang pelajar-pelajar yang terpilih melanjutkan pelajaran ke dalam aliran sains dihantar ke Kolej Islam atau sekolah Kerajaan lain. Dengan kejayaan yang dicapai oleh Maktab ini, iaitu pada masa yang telah lepas, memberi kemungkinan yang besar kepada Maktab ini untuk mengadakan kelas-kelas dalam aliran sains.

**NOTA:**


1. Keterangan dari Encik Salleh b. Shamsuddin.
2. Peraturan Yang Am bagi sekolah Agama Al-Ma'had ul-Mahmud yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sekolah Agama pada 14.3.1956H (1937/38M).
3. Ilham, Majalah Maktab Mahmud, Bilangan 13, Tahun 1970, hlm. 11.
4. Warta Kerajaan Negeri Kedah, Bil. 5, 1967.
5. Laporan Tahunan Maktab Mahmud 1957.
6. Ilham Majalah Maktab Mahmud, Bil.
7. Ilham, Bil. 11, 1968, hlm. 16.
8. Laporan Tahunan Maktab Mahmud Tahun 1951.
9. Abdul Mutalib Raof dan Mutalib H. Hussain.
10. Abu Zaki Fadhil.
11. Nama sebenarnya ialah Shamsuddin Othman – Pelakon drama 'Jebat' yang pernah dipentaskan di Panggung Eksperimen Universiti Malaya. Beliau juga seorang penulis skrip, pengarah dan pelakon.
12. Fadhil Mohd. Noor dan Ghazali Yaakob, "Peranan Lepasan Maktab Mahmud Terhadap Perkembangan Agama Islam di Tanah Air," Ilham, Bil. 12, 1969, hlm. 58.
13. Isamuddin b. Hj. Ahmad, Kota Setar Barat, dan Abdullah Ismail ahli Exco Kedah.
14. Ilham, Bil. 12, 1969, hlm. 26.
15. Temuramah dengan Sheikh Abu Bakar b. Hj. Kassim Guru Besar Maktab Mahmud.

# Sejarah Pembinaan Jalan Keretapi Negeri Kedah

Salim Nabijan

*Dipetik dari Jebat Bil. 9 1979/80*

*'Sejarah pembinaan jalan keretapi di Kedah telah mengalami satu proses yang agak unik dan berbeza dengan negeri-negeri Melayu yang lain'*



Stesyen keretapi Alor Setar.  
(Arkib Negara Malaysia)

**K**erajaan Siam berhubung dengan projek pembinaan di atas, maka hingga ke hari ini masih tidak terdapat jalan keretapi menghubungkan Bukit Mertajam dengan Kulim.

Sebenarnya memang tidak dapat dinafikan sekiranya jalan keretapi untuk menghubungkan Bukit Mertajam dengan Kulim dibina, besar kemungkinan seluruh kawasan selatan negeri Kedah akan berkembang dengan lebih pesat dari bahagian-bahagian lain di Kedah itu sendiri dari segi urbanisasi dan kekayaan ekonomi. Buktinya bukan sahaja berdasarkan dari saranan Pengurus Besar Keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, C.E. Spooner, tetapi kita dapati daerah Kulim itu sendiri mempunyai potensi untuk mengeluarkan hasil bijih timah dan getah yang menggalakkan.

Sementara itu dalam tahun 1907 isu mengenai usaha untuk menghubungkan negeri Kedah dengan landasan keretapi telah timbul semula. Kerajaan Siam telah bercadang untuk menawarkan konsesi kepada Kompani Jerman (dengan menggunakan kewangan Jerman) bagi membina jalan keretapi dari Bangkok untuk menghubungkan dengan negeri Kedah dan seterusnya dengan jalan keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Jalan keretapi ini juga akan menggunakan landasan yang berbeza dari yang digunakan oleh keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan usaha pembinaan akan dijalankan di bawah pengawasan Jurutera-jurutera Jerman.<sup>69</sup>

Justru untuk mengelakkan daripada konsesi tersebut jatuh ke tangan Kompani Jerman, pihak Inggeris telah mengambil keputusan untuk mengadakan perundingan mengenai perkara di atas, yang kemudiannya berkeputusan dengan termeterinya Perjanjian Inggeris-Siam tahun 1909.<sup>70</sup> Dengan termeterinya Perjanjian Inggeris-Siam tahun 1909, maka Negeri-Negeri Melayu Utara iaitu Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis diserahkan oleh Kerajaan Siam kepada pihak Inggeris di Tanah Melayu.



Cadangan untuk membina jalan keretapi menghubungkan negeri Kedah dan Siam dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mendapat perhatian dari persatuan-persatuan tertentu. Hal ini adalah kerana kemajuan ekonomi dan peningkatan dalam 'volume of trade' atau perkembangan aktiviti perdagangan memerlukan sistem perkhidmatan dan pengangkutan yang baik dan efficient seperti keretapi.

*The press agitated in its favour and the Penang Chamber of Commerce vitally aware of the necessity of this extension, sent a delegation to the Governor of the Straits Settlements on this matter.<sup>71</sup>*

Sementara itu kita dapati bahawa jalan yang mendapat perhatian dari The Malay Railway and Works Construction Company iaitu dari Singgora ke Selama juga tidak dibina. Seperkara lagi yang menjadi tanda tanya dan persoalan hingga ke hari ini ialah sebab-sebab mengapa landasan keretapi dari Bukit Mertajam ke Kulim tidak dibina, terutama selepas Perjanjian Inggeris-Siam 1909 di mana Negeri-Negeri Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis di bawah naungan Inggeris, walaupun sebahagian besar dari kawasan selatan Kedah termasuk Kulim adalah merupakan kawasan yang strategik dan

kaya dari segi ekonomi.

Justru selepas termeterinya perjanjian Inggeris-Siam tahun 1909 dan Kedah diserahkan oleh Kerajaan Siam kepada pihak Inggeris, barulah Kerajaan Inggeris benar-benar berusaha untuk membina jalan keretapi untuk menghubungkan Bukit Mertajam dengan Alor Setar. Landasan tersebut sejauh 56 batu dari Bukit Mertajam di daerah Province Wellesly memanjang hingga ke Alor Setar, ibu negeri Kedah.<sup>72</sup> Pembinaan jalan ini telah dimulakan pada penghujung tahun 1912.<sup>73</sup>

Sementara itu persediaan serta penyelidikan pertama dan terakhir atas usaha untuk membina landasan keretapi dari Bukit Mertajam ke Alor Setar telahpun dijalankan pada penghujung tahun 1911 dan di awal tahun 1912. Jumlah kewangan yang digunakan untuk tujuan persediaan yang penyelidikan di atas ialah sebanyak \$38,179.88. Peruntukan keseluruhan yang ditetapkan oleh pihak Pentadbiran Keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bagi membina jalan keretapi dari Bukit Mertajam hingga ke Alor Setar adalah seperti di bawah:<sup>74</sup>

|                                |              |
|--------------------------------|--------------|
| <i>Trial Survey Railway</i>    |              |
| <i>Extension to Alor</i>       |              |
| <i>Setar</i>                   | \$ 22,063.86 |
| <i>Permanent Survey</i>        |              |
| <i>Railway Extension to</i>    |              |
| <i>Alor Setar</i>              | \$ 16,116.02 |
| <i>Kedah Railway Extension</i> |              |
| <i>Bukit Mertajam to</i>       |              |
| <i>Alor Setar</i>              | \$686,042.06 |
| <i>Total</i>                   | \$724,221.94 |

Pihak Pentadbir Keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mula menjalankan kerja-kerja penyelidikan dalam usaha untuk membina landasan keretapi Bukit Mertajam—Alor Setar dalam bulan Oktober, 1911 dan mendapat kawasan yang diperlukan untuk projek ini pada 1hb. Februari, 1912.<sup>75</sup>

Kerja-kerja pembinaan jalan keretapi

dari Bukit Mertajam ke Alor Setar telah bermula pada penghujung tahun 1912. Mengikut laporan Kedah Annual Report tahun 1912.

*The Railway Administration, which had started work upon the Bukit Mertajam — Alor Setar line in October of the preceding year, obtained complete possession of the land required for the line on the 1st February. Work had been carried out with great energy throughout the year. Construction trains are running for a distance of fifteen miles at the southern end and ten miles at the northern end. It is expected that the rails will be linked up in June, 1914, and that the entire section, which is 56 miles long, will be open for traffic in 1915.*<sup>76</sup>

Setelah selesai kerja-kerja pembinaan, maka jalan keretapi utama dari Bukit Mertajam ke Alor Setar telah dibuka dengan rasminya untuk kegunaan pengangkutan dan penumpang pada tahun 1915.<sup>77</sup> Pembukaan jalan keretapi Bukit Mertajam — Alor Setar telah mencetuskan satu perkembangan baru dalam sistem perhubungan dan pengangkutan di negeri Kedah khususnya.

Sementara itu setelah kerja-kerja pembinaan jalan keretapi Bukit Mertajam — Alor Setar hampir selesai, pihak Pentadbir Keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah meneruskan usaha-usaha penyelidikan untuk menyambungkan landasan keretapi dari Alor Setar ke negeri Perlis dan Padang Besar pada tahun 1914.<sup>78</sup> Kerja-kerja pembinaan jalan keretapi ini telah dimulakan pada tahun 1915.<sup>79</sup>

Landasan keretapi dari Alor Setar ke Bukit Ketri di negeri Perlis sepanjang 56½ batu telah dibuka untuk kegunaan pengangkutan dan penumpang pada 15hb. Oktober, 1917.<sup>80</sup> Sementara itu landasan keretapi dari Bukit Ketri ke Padang Besar telah dibuka untuk kegunaan pengangkutan

dan penumpang pada lhb. Mac, 1918.<sup>81</sup> Jumlah peruntukan untuk pembinaan jalan-jalan keretapi ini ialah sebanyak \$172,502.74. Seterusnya kita dapati landasan keretapi dari Padang Besar telah disambungkan dengan jalan keretapi Negeri Thai dan dibuka secara rasminya pada lhb. Julai 1918.<sup>82</sup>

Terdapat sebanyak dua puluh tiga buah stesyen keretapi dan perhentian kecil atau 'halts' di sepanjang jalan keretapi dari Bukit Mertajam ke Alor Setar dan seterusnya ke Padang Besar. Stesyen-stesyen dan perhentian kecil tersebut ialah:-

|                   |          |
|-------------------|----------|
| Bukit Mertajam    | —        |
| Penanti           | 4 batu   |
| Jarak             | 7 batu   |
| Kreh              | 9½ batu  |
| Pinang Tunggal    | 15 batu  |
| Sungai Petani     | 18 batu  |
| Sungai Lalang     | 23½ batu |
| Semiling          | 27¼ batu |
| Sungai Toh Pawang | 29¼ batu |
| Gurun             | 34 batu  |
| Guar Cempedak     | 36½ batu |
| Junun             | 39¼ batu |
| Kobah             | 45¼ batu |
| Tokai             | 49½ batu |
| Alor Setar        | 56½ batu |
| Anak Bukit        | 61½ batu |
| Tunjang           | 67½ batu |
| Kodiang           | 75¼ batu |
| Arau              | 80 batu  |
| Mata Air          | 82¼ batu |
| Bukit Ketri       | 86½ batu |
| Kubang Tiga Halt  | 90¼ batu |
| Padang Besar      | 98¼ batu |

Sebagai kesimpulan kita dapati bahawa latar belakang serta sejarah pembinaan jalan keretapi di negeri Kedah telah mengalami satu proses yang agak unik dan berbeza dengan latar belakang dan sejarah pembinaan jalan-jalan keretapi di negeri-negeri Melayu lainnya. Sebelum negeri Kedah masuk di bawah naungan Kerajaan Inggeris, beberapa kontroversi atau pertelingkahan telah timbul bersabit dengan

cadangan untuk membina jalan keretapi di negeri Kedah di antara Kerajaan Siam dengan pihak Inggeris di Tanah Melayu, hingga membawa kepada kegagalan cadangan untuk membina jalan keretapi dari Bukit Mertajam ke Kulim. Justru dengan termetrinya Perjanjian Inggeris-Siam tahun 1909, apabila Kerajaan Siam menyerahkan negeri Kedah kepada pihak Inggeris, barulah Kerajaan Inggeris di Tanah Melayu benar-benar mengambil inisiatif untuk membina landasan keretapi di negeri Kedah.

69. A. Wright and T. Reid, *The Malay Peninsula*, London: 1912, P. 162-163.
70. *Ibid.*, p. 163. Kedua-dua Raja England dan Raja Siam telah bersetuju untuk menyelesaikan beberapa masalah yang timbul di antara kedua-dua kuasa tersebut bersabit dengan pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu dan naungan Siam ke atas Negeri-Negeri Melayu Utara. Menurut Artikel 1, Perjanjian Inggeris-Siam telah menyerahkan segala hak, perlindungan, pentadbiran dan kawalan ke atas Negeri-Negeri Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis kepada pihak Inggeris.
71. Lihat Appendix 'C', *Railway Extension*.
72. *Federated Malay States Railway Annual Report*, 1912, p. 19.
73. *Ibid.*
74. *Ibid.*, p.18.
75. *Kedah Annual Report*, 1912, p.17.
76. *Kedah Annual Report*, 1912, p. 17.
77. *Fifty Years of Railways in Malaya, 1885-1935*, Kuala Lumpur: Kyle, Palmer and Company, Ltd., 1939, p. 42.
78. *F.M.S. Railway Annual Report*, 1919, p.13.
79. *F.M.S. Railway Annual Report*, 1918, p.11.
80. *Ibid.*, p. 11.
81. *Ibid.*, p. 11.
82. *F.M.S. Railway Annual Report*, 1919, p.15.

## BIBLIOGRAFI

1. Beberapa Aspek Sejarah Kedah/disunting oleh Prof. Khoo Kay Kim. – Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.
2. Bonney, R.  
Kedah 1771–1821/R. Bonney. – Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.
3. Cenderamata Minggu Sejarah Kedah 1975. – Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 1975.
4. Dewan Sastera. – Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1979.  
15 Mei 1979  
15 Oktober 1979  
15 Disember 1979
5. Jebat. – Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979/80.
6. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. – Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1965.  
vol. 35, pt. 4
7. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. – Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1985.  
volume LVIII, part 2
8. Kedah Dari Segi Sejarah. – Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 1967.  
Jilid 2, bilangan 1

9. Kedah Dari Segi Sejarah. — Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 1970.  
vol. 4, no. 1
10. Konvensyen Sejarah Negeri Kedah (1981: Alor Setar) [Kertaskerja-kertaskerja].  
— Alor Setar: Kerajaan Negeri Kedah Darulaman, 1981.
11. MAXWELL, George. 'Memories of the First British Adviser 1909', Malaya in history  
1957.
12. The New Straits Times Annual '84. — Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1984.
13. Tempawan bt. Ahmad  
Pekan Rabu Dari Segi Sejarah dan Perkembangan di Bandar Alor Setar/oleh  
Tempawan bt. Ahmad. — Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1978.  
Kajian Ilmiah.

# PENGHARGAAN

Kerajaan Negeri Kedah Darulaman merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penulis-penulis, penerbit-penerbit, pertubuhan-pertubuhan dan lain-lain organisasi yang telah memberi keizinan untuk diterbitkan semula artikel yang dipetik daripada majalah, buku, kertaskerja, buku cenderamata, tesis, akhbar untuk dimuatkan di dalam buku Alor Setar 250 tahun.

Tan Sri Hj. Mubin Sheppard  
Dato' Paduka Hj. Wan Ibrahim Wan Soloh  
Dato' Ahmad Nordin Hj. Mohd. Zain  
Dato' Dr. Afifuddin Hj. Omar  
Dato' Hj. Ahmad Hj. Saleh  
Prof. Madya Datin Zaharah Hj. Mahmud  
Prof. Madya Dr. Mohd. Yusof Hassan  
Tuan Hj. Wan Shamsuddin Yusuf  
Encik Ismail Hj. Saleh  
Encik Mohamed Kassim Hj. Ali  
Encik Mohd. Fadzil Hashim  
Encik Azmi Saad  
Puan Tempawan Ahmad  
Oxford University Press  
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darulaman  
Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
Malaysian Branch of Royal Asiatic Society  
Persatuan Sejarah Malaysia  
Kolej Sultan Abdul Hamid  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Berita Publishing  
Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia  
dan

sesiapa saja baik secara perseorangan mahupun secara perkumpulan yang telah memberikan bantuan dan kerjasama sama ada dalam bentuk moral ataupun material menjayakan penerbitan buku Alor Setar 250 tahun.

# Jawatankuasa Kecil Persejarahan / Buku Kenangan

## *Pengerusi*

Puan Hajah Mazidah bt. Hj. Md. Darus, BCK.  
Pengarah  
Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah Darulaman

## *Setiausaha*

Encik Zahidi bin Dato' Hj. Zainol Rashid  
Ketua Bahagian Koleksi Khas  
Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah Darulaman

## *Ahli-ahli*

Tuan Hj. Wan Shamsuddin bin Mohd. Yusoff, AMN, BCK.  
Naib Yang Di Pertua  
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan  
Kedah Darulaman

Encik Ismail bin Saleh, BKM, PPN, PJK.  
Setiausaha Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Kedah Darulaman

Encik Mohd. Sallehuddin Abd. Ghani, BCK.  
Pengarah  
Arkib Negara Malaysia  
Cawangan Kedah Darulaman/Perlis

Puan Hajah Nabihah bt. Hj. Mohamad, PCK.  
Penyelia  
Muzium Negeri Kedah Darulaman